DR 5 TAHUN 2019

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS

PENGGAL KEDUA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS

TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

KEMENTERIAN KEWANGAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION	1 - 48
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	49 - 51
3	AGENDA MESYUARAT	-
4	LAPORAN PROSIDING	-
5	INDEKS DOKUMEN PEMBENTANGAN	-

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF).

1. PENDAHULUAN

Pada 8 Ogos 2018, YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan membangkitkan isu Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

YB Menteri Kewangan menjelaskan bahawa Kerajaan terdahulu, sudah 'merompak' wang tuntutan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion yang sepatutnya dibayar kepada pembayar cukai GST dengan Kumpulan Pembayaran Balik GST ketika itu, hanya mempunyai baki berjumlah RM140 juta dan ia adalah satu perkara yang amat serius.

Isu berkenaan telah mendapat perhatian rakyat secara keseluruhannya dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk mengadakan prosiding bagi mengenal pasti isu

pengurusan dan tuntutan tunggakan bayaran balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion tersebut.

PAC Parlimen menetapkan Terma Rujukan bagi prosiding ini adalah seperti berikut:

1) Prosedur kutipan GST oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
2) Prosedur bayaran tuntutan GST oleh JKDM.
3) Komponen dan pecahan Kumpulan Wang Amanah Disatukan dan Akaun Hasil Disatukan.
4) Pecahan wang hasil dalam Kumpulan Wang Amanah Disatukan.
5) Prosedur Tabung Bayaran Balik GST.
6) Penjelasan mengenai kelewatan bayaran tuntutan GST berjumlah RM19.4 bilion.

PAC Parlimen mengadakan prosiding berhubung isu berkenaan dengan memanggil semua pihak berkepentingan dalam pengurusan Bayaran Balik GST.

Sebelum prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik GST Berjumlah RM19.4 Bilion diadakan, PAC Parlimen memanggil Ketua Audit Negara bagi memberikan taklimat berhubung GST secara umum dan Bayaran Balik GST secara khusus.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77(1)(d) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan isu yang dibangkitkan oleh YB Menteri Kewangan mengenai Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik GST berjumlah RM19.4 bilion.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

i. menjemput Ketua Audit Negara bagi memberi taklimat berhubung isu yang dibangkitkan;

ii. memanggil pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bayaran balik GST iaitu Mantan YB Menteri Kewangan, dua (2) Mantan Menteri Kewangan II, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Mantan KSP, Ketua Pengarah JKDM, YB Menteri Kewangan dan Akauntan Negara bagi memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan; dan

iii. menjemput *Ex-Officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHE), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara (JANM), Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2. Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	12 Sept 2018 / 10.00 pagi	Bil 7/2018	YBhg Dato' Sri T Subromaniam (Ketua Pengarah JKDM)
2.	13 Sept 2018 / 10.00 pagi	Bil 8/2018	YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan)
3.	25 Sept 2018 / 10.00 pagi	Bil 9/2018	YBhg Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah (Mantan Menteri Kewangan II) & YBhg Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani (Mantan Menteri Kewangan II)
4.	16 Okt 2018 / 2.30 petang	Bil 10/2018	YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir (Ketua Setiausaha Perbendaharaan)
5.	23 Okt 2018 / 11.00 pagi	Bil 13/2018	YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan)
6.	23 Okt 2018 / 2.30 petang	Bil 14/2018	YBhg Dato' Sri T Subromaniam (Ketua Pengarah JKDM)
7.	24 Okt 2018 / 11.00 pagi	Bil 11/2018	YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Mantan Menteri Kewangan)
8.	14 Nov 2018 / 2.30 petang	Bil 12/2018	YB Tuan Lim Guan Eng (Menteri Kewangan)
9.	07 Mac 2019 / 9.00 pagi	Bil 6/2019	YBhg Dato' Sri T. Subromaniam (Ketua Pengarah JKDM)
10.	14 Mei 2019 / 2.00 petang	Bil 18/2019	YBhg Datuk Saat bin Esa (Akauntan Negara Malaysia)

4. LATAR BELAKANG PEMBAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

4.1. Cukai Barang dan Perkhidmatan *(Goods and Services Tax - GST)* telah dikuatkuasakan mulai 1 April 2015 bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan *(Sales and Services Tax - SST)* selepas Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014 (Akta GST) diluluskan oleh Parlimen.

4.2. GST adalah cukai kepenggunaan yang meliputi semua sektor ekonomi iaitu semua barang dan perkhidmatan yang dibuat di Malaysia dan diimport kecuali:

- barang dan perkhidmatan tertentu yang dikategorikan di bawah pembekalan berkadar sifar;
- perintah pembekalan dikecualikan; dan
- pelepasan daripada membayar cukai sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan dan disiarkan dalam Warta Kerajaan.

4.3. GST dikenakan ke atas bekalan barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat rantaian bekalan daripada pembekal sehingga peringkat peruncit. Namun begitu elemen cukai tidak menjadi sebahagian kos produk kerana cukai input boleh ditolak oleh perniagaan di langkah seterusnya dalam rantaian bekalan. Asas utama GST adalah ciri-ciri kawalan kendiri *(self-policing)* yang membolehkan perniagaan untuk menuntut Kredit Cukai Input (ITC) secara elektronik dalam sistem perakaunan mereka.

4.4. JKDM membuat pembayaran balik GST di bawah Akta GST 2014 meliputi 11 jenis permohonan pembayaran balik mengikut peruntukan di bawah 11 seksyen di bawah Akta GST dan Peraturan seperti berikut:

- Seksyen 10 Akta GST 2014 (Perubahan Kadar Cukai);
- Seksyen 17 Akta GST 2014 (Perubahan Dalam Deskripsi Pembekalan Berkadar Sifar);
- Seksyen 18 Akta GST 2014 (Perubahan Dalam Deskripsi Pembekalan Dikecualikan;
- Seksyen 38 Akta GST 2014 (Kredit Cukai Input);
- Seksyen 47 Akta GST 2014 (Pasca Lelong);
- Seksyen 57 Akta GST 2014 (Terlebih atau Terkhilaf Bayar);
- Seksyen 58 Akta GST 2014 (Pelepasan Hutang Lapuk);
- Seksyen 61 Akta GST 2014 (Skim Bayar Balik Pelancong);
- Seksyen 61 Akta GST 2014 (Pasca Peremitan);
- Seksyen 190 Akta GST 2014 (Pembayaran Balik Khas); dan
- Peraturan 46, Peraturan-Peraturan GST 2014 (Tuntutan Luar Biasa Bagi Cukai Input).

4.5. Seksyen 38(3) Akta GST 2014 membenarkan cukai input ditolak dengan cukai output. Sekiranya cukai input melebihi cukai output semasa pengisytiharan Borang GST-03, pembayaran balik hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah JKDM.

4.6. Peraturan 67, Peraturan-Peraturan GST 2014 memperuntukkan:

(1) Jika Ketua Pengarah dikehendaki membuat suatu pembayaran balik di bawah subseksyen 38(3) Akta, dia hendaklah membuat pembayaran balik itu:

(a) Dalam tempoh empat belas hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas penyata yang berhubungan dengan pembayaran balik itu diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 Akta jika orang kena cukai itu yang merupakan seorang pengguna berdaftar mengemukakan penyata itu melalui perkhidmatan elektronik yang diperuntukkan di bawah seksyen 166 Akta; atau

(b) Dalam tempoh dua puluh lapan hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas penyata yang berhubung dengan pembayaran balik itu diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 Akta jika orang kena cukai itu mengemukakan penyata itu selain perkhidmatan elektronik.

(2) Jika amaun pembayaran balik itu ditahan di bawah subseksyen 38(4) atau 38(5) Akta, Ketua Pengarah hendaklah membuat pembayaran balik dalam tempoh sembilan puluh hari selepas:

(a) Orang kena cukai itu mengemukakan penyata; atau

(b) Ketua Pengarah menerima semua maklumat yang diminta olehnya,

dan memotong, jika ada, apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa penalti yang kena dibayar, apa-apa surcaj yang terakru atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen mengadakan 10 sesi prosiding bagi mendapatkan keterangan daripada semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Kegagalan Memasukkan Kutipan GST Ke Dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Mengikut Akta GST 2014 dan Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST yang bertarikh 13 Mac 2015, menetapkan semua kutipan GST hendaklah diakaunkan terlebih dahulu di dalam Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik GST ataupun Akaun Amanah GST. Sekiranya terdapat lebihan maka lebihan tersebut akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan.

Seksyen 54(2) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014 memperuntukkan:

"maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri."

Definisi "Kumpulan Wang itu" bermaksud Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

Seksyen 54(5) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014 memperuntukkan:

"Walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu."

Perenggan 15 Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST yang bertarikh 13 Mac 2015 memperuntukkan:

"Semua atau sebahagian wang dalam Kumpulan Wang ini boleh dikeluarkan untuk dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan, atas arahan Menteri Kewangan selaras dengan subseksyen 54(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014."

Secara rumusannya, kesemua wang hasil GST hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST terlebih dahulu [Seksyen 54(2)] dan Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk mengarahkan pemindahan semua atau sebahagian wang tersebut ke dalam Akaun Hasil Disatukan menurut peruntukan Seksyen 54(5).

Bagaimanapun, berdasarkan keterangan diberikan saksi-saksi ketika prosiding dijalankan, ketetapan ini telah tidak dipatuhi.

Sebaliknya, semua kutipan GST telah diakaunkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu dan kemudiannya dipindahkan secara berperingkat apabila diperlukan dan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

5.1.1. Prosiding Bil 9/2018 bertarikh 25 September 2018: YBhg Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Mantan Menteri Kewangan II, tempoh perkhidmatan Jun 2016 hingga April 2018]

YBhg Datuk Seri Johari memberi penjelasan bahawa semua kutipan GST akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Kemudian pada setiap bulan ataupun setiap suku tahun ataupun bila diperlukan maka sebahagian daripada wang ini akan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST untuk bayaran pulangan balik GST kepada pembayar cukai.

YBhg Datuk Seri Johari turut memaklumkan sepanjang perkhidmatannya sebagai Menteri Kewangan II selama 21 bulan, beliau tidak pernah menerima sebarang nota ataupun minit daripada Menteri Kewangan untuk beliau mengetahui perkara-perkara yang berlaku dalam soal bayaran balik GST yang tidak mengikut prosedur. Beliau juga tidak pernah menerima sebarang laporan daripada KSP ataupun Ketua Pengarah JKDM dari segi soal prosedur yang tidak dipatuhi.

5.1.2. Prosiding Bil 13/2018 bertarikh 23 Oktober 2018: YBhg Tuan Ramli bin Chik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia]

YBhg Tuan Ramli memberi penjelasan bahawa semua hasil daripada GST akan dimasukkan kepada Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu. Kemudian JKDM akan membuat jurnal pelarasan antara 30% hingga 35% daripada kutipan itu untuk dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

5.1.3. Prosiding Bil 11/2018 bertarikh 24 Oktober 2018: YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak [Mantan Menteri Kewangan, tempoh perkhidmatan 3 April 2009 hingga 10 Mei 2018]

YB Dato' Sri Mohd Najib memberi penjelasan bahawa hasil GST dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dan

35% akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

Keputusan ini dibuat atas nasihat Akauntan Negara dan perkara ini telah diminitkan.

Beliau menyatakan bahawa isu ini adalah berkenaan dengan *cash flow management*. "*Kalau ada sesuatu yang mendesak dari segi keperluan perbelanjaan kerajaan yang melibatkan kepentingan rakyat, itu barangkali digunakan dana tersebut menyelesaikan soal projek-projek yang terpaksa dibiayai ataupun perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang terpaksa dibiayai... ini soal keutamaan sahajalah dalam pengurusan kewangan kerajaan.*" Beliau juga menyatakan bahawa "*it is a cash flow problem because the demands by other services in a government that we need to be, to settle and also development expenditures.*"

YB Dato' Sri Mohd Najib juga berpendirian bahawa sekiranya GST diteruskan, maka Kerajaan akan mempunyai dana untuk pembayaran balik. "*But, when you cancelled GST and you give a tax holiday, that is when your problem started. That is the real cause of the problem.*"

5.1.4. Prosiding Bil 13/2018 bertarikh 13 September 2018: YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah [Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, tempoh perkhidmatan 24 Ogos 2012 hingga Mei 2018]

YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar menyatakan bahawa Jawatankuasa Pembayaran Balik GST akan mempertimbangkan permintaan daripada JKDM dan akan melihat situasi hasil Kerajaan. Sekiranya, hasil yang dikutip adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan, maka Kerajaan terpaksa menangguhkan sesetengah pembayaran. Beliau menyatakan, "*Apa yang saya nyatakan ialah kepentingan. The most important thing is operating expenditure, kena memenuhi operating expenditure. Then, kalau ada lebih baru kita akan putuskan bayaran baliklah sama ada GST kah, LHDN dan sebagainya".*

5.1.5. Prosiding Bil 12/2018 bertarikh 14 November 2018: YB Tuan Lim Guan Eng [Menteri Kewangan]

YB Tuan Lim Guan Eng memaklumkan bahawa semua kutipan GST telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu.

5.2. Penggunaan Kuasa Menteri Kewangan di bawah Seksyen 54(5) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014

PAC Parlimen mendapati Seksyen 54(5) Akta GST 2014 digunakan dalam pengurusan Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

Seksyen 54(5) jelas menyatakan berkenaan hanya Menteri Kewangan sahaja yang mempunyai kuasa untuk memberi kuasa

pembayaran ke Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST:

"walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu."

PAC Parlimen tidak diberikan apa-apa dokumen atau bukti bertulis berkenaan dengan pelaksanaan kuasa tersebut. Walau bagaimanapun, YB Dato' Sri Mohd Najib dan YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bersetuju dan menganggap bahawa Menteri Kewangan iaitu YB Dato' Sri Mohd Najib telah melaksanakan kuasanya di bawah Seksyen 54(5).

5.2.1. Prosiding Bil 11/2018 bertarikh 24 Oktober 2018: YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

YB Dato' Sri Mohd Najib memberi keterangan bahawa kuasa di bawah Seksyen 54(5) ada dilaksanakan berdasarkan cadangan dan nasihat daripada Akauntan Negara supaya semua hasil GST dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.

Namun begitu, **Encik Ezleezan bin Osman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)**

MOF] dalam prosiding yang sama memaklumkan tiada sebarang rekod berhubung dengan penurunan kuasa tersebut.

5.2.2. Prosiding Bil 13/2018 bertarikh 23 Oktober 2018: YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar menyatakan bahawa Menteri Kewangan iaitu YB Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak telah memberikan kuasa di bawah Seksyen 54(5) supaya kesemua wang dimasukkan dalam Akaun Hasil Disatukan, walaupun tidak ada minit secara bertulis atau direkodkan dalam mana-mana mesyuarat.

5.2.3. Prosiding Bil 10/2018 bertarikh 16 Oktober 2018: YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

YBhg Datuk Ahmad Badri memberi penjelasan bahawa beliau tidak pasti sama ada terdapat minit atau surat penurunan kuasa dari Menteri Kewangan mengenai perkara ini. Namun begitu beliau berjanji akan berusaha mendapatkan sebarang dokumen mengenai arahan berkenaan.

Bagaimanapun, Sekretariat PAC Parlimen tidak menerima sebarang dokumen daripada MOF berhubung perkara berkenaan.

5.3. Penetapan Pindahan Kadar 35% daripada Kutipan Hasil GST ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST

Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik GST Bil 2/2015 pada 27 Mei 2015 telah memutuskan supaya pindahan hasil dibuat pada kadar 35% daripada jumlah terimaan yang telah diakaunkan dan sekiranya tidak mencukupi pindahan tambahan boleh dibuat berdasarkan keperluan semasa.

Penetapan pindahan kadar 35% ini adalah berdasarkan kepada Kertas Kerja Panel Kajian Semula Cukai yang disediakan oleh MOF.

Mesyuarat tersebut juga membuat pertimbangan bahawa pindahan hasil ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST perlu berdasarkan kedudukan semasa kewangan serta kawalan defisit fiskal negara dan pengurusan aliran tunai.

5.3.1. Prosiding Bil 7/2018 bertarikh 12 September 2018: YBhg Dato' Sri T Subromaniam [Ketua Pengarah JKDM]

YBhg Dato' Sri Subromaniam memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik GST telah menetapkan satu amaun iaitu sebanyak 35% sebagai had untuk bayaran balik daripada jumlah kutipan yang dibuat bagi mana-mana tempoh.

Penetapan kadar 35% adalah berdasarkan kepada kajian dalaman oleh Panel Kajian Semula Cukai (*Tax Review Panel*) dan penelitian terhadap Laporan KPMG *Global Indirect Tax Services – VAT/GST Refunds Survey 2014* yang dibuat sebelum GST dilaksanakan.

Selain itu, **Dato' Ahmad Maher Bin Abd Jalil [Pengarah Operasi Cukai Dalam Negeri Zon Tengah, JKDM]** dalam prosiding yang sama juga memaklumkan sekiranya nilai pindahan pada kadar 35% tidak mencukupi bagi tujuan bayaran balik GST maka JKDM boleh membuat permohonan pindahan tambahan dari masa ke semasa.

5.4. Tempoh Masa Memproses Pembayaran Balik GST

Berdasarkan kepada Peraturan 67(1), Peraturan-peraturan GST 2014, tempoh masa bagi pembayaran balik GST adalah 14 hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas Penyata GST-03 diterima secara elektronik.

Merujuk kepada *Laporan KPMG Global Indirect Tax Services – VAT/GST Refunds Survey 2014* yang dibuat di 65 negara, mendapati kebanyakan negara membuat pembayaran balik cukai dalam masa melebihi 56 hari dari tarikh penyata diterima. Justeru, KPMG berpandangan tempoh masa 56 hari adalah suatu tempoh yang wajar bagi membolehkan semakan rutin dibuat ke atas tuntutan.

Walau bagaimanapun, tempoh masa 14 hari bekerja yang termaktub dalam Peraturan 67(1), Peraturan-peraturan GST 2014 tidak dipatuhi. Akta GST atau mana-mana peraturan daripadanya juga tidak memberikan kuasa kepada mana-mana pihak untuk melanjutkan tempoh yang diperuntukkan di bawah perundangan atas apa jua alasan, termasuk alasan pengauditan.

5.4.1. Prosiding Bil 7/2018 bertarikh 12 September 2018: YBhg Dato' Sri T Subromaniam

YBhg Dato' Sri T Subromaniam menerangkan bahawa Peraturan 67, Peraturan-peraturan GST menyatakan tempoh masa bagi pembayaran balik GST adalah 14 hari bekerja ataupun mana-mana tempoh yang praktikal.

Beliau menyatakan kadangkala pihak JKDM tidak dapat memenuhi kehendak peraturan tersebut iaitu membuat pembayaran dalam tempoh 14 hari bekerja kerana mempunyai empat (4) peringkat semakan dan kelulusan; melaksanakan *Desk Review*, siasatan lanjut atau pengauditan terhadap tuntutan; dan pindaan terhadap penyata.

Katanya, namun demikian kebanyakan tuntutan yang dibuat adalah sahih tetapi ianya memerlukan verifikasi. Kebiasaannya dalam mesyuarat bulanan Kumpulan Wang Bayaran Balik, JKDM akan memohon apa yang telah diluluskan dan sedia untuk dibayar balik.

Selain itu menurut Laporan *KPMG Global Indirect Tax Services – VAT/GST Refunds Survey 2014* yang dibuat terhadap 65 buah negara, purata masa yang diambil oleh kebanyakan negara bagi tujuan bayaran balik cukai adalah lebih kurang 56 hari.

Beliau juga turut menyatakan bahawa tempoh 14 hari memang tidak mungkin dapat dilaksanakan sebab proses itu sendiri mengambil lebih daripada 14 hari bekerja kecuali bagi bayaran balik yang tidak dianggap sebagai mempunyai risiko tinggi, tidak tertakluk kepada peraturan risiko tinggi dan peraturan risiko biasa akan melepasi jaringan.

5.5. Kemampuan Kerajaan Untuk Membayar Tuntutan RM19.4 Bilion Kepada Pembayar Cukai

PAC Parlimen dimaklumkan oleh JKDM bahawa baki terkini Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST sehingga 31 Mei 2018 adalah berjumlah RM152 juta. Adalah didapati jumlah berkenaan tidak mencukupi bagi tujuan pembayaran balik tuntutan tunggakan GST sebanyak RM19.4 bilion kepada pembayar cukai.

5.5.1. Prosiding Bil 7/2018 bertarikh 12 September 2018: YBhg Dato' Sri T Subromaniam

YBhg Dato' Sri T Subromaniam memberi keterangan bahawa dana dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik

GST adalah tidak mencukupi dan JKDM tidak dapat membuat bayaran sepenuhnya.

5.5.2. Prosiding Bil 13/2018 bertarikh 23 Oktober 2018: YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar memberi keterangan bahawa Kerajaan mampu untuk membayar tuntutan berkenaan dengan syarat Kerajaan menerima hasil lain untuk menampung Perbelanjaan Mengurus Kerajaan.

5.5.3. Prosiding Bil 11/2018 bertarikh 24 Oktober 2018: YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

YB Dato' Sri Mohd Najib berpendirian bahawa sekiranya GST diteruskan, maka Kerajaan akan mempunyai dana untuk pembayaran balik. "*But, when you cancelled GST and you give a tax holiday, that is when your problem started. That is the real cause of the problem.*"

5.5.4. Prosiding Bil 12/2018 bertarikh 14 November 2018: YB Tuan Lim Guan Eng

YB Tuan Lim Guan Eng memberi keterangan bahawa wang sejumlah RM19.4 bilion itu tiada dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Justeru itu bagi tujuan pembayaran balik tunggakan tuntutan GST tersebut, Kerajaan perlu mendapatkan sumber dana baharu. Oleh sebab itu dalam

ucapan Belanjawan 2019, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan membuat pembayaran balik cukai GST dalam tahun 2019 dengan menggunakan dividen khas daripada Petronas berjumlah RM30 bilion.

YB Menteri Kewangan turut menjelaskan Akauntan Negara mengesahkan pada 31 Disember 2017, Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM11.86 bilion turun kepada RM5.73 bilion pada 31 Januari, turun lagi kepada RM5.34 bilion pada 28 Februari dan RM3.91 bilion pada 31 Mac dan 30 April tahun 2018 menjelang pilihan raya tinggal RM450 juta sahaja.

5.5.5 Prosiding Bil 10/2018 bertarikh 16 Oktober 2018: YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir

YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir menjelaskan bahawa Kerajaan mempunyai kemampuan untuk membayar balik tuntutan bayaran balik GST pada bila-bila masa tetapi perlu menjaga kepentingan aliran tunai dan defisit semasa.

5.6. Pengurusan Aliran Tunai Negara

PAC Parlimen dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan pada ketika itu, mengambil kira kedudukan aliran wang tunai negara dalam mempertimbangkan jumlah bayaran balik GST yang akan

dipindahkan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

5.6.1. Prosiding Bil 7/2018 bertarikh 13 September 2018: YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar memberi penjelasan bahawa negara tidak boleh mengalami defisit pengurusan di mana perbelanjaan mengurus melebihi hasil.

Beliau juga menerangkan bahawa Kementerian Kewangan perlu memberi keutamaan kepada Perbelanjaan Mengurus dan jika ada lebihan barulah diputuskan untuk membayar tuntutan Pembayaran Balik GST walaupun tuntutan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah lengkap dan mematuhi semua prosedur.

5.6.2. Prosiding Bil 10/2018 bertarikh 16 Oktober 2018: YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir

YBhg Datuk Ahmad Badri memaklumkan Kementerian Kewangan tidak membayar semua tuntutan bayaran balik GST kerana ia akan menjejaskan defisit dan juga rating negara. Beliau juga bersetuju bahawa wang RM19.4 bilion tersebut telah digunakan untuk pelbagai dasar Kerajaan terdahulu.

5.6.3. Prosiding Bil 11/2018 bertarikh 24 Oktober 2018: YB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

YB Dato' Sri Najib bersetuju dengan cadangan bahawa keputusan Jawatankuasa Pembayaran Balik GST sama ada hendak memindahkan wang ke dalam Akaun Pembayaran Balik GST akan mengambil kira pengurusan aliran tunai negara.

5.7. Permohonan Bagi Pembayaran Tuntutan GST Sejumlah RM19.4 Bilion Dari Akaun Hasil Disatukan Untuk Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST

Semakan terhadap maklumat yang dikemukakan oleh JKDM melalui MOF kepada PAC Parlimen melalui surat Bil 0.3865/356(SJ.50) Jld.3(7) bertarikh 22 Oktober 2018 mendapati jumlah RM19.4 bilion itu merupakan tuntutan terkumpul bagi tempoh mulai 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018.

Butiran terperinci mengenai permohonan dan kelulusan pindahan adalah seperti di Jadual berikut:

MAKLUMAT PROSES TUNTUTAN DARI KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PINDAHAN KE KUMPULAN WANG BAGI PEMBAYARAN BALIK GST BAGI 1 APRIL 2015 HINGGA 31 MEI 2018

TAHUN	BIL	TARIKH MESYUARAT	NILAI PERMOHONAN TUNTUTAN OLEH	PROSES PINDAHAN	
				DIMOHON	DIPINDAH
2015	1	29.04.2015	500.00	300,000,000.00	0.00
	2	27.05.2015	272,427,686.17	0.00	300,000,000.00
	3	25.06.2015	1,330,832,859.42	2,260,547,570.84	2,260,540,000.00
	4	28.07.2015	1,793,445,963.72	716,595,880.53	716,595,800.00
	5	01.09.2015	3,634,073,895.94	1,885,017,489.95	1,885,017,000.00
	6	17.09.2015	2,928,610,012.03	1,364,800,000.00	1,364,800,000.00
	7	27.10.2015	3,129,365,906.51	1,297,000,000.00	1,297,000,000.00
	8	25.11.2015	3,735,798,883.89	2,145,047,200.00	2,145,900,000.00
	9	17.12.2015	4,585,767,655.30	0.00	0.00
JUMLAH TAHUN 2015				**9,969,008,141.32**	**9,969,852,800.00**
2016	1	07.01.2016	5,322,872,706.32	1,631,047,200.00	1,631,047,200.00
	2	16.02.2016	5,811,131,760.26	2,753,100,000.00	2,753,100,000.00
	3	29.03.2016	5,401,804,802.23	1,230,000,000.00	1,230,000,000.00
	4	25.04.2016	5,392,806,393.56	2,450,000,000.00	2,450,000,000.00
	5	25.05.2016	5,594,031,477.39	3,200,000,000.00	3,200,000,000.00
	6	01.07.2016	5,455,663,073.48	1,800,000,000.00	1,800,000,000.00
	7	04.08.2016	6,594,297,043.70	2,200,000,000.00	2,200,000,000.00
	8	26.09.2016	6,317,763,290.75	1,000,000,000.00	1,000,000,000.00
	9	27.10.2016	7,491,910,291.55	2,100,000,000.00	2,100,000,000.00
	10	10.12.2016	8,867,591,215.16	2,400,000,000.00	1,800,000,000.00
JUMLAH TAHUN 2016				**20,764,147,200.00**	**20,164,147,200.00**
2017	1	23.01.2017	9,847,206,251.03	2,000,000,000.00	2,000,000,000.00
	2	22.02.2017	10,625,258,876.28	3,500,000,000.00	2,500,000,000.00
	3	24.03.2017	9,856,730,133.66	4,000,000,000.00	2,700,000,000.00
	4	27.04.2017	10,493,862,748.35	2,500,000,000.00	2,000,000,000.00
	5	22.05.2017	11,992,624,556.39	3,300,000,000.00	2,000,000,000.00
	6	22.06.2017	10,281,565,935.62	3,200,000,000.00	1,900,000,000.00
	7	26.07.2017	10,451,948,474.20	3,500,000,000.00	2,500,000,000.00
	8	21.08.2017	10,638,201,248.56	2,700,000,000.00	1,600,000,000.00
	9	02.10.2017	11,486,303,364.71	3,200,000,000.00	1,800,000,000.00
	10	06.11.2017	14,027,012,873.66	5,000,000,000.00	2,300,000,000.00
	11	05.12.2017	14,901,921,641.86	5,100,000,000.00	4,000,000,000.00
JUMLAH TAHUN 2017				**38,000,000,000.00**	**25,300,000,000.00**
2018	1	14.02.2018	16,943,645,224.94	5,000,000,000.00	2,300,000,000.00
	2	26.03.2018	16,268,893,960.47	8,285,653,000.00	3,500,000,000.00
	3	06.06.2018	19,471,642,296.66	-	-
	4	12.07.2018	20,250,661,602.82	900,000,000.00	
		12.09.2018 (prosiding PAC)	24,130,271,458.07		
	5	21.09.2018	23,778,878,598.30		
JUMLAH TAHUN 2018				**14,185,653,000.00**	**5,800,000,000.00**
JUMLAH				**82,918,808,341.32**	**61,234,000,000.00**
+ Pelarasan Pindahan Tahun 2016 (24 Mei 2016)					2,000,000,000.00
+ Pelarasan Failed Direct Deposit					374,017,935.89
JUMLAH KESELURUHAN				**82,918,808,341.32**	**63,608,017,935.89**

Nota: Kelulusan permohonan pindahan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1)Keputusan yang diberikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP yang diadakan serentak dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai.

2)Pindahan hasil dibuat berdasarkan 35% daripada jumlah terimaan sebenar GST.

3)Pindahan hasil tambahan akan dibuat mengikut keperluan semasa.

4)Keputusan dasar Kementerian Kewangan bagi mengimbangi defisit negara.

Sumber : JKDM

Maklumat yang tertera seperti di atas masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara pada ketika itu.

Maklumat yang dikemukakan oleh JKDM ini merupakan maklumat terperinci bagi menjelaskan siaran media JKDM yang dikeluarkan pada 10 Ogos 2018.

Ketetapan untuk memasukkan semua kutipan GST ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST tidak dipatuhi kerana semua kutipan GST telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Walau bagaimanapun, pindahan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST dibuat secara berperingkat apabila diperlukan.

Permohonan untuk menuntut dan memindahkan wang tersebut dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST yang diadakan secara serentak dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Kedua-dua mesyuarat ini dipengerusikan oleh KSP.

5.7.1. Prosiding Bil 7/2018 bertarikh 13 September 2018: Encik Ezleezan bin Osman

Encik Ezleezan bin Osman memaklumkan bahawa JKDM tidak pernah membuat permohonan bagi jumlah sebanyak RM19.4 bilion dalam satu permohonan kepada Kementerian Kewangan.

5.7.2. Prosiding Bil 14/2018 bertarikh 23 Oktober 2018: YBhg Dato' Sri T Subromaniam

YBhg Dato' Sri T Subromaniam bersetuju bahawa JKDM tidak mengambil pertimbangan berkenaan dengan kedudukan aliran tunai yang ada di dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan dan ini telah menyebabkan permohonan JKDM tidak diluluskan sepenuhnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa proses tuntutan ini merupakan prosedur dalaman bagi memantau jumlah yang dipohon dan jumlah yang diluluskan untuk pindahan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Beliau ada memaklumkan bahawa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST mengalami kekurangan sebanyak RM19.4 bilion untuk membuat bayaran balik kepada pembayar cukai.

Beliau juga menyatakan bahawa, "*So overall, 93 percent will get through RMS iaitu pengurusan risiko. Tidak ada masalah, RM18 bilion lah. Baki tujuh peratus, RM1.4 billion will be red flag. Bila red flag, tidak bermaksud ia not a good claim ya. Dalam sistem, pegawai kena semak balik. Bila verification officers semak, kita dapati, 6.7 percent of the seven percent is still good, go back for processing by the refund officer. So, yang menjadi masalah ialah hanya 0.3 percent. Itu pun I would not say masalahlah, daripada segi dokumentasi tidak lengkap dan officer call them up, dia tidak*

jawab. So, ada isu-isu seperti itu yang mana akan ambil masa sebelum kita selesaikan masalah itu. Jadi berpandukan kepada ini, 99.7 percent of RM19.4 billion, is good to pay. Oleh sebab itulah saya telah keluarkan kenyataan dan juga saya telah memberitahu Yang Berhormat Menteri Kewangan, these are good claims".

5.8. Status Tuntutan GST Belum Bayar

PAC Parlimen juga telah dimaklumkan tentang status sehingga 31 Mei 2018 mengenai tuntutan GST belum bayar oleh YBhg Dato' Sri T Subromaniam ketika prosiding Bil 7/2018 bertarikh 12 September 2018. Pecahan status berkenaan adalah seperti dalam carta berikut.



5.8.1. Berdasarkan keterangan daripada pihak JKDM, pecahan 1 yang berjumlah RM1.5 bilion memang jelas telah diluluskan dan perlu dibayar kepada syarikat. Manakala pecahan 2 berjumlah RM9.6 bilion masih memerlukan semakan tetapi Ketua Pengarah JKDM mengesahkan bahawa RM9.6 bilion ini kebanyakannya (lebih kurang 90% atau 95%) adalah tuntutan yang sahih.

5.8.2. Sementara itu bagi pecahan 3 yang berjumlah RM3.9 bilion hanya tertakluk kepada semakan biasa dan bukannya siasatan atau pengauditan. Tuntutan ini sebahagian besar melibatkan syarikat yang terlibat dengan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) yang telah diberi pelepasan oleh Menteri Kewangan daripada pembayaran GST. Syarikat terlibat masih belum membuat pembekalan bercukai dan pembayaran balik GST ditangguhkan dan akan dibuat secara berperingkat setelah proses pengauditan oleh JKDM selesai dijalankan dan tertakluk kepada kedudukan semasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Mengikut Ketua Pengarah JKDM, sehingga tarikh Prosiding (12 September 2018) pecahan 3 telah selesai disemak dan perlu dibayar.

5.8.3. Dato' Ahmad Maher bin Abdul Jalil, Pengarah Operasi Cukai Dalam Negeri Zon Tengah, JKDM menjelaskan bahawa item pecahan 4 berjumlah RM0.9 bilion sudah selesai dan perlu dibayar apabila MOF telah memberikan pelepasan di bawah seksyen 56(3) Akta GST

2014 kepada Mass Rapid Transit Corporation Bhd dan Prasarana Malaysia Berhad.

5.8.4. Bagi item pecahan 5, Ketua Pengarah JKDM memaklumkan walaupun ianya memerlukan siasatan tapi bukan bermaksud tuntutan itu tidak berasas. Pembayaran perlu dibuat sekiranya siasatan mendapati ia satu tuntutan yang sahih. Beliau juga menegaskan kebanyakan tuntutan adalah tuntutan yang sahih.

5.8.5 Ketua Pengarah JKDM juga menyatakan bahawa berkenaan dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh syarikat. JKDM tidak boleh menyatakan tuntutan tersebut tidak layak selain JKDM ada alasan yang kukuh.

5.8.6. Ketua Pengarah JKDM juga bersetuju dengan ketepatan amaun RM19.4 bilion sebagai kekurangan dana dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST seperti yang dibangkitkan oleh YB Menteri Kewangan.

5.8.7. Ketua Pengarah JKDM telah dipanggil semula untuk kali ketiga ke Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen pada 7 Mac 2019 dan beliau memberikan penjelasan seperti berikut:

"*Risk Management System atau Sistem Pengurusan Risiko. Where the rules are very, very tight. I have given, even though it is confidential tetapi when comes to PAC, nothing*

is confidential, I have given. Okay, if you look at those risk rules, if it has gone through the risk rules, that means unlikely you have any other issues, unless you go for field audit. Field audit perkara lain sebab banyak benda kita akan lihat. Akan tetapi kalau bagi tujuan 14 hari hendak bayar balik, that is how we should do it, that is how we have been doing it in the past. Akan tetapi pada masa yang sama, saya mengakui ada sedikit kelemahan daripada segi eight steps itulah yang mana I will talk about it.

So overall, 93 percent will get through RMS iaitu pengurusan risiko. Tidak ada masalah, RM18 bilion lah. Baki tujuh peratus, RM1.4 billion will be red flag. Bila red flag, tidak bermaksud ia not a good claim ya. Dalam sistem, pegawai kena semak balik. Bila verification officers semak, kita dapati, 6.7 percent of the seven percent is still good, go back for processing by the refund officer. So, yang menjadi masalah ialah hanya 0.3 percent. Itu pun I would not say masalahlah, daripada segi dokumentasi tidak lengkap dan officer call them up, dia tidak jawab.

So, ada isu-isu seperti itu yang mana akan ambil masa sebelum kita selesaikan masalah itu. Jadi berpandukan kepada ini, 99.7 percent of RM19.4 billion, is good to pay. Oleh sebab itulah saya telah keluarkan kenyataan dan juga saya telah memberitahu Yang Berhormat Menteri Kewangan, these are good claims."

6. PANDANGAN PEGUAM NEGARA

Bagi melengkapkan siasatan terhadap prosiding ini, PAC Parlimen memohon pandangan Peguam Negara mengenai isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pengurusan kutipan GST serta bayaran balik GST kepada pendaftar GST yang layak. Dalam surat bertarikh 9 Oktober 2018, Peguam Negara berpandangan seperti berikut:

6.1. Amalan Kerajaan yang memasukkan hasil GST terus ke dalam Akaun Hasil Disatukan adalah melanggar prinsip asas undang-undang amanah *(fundamental trust law principles)* dan keperluan perakaunan amanah *(trust accounting requirement)*.

6.2. Amalan Kerajaan memasukkan hasil GST terus ke dalam Akaun Hasil Disatukan adalah bercanggah dengan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Seksyen 54 Akta GST 2014.

6.3. Amalan Kerajaan memasukkan hasil GST terus ke dalam Akaun Hasil Disatukan merupakan satu pengabaian kepada tujuan Seksyen 54 Akta GST 2014 yang merupakan jaminan bahawa pembayar cukai akan mendapat bayaran balik cukai sekiranya mereka layak.

6.4. Pendapat Kementerian Kewangan dan JKDM yang menyatakan memasukkan hasil GST terus ke Akaun Hasil Disatukan adalah selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan. Peguam Negara sebaliknya, menyatakan amalan tersebut menyalahi undang-undang.

6.5. Peguam Negara menyatakan walaupun liabiliti jenayah berkenaan dengan pecah amanah tidak diperbincangkan, namun isu ini terbuka kepada suatu penyiasatan jenayah daripada pihak polis.

7. PENGESAHAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP KESAHIHAN TUNGGAKAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK GST BERJUMLAH RM19.4 BILION

Latar Belakang

7.1 Pada 8 Ogos 2018 di Dewan Rakyat, YB Menteri Kewangan telah membuat kenyataan bahawa tunggakan tuntutan bayaran balik GST yang masih belum dibayar sejak tahun 2015 adalah berjumlah RM19.4 bilion, manakala baki pada 31 Disember 2017 yang ada dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST hanya RM1.0 bilion sahaja.

7.2 Susulan itu pada 10 Ogos 2018, Ketua Pengarah JKDM mengeluarkan satu siaran media menyatakan bahawa daripada keperluan pembayaran balik GST sebanyak RM82.9 bilion yang telah dilaporkan, hanya RM63.5 bilion pembayaran balik GST telah dibuat melalui Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018. Oleh itu, pada 31 Mei 2018, Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST mengalami kekurangan peruntukan untuk membayar tunggakan pulang balik GST sebanyak RM19.47 bilion.

7.3 PAC Parlimen pada 15 Ogos 2018 dalam mesyuaratnya membuat ketetapan bahawa satu prosiding dijalankan bagi menyiasat Tunggakan Tuntutan Bayaran Balik GST berjumlah RM19.4 bilion dan memohon agar Ketua Audit Negara ketika itu, untuk memberikan satu taklimat kepada PAC Parlimen mengenai isu berkenaan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh berkenaan. YB Menteri Kewangan menyebut angka RM19.4 bilion tetapi angka sebenar daripada JKDM adalah RM19.47 bilion. Bagi tujuan verifikasi Audit, angka RM19.47 bilion digunakan.

7.4 Pada 30 Ogos 2018, Ketua Audit Negara telah memberikan taklimat kepada PAC Parlimen berhubung Pengurusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) JKDM bagi memberikan penerangan dan penjelasan berkaitan perkara berikut:

i) Punca kuasa kutipan hasil GST;
ii) Pengauditan yang dijalankan oleh JAN berkaitan dengan pengurusan GST;
iii) Prosedur pembayaran balik GST oleh JKDM;
iv) Prestasi kutipan GST, kedudukan kewangan Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST dan Akaun Hasil Disatukan serta kedudukan tunggakan pembayaran balik GST.

7.5 Dalam taklimat tersebut, Ketua Audit Negara merujuk kepada sumber daripada JKDM mengenai Tunggakan Bayaran Balik GST sehingga 31 Mei 2018 yang berjumlah RM19.47 bilion dengan pecahan kategori seperti dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1
TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 5 JUN 2018

STATUS	JUMLAH (RM Bilion)
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45
Dalam Semakan	9.65
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90
Isu Pelepasan	0.95
Siasatan	3.52
JUMLAH	**19.47**

Sumber: JKDM

Pihak JAN menjelaskan bahawa pada 31 Mei 2018, baki Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST adalah berjumlah RM0.15 bilion sebagaimana dilaporkan dalam Taklimat 2/2018 pada 30 Ogos 2018.

7.6 Seterusnya, pada 3 Disember 2018, tunggakan tuntutan pulang balik telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2017. Hasil verifikasi Audit yang dibuat terhadap data pulang balik GST dan data yang dikeluarkan oleh JKDM setakat 5 Jun 2018 mendapati wujud perbezaan (*variance*) berjumlah RM0.08 bilion terhadap jumlah tunggakan pulang balik yang dilaporkan oleh JKDM dengan hasil analisis Audit.

7.7 LKAN Siri 2 Tahun 2017 (muka surat 26 perenggan 2.6.2.5.e.) melaporkan daripada jumlah RM19.47 bilion yang dilaporkan oleh JKDM, sejumlah RM1.41 bilion adalah tuntutan yang telah disahkan oleh pegawai JKDM tetapi masih belum dibayar. Sejumlah RM9.79 bilion adalah tuntutan pulang balik yang masih dalam pengesahan oleh pegawai JKDM. Sejumlah RM0.93 bilion adalah Orang Kena Cukai (OKC) yang telah diberi pelepasan

oleh Kementerian Kewangan daripada membayar cukai tetapi dibenarkan untuk menuntut pulang balik. Sejumlah RM3.90 bilion adalah tuntutan pulang balik yang tiada pembekalan bercukai dan sejumlah RM3.52 bilion yang masih dalam siasatan dan pengauditan oleh pegawai JKDM kerana tuntutan pulang balik oleh OKC tersebut telah disekat oleh JKDM dan amaun tuntutan tersebut tiada di dalam Modul Pulang Balik sistem MyGST.

7.8 Pihak JAN telah memberikan taklimat kepada PAC pada tarikh-tarikh berikut:

a) 15 Oktober 2018

Pihak JAN dapat memadankan data mentah sistem MyGST dengan laporan janaan sistem MyGST tetapi tidak dapat menghasilkan jumlah rekod yang sama disebabkan perubahan data berlaku dalam setiap aktiviti MyGST.

b) 8 Januari 2019

Semakan JAN mendapati sejumlah RM63.53 bilion (76.6%) pindahan hasil telah dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada permohonan berjumlah RM82.92 bilion bagi tempoh Mei 2015 hingga Jun 2018.

Merujuk kepada sumber JKDM mulai tahun 2017, jumlah pindahan yang diluluskan adalah sebanyak

64% sahaja daripada jumlah permohonan menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran pulang balik GST berjumlah RM19.38 bilion setakat Jun 2018. Butiran adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2
PRESTASI PINDAHAN TERIMAAN GST
DARI MEI 2015 HINGGA JUN 2018

Tahun	Peruntukan (RM Bilion) (a)	Terimaan GST (RM Bilion) (b)	Permohonan (RM Bilion) (c)	Pindahan (RM Bilion) (d)	Perbezaan (RM Bilion) (e) = (d)-(c)
2015	0.08	29.09	10.57	10.57	0.00
2016	-	59.19	18.16	18.06	(0.10)
2017	-	60.88	35.90	23.10	(12.80)
2018*	-	28.88	18.29	11.80	(6.49)
JUMLAH	**0.08**	**178.04**	**82.92**	**63.53**	**(19.39)**

Sumber: JKDM

7.9 Ketika mesyuarat penyediaan Laporan PAC pada 8 Januari 2019, PAC Parlimen memutuskan bahawa Jawatankuasa ini, tidak boleh membuat rumusan serta memberikan syor mengenai Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sehingga mendapat pengesahan daripada Ketua Audit Negara tentang ketepatan tuntutan tunggakan GST berjumlah RM19.4 bilion. Berikutan itu, PAC memohon kepada JAN untuk melaksanakan verifikasi terhadap jumlah RM19.47 bilion seperti yang dinyatakan JKDM bagi menentukan sama ada semua tuntutan itu benar-benar tuntutan yang sahih.

7.10 Seterusnya, JAN telah memberikan taklimat kepada PAC Parlimen pada 21 Februari 2019, 8 April 2019 dan laporan serta rumusan akhir dibentangkan pada 16 April 2019. Antara rumusan yang diberikan oleh JAN adalah seperti berikut:

7.10.1 Verifikasi Data Terhadap Tunggakan Bayaran Balik GST Berjumlah RM19.47 Bilion

(a) Data bagi transaksi berjumlah RM19.47 bilion telah diverifikasi 100% dan didapati data berkenaan adalah konsisten, lengkap dan medan-medan yang ditetapkan dengan status 'mandatori' telah diisi dengan teratur; dan

(b) Data dalam sistem MyGST adalah bersifat *real time* dan sentiasa berubah mengikut aktiviti GST *(data dynamic)*. Walaupun *cut off date* terhadap jumlah RM19.47 bilion adalah sehingga 5 Jun 2018, jumlah *variance* masih wujud disebabkan aktiviti yang berlaku dalam sistem MyGST.

7.10.2 Pengesahan Audit Terhadap Jumlah Tunggakan Bayaran Balik RM12.4 Bilion Yang Telah Diluluskan Untuk Dibayar

(a) Tunggakan RM19.47 bilion telah melalui Modul *Risk Management System* (RMS) untuk menapis penyata, tuntutan bayaran balik dan akaun OKC berdasarkan *risk rules* yang ditetapkan, seterusnya melalui sembilan (9) peringkat pemprosesan pulang balik. Analisis JAN menunjukkan tiada *Standard Operating Procedure* (SOP)

yang disediakan oleh JKDM untuk menyatakan bahawa setiap tuntutan yang melalui RMS dianggap tuntutan yang sah dan layak untuk dibayar. Semakan JAN mendapati sejumlah RM12.4 bilion yang dilaporkan oleh JKDM dalam mesyuarat PAC Parlimen pada 7 Mac 2019 telah melalui proses penilaian risiko (RMS).

(b) Seterusnya, semakan JAN mendapati sehingga 7 Mac 2019, sejumlah RM6.03 bilion tuntutan 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Sejumlah RM0.74 bilion lagi berada di peringkat *Refund Officer* dan memerlukan semakan lanjut. Manakala sejumlah RM5.63 bilion telah dibayar sehingga 7 Mac 2019. Butiran adalah seperti di Jadual 3 di bawah:

JADUAL 3
STATUS TUNGGAKAN PULANG BALIK SELEPAS VERIFIKASI SEHINGGA 7 MAC 2019

STATUS	VERIFIKASI AUDIT		AMAUN KESELURUHAN (RM)
	PERINGKAT JKDM (REFUND OFFICER) (RM)	SEMAKAN KE AKAUNTAN 1 DAN 2 (BOLEH BAYAR) (RM)	
Telah Dibayar	-	-	5.63
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	-	6.03	6.03
Dalam Semakan	0.55	-	0.55
Tiada Pembekalan Bercukai	0.02	-	0.02
Isu Pelepasan	0.03	-	0.03
Siasatan	0.14	-	0.14
JUMLAH			**12.40**

Sumber: JKDM

7.10.3 Pengesahan Terhadap Tunggakan Bayaran Balik Berjumlah RM19.47 Bilion

(a) Pihak JAN mendapati tunggakan bayaran balik dan jumlah tunggakan sebanyak RM19.47 bilion tidak pernah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST sebelum mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sebelum 5 Jun 2018. Ia hanya mula dilaporkan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST Bil 3/2018 bertarikh 6 Jun 2018. Kegagalan melaporkan jumlah ini menyebabkan Kementerian Kewangan tidak dapat menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST.

(b) Semakan dan pembayaran berlaku secara berterusan menyebabkan terdapat perubahan dalam peringkat status *(data dynamic)*. Sehingga 10 April 2019, status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' adalah RM6.03 bilion manakala Status 'Dalam Semakan' adalah RM6.56 bilion masih berada di peringkat *Refund Officer* dan RM0.55 bilion berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Jumlah untuk status 'Tiada Pembekalan Bercukai' dan status 'Isu Pelepasan' telah termasuk di dalam status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar'. Kedua dua jumlah (RM3.90 bilion dan RM0.95 bilion) telah berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Manakala untuk status 'Siasatan' yang berjumlah RM0.41 bilion masih di peringkat *Refund Officer*

yang memerlukan semakan lanjut. Jumlah tunggakan yang telah dibayar adalah RM5.73 bilion. Butiran adalah seperti di Jadual 4 di bawah:

JADUAL 4
STATUS TUNGGAKAN PULANG BALIK RM19.47 BILION
SEHINGGA 10 APRIL 2019

STATUS	JUMLAH JKDM 5 JUN 2018 (RM BILION)	JUMLAH DI PERINGKAT *REFUND OFFICER* (RM BILION)	JUMLAH DI PERINGKAT AKAUNTAN 1 DAN 2 (RM BILION)	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM BILION)
Telah Dibayar	-	-	-	5.73
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	-	6.03	-
Dalam Semakan	9.65	6.56	0.55	-
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90	-	0.02	-
Isu Pelepasan	0.95	-	0.03	-
Siasatan	3.52	0.41	0.14	-
JUMLAH	**19.47**	**6.97**	**6.77**	**5.73**

Sumber: JKDM

(c) Permohonan Bayaran Balik Yang Ditolak.

Berdasarkan Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, para 69(1) menyatakan 'Jika seseorang membuat suatu kesilapan dalam apa-apa penyata atau perisytiharan yang dikemukakan di bawah Akta, dia hendaklah membetulkannya dengan cara dan dalam masa

sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan'.

Seksyen 43 Akta GST 2014, pula menyatakan jika OKC mengemukakan suatu penyata yang ternyata pada Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul, taksiran tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh yang cukai itu telah genap masa dan kena dibayar atau dari tarikh pembayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk *fraud* atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berkaitan dengan atau berhubung dengan cukai, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai atau pembayaran balik cukai yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran sengaja itu, membuat pada bila-bila masa suatu taksiran.

Sehingga 7 Mac 2019, terdapat 44,435 permohonan pulang balik berjumlah RM2.63 bilion daripada RM19.47 bilion telah ditolak atas sebab berikut:

i) OKC tidak dapat mengemukakan dokumen dalam tempoh yang ditetapkan;
ii) OKC diminta membuat pindaan terhadap Penyata GST-03; dan
iii) OKC membuat pertukaran akaun.

Apabila OKC meminda semula penyata yang telah ditolak, penyata tersebut akan diproses semula dan *new refund task* akan dibuat oleh sistem MyGST. Sebanyak 12,535 (28.2%) permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM2.20 bilion telah ditolak dan dibuat pindaan oleh OKC.

Sebanyak 31,900 (71.8%) permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM0.43 bilion telah ditolak dan tidak dibuat pindaan oleh OKC. Oleh itu, tiada *refund task* baru kerana OKC berkenaan tidak meminda semula seperti yang dikehendaki oleh JKDM.

7.11 Pihak JAN berpandangan kenyataan oleh YB Menteri Kewangan pada 8 Ogos 2018 dan kenyataan media JKDM pada 10 Ogos 2018 berhubung dengan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion setakat 5 Jun 2018 adalah kurang tepat kerana:

(a) Walaupun jumlah tunggakan RM19.47 bilion telah melalui proses RMS tetapi jumlah tersebut belum melalui proses semakan seterusnya, iaitu semakan dari *Refund Officer, Head of Unit, Deputy Director d*an *Director* sebelum disahkan untuk kelulusan pembayaran di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Verifikasi Audit setakat 5 Jun 2018, mendapati sejumlah RM1.41 bilion adalah tuntutan yang telah disahkan oleh pegawai JKDM tetapi masih belum dibayar;

(b) Semasa Mesyuarat PAC Parlimen Bil 4 bertarikh 27 Februari 2019, JKDM menyatakan bahawa 93% daripada jumlah tunggakan RM19.4 bilion adalah lulus dan layak dibayar. Pada pandangan JAN, kenyataan ini adalah kurang tepat kerana tiada SOP GST yang menyatakan apabila tuntutan telah melalui proses RMS, ia dianggap telah lulus untuk dibayar;

(c) Tunggakan yang dilaporkan oleh JKDM berjumlah RM19.47 bilion dibahagikan kepada lima (5) status secara manual iaitu status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar', status 'Dalam Semakan', status 'Tiada Pembekalan Bercukai', status 'Siasatan' dan status 'Pelepasan' oleh JKDM tanpa bersandarkan kepada keputusan RMS;

(d) Berdasarkan tunggakan tuntutan pulang balik berjumlah RM19.47 bilion bertarikh 5 Jun 2018, terdapat permohonan tuntutan yang ditolak. Ini dibuktikan sejumlah RM2.20 bilion daripada RM2.63 bilion permohonan yang telah ditolak adalah *new refund task* di peringkat *Refund Officer,* Akauntan 1 dan Akauntan 2. Sejumlah RM0.43 bilion permohonan tuntutan pulang balik yang telah ditolak adalah merupakan tuntutan pulang balik yang tidak layak untuk dibayar. Sekiranya, OKC membuat pindaan ke atas penyata tersebut dalam tempoh enam (6) tahun, penyata tersebut akan diproses semula dan *new refund task* akan dibuat oleh sistem MyGST;

(e) Setakat 10 April 2019, daripada jumlah RM19.47 bilion itu, sejumlah RM5.73 bilion telah dibuat pembayaran kepada OKC dan sejumlah RM13.74 bilion adalah tuntutan pulang balik belum dibayar. Daripada jumlah RM13.74 bilion itu, sejumlah RM6.77 bilion berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2 manakala sejumlah RM6.97 bilion berada di peringkat *Refund Officer* yang memerlukan semakan lanjut;

(f) Merujuk kepada LKAN Siri 2 Tahun 2017 [(mukasurat 26 dan 27, perenggan (f) hingga (h)], tunggakan tuntutan pulang balik yang telah disahkan oleh pegawai JKDM tetapi masih belum dibayar berjumlah RM1.41 bilion bagi tempoh April 2015 hingga 5 Jun 2018 mempunyai tempoh pengumuran (*aging*) seperti butiran dalam Jadual 5 di bawah:

JADUAL 5
TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI BELUM DIBAYAR BAGI TEMPOH APRIL 2015 SEHINGGA 5 JUN 2018

TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (Hari)	BIL TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)
<8	1,555	58.5	341.79
8 – 14	529	19.9	376.28
15 – 30	165	6.2	184.38
31 – 90	128	4.8	320.78
91 – 180	104	3.9	161.72
181 – 365	66	2.5	12.06
366 – 730	97	3.7	8.83
>731	16	0.6	5.52
JUMLAH	**2,660**	100	**1,411.36**

Sumber: Analisis JAN terhadap data MyGST

(g) Berdasarkan jumlah RM1.41 bilion tersebut, pihak JAN mendapati 2,084 (78.3%) transaksi daripada 2,660 adalah dalam tempoh yang dibenarkan oleh peraturan [Arahan Perbendaharaan 103(a)]. Manakala baki sebanyak 576 transaksi disemak dengan ujian substantif (10% dari 576 transaksi) dan mendapati kes-kes tunggakan adalah berpunca dari beberapa aspek seperti dalam Jadual 6 di bawah:

JADUAL 6
PUNCA TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK DALAM SEMAKAN BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 5 JUN 2018

PUNCA TUNGGAKAN PULANG BALIK	BIL TRANSAKSI	PURATA TEMPOH PENGUMURAN (Hari)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)
Audit	11	309	19.3	2.34
Senarai Hitam	1	467	1.8	0.01
Siasatan	1	441	1.8	0.01
Kelewatan Kelulusan Akauntan	18	32	31.6	25.17
Maklumat Tidak Lengkap	4	36	7.0	0.72
Manual Stop Refund	15	382	26.3	0.40
Pindaan Penyata	1	34	1.8	0.01
Penyata Digantung	1	122	1.8	0.08
Verifikasi	5	167	8.8	1.76
JUMLAH	**57**	**206**	**100.0**	**30.50**

Sumber: Analisis JAN terhadap data MyGST

(h) Hasil analisis Audit seterusnya mendapati punca tunggakan iaitu 'Audit', 'Kelewatan Kelulusan Akauntan', 'Maklumat Tidak Lengkap', '*Manual Stop Refund*' dan 'Verifikasi' adalah terdiri daripada beberapa transaksi yang mempunyai tempoh pengumuran yang berbeza. Secara

puratanya tempoh pengumuran adalah di antara 32 hingga 467 hari.

(i) Pada pandangan JAN, isu ketidakcukupan baki Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST berpunca daripada jumlah tunggakan keseluruhan yang tidak dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST. Walaupun JKDM ada membuat permohonan secara berkala tetapi tidak menyatakan jumlah keseluruhan tunggakan kerana belum selesai verifikasi di peringkat JKDM. Berikutan itu, Kementerian Kewangan tidak menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menampung jumlah tunggakan terkumpul.

8. PENJELASAN AKAUNTAN NEGARA

Pada 14 Mei 2019, YBhg Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara telah memberi penjelasan dalam mesyuarat prosiding PAC Parlimen ke 10 berhubung isu ini seperti berikut:

8.1. Akta GST mengatakan bahawa hendaklah diwujudkan satu akaun amanah dan akaun amanah tersebut telah pun diwujudkan. Namun begitu, operasinya berbeza dari yang ditetapkan oleh Seksyen 54 Akta GST kerana berpendapat Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 mengatasi Seksyen 54 Akta GST. Kaedah ini telah diamalkan sejak Akta GST mula dikuatkuasakan

sehinggalah Peguam Negara memberi pandangan kepada PAC Parlimen pada 9 Oktober 2018 bahawa Akta GST mengatasi Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.2. Akauntan Negara bersetuju bahawa ketika jumlah tuntutan RM19.4 bilion yang dimaklumkan kepada YB Menteri Kewangan oleh JKDM, Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST tidak mempunyai jumlah sebanyak itu. Jumlah pemindahan wang GST ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST tidak mencapai 35 peratus dari tahun 2015 hingga 2017, kecuali tahun 2018 ianya melebihi 35 peratus.

8.3 Namun begitu, Akauntan Negara menjelaskan bahawa ketika penutupan akaun tahun 2018, Akaun Hasil GST masih mempunyai jumlah sebanyak RM20 bilion dalam Akaun Hasil Disatukan. Akauntan Negara juga menjelaskan wang RM20 bilion itu boleh dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST namun ianya tidak dilakukan kerana ia akan mengakibatkan defisit yang besar disebabkan bajet yang telah diluluskan sudah pun dilaksanakan tetapi wang untuk menampungnya tiada.

8.4. Akauntan Negara juga bersetuju bahawa jumlah RM19.4 bilion itu sebenarnya jumlah yang terkumpul sebelum GST dihentikan.

8.5. Akauntan Negara juga bersetuju bahawa wang sejumlah RM19.4 bilion yang sepatutnya digunakan untuk membuat pembayaran balik GST itu telah dibelanjakan oleh Kerajaan ketika itu untuk perbelanjaan- perbelanjaan Kerajaan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen berpendapat dan merumuskan sebagaimana berikut:

1. Seksyen 54(2) Akta GST 2014 dan Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST yang bertarikh 13 Mac 2015, menetapkan semua kutipan GST hendaklah diakaunkan terlebih dahulu di dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST. Peraturan 67(1) Peraturan-peraturan GST 2014 pula memperuntukkan tempoh masa bagi pembayaran balik GST adalah 14 hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas Penyata GST-03 diterima secara elektronik manakala bagi penyata yang diterima secara manual, pembayaran balik akan dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik. Ini adalah untuk menjamin pembayaran balik GST dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

2. Kerajaan sebelum ini telah memasukkan semua hasil kutipan GST ke dalam Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu dan kemudiannya dipindahkan secara berperingkat apabila diperlukan dan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Ini adalah tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 54(2) dan Seksyen 54(5) Akta GST 2014.

3. Penetapan dasar untuk memindahkan 35% daripada jumlah kutipan hasil GST bagi setiap tahun dari Kumpulan Wang Disatukan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST apabila diperlukan adalah tidak mencukupi untuk menampung permohonan pembayaran balik GST. Berdasarkan keterangan ketika prosiding, PAC Parlimen mendapati kadar penetapan dasar sewajarnya adalah sekurang-kurangnya 42%.

4. Tidak ada kehilangan wang dalam kutipan hasil GST. Hasil GST yang tidak dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST telah digunakan untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Kerajaan sebelum ini telah terlebih anggar hasil GST bersih yang dikutip pada kadar 65% daripada jumlah kutipan hasil GST.

5. Penangguhan pemindahan dana dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST dibuat untuk menjaga kedudukan aliran wang tunai negara supaya tidak berada di dalam keadaan defisit pengurusan di mana perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi hasil.

6. Kerajaan telah mengumumkan akan membuat pembayaran balik cukai GST dalam tahun 2019 dengan menggunakan sebahagian daripada dividen khas Petronas berjumlah RM30 bilion.

SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

1) Pentadbiran Kerajaan perlu memastikan pematuhan penuh undang-undang negara khasnya dalam pelaksanaan tatacara kewangan supaya sistem pentadbiran kewangan lebih teratur dan berakauntabiliti.

2) Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diamanahkan perlu sentiasa menasihati pentadbiran Kerajaan tentang undang-undang, prosedur dan maklumat perangkaan tanpa perlu ada rasa gentar atau pilih kasih *(without fear or favour)* terutamanya dalam mengamalkan perancangan aliran tunai dan disiplin kewangan fiskal yang lebih berakauntabiliti.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

- **Bil. 7/2018 pada Rabu, 12 September 2018**
- **Bil. 8/2018 pada Khamis, 13 September 2018**
- **Bil. 9/2018 pada Selasa, 25 September 2018**
- **Bil. 10/2018 pada Selasa, 16 Oktober 2018**
- **Bil. 13/2018 pada Selasa, 23 Oktober 2018**
- **Bil. 14/2018 pada Selasa, 23 Oktober 2018**
- **Bil.11/2018 pada Rabu, 24 Oktober 2018**
- **Bil. 12/2018 pada Rabu, 14 November 2018**
- **Bil. 6/2019 pada Khamis, 07 Mac 2019**
- **Bil. 18/2019 pada Selasa, 14 Mei 2019**

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL. 7/2018 PADA RABU 12 SEPTEMBER 2018 DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
12 September 2018 (Rabu) 10.00 pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):- i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar. Jabatan Kastam Diraja Malaysia: i) Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy. ii) Mantan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Khazali bin Hj. Ahmad. (Bagi Tempoh 22.6.2012 hingga 20.3.2017).

LAMPIRAN A1

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 8/2018 PADA KHAMIS 13 SEPTEMBER 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
13 September 2018 (Khamis) 10.00 pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Bin Haji Bakar. ii) Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah. (Bagi Tempoh 2012 hingga Jun, 2018)

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 9/2018 PADA SELASA 25 SEPTEMBER 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
25 September 2018 (Selasa) 10.00 pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Mantan Menteri Kewangan II: i) Yang Berbahagia Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah. (Bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016). ii) Yang Berbahagia Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani. (Bagi tempoh Jun, 2016 hingga April, 2018)

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 10 TAHUN 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2,
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
16 Oktober 2018 (Selasa) 2.30 petang	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir.

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 13/2018 PADA SELASA 23 OKTOBER 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
23 Oktober 2018 (Selasa) 11.00 pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):- i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir ii) Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah. (Tempoh Perkhidmatan 24 Ogos 2012 hingga Jun 2018)

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 14/2018 PADA SELASA 23 OKTOBER 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
23 Oktober 2018 (Selasa) 2.30 petang	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Jabatan Kastam Diraja Malaysia: i) Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy.

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 11 DAN TAHUN 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2,
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
24 Oktober 2018 (Rabu) 11.00 Pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir. ii) Mantan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak (Tempoh Perkhidmatan 3 April 2009 hingga 10 Mei 2018)

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 12 TAHUN 2018
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2,
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
14 November 2018 (Rabu) 2.30 petang	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir. ii) Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL. 6/2019 PADA KHAMIS 7 MAC 2019 DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
7 Mac 2019 (Khamis) 9.00 pagi	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):- i) Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia:- i) Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam.

LAMPIRAN A

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 18 TAHUN 2019
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2,
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
14 Mei 2019 (Selasa) 2.00 petang	Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 bilion	Jabatan Akauntan Negara Malaysia:- i) Yang Berbahagia Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia.

LAPORAN PROSIDING

- Bil. 7/2018 pada Rabu, 12 September 2018
- Bil. 8/2018 pada Khamis, 13 September 2018
- Bil. 9/2018 pada Selasa, 25 September 2018
- Bil. 10/2018 pada Selasa, 16 Oktober 2018
- Bil. 13/2018 pada Selasa, 23 Oktober 2018
- Bil. 14/2018 pada Selasa, 23 Oktober 2018
- Bil.11/2018 pada Rabu, 24 Oktober 2018
- Bil. 12/2018 pada Rabu, 14 November 2018
- Bil. 6/2019 pada Khamis, 07 Mac 2019
- Bil. 18/2019 pada Selasa, 14 Mei 2019

Bil. 7

Rabu
12 September 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM 19.4 Billion

- **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):-**
  - Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

- **Jabatan Kastam Diraja Malaysia:-**
  - Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam.

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 12 SEPTEMBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha]
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak]

samb/-

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara
YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara
YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah I (Seksyen Bajet Pembangunan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]
Puan Azreen binti Awang [KPS (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara
Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)]

SAKSI

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
YBhg. Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]
YBhg. Dato' Khodijah binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai]
YBhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung Dan GST) – TSBC (CTL)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]

samb/-

SAKSI *(samb/-)*

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
YBhg. Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]
YBhg. Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah]
Encik Rasha Afzal bin Shafii [Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Kastam]
Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Kanan Pengarah Kastam I]
Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun)]
Encik Mohd Zulkifli bin Zahar [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]
Encik Hasnizam bin Hassan [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]
Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastam (Bahagian CDN Zon Tengah) (Pulangbalik dan Semakan Semula)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Rabu, 12 September 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.02 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC; Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC kerana dapat hadir pada pagi ini. Selamat datang juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Che Isa bin Che Kob, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) yang mewakili Ketua Audit Negara; seterusnya *ex officio* Parlimen, daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara dan juga Unit Perancang Ekonomi (UPE). Terima kasih kerana dapat hadir pada hari ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini kita akan mengadakan mesyuarat prosiding pertama Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan berjumlah RM19.4 bilion. Hadir bagi memberikan keterangan di hadapan kita pada hari ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Datuk Siti Zauyah binti Md Desa yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Dato' Sri T. Subromaniam.

Sekretariat PAC Parlimen pagi ini dimaklumkan bahawa saksi kedua iaitu mantan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad yang berkhidmat pada 22 Jun 2012 hingga 20 Mac 2017 tidak dapat hadir kerana berada di luar negara. Kita akan mendengar semua penerangan pada hari ini dan jika wujud keperluan untuk memanggil Dato' Sri Khazali, PAC akan memanggil beliau selepas ini. PAC Parlimen membuat keputusan untuk memulakan prosiding mengenai isu ini selepas perkara dibangkitkan oleh Menteri Kewangan dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas sehingga mendapat perhatian rakyat secara keseluruhannya. Justeru PAC Parlimen berpendapat adalah lebih baik satu siasatan yang adil

serta telus dilakukan Jawatankuasa ini mengikut Peraturan 77(1)(d) dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Pada 30 Ogos yang lalu, PAC Parlimen sudah mendengar taklimat mengenai perkara ini daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad. Saya merasakan semua Ahli-ahli PAC sudah memahami sedikit sebanyak isu yang hendak disiasat dan berharap prosiding ini dapat dijalankan dengan lancar dan Jawatankuasa juga telah membuat terma rujukan. Ada tujuh terma rujukan yang telah pun diedarkan kepada Ahli-ahli PAC tetapi untuk *just refresh you,* pertama prosiding kutipan, kita akan mendengar tentang— ingin mengetahui tentang prosedur kutipan GST di pihak Kastam Diraja Malaysia.

Kedua, prosedur bayaran tuntutan GST di pihak Kastam Diraja Malaysia. Ketiga, perbezaan Kumpulan Wang Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Keempat, komponen dalam Kumpulan Wang Disatukan. Kelima, prosedur dalam tabungan GST. Keenam, komponen dalam Akaun Amanah Disatukan dan ketujuh, penjelasan mengenai kelewatan bayaran tuntutan GST berjumlah RM19.4 bilion. Ini merupakan terma-terma rujukan yang telah kita tentukan dan tentu sekali prosiding ini akan *follows closely*, mengikut secara dekat terma-terma yang telah ditentukan oleh PAC sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat esok pula PAC akan mendengar penerangan daripada mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sir Dr. Mohd Irwan. Saya harap agar semua Ahli-ahli PAC dapat hadir dalam mesyuarat esok atau setidak-tidaknya cukup kuorum untuk menjalankan prosiding yang akan dibuat esok. Jadi tanpa membuang masa jika tidak ada tambahan yang perlu dibuat oleh pihak Kastam dan pihak Jabatan Audit Negara, saya akan mulakan prosiding dengan memanggil saksi daripada MOF. Ya, sekian.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC yang dihormati dan juga penjawat-penjawat awam. Saya ingin menjemput supaya Dato' Sri Subromaniam Tholasy untuk memberi sedikit penerangan berkenaan dengan kutipan dan juga prosedur bayaran balik GST. Silakan Dato' Sri.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Terima kasih Datuk Siti Zauyah. Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berbahagia Setiausaha Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC dan juga *ex officio.* Selamat pagi, salam sejahtera. Saya ingin maklumkan isu berkenaan dengan

bayaran balik yang tertunggak ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 2015 lagi. Ketika itu saya selaku Pengarah Bahagian GST dan kita ada Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 54(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Dalam mesyuarat kedua Jawatankuasa ini, telah ditetapkan satu amaun iaitu sebanyak 35 peratus sebagai had untuk bayaran balik daripada jumlah kutipan yang dibuat bagi mana-mana tempoh. Maksudnya kalau dalam satu bulan itu kalau kutipannya ialah RM5 bilion contoh, maka dalam mesyuarat bulanan dalam Jawatankuasa Kumpulan Wang Bayaran Balik itu akan diberi biasanya, lazimnya diberi kelulusan oleh Jawatankuasa di mana Jawatankuasa berpandukan kepada had 35 peratus.

Kenapa 35 peratus, kenapa bukan lebih bukan kurang kerana ia adalah berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat sebelum GST dilaksanakan.

■1010

Ketika itu, MOF ada wujudkan apa yang dikenali sebagai *Tax Review Panel* ataupun Panel Kajian Semula Cukai yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Kamariah binti Hussain ketika itu. Sebelum pelaksanaan GST, memang ada kajian-kajian tertentu yang dibuat. Bila kita melihat kepada negara-negara lain, bayaran balik ini adalah dalam lingkungan 30 peratus hingga 40 peratus lazimnya.

Jadi, dalam mesyuarat kedua telah ditetapkan had silingnya sebanyak 35 peratus tanpa mengira berapa banyak tuntutan yang dibuat oleh pihak peniaga. Kadang-kadang memang tuntutannya melebihi 35 peratus. Itulah yang jadi isunya di sini, pokoknya. Lama-kelamaan ia *accumulated*, tertunggak dan sehingga 31 Mei, jumlah yang tertunggak adalah sebanyak RM19.4 bilion mengikut akaun di Jabatan Kastam berpandukan kepada apa yang diikrar oleh pihak peniaga.

Mereka berikrar melalui penyata yang kita panggil GST-03. Dalam itulah mereka akan membuat tuntutan, *payable how much, claimable how much*. Kalau mereka berada pada kedudukan positif, bermakna mereka perlu bayar cukai itu kepada kerajaan. Akan tetapi kalau *input tax claimable* melebihi *payable*, mereka akan berada dalam keadaan *refund*, pulang balik.

Mengikut peraturan 67 Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan, undang-undang mengehendaki kita bayar balik, pulang balik itu dalam tempoh 14 hari bekerja ataupun mana-mana tempoh yang *practicable* ataupun praktik. Isunya ialah kadangkala Jabatan Kastam tidak dapat menunaikan yang 14 hari bekerja kerana kami ada empat peringkat semakan dan kelulusan.

Kemudian saya bagi contoh Yang Berhormat, kalau satu syarikat itu membuat pengikraran mereka ada eksport contoh. Jadi, pegawai kita biasanya terpaksa memeriksa sistem

maklumat Kastam untuk buktikan sama ada mereka ini benar-benar ada mengeksport barang. Jadi, kadang-kadang rekod itu tidak sempurna. Mereka betul ada buat pengeksportan, tetapi mungkin menggunakan nama syarikat yang berlainan dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah pegawai kita akan membuat *query* dan itu kadang-kadang mengambil masa. Itu antara sebab kenapa amaun itu tertunggak. Juga, kadang-kadang kita buat *desk review. Desk review* yang kita buat itu kalau menimbulkan syak wasangka, mereka akan menghubungi syarikat untuk mendapatkan dokumen-dokumen tambahan. Itu pun antara punca kenapa tidak dapat bayar balik tunggakan pulang balik itu dalam masa 14 hari bekerja seperti yang diperuntukkan.

Jadi, ada lagi sebab-sebab lain. Sebagai contoh, mereka sudah membuat pengikraran, kemudian mereka ubah penyata itu. Mereka memang dibenarkan untuk mengubah penyata. Jadi, apabila penyata-penyata seperti ini diubah, sistem GST yang kami gunakan itu kita ada penilaian risiko ataupun dalam bahasa Inggeris kita kata *risk engine built in the system* MyGST itu. Kita ada 67 petunjuk *high risk rules* dan juga 45 petunjuk *common risk rules*. Sebagai contoh, 63 *high risk rules* ini ialah kita ada *input-output ratio* bagi setiap industri. Jadi, kalau apa yang mereka isytihar itu tidak termasuk dalam *range input-output ratio* yang kita ada dalam pengurusan risiko itu, maka ia akan ditunjukkan sebagai *red flag*. Jadi, mungkin berlaku kelewatan bayaran balik sebab perlu semakan lanjut dan sebagainya. Itu antara contoh *high risk rules* yang dimasukkan dalam sistem pengurusan risiko kita.

Kemudian, kita ada juga 45 petunjuk *common risk rules*. Inilah yang saya kata tadi bila dia buat pindaan kepada penyata tadi, *automatically* ia akan dimasukkan dalam kategori tunggakan yang perlu disemak. Itu juga menyumbang kepada kelewatan. Jadi, kita memang mengakui ada kelewatan bayaran balik. Namun demikian, kebanyakan tuntutan yang dibuat itu adalah sahih, cuma memerlukan verifikasi.

Jadi biasanya kita dalam mesyuarat bulanan Kumpulan Wang bagi bayaran balik ini, kita akan mohon apa yang telah diluluskan dan sedia untuk bayar balik. Kita sebenarnya ada satu slaid kalau Yang Berhormat Pengerusi *allow us to show*, Pengarah Operasi GST akan *explain*...

Tuan Wong Chen [Subang]: Dato' Sri, *before we continue with your briefing*, kalau boleh itu kita hendak tanya soalan perkara-perkara yang telah ditimbulkan sebelum itu. *Before you going to the minor details, details* itu kita banyak persoalan. *But, let me with your permission Chairman,* kita mula dengan asas ataupun *the study* yang dibuat tentang 35 peratus ini. Soalan pertama saya ialah negara apa yang telah dikenal pasti untuk *study* tersebut? Siapa yang buat *study* tersebut, sama ada *internal* ataupun *external consultants* digunakan untuk *establish the 35 percent rate that you keep for the rebate*?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Yang Berhormat. Ia berdasarkan kepada kajian dalaman oleh *Tax Review Panel* dan Bahagian GST juga ada pernah buat kajian ketika itu. *Can I ask* Pengarah GST, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil Tuan Pengerusi? *The 35 percent.*

Tuan Wong Chen: *Which country did you based the study on?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey. *Actually, there is a report, KPMG world report* yang mengambil kira kebanyakan negara-negara yang mengamalkan VAT ataupun GST. *Quite an extensive report.* Ada bawa tidak *report* itu?

Tuan Wong Chen: *Did you commission this report for KPMG or it is a general report that KPMG issued?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No. This is a report by— It is not local KPMG, it is a KPMG's Global Indirect Tax Services. This is the one. [Menunjukkan salinan laporan tersebut] By KPMG International. So*, di sinilah ada— Ia membuat kajian mengenai *efficiency* bayaran balik oleh negara-negara di mana kajian ini meliputi 65 negara.

■1020

Mengikut kajian ini, dengan izin Yang Berhormat *40 percent of the surveyed countries may be regarded as having an efficient process for providing refunds for resident businesses. This means that those countries provide refunds in the usual cost within 56 days of VAT or GST returns being submitted.*

So, on the average kajian ini mengatakan daripada 65 negara *survey* yang dibuat ini, purata masa yang diambil ialah lebih kurang 56 hari. Akan tetapi, kita telah mensyaratkan dalam undang-undang bahawa kita akan kembalikan pulang balik itu dalam masa 14 hari bekerja ya. Hari bekerja *doesn't mean* 14 hari lah. Hari bekerja itu kadang-kadang tidak termasuk Sabtu, Ahad dan juga cuti umum.

Sir, I'm more than happy to submit this report...

Tuan Wong Chen: *Yes, please.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Antara negara-negara yang ini adalah Argentina, Australia, Austria, Belgium, Brazil— *quite a diverse country*— Canada, China, Costa Rica, Rusia, Romania, Nigeria, New Zealand, Indonesia, Italy, Mexico dan sebagainya.

Tuan Wong Chen: *No, my question is*— soalan saya ialah sama ada kita *commission* KMPG *International* untuk buat satu laporan untuk kita atau laporan ini adalah laporan yang biasa dikeluarkan. *Did we actually commission a specific report*?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No, Sir,* Yang Berhormat tidak. Kita hanya cuma gunakan ini sebagai panduan sahaja.

Tuan Wong Chen: Jadi maknanya KPMG tidak buat *recommendation* 35 peratus lah?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tidak, tidak, yang itu adalah dalaman.

Tuan Wong Chen: Dalaman, okey baik. Oleh itu saya hendak tahu apakah proses untuk dapat 35 peratus. Adakah di dalam buku itu, buku KMPG itu ada menyarankan *recommendation* ataupun apa-apa pun standard 35 peratus kadar? Sebab itu isu utama dan kalau boleh diberikan kepada *PAC members* satu salinan *report* tersebut.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, boleh. Saya rasa mereka sebenarnya tidak mengesyorkan apa-apa, cuma dalam *report* ini apa yang saya perhatikan ialah purata bayaran balik di negara-negara adalah lebih kurang 56 hari. Sebab ia...

Tuan Pengerusi: *35 percent.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Oh! *35 percent* ini sebenarnya tidak ada di sini. Ini sebab Yang Berhormat ia bergantung kepada model di setiap negara itu. Sebagai contoh ya, kalau satu negara itu kurang eksport contoh— *it's not an open economy like Malaysia, then* sudah tentulah kadar bayaran balik itu tidaklah begitu tinggi. Kemudian, tengok juga model GST, kita ini banyak barang-barang yang diberi kadar sifar. Contoh makanan asas dan juga *lot of reliefs* apa yang kita panggil pelepasan yang diberi kepada syarikat-syarikat tertentu.

Sebab itu barangkali kadar di Malaysia itu mungkin telah naik melebihi, *you know— some of the international norm. That could be the reason. I don't know for sure.* Akan tetapi, itu antara sebab-sebab yang biasanya kita percaya kenapa amaun tuntutan itu semakin tinggi kalau berbanding dengan pada tahun 2015.

Pada tahun 2015, saya rasa angkanya tidaklah setinggi seperti dalam 2016 dan 2017 ya dan juga 2018. Itu antara sebab bila ia naik mendadak ya, mungkin 35 peratus itu perlu satu kajian semula. Itu mungkin tidak dibuat.

Tuan Wong Chen: Terima kasih. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Maknanya, daripada permulaan GST dilaksanakan, dua perkara yang telah diputuskan oleh Kastam, *35 percent refund* itu dianggarkan untuk dipulangkan semula dan 14 hari proses. Akan tetapi, kedua-dua ini nyata sekali tidak dapat dipenuhi oleh Jabatan Kastam ini, *is that what you are saying*?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Itulah keadaannya, yang pertama tadi 14 hari memang tidak mungkin dapat dilaksanakan sebab proses itu sendiri mengambil lebih daripada 14 hari bekerja kecuali bagi *refunds* yang tidak kami anggap sebagai

high risk, yang tidak tertakluk kepada *high risk rule* dan *common risk rule* itu, ia akan melepasi jaringan.

Tuan Pengerusi: Okey, adakah dalam peruntukan peraturan ataupun undang-undang GST ini yang memberi ruang kepada Kastam dan untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat perubahan-perubahan terhadap dua perkara ini— *35 percent and the 14 days? Is there a provision in the* peraturan *that the custom or the government have to take initiative to make amendments to the guidelines*?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, dalam undang-undang tidak ada. Dalam undang-undang tidak ada. Sebenarnya walaupun seksyen 54, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan mengatakan segala kutipan hasil hendaklah masuk dalam tabung. Akan tetapi, *Federal Constitution would override* apa yang kita pungut itu ianya dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan melalui mesyuarat ya, kita pohon sesuatu amaun dan itulah yang diluluskan dan dimasukkan dalam tabung.

Sebenarnya Menteri, di bawah 54...

Tuan Pengerusi: *Which Constitution that override that section 54?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: 54(2) and 54(5). *Regarding the powers to*— saya bacakan Yang Berhormat. *[Membaca petikan]* '54 subseksyen (2), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan mengatakan, *"Maka hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri".*

Akan tetapi, ia hendaklah dibaca bersama-sama dengan 54 subseksyen (5). Walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam kumpulan wang itu.

Tuan Pengerusi: Maknanya tiada isu di sana?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *That section 54(2) override by section 54(5).*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Exactly*, itulah keadaannya Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen: Dato Sri, *Chairman, with your permission.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Chen: *I'm fully aware that you have the powers to do regulations and to change the rate and all these. I'm sure it is all within the powers and legal. I'm not saying the Customs Department don't have the power. I just want to know the rationale behind the 35*

percent. If you cannot give us an answer today, I hope that maybe tomorrow when we extend, you can make a short appearance and explain to us how the 35 percent was actually made.

You did not commission KMPG International to do a specific report to you. You use it as a base for your study. So, we need to know how was this 35 percent picked up. Every case is different and perhaps you can answer, you know in the year 2016, 2017 was it any justification data, real data coming in on your rebate, percentage of rebate.

You know, and the other thing is I want to recommend whoever from the internal audit maybe can assist, you know the Jabatan Audit Negara *can assist in finding what the proper rate should be. Why we're here is to establish the RM19 billion issue, I think more important is going forward, we must allocate sufficient money to rebate back to the businesses, otherwise it's not fair.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, kita sebenarnya ada satu kertas yang disediakan sewaktu panel kajian semula cukai dan adalah asas-asas yang digunakan untuk *estimate the amount of refund* dengan mengambil kira eksport negara dan perniagaan yang juga membuat *zero-rated supply*, yang tidak ada cukai, kadarnya kosong dan *businesses making* pembelian harta modal dan juga faktor-faktor lain.

Dalam *empirical modeling* yang dibuat ketika itu, ada anggaran yang kita buat mengikut *empirical* formulanya ada. *It ranges from 30 percent to 40 percent.*

■1030

I will submit the paper.

Tuan Pengerusi: *Giving that to the committees.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *To the committee. This was prepared under the* panel kajian semula cukai.

Tuan Wong Chen: *This paper is dated when? 2015?* Betul? *I mean just before the implementation 1st April. Before that.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Ezleezan. *Remember?*

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]: Terima kasih Yang Berbahagia KP. 2014, kita buat *paper* itu.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I think 2014.*

Tuan Wong Chen: *Now does the new data coming in for 2015, 2016, 2017, does it justify a reassessment on the 35 percent? That is my basic question. Is it now we should allocate 40 percent or 42, 43? What is your real data? I mean last time when you prepared this, you are using assumption because you are forward thinking. You are trying to assess, right? And you set 35*

percent. I'm not quarreling with that. The quarrel now is this rate too low to rebate back to the businesses today in 2018. Is there a requirement to reassess atau tidak ataupun *you will continue to use this 35 percent rate?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Saya boleh tambah sedikit. Jadi, asas yang peringkat awal seperti diterangkan tadi *35 percent*. Akan tetapi, dia ada *saving clause* di sana. Ada sekiranya tidak cukup, kita boleh minta tambah. Sebab dari masa ke semasa kita akan minta berdasarkan—kadang-kadang dia kalau kita lihat yang kita minta itu berdasarkan pungutan semasa pada masa itu. Contohnya pada sekarang bulan, katakanlah bulan Mei. Kita lihat pungutan pada bulan Mei. Mungkin pada bulan Mei awal tahun kita akan minta banyak ataupun awal minggu. Minggu-minggu pertama kita akan minta banyak. Hujung minggu, minggu ke empat kita akan kurangkan sebab hendak *balance*-kan.

Akan tetapi, benda ini kita akan laporkan dalam mesyuarat jawatankuasa. Jadi, jumlah peratusan ini sebab dia 35 *percent* itu hanya sebagai satu panduan. Sekiranya lebih, kita akan lapor dan kita akan minta di dalam mesyuarat jawatankuasa. Tidak semestinya kita akur, patuh kepada 35 *percent*.

Tuan Pengerusi: Okey. Sepanjang pengalaman Kastam tiga tahun GST di laksana, berapa kali perlu diminta tambahan pulangan GST ini?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Perjalanan dia, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ataupun dibuat setiap kali mesyuarat itu, setiap kali itu tambahan diminta dipohon oleh Kastam. *Is that you are saying?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Okey. Saya selaku Pengarah GST yang ataupun mengambil berat tentang *refund* ini. Permohonan dia setelah *refund* itu diluluskan, kita akan lihat satu kriteria daripada jumlah keseluruhan itu, jumlah *refund*, berapa yang diluluskan. Tidak lulus, kita tak minta lagi. Katakan pada minggu itu diluluskan RM1 bilion. Kita lihat juga pada minggu itu berapa *collection* ada pada minggu itu. Contohnya, minggu itu kita baru dapat *collection gross* RM500 juta. *So*, kita hanya minta RM500 juta. Minggu depan pula, kita tengok *collection* sudah masuk banyak, kita akan minta lebih berdasarkan dua kriteria permohonan kita. Kita buat setiap minggu kepada akauntan berdasarkan jumlah permohonan yang telah diluluskan, disemak oleh pegawai yang telah diluluskan dan kedua, berdasarkan kepada penghutang semasa pada ketika itu.

Jadi, kalau ada walaupun pungutan ada tetapi tidak ada yang diluluskan, tidak adalah. Akan tetapi, kebiasaannya ada diluluskan tetapi tidak ada pungutan. Itu kita lihat dua perkara ini. Kita akan minta setiap minggu kepada kementerian.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya cuba hendak dalamkan lagi soalan tadi. Berapa kali yang Kastam telah berjaya memohon lebih daripada 35 peratus dan diluluskan? Supaya kita nampak adakah 35 peratus ini betul-betul telah mengongkong sehingga tidak logik. Maknanya, kita yang putuskan selepas 14 hari. Kemudian, kita yang gagal membayar. Jadi, saya hendak tahu dan kami hendak tahu. Berapa kali yang telah mohon dan telah diluluskan?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Biar saya beri penjelasan sedikit. Terdapat...

Tuan Pengerusi: Sebelum jawab itu.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya.

Tuan Pengerusi: Adakah 35 peratus ini— *That one is based 35 percent.* Adakah kerajaan, kewangan bagi 35 peratus *as what you* pohon ini? *All the time.*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Kita memang secara konsisten membayar 35 peratus daripada setiap kutipan. Pada setiap kali mesyuarat aliran tunai diadakan. Akan tetapi, masalahnya dalam tahun 2017, kita perhatikan bahawa tuntutan itu naik mendadak. Bila naik mendadak, kita minta Ketua Audit Dalam untuk membuat *auditing*-lah. Ada beberapa penemuanlah yang menunjukkan banyak yang tuntutan dia kita perlu *verify,* kena audit lagi. Sebab tiba-tiba sahaja jumlah memfailkan pembayaran balik itu tiba-tiba meningkat. Jadi, kita tidak pasti sama ada tuntutan itu adalah *genuine* ataupun tidaklah. Itu yang kita minta audit dalam untuk membuat *auditing* lah.

Tuan Wong Chen: Ya. Terima kasih. *So, the* audit dalam itu sudah buat? Belum lagi? Dalam proses?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sudah buat.

Tuan Wong Chen: Sudah buat. Jadi, apakah *finding* dia? *Behaviour* itu kenapa? *What is the behavioural economics behind this? Is it the people— companies are losing money, so they try to cheat a bit more or is it because— what is the reason?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Kebanyakan. Sebab yang Jabatan Kastam pun tidak sangka terlalu begitu banyak syarikat-syarikat yang mendaftar untuk GST. Jadi, lebih pada— saya rasa lebih 470,000 syarikat. Jadi, kapasiti Jabatan Kastam untuk membuat verifikasi dengan *auditing* itu agak terhadlah. Sebab kita juga faham bahawa Jabatan Kastam juga baru rekrut

akauntan-akauntan yang baru *graduate* yang mengambil masa lah untuk membuat *auditing*. Macam seperti juga Dato' Sri Subromaniam mengatakan bahawa verifikasi, *cross check* di antara sistem dan juga maklumat dengan— kita juga ada semakan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Semua itu kena buat semakan. Jadi, itu yang memakan masa lah. Jadi, *backlog* itu memang banyaklah untuk *auditing* dengan verifikasi.

Tuan Wong Chen: *But you just said that the audit has been completed. What is the finding?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Oh, *the internal audit. Internal audit* mendapati bahawa banyak. *[Merujuk kepada dokumen]* Okey, ini laporan *internal audit*. Peningkatan pembayaran balik GST dari tahun 2015 hingga September 2017 antaranya disebabkan dasar kerajaan untuk memberi pelepasan daripada membayar GST seperti pelepasan pembekalan berkadar sifar domestik dan eksport serta tiada pembekalan seperti berikutlah. Pelepasan daripada membayar GST; antaranya. *Then*, pelepasan tersebut menyebabkan GST yang dilepaskan pada tiga tahun tersebut berjumlah RM13.701 bilion. Pada pendapat audit, pengasingan maklumat dalam borang GST-03 mengikut kategori pelepasan adalah penting kerana ini boleh membantu kerajaan membuat keputusan yang lebih tepatlah.

Jadi, hendak *sort out* yang *zero exempt*...

Tuan Wong Chen: *So, your report is saying that the increase in rebate application by the businesses is due to the fact that you all have zerorised more items, right? So, it's not really about the companies trying to cheat more or trying to steal more or try to defeat your system. What is really the story?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ada juga syarikat-syarikat yang buat tuntutan yang tidak betullah. Ada juga.

Tuan Pengerusi: Yang itu termasuk dalam laporan itu kah?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Masuk.

Tuan Pengerusi: Nanti *extend* dengan kita okey.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya. Boleh.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, Tuan Pengerusi. Terima kasih...

Tuan Wong Chen: Minta maaf. Soalan pokok saya itu. *Chairman. Sorry. Sorry for taking everyone's time but I just want to assess. Do we need to change the 35 percent rate? Are you all happy maintaining the current system? Or is there a requirement to change to 40 percent? That is why I'm asking. Because here we are fundamentally asking the question is this RM19 billion missing, misused, misspent? The basis of that depends on whether the 35 percent rate is a fair*

rate or not to us to make decision. Do you recommend now we move to 40 percent or do you still recommend 35 percent?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Dengan data yang kita ada, kita masih membuat kajian sebab kita sudah melantik *auditor* luar untuk menyemak semua akaun-akaun. Sebab kita tidak pasti lagi sama ada 35 peratus, 40 peratus atau lebih daripada itu adalah sewajarnya. Jadi, kalau kita terlepas bayar tetapi duit itu dalam dana itu dan tidak bergerak, tidak di— *refund* tidak boleh dibuat sebab lazimnya masa mesyuarat aliran tunai itu jumlah yang telah di-*verify,* telah diaudit oleh Jabatan Kastam agak rendah berbanding dengan yang tuntutan. Jadi, kita bayar yang mana yang dikatakan telah di-*verify,* telah dituntut.

■1040

Jadi kita masih belum dapat menentukan jumlah yang ideal sebab pelantikan juru-juru audit hanya dilaksanakan baru satu atau dua bulan yang lepas.

Tuan Wong Chen: *Can you tell us when you think your audit report is going to come out from your external consultant? Just give us a timeline*— enam bulan atau setahun dari sekarang, *so that when we revisit this matter, I think going forward, we do not want the companies to accuse the* Pakatan Harapan *Government, that we're not doing our job to rebate fair and true genuine cases. So, I think a comprehensive study needs to be done.*

The other one is who is this consultant you hired? Is it PwC, KPMG? Second is why isn't the internal, Jabatan Audit Negara *doing— is it not in their privy to do this research?*

Encik Ezleezan bin Othman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Boleh saya beri penerangan sedikit tentang tuntutan RM19.4 bilion yang dikatakan telah dituntut oleh Kastam kepada Kementerian Kewangan. *Okay.* Apa yang sebenarnya berlaku, Kastam akan minta apa yang sepatutnya diluluskan untuk dibayar. *So,* dia akan minta kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan akan bagilah balik peruntukan itu untuk dimasukkan dalam tabung. Yang RM19.4 bilion ini sebenarnya tidak diminta oleh Kastam. Ini kerana kalau kita lihat semalam data yang diberikan oleh Kastam fasal— tidak diminta oleh Kastam. Ini kerana ada perkara-perkara yang di dalam RM19.4 bilion itu belum lagi melalui proses audit dan sebagainya.

So, adalah tidak wajar benda yang belum diluluskan diminta dari Kementerian Kewangan. Akan tetapi, dari keterangan semalam, pihak Kastam ada maklumkan mereka meminta kepada akauntan. *Yes,* kita maklum. Sedia maklum RM19.4 bilion ini adalah tuntutan yang dituntut oleh pihak syarikat tetapi masih lagi perlu melalui proses audit. Orang kata, bila masih melalui proses audit, maknanya benda itu belum boleh dibuat pembayaran. *So,* adalah tidak wajar hendak dikatakan RM19.4 bilion ini telah diminta oleh Kastam daripada Kementerian Kewangan. Kalau diminta pun dan kalau Kementerian Kewangan bayar, juga tidak wajar dilakukan. Fasal RM19.4 bilion ini kalau sudah di masuk dalam tabung, *so* dia *become idle* dekat situ. *So, better* kalau pada saya, RM19.4 bilion itu digunakan untuk *operating expenditure* dan sebagainya lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sebenarnya Tan Sri. Inilah kebimbangan kita. Ini kerana kita telah uar-uarkan sedemikian rupa. Seolah-olah duit RM19 bilion lesap dan dirompak. Maka, sekarang orang yang syarikat-syarikat yang membuat tuntutan ini dipertikaikan, masih dalam pertimbangan atau orang ini akan menuntut nanti. *Where is my money*? Padahal, wang ini sebenarnya dipertikaikan lagi. Belum dituntut lagi. Akan tetapi, kerana telah diuar-uarkan sedemikian rupa. Ini yang kita bimbang sekarang.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Tuan Pengerusi. *Sorry, what is your name*? Ezleezan.

Encik Ezleezan bin Othman: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Daripada kenyataan Encik Ezleezan tadi. Saya hendak mengimbas kembali apa yang kita telah bincang semalam berkenaan dengan carta ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen] I think* semalam apabila pihak Ketua Pengarah memberikan jawapan kepada kita yang mana daripada carta ini *at least, 17.7 percent of the sum is actually due for payment. According to the DG. And, you were saying just now that RM19.4 billion can be*

kept for some other use because all these are still under investigation. I think it is contradicting with the DG's statement. The DG has already said, number 1, 2, 3 and even number at least number 1, 2, 3 are due for payment and good for payment.

Encik Ezleezan bin Othman: *Number 1* memang telah diluluskan. Itu memang sepatutnya telah dibayarlah. Fasal orang kata sudah lepas dia punya proses audit dan sebagainya. Untuk perkara nombor 2 dikatakan semalam 90 peratus boleh dibayar tetapi 90 peratus itu orang kata *just* anggaran sahaja. Ini kerana RM9.6 bilion itu masih lagi belum melalui proses audit. Tidak selesai lagi dan kita tak pasti sama ada kemungkinan 100 peratus tidak lepas audit. Kemungkinan 100 peratus lepas audit. Kita tidak tahu tetapi dikatakan semalam oleh Ketua Pengarah Kastam, 90 peratus dianggarkan. Itu anggaran sahajalah.

Untuk nombor 3, tiada pembekalan cukai. Ini orang kata seperti telah dijelaskanlah. Memang pihak Kastam masih lagi, ada satu *statement* semalam pihak Kastam *dispute* tentang keputusan dasar. Fasal di pihak MOF, kita Kementerian Kewangan, kita telah memberi orang kata menetapkan satu dasar, mana-mana syarikat yang masih belum buat pembekalan sebagai contoh, mereka yang dalam industri *oil and gas*, perhotelan, masih bina hotel belum ada lagi *business. So,* kita benarkan ia untuk *claim input tax credit.* Ini orang kata dari segi *timing* sahaja. Dia *claim* dahulu, bila empat atau lima tahun lepas dia buat *business*, dia akan bayar GST yang dia *collect* itu kan dari segi isu *timing.* Ini pun kita sudah beri kelulusan tetapi tidak dibayar oleh pihak Kastam. *So,* bila tidak bayar itu maknanya dia tidak tuntut dekat kita lagilah.

Sama juga dengan isu pelepasan yang dikatakan berkaitan dengan isu perniagaan di RAPID Pengerang. Pihak Kastam pun telah memberi ketetapan akan buat pembayaran secara ansuran. Akan tetapi masih belum dibayarlah. Akhir sekali, 5 itu- ini yang masih dalam siasatanlah. Siasatan berbeza dengan semakan. Fasal siasatan ini memang dia sudah jumpa mungkin ada unsur-unsur *fraud* dan sebagainya.

Tuan Wong Chen: *For the record* Encik Azleen. Azleen.

Encik Ezleezan bin Othman: Ya, saya Ezleezan

Tuan Wong Chen: Daripada Kastam?

Encik Ezleezan bin Othman: Daripada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

Tuan Wong Chen: Kementerian Kewangan. Jadi bukan Kastam lah.

Encik Ezleezan bin Othman: Bukan.

Tuan Wong Chen: Semalam kita tanya Pengarah Kastam, Dato' Sri Subromaniam. Dia kata, saya tanya dia RM*19.4 billion* ini *plus minus two percent is that correct*? *He said it is correct.* Dia kata. *That is why we have no dispute about the RM19.4 billion. In this issue that we are saying here, we're seeing here in this proceeding is first, is the number too big or is it too small or is it*

accurate? Yesterday, the Customs officer already said it is RM19.4 billion plus minus two percent. That plus minus two percent being the fraud issues or regarding inefficiencies. So, we have re-established that. Are you trying to testify that it's not RM19.4 billion now?

Encik Ezleezan bin Othman: Kita tidak pernah *dispute* tentang amaun RM19.4 bilion itu. Kita hanya menyatakan bahawa dia tidak memohon kepada Kementerian Kewangan. Memang amaun RM19.4 billion ini amaun yang dituntut oleh pihak syarikat kepada Kastam. Akan tetapi, sama ada Kastam telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menyediakan peruntukan RM19.4 bilion untuk buat bayaran ini. Itu adalah... *[Disampuk]*

Tuan Wong Chen: Permohonanlah. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Tuan Lim Guan Eng itu betullah *RM19.4 billion*-lah.

Encik Ezleezan bin Othman: Itu amaun yang dituntut oleh pihak syarikat.

Tuan Wong Chen: Memang betullah. Makna tiada ada isu. Betul tidak? Jadi, isu kita hendak tahu sekarang ini adakah, apa terjadi kepada *RM19.4 billion* ini? Kalau boleh, saya minta Tan Sri *since you are already filed a police report. Can you share with us what you've told to the police and I suppose you can repeat the same to— right or not Mr. Chairman.* Betul ya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Chen: *Then let's hear whether you have a basis to, in your police report.*

Tuan Pengerusi: *Exactly*. Soalan saya sebenarnya hendak tanya Tan Sri. *Exactly the same*. Dikatakan bahawa *we don't have that money. Amount of money RM19 billion or RM18 billion or RM19.4 billion. Available in the consolidated fund right now. I mean those period when* Tan Sri *was there or when the new* Yang Berhormat Menteri Kewangan *was appointed. So, we don't have that money. So, even what you said whether RM18 billion, RM19 billion. We don't have that amount of money available for refund. How do you explain that? The use, the money.* Adakah duit masuk dalam *consolidated fund* ini digunakan untuk *whatever budgeted by the government, ministries. That can you explain that part? We don't have the money as it is. Even the Minister of Finance says that, Okey, prove it to me. Where the money is that RM19 point— supposed to be refunded to business people, the businessmen. How do you explain that*?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *No. Like I said you know. We must look at overall, not at the RM19 billion. This is what the Customs is claiming*-lah. *But, whether they have submitted. They only submit now*-lah *after I left, only they are submitting the RM19.4 billion before that they — that figure doesn't even crop up. So, you know, when we do the budget, we budget net. This is what the exactly I told the police you know. Whatever I'm telling you, is exactly the same thing. Whatever gross, that is the repayment RM23 billion. But, if they claim— you know the claim was going astronomic you know, and very high. You know, the progression is very high,*

very fast. That is why we did audit you know, an audit to verify and of course whatever the claim, you know, is more than RM23 billion becomes tunggakan lah *for the following year*— 2018. *So, from January to June this year, you know, there must be some payment also made. Some payment made. So, I don't know whether what is the amount. January to June. And, whether the RM19 billion is for the period from 2015 until 2018 or is it particular for this year alone. So, it's an accumulated figure.*

Tuan Pengerusi: *But, do you used the money in the consolidated fund for all purposes? Do you itemised the money that goes in there as GST money or income tax money or whatever revenues*?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *This one you need to ask the accountant general office whether they have certain code or not. But for us, you know, like its, its income is coming from various sources and goes into our, you know, our bank account and when we spent, we don't look whether it's coming from this account or that account. So, I don't know. You must ask* Jabatan Akauntan Negara— Tuan Haji Ramli *is here whether* ada tak GST untuk belanja apa, LHDN untuk belanja apa.

■1110

Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) Jabatan Akauntan Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar dan pegawai-pegawai dan Ahli-ahli PAC. Mohon maaf saya tidak berapa sihat sikit. Suara saya tidak berapa elok sikit. Semua pungutan seperti yang kita dimaklumkan akan dimasukkan ke dalam *consolidated fund* apa-apa terimaan. *Consolidated fund* ini kita ada tiga jenis akaun yang ada dalam *consolidated fund.* Satu, akaun hasil. Kedua, akaun pinjaman. Ketiga adalah akaun amanah. Untuk akaun hasil ini kita akan merekodkan semua hasil kerajaan dan juga perbelanjaan mengurus. Ini kita kata tadi ada *surplus or deficit current account.* Maksudnya *operating account.* Itu adalah akaun hasil seperti yang Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar maklumkan kita punya polisi mesti *surplus operating account.* Itu prinsip dia.

Manakala untuk Akaun Pinjaman Disatukan ini kita akan terima semua pinjaman yang dibuat oleh kerajaan sama ada MGS ataupun GII ataupun pinjaman berjangka kita akan masukkan ke dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Bila kita hendak buat bayaran balik, kita akan menggunakan juga akaun ini untuk membuat bayaran balik kepada pemegang-pemegang MGS dan juga GII tadi apabila ia *matured.* Jadi *the nett* itu kita akan gunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Itu dari segi prinsipnya.

Tuan Pengerusi: Okey. Semua wang dalam Akaun Pinjaman Disatukan ini digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan kerajaan?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Ya, termasuk pinjaman juga.

Tuan Pengerusi: Termasuk pinjaman?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Ya.

Tuan Pengerusi: Dikatakan dirompak. Macam mana kalau itu boleh berlaku? *I mean you* di Kementerian Kewangan, *can you tell me* boleh atau tidak perkara itu boleh berlaku?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Tidak, tidak mungkin Tuan Pengerusi kerana semua yang kita terima kita akaunkan sama ada tadi dalam akaun hasil, Akaun Pinjaman Disatukan dan akaun *trust.*

Tuan Pengerusi: Ada atau tidak kemungkinan wang yang digunakan itu bukan untuk tujuan perbelanjaan kerajaan yang dibajetkan? Boleh atau tidak berlaku dalam keadaan? *I mean* seperti yang saya tangkapkan sekarang ini, yang saya faham semua penggunaan kewangan dalam *consolidated fund* itu adalah untuk membayar perkara-perkara yang dibajetkan mengurus ataupun pembangunan bukan?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Ada atau tidak kemungkinan digunakan untuk tujuan yang lain?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Tiada. Ini kerana untuk perbelanjaan mengurus kita berdasarkan kepada Akta Perbekalan ataupun – termasuk juga Akta Perbekalan Tambahan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Haji Ramli bin Chik: Itu untuk perbelanjaan mengurus.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ramli bin Chik: Untuk perbelanjaan pembangunan kita berasaskan kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996. Ini juga dibentangkan di Dewan tetapi ia tidak perlukan suatu akta yang baharu kerana ia kita sudah bentangkan berdasarkan Akta Kumpulan Wang Pembangunan itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Faham.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Tuan Pengerusi, sekiranya ada pada tahun kewangan itu terdapat perbelanjaan yang lebih, subsidi meningkat kerana katakan pencen meningkat, tidak cukup yang kita bajetkan pada tahun sebelum itu, kerajaan akan menggunakan juga membuat pembayaran tetapi kita bentangkan di Parlimen sebagai *supplementary budget.*

Tuan Pengerusi: Duit daripada *consolidated fund.*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Ya.

Tuan Pengerusi: Maknanya semua kewangan ini *budgeted*, diprojek, ramalan dan anggaran. Maknanya ada keadaan wang dalam *consolidated fund* itu tidak seperti yang

dijangkakan. Adakah itu betul tidak seperti yang dijangkakan? Maknanya apa jua wang yang masuk dalam itu akan digunakan bagi *immediate* pembayaran kerajaan. *Is that true?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Is that true*? Maknanya ada *collection* GST ini macam yang dikatakan tadi walaupun ada pungutan, *refund* yang *supposed to be paid that amount* tetapi sebenarnya dari segi *collection we didn't have that amount.* Maknanya dalam *consolidated fund* ini kalau dikatakan *we have already collected this much amount of money but we are supposed to refund this much of money* tetapi *there are some other collections that are not been there* dari segi pungutan daripada agensi yang lain. Akan tetapi dari segi komitmen kerajaan *so we have to use the money. So*, dalam keadaan sedemikian *consolidated fund* itu tidak seperti yang dijangkakan dan diramalkan. *So, we have to use the money we pay that first. Is that* berlaku?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Ya, *exactly.*

Tuan Pengerusi: *Exactly.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Sometimes you know like JPA they estimate the pension quite low then suddenly they asked for extra RM1 billion. So, where do we – if we don't pay the pensioner – that's where we get from the consolidated fund.* Kadangkala banjir berlaku, *unexpected situation...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Luar jangka.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Luar jangka, perbelanjaan luar jangka. Ini *immediate need you know. So, we need...*

Tuan Pengerusi: *So, how do you take that* tuduhan bahawa duit itu dirompak dan sebagainya?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Every single cent goes there are accounted for, going out and coming in because it is tabled in the parliament, it's tabled.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Tuan pengerusi.

Tuan Pengerusi: *So, how do you explain* bahawa sekarang ini tidak ada duit RM19 juta untuk dibayar?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *[Ketawa]*

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, tentang sebelum GST mesti ada juga perbelanjaan yang luar jangka. *How do you* sebelum GST 2014, *how do you manage that* kalau seperti senario yang ditimbulkan oleh...

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Ada jugalah tunggakan. *I said* tunggakan *has been there, you know*. Bukan tidak ada tunggakan, ada tunggakan bayaran.

Tuan Wong Chen: Okey, *can I just..*

Tuan Wong Hon Wai: *Sorry, just a follow up.* Sebelum GST diimplementasikan Perbendaharaan juga menggunakan cara itu tetapi daripada *income tax. So*, boleh saya katakan *consistently* Kerajaan Persekutuan telah menggunakan yang sepatutnya duit rakyat daripada *income tax* selepas GST ialah *input tax* yang perlu dibayar balik telah digunakan yang sepatutnya dipulangkan kepada *tax payers* telah digunakan terlebih dahulu untuk memenuhi perbelanjaan mengurus. *Can I say that?* Boleh saya kenyataan itu apa komen Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar?

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Pinjam duit rakyat.

Tuan Wong Hon Wai: Ambil duit daripada rakyat kerana untuk memenuhi kita tidak cukup duit untuk perbelanjaan mengurus...

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *It is other way around you know because the estimated figure is RM44 billion. Now, we are already estimated for operating expenditure that RM44 billion. Now, you want to take out from that RM44 billion* hendak pergi bayar bayaran balik *then we are going to have shortfall in...*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ya, *you* pinjam duitlah...

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Because in our operating expenditure, locked-in expenditure, locked-in* ini maknanya sudah mesti *government* kena belanja, *locked-in.*

Tuan Wong Hon Wai: *That is why the...*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *90 percent of the operating expenditure are already locked-in. More than 90 percent.*

Tuan Wong Hon Wai: Fiskal polisi kita lemah kerana sebelum ini guna duit *income tax* yang sepatutnya dibayar balik. Sekarang kita pula guna duit yang sepatutnya dipulangkan kepada GST kita tidak payah bayar balik, kita guna untuk perbelanjaan mengurus.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *I mean in the layman term it is just that you borrowed from the* rakyat *to manage the government spending. This perhaps caused our* Menteri Kewangan *to use the term* 'perompak' *maybe Federal Government has robbed the people to so-called pay for the expenditure of the Federal Government. I think that is probably what he meant.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *It is a prudent management of the fiscal. One, prudent management because claim also is increasing very fast. So, we need to do auditing, verify and so on. The GST registration also there is a room, there are people who doesn't even register but they still are doing business out there. So, it is not coverage wise. So, there are many problems you know, where GST only three years* baru *implement. So, a lot of loop holes in GST. So, that is why the problem we need to really study GST in detail. While managing that and also, they are operating a surplus where we need to abide by -- this is also another problem because*

operating expenditure is also increasing very fast and we need to manage the operating expenditure. Again, we need to improve on the fiscal policy.

Tuan Pengerusi: Pengurusan fiskal kita adakah memenuhi syarat, memenuhi kehendak dan standard antarabangsa ataupun standard negara-negara lain? *Is there a way? Other countries also doing the same the way we manage our* kewangan?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *You know, our fiscal management is been closely monitored by IMF, World Bank and even the rating agencies. That is why we are rated quite good. But if we go and tell that our debt is increasing and also our GST payment and so on that means we are opening up.*

■1120

But the problem, we are managing it more wisely, so that the country can progress. There is no problem in our operating expenditure and also in our development expenditure. We can't go and borrow to pay salary. We can't borrow, so we need to use that hasil.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Principal.* Prinsip.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Prinsip dia kita tidak boleh pinjam hendak bayar gaji. *So, you know, we need to use* hasil untuk bayar gaji.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, saya rasa saya sedang mendengar alasan kenapa wang daripada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST itu digunakan. Akan tetapi, saya hendak fokus kepada pandangan Tan Sri sekiranya prosedur perakaunan GST ini kekal dengan apa yang diputuskan dalam Akta GST 2014 dan tidak menggunakan apa yang digunakan semasa, maknanya yang diputuskan budi bicara Menteri Kewangan yang mengubah prosedur perakaunan ini, adakah kemungkinan duit itu akan selamat? Ini bererti kita akan kekal bagi pihak pembayar GST itu. Faham soalan saya tidak?

Tuan Wong Kah Woh: *I think* maksud Yang Berhormat adalah sekiranya kesemua kutipan GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah GST seperti yang termaktub dalam seksyen 54(2) dan tidak dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan seperti yang diberikan kuasa kepada Menteri dalam seksyen 54(5), dalam situasi sedemikian, *the money* tidak akan digunakan *upfront* oleh kerajaan untuk tujuan-tujuan lain. *So, do you agree with that? I think the question is that.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Thank you, translator. [Ketawa]*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *But you know, the* akta *also allows the Minister to decide together with the KP of Customs that certain amount, the nett can go into Consolidated Fund, it's allows.*

Tuan Wong Kah Woh: *I think now it's not the nett going to a Consolidated Fund, it's a gross going into the Consolidated Fund.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Gross but we used only the nett. We don't use the gross.*

Tuan Pengerusi: *The question just now, that's you use gross?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *No.*

Tuan Pengerusi: *That is why. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: *In budgeting, you'll never use the gross. You use the nett to calculate. But in actual fact, because the whole sum is being put into the same pool, so we just* pakailah.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *We don't* pakai *the gross, again. But…*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *I think method by the Customs.* I hendak rujuk balik kerana tadi yang seksyen 57 Akta GST, saya sudah *check. The Customs has the power to check before making refunds. That section 57. But, you have the– what we call GST ruling which says that you have to refund back if they submit GST03. For details, if that is over payment, I mean, if the input tax exceeded output tax, then you have to refund in 14 days. There is no reason, nothing mentioned about audit.*

Section 57 only empower the Customs to audit if they make an amendment or they have subsequently discovered that they have not claim, then you have the power to investigate before you make to refund. But GST03 written, you have no rights to make an audit before you make the return. Correct or not? That are your rules.

So that's why I am saying, if there are a lot of claims, actually is under GST03 for the refund. Some other investigation probably that for under section 57. But yesterday the Customs also, Dato' Sri Subromaniam, he confirmed the 9.6 if— I look at it he says properly deal for refund. That is properly under GST03 and not by subsequently filing another amendment, you using another form. Correct? You nodding your head, so you agreeing.

So, at the end of the day Tuan Pengerusi, *the conclusion is the fund actually for refund is because committed by Customs to the Ministry of Finance,* jadi mereka sudah diguna pakai kerana kalau akaun disatukan, memang Akauntan Negara dia boleh gunakan untuk membiayai semua tanggungjawab yang sudah diluluskan dalam bajet. Jadi bagi saya, ini bermakna kerajaan kita sudah pinjam duit rakyat untuk membiayai semua perbelanjaan pengurusan. Itu sahaja yang saya faham. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tan Sri, di mana peranan Menteri Kewangan II dengan Menteri Kewangan dalam isu pengurusan kewangan di kementerian?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Kebanyakan dari segi *decision* is Menteri Kewangan I, *Prime Minister* dari segi *deciding on the amount, revenue* apa semua ini. *More operational is* Menteri Kewangan II, *more operational activities and so on.* Akan tetapi setiap *cashflow meeting* ini, minit dia kita akan hantar satu memo kepada bos, Menteri Kewangan II dan juga Menteri Kewangan I. Kita akan maklumkan apakah hasil *cashflow meeting.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam apa-apa keadaan Tan Sri, adakah pernah dalam menjalankan tugas sebagai pegawai pengawal, *your decision is being overrule by the boss* ataupun *you have been instructed to give priority this payment even though it's not actually budgeted for?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *This payment, RM19 billion I just hearing after* saya sudah jadi mantan. Sebelum itu saya tidak pernah dengar.

Tuan Pengerusi: *Particular to the issue there, Customs* sudah *explained* semalam dan tambahan daripada ini, RM19 bilion itu *projection* daripada *the business people* yang belum lagi di-*submit* secara *total with RM19.4 billion* oleh Kastam.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Saya tidak pernah dengar.

Tuan Pengerusi: *That one* kita ada apa, *I mean* betullah setuju, *it's not for you to answer that RM19.4 billion.*

Tuan Wong Chen: *Okay. Can I ask regarding the demand or the request for rebate from all the companies for 2015, 2016, 2017 because the numbers that one of you give just now, for 2015 RM22.7 billion, right? Correct? For 2016 is RM33.8 billion, then 2017 RM39.2 billion. So therefore you were alarmed at the rate that it was going up so fast. Am I correct? So, you know very well RM39.2 billion was in 2017 demand for rebate and your gross collection is RM67 billion. Correct? Then why do you project to allocate only RM23 billions of rebate back?*

So, the whole issue here is very clear. You guys under projected your rebate. Therefore, you actually padded up your fiscal position to show a lower deficit by RM16.2 billion, if those numbers you give earlier is correct. That is why the Minister of Finance, the new Minister of Finance come in, and said you know there is a difference between what is projected, substantially differential of RM16.2 billion.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *This figures are provided by Customs to us. That's not we estimate all that, 44, 67 is all estimated by Customs. The KP of Customs gives us the figures.*

Tuan Wong Chen: *So, you relied on the Customs' numbers and then you did your fiscal? I mean you did your budget. So that's quite obvious that RM16.2 billion differential between the rebate and the projected from the Customs. So, one department or your department fail to*

investigate or the Customs department was misleading you all. But this is not the Minister of Finance's fault.

The new Minister of Finance came in and looked and asked where is this RM19.4 billion. I don't know where the 3.4 billion comes in you know, but from the numbers itself it is clear there is basically a misbudgeting of RM16.2 billion.

When it could be– because you know, as you know this is moving numbers right, he used the 31st May 2018 number to gage at RM19.4 billion. You did the budget in November 2017 right, so that was done and was finalized in September 2017. So, the additional RM3 billion that the Minister of Finance, Lim Guan Eng says could be contributed due to the fact.

So, I think if we can clarify this numbers, I can see how the numbers tally up. There is no issue about malice on the part of the Minister of Finance.

■1130

But the reason, the obvious issue that you guys under, whether for the Customs or for the Minister of Finance, you actually under represented the rebate back which is then, you know, in 2017 you told us RM39.2 billion. That's the differential. I think it's not fair also to make insinuation about the Minister of Finance, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng's statement. If anything, we can ask him to— Chairman right, you should ask him to come and explain his position. But you know, I just try to find a solution for everybody. It's obviously something to do with this two set of numbers. 2017 request for RM39.2 billion and then you know the so-called RM16 billion to RM19 billion missing.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Maybe Hassan you want to explain. He's the Fiscal Head. They know how the estimation is done and everything.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Fiskal), Kementerian Kewangan Malaysia]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum and very good morning.* Tuan Pengerusi *and Members of Committee. I am Hassan from Fiscal Policy Office. Every year I will— more less if you have some time, I will explain how we estimate the fiscal position, alright. So, every year we will estimate a budget. Let's see for 2019, we start to estimate how much the revenue and how much we can spend based on the request of all the ministries based on the programmes and projects.*

So, what we did is we need to estimate what is the GDP first, right. How much we can grow, Malaysia, the country can grow based on the capacity of the economy. So, let see we grow around five percent, so if five percent we need to estimate. From this five percent, how much is the collection of revenue in terms of direct tax and indirect tax.

Direct tax in terms of LHDN, corporate tax, individual tax and indirect tax is like export duty, import duty, GST or SST, right. So, based on this parameter and also assumption of good of price, inflation, so we come out with this parameter, a conservative level. We always meet the conservative level for revenue because we don't want to be too optimistic. While if we are too optimistic, we will commit the spending and it will be haywire everything.

So, what we did is very conservative and like Tan Sri former KSP, Tan Sri Irwan said that— minta maaf. Seperti Tan Sri Irwan mengatakan bahawa kita pun akan berbincang dengan LHDN dan Kastam untuk mendengar pandangan mereka. *But* semuanya adalah secara bersih *or nett. We never estimate gross.* Berapa banyak yang mereka hendak *collect* atau *estimate* itu terpulang pada agensi masing-masing tetapi apa yang kami penting berapa yang sepatutnya ada di dalam *consolidated fund* untuk kami gunakan untuk perbelanjaan. *So, when we estimate a conservative,* kita dapati bahawa LHDN bersetuju ini adalah anggaran untuk *corporate tax*, ini anggaran untuk individu, cukai persendirian, ini anggaran untuk GST dan kami pun akan berbincang balik dengan Bahagian Belanjawan untuk menetapkan berapakah perbelanjaan, berapa gaji, pencen apa semua dan juga berapa pembangunan dan berapa banyak. Ini paling penting yang perlu kita pinjam untuk membiayai kekurangan *overall* defisit tadi.

So, this is where. Katakanlah kita andaikan minyak waktu itu USD100 setong tetapi berlaku penyusutan mendadak seperti berlaku pada tahun 2014, 2015, *so* kita akan buat semakan semula bajet, *recalibration budget.* Kita terpaksa potong semua kementerian. *We are not able to*— kalau kata tadi mengambil duit GST atau SST kah, duit LHDN kerana kita tahu bahawa *certain* parameter itu hasil tidak akan datang. *So,* kami terpaksa menyemak semula.

So, berkaitan dengan *cash flow* pula, bila kita sudah anggarkan setahun kita akan pergi setiap bulan. Di sinilah Jawatankuasa Aliran Tunai akan melihat kedudukan sebenar dan pada separuh pertama kebiasaannya kita akan sentiasa mengalami defisit mengurus. Maksudnya hasil tidak mampu untuk menampung perbelanjaan mengurus *because* hasil itu selalu akan datang *second half.* Kalau individu bulan April, barulah kita fail. Kalau syarikat selalunya dia akan *pick up* royalti, dividen semua akan bayar di sebahagian separuh kedua.

So dekat sini kita selalu menampung menggunakan pinjaman, dekat sini. *So* apabila kita melihat setiap bulan, kita akan melihat contoh saya ambil *isolated case is a GST collection,* kita melihat adakah anggaran setiap bulan boleh dicapai. Kita akan sentiasa tanya dengan Kastam dan Kastam dalam *cash flow meeting* dan semua Member kata dia— KP Kastam kata kita akan capai. *So*, mengambil pandangan yang begini, kita akan sentiasa setiap bulan menyemak semula. *So*, kalau tiada unsur-unsur yang mengatakan bahawa minta maaf kita tidak akan capai, kita akan semak semula penurunan dan kebiasaannya semua *revenue* hasil kita akan semak ke

bawah balik apabila kita mendapati anggaran dan kita terpaksa *trade off* balik dengan perbelanjaan.

Mana-mana kementerian yang ada *saving*, kita *saving* kalau ada pertambahan kita— kalau perlu meningkat defisit *to some extent,* kita perlu meningkatkan tetapi kena berhati-hati takut akan mengalami macam tadilah, defisit mengurus. Di bawah Akta Pinjaman kita tidak boleh meminjam untuk membiayai perbelanjaan mengurus, yang itu di bawah akta. *So*, suka tidak suka kita terpaksa memastikan hasil cukup ataupun *zero*-lah untuk *cover* semua perbelanjaan mengurus dan meminjam bagi pembangunan. *So*, di sini kalau— saya bukan Jawatankuasa Tabung, saya bukan *member* Jawatankuasa Tabung tetapi saya hadir untuk Mesyuarat Aliran Wang Tunai. *So* pada kebiasaannya apa yang dipohon oleh pihak Kastam adalah apa yang perlu dibayar, yang dia rasa perlu dibayar dan dia juga memberitahu ini adalah kedudukan keseluruhan yang tuntutan, yang dibayar banyak ini. *So*, mesyuarat akan berbincanglah, okey boleh bayar dan kita akan bayar. Subsidi perlukah kita bayar, kita bayar. Semua kita bayar.

So, beginilah keadaannya sampailah akhir tahun kita akan tengok. Kalau defisit itu memang tidak boleh *hold* kita akan meningkat, meningkatlah defisit itu. *So*, keadaan ini yang kata tadi, Tan Sri kata *how to balance*. Ada satu kes juga yang selalu kita pertikaikan adalah apabila *claim* yang dituntut itu tetapi barang belum— GST belum *collect* lagi. *So*, tadi saya dengar Yang Berhormat punya *question* boleh berlaku tidak kalau kita ikut proses sedia ada, dapat tidak kita bayar. Kalau kita andaikan kita *start* dengan *zero*, katakanlah saya ada syarikat dan saya *claim* tetapi saya belum *collect* GST. *So*, di peringkat *government* sudah ada *negative carry* sudah, betul tidak? Kalau tidak ada hasil saya terpaksa bayar dulu tetapi GST belum sampai lagi. *So*, dekat sinilah kalau katakan sehingga Mei, RM19 bilion, ini juga termasuk kes-kes yang sebegini. Sepatutnya GST itu mungkin akan sampai dua tahun ke hadapan tetapi kita sudah terpaksa...

So dalam *manage* defisit ini, faktor-faktor beginilah kita ambil kira dan saya dekat sini saya *estimate* juga kami selalu lebih konservatif daripada optimistik. Itu memang kami pasti bahawa kami tidak hendak mengikat kementerian untuk berbelanja lebih sebab kami tidak mampu hendak *borrow. So...*

Tuan Wong Chen: *Okay, thank you for your explanation.* Ya lah bajet ini memang *interesting* lah *the way we budget. I understand all the cash flow issue* sebab *income tax* seperti— encik nama apa?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Hassan.

Tuan Wong Chen: Encik Hassan kata itu ya lah *income tax* ini masuk bulan April, bulan Mei itu. *So, we understand you have to pool the money, used it, cash flow, management all those.* Soalan saya tadi ialah yang kita dapat itu 2017 terdapat RM39.2 bilion tuntutan rebat. *RM39.2*

billion and I mean somebody told me that just now, I don't know who but I wrote it down here, unless I am completely mistaken.

Tuntutan rebat GST pada 2017 ialah RM39.2 bilion. Betul atau tidak? Kalau saya salah itu tidak payahlah kita bincang perkara ini. *Can you just confirm this?* Apa yang saya dapat tulis itu tahun 2015 RM22.7 bilion tuntutan, tahun 2016 RM33.8 bilion dia naik, dia naik itu mendadaklah. Selepas itu mendadak lagi tahun 2017 RM39.2 bilion. *I think* Tan Sri yang bagi, *isn't? You did right? Somebody gave me the number.* Tuntutan balik. *Which is why then you went to do an internal audit. You saw this* naik *astronomical. So, you said therefore we created,* betul tidak?

Encik Ezleezan bin Othman: Yang Berhormat', ini mungkin *percentage*, peratusan. *Because* kalau berdasarkan penemuan audit, okey pengauditan ini meningkat daripada 22.71 peratus pada tahun 2015 kepada 33.87 peratus pada tahun 2016 dan 39.29 peratus pada tahun 2017.

Tuan Wong Chen: Ha, *okay percentage.* Kalau *percentage* itu, ada tidak nombor *actual* bilion yang tuntutan itu? Ada tidak?

Encik Ezleezan bin Othman: Kalau berdasarkan maklumat yang diberi oleh Kastam semalam memang yang dibayar baliklah.

■1140

Tuan Wong Chen: Itu sedikit itu.

Encik Ezleezan bin Othman: *Yes, yes.*

Tuan Wong Chen: *So it doesn't explain where the 19.4 billion go? So,* ya lah *we are still stuck with the idea, was there under- did you all pad up the fiscal numbers? You didn't, right? You are saying that you did not pad up the fiscal number. You allocated 23 billion to be rebated back.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *No, we never allocated.*

Tuan Wong Chen: *No, I mean you basically put in a nett position of 44 billion lah.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *No, we never know how much refund, we never know how much gross to be collected. This all base on Kastam.*

Tuan Wong Chen: Kastam *who sit to feed it to you, the data.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *After finish that based on GDP growth, based on consumption investment in economy, we might collect estimated around 40 to be exact actually around RM44 billion actual, 2017.*

Tuan Wong Chen: *RM44 billion ya.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *So, we based on that, that can be utilized. Kalau* Kastam kata *is 40 we will based on 40. Kalau* Kastam kata 30, *we based on 30 but gross is based*

on Kastam, *refund is based on* Kastam. Kalau Kastam kata, *you know that's how we work* lah. *We never estimate gross.*

Tuan Wong Chen: Ya, *I understand. You can't* lah *I mean all ministries have to estimate their own budget as well.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Because* Kastam *is A to Z they are on the field. They know what is the sentiment of the activities, they know how much this but as pointed by Mr. Siva maybe the model cannot give more accurate based on the earlier estimate when we introduce the GST that 30 over percent.*

Tuan Wong Chen: *You're still in budget committee Encik Mohd Hassan? Are you, for the current, not? You're still in government* lah?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Ya.

Tuan Wong Chen: Ya okey. *So, what is your estimate for SST now*?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *We never estimate right now because 2019 we are still preparing but from the Customs, they also have mentioned to* Menteri Kewangan *around RM21 billion for next year for the whole year 2019 SST.*

Tuan Wong Chen: *So is the 19.4 billion missing…*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *RM21 billion.*

Tuan Wong Chen: *I know, I know the topic of the issue is RM19.4* lah *alright. I mean the hearing here is about the RM19.4. Could it be RM19.4 is so called missing because it is part of the cash flow issue transitioning from GST to SST*?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *I mean during cash flow we don't know about the RM19 billion. This is the moving claim come in. As far as I remember, it's RM16 billion then after this one within February-Mac is RM16 billion there is presentation by Kastam always present to us, this is RM16 billion, I need RM2 billion to be paid and then in June maybe 31st May is RM19 billion as what my colleague say, in the a pie chart. That was right. So, it could be, when you stop, all companies will submit the claim because they know they won't sell the goods and charge GST. So, immediately it could be, I might be wrong but this is what I've been informed on the mechanic of GST, maybe Encik Ezleezan can explain how the mechanic...*

Encik MA. Sivanesan: *Can I, if you are referring the transition from GST to SST at the point when the current government announced that is going to zero rate GST somewhere middle of May, at that point when we check with Customs, the outstanding refund according to them was about RM15 billion.*

Tuan Wong Chen: *So, there is RM4 billion search in the last 15 days, is it*?

Encik MA. Sivanesan: *It's possibly, yes.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *31st August is about 24, or you're right?*

Encik MA. Sivanesan: *They point it 24, around 24.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Hanya satu Tan Sri saya hendak tanya, sekarang dalam menguruskan *Consolidated Fund* tadi Tan Sri ada sebut tadi kita hanya ambil nett sahaja. *But you are getting gross, what happen to the balance of the money.*

Encik MA. Sivanesan: *Not the gross...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Okey *you* bayar balik, tetapi sekarang ada yang tak dibayar balik itu. *Are we in the position, in case if the government feels we got to formalize the whole claim this RM19 billion to be paid. Are we in the position to pay back*?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *If I may Yang Berhormat Datuk, internally while preparing the 2019 budget, this is one of the measures that we take into account that we will pay this refund, approved refund. So, the RM19 billion might not all be paid because some are false claim, okay, so we must pay because this is obligation for the government and we have various*, beberapa senario bagaimana untuk membayar balik untuk kita *staggered, because* ada sebahagian juga adalah syarikat kerajaan. Saya ambil contoh seperti MRT Corp. MRT dan Prasarana. *So*, dia membayar GST dan sekarang kita terpaksa *refund* balik kepada MRT Corp. betul. *So*, bagaimana MRT Corp ini membayar GST adalah dengan cara kami meminjam melalui DanaInfra bagi duit itu kepada MRT dan MRT membayar kepada kerajaan.

So, apabila hendak pulang, *instead of* bagi ke MRT, mungkin ada cara lebih baik kita terus bayar kepada DanaInfra *because* dia yang pergi pinjam. Nampak tak? *So*, dekat sini yang ada *certain-certain* jumlah daripada RM19 bilion itu kita boleh *manage internally because its a government entity. Because* MRT tidak ada *income* tetapi dia membayar kepada *government* dan sekarang kita perlu pulang balik kepada dia. Bagaimana MRT dapat duit, daripada pinjaman daripada sebelah sini. *So*, yang ini kena bayar *interest. So*, daripada bagi MRT dan mungkin dia membazir, lebih baik kita bagi untuk bayar hutang itu sahaja.

Yang itu yang ini pasal itu kalau kata cara mengurus itu ada beberapa penyelesaian kami sedang meneliti secara terperinci dan kalau semuanya memang telah diaudit verifikasi dan memang perlu bayar, memang kerajaan telah *commit,* Yang Berhormat Menteri Kewangan telah *commit* untuk kami membuat pembayaran dalam bermula inilah, 2019 ini memang kena buat pembayaran bagi LHDN dan juga GST.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam lain perkataan duit itu tidak hilang, perkataan mudah. Duit itu tidak hilang, duit itu tidak dicuri.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Macam Tuan Haji Ramli kata dalam akaun.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam akaun okey itu cukup.

Tuan Wong Chen: *Can I ask,* siapa daripada Kementerian Kewangan yang boleh memberi *explanation* tentang RM19.4 bilion ini. *I mean somebody must be advising the Minister of Finance. It's not from your department? You're* Kastam? Kastam?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Tax.*

Tuan Wong Chen: MOF lah?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Ya.

Tuan Wong Chen: *Yourself Puan, you are MoF, you are in charge of*?

Dato' Khodijah binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan]: *We are in Tax Division.*

Tuan Wong Chen: *Oh! You are in Tax Division. So, who would be the ideal person to explain this RM19.4 billion from the Minister of Finance side?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Kastam.

Tuan Wong Chen: Kastam *advised the Minister of Finance about this RM19.4*?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: *Ya.*

Tuan Wong Chen: *He never consult you all? Not even the fiscal guy*?

Tuan Pengerusi: Maknanya semua urusan *refund,* GST, berapa banyak perlu dibayar Kewangan cuma ikut apa yang dicadangkan oleh Kastam, *that is the position.*

Encik Ezleezan bin Othman: Saya rasa tadi soalan tentang 19.4.

Tuan Pengerusi: Tak, tak ini soalan lain okey. Semua maknanya Kewangan ikut apa yang dicadang bayar oleh Kastam. *You are in no position* untuk pertikaikan kah ataupun tak hendak bayar kah.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *As percentage to increase– that's why* kita suruh buat audit.

Tuan Pengerusi: *That's the reason when you audit because…*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Percentage was increased,* macam dia kata tadilah 22 peratus naik ke 39 peratus.

Tuan Pengerusi: Boleh? Maknanya siapa yang boleh jawab nanti yang ini sekarang selepas Mei bagaimana pengurusan kewangan adakah berubah, sama?

Tuan Wong Chen: *Let me ask Encik Mohd Hassan one last question. Your budget is coming up right. November 2nd you* kena *table* bajet. *How are you treating this RM19.4 billion?*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Okay, one we need to allocate under our operating expenditure…*

Tuan Wong Chen: *To pay back.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *To pay back definitely.*

Tuan Wong Chen: *If you're allocating RM19.4 billion to pay back that means you agree with the Minister of Finance that's the money is missing.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *No, we will pay that whatever amount that is cleared to be paid. Cleared to be paid mean…*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Yang sudah diaudit.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Yang sudah diaudit lulus.

Tuan Pengerusi: *They have to pay back the refund* ya.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Refund, refund is obligation for the government, this is submission by the public,* rakyat, syarikat. Kalau melalui proses *auditing* dan verifikasi semuanya betul dan kita akan bayar, kita perlu memperuntukkan untuk membayar balik semua. Itu memang tidak boleh dinafikan.

■1150

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Akan tetapi...

Tuan Pengerusi: *So,* sekarang ini selepas Mei macam mana sekarang? *Is it the same?* Pengurusan kewangan yang sama?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Ia melalui proses yang sama.

Tuan Pengerusi: Banyak duit yang daripada *person income tax* masuk dalam *consolidated fund,* digunakan *gross..*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Sekarang selepas ini kita ada peranan juga aliran tunai. Dalam aliran tunai Kastam akan kata sejumlah RM2 bilion atau RM3.9 bilion adalah *clear* untuk dibayar. Dia masih tidak minta RM19 bilion. Dia hanya minta RM3.9 bilion dan kita akan membawa selepas ini KSP yang sekarang jadi KSN kata, kita akan buat satu memo kepada Menteri minta pandangan berapa kita perlu bayar?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Betul, keputusan itu saya kena tanya bahagian cukai dia buat *paper* berapa yang Menteri hendak bayar.

Tuan Pengerusi: Tidak, soalan saya tadi pungutan cukai daripada cukailah bentuk cukai, *not* GST masih masuk dalam *consolidated fund?* Banyak prosedur yang sama atau berubah?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Itu memang – masih masuk sama.

Tuan Pengerusi: Masih sama, tidak berubah.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Sama.

Tuan Pengerusi: Okey.

Beberapa Ahli: *[Berbincang sesama ahli tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: Encik Hassan, lanjutan daripada soalan daripada Yang Berhormat Subang tadi, *how are you going to treat this RM19.4 billion in the coming budget? So, you* kata okey – *are you trying to say that you will allocate this sum to standby in the budget and any claim that are approved will be paid off? So, that sum will be allocated RM19.4 billion?*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Yes, because* dulu sebelum kita bertukar *nett basis* kita *always collect gross* dan kita peruntukkan dalam belanja mengurus bayaran balik. Selepas itu, *because process* hendakkan lebih cepat, lebih cekap kita terus *nett*-kan sahaja. Maksudnya mereka terus *refund* AG kepada Kastam atau LHDN. *So*, saya rasa kalau GST telah dihentikan dan kita kena memperuntukkan balik ke dalam peruntukan belanja mengurus untuk membalikkan kesemua ini. Atau ada cara-cara yang lain kami akan fikir lagi sama ada hendak ambil sekarang ini, GST kita *nett*-kan sahaja pun bayar balik pun boleh juga kalau kerajaan bersetuju membuat begitu. Pada masa ini kita ada tuntutan GST bersih sebanyak lebih kurang RM23 bilion. Kalau kita bersetuju untuk membayar kita boleh terus bayar sekarang.

Seorang Ahli: *Offset.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: *Offset...*

Seorang Ahli: *Balance RM4 billion.*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Berapa yang ada itulah sahaja akan jadi sebagai tinggallah tetapi *subject to it must be cleared to be paid. Cleared to be paid,* yang RM19 bilion itu *only* tuntutan. Macam saya kata tadi macam MRT pun tuntut juga. Sama ada *you* hendak bayar MRT, kita pun tidak tahu MRT hendak buat apa ataupun hendak pulang balik pada orang yang beri duit kepada MRT.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini satu soalan dijawab oleh Kastam, kata sebelum ini ada tidak perkara ini timbul? Dia kata tidak ada tetapi sekarang ini ditimbulkan. Itu sebab kita hendak kalau boleh apabila tuntutan ini kita kata kita akan bayar, tetapi *it has to be verified and to be audited and certified by all departments. Otherwise,* salah itu keuntungan yang besar kepada peniaga-peniaga ini kerana dia yang buat tuntutan ini, mungkin dia yang mulakan dahulu dia akan dapat semua. Padahal mungkin kebanyakan daripada tuntutan mereka tidak berasas. Itu yang kita hendak. Terima kasih.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Macam dikatakan tadi dalam *internal audit* itu, apabila dibuat perbandingan tetapi dalam laporan ini saya tengok dia tidak masuk – tetapi masa secara perbincangan, dia buat perbandingan *filing* untuk syarikat yang sama pada LHDN lain, kepada Kastam lain. Padahal syarikat yang sama. Dia punya akaun itu tidak selaras.

Encik MA. Sivanesan: Tuan Pengerusi, kalau diizinkan di sini saya juga ingin memberi satu contoh bagi tuntutan berkaitan dengan bekalan yang belum dibuat, *non-supply* lebih kurang

RM3.9 bilion. Ini melibatkan – dalam carta ini melibatkan terutamanya syarikat-syarikat Petronas, anak syarikat Petronas di bawah Pengerang sebenarnya kebanyakan. *So,* yang ini pun sebenarnya Kastam pada ketika itu tidak mengemukakan sebarang tuntutan untuk membuat pembayaran tersebut. Setelah syarikat menghubungi ataupun membuat *appeal to MOF* dan sebagainya kerana dia ada komitmen tertentu dan syarikat-syarikat ini sebenarnya telah pun didaftarkan. *So,* pada ketika itulah mantan Tan Sri KSP pun telah mengarahkan supaya Kastam mengambil tindakan untuk membuat pembayaran secara...

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Ansuran.

Encik MA. Sivanesan: Ansuran untuk membolehkan – tidak memberi impak besar kepada *cash flow. So,* sebenarnya yang RM19 bilion ini yang dikatakan tidak berbangkit pada asal ini sebabkan keadaan-keadaan tertentu ini yang Kastam tidak membuat pembayaran. Kemudiannya apabila dibawa ke perhatian MOF, kita pun memastikan bahawa dia mengikut peraturan. Sebenarnya perlu dibayar balik dan arahan dibuat supaya Kastam memulakan pembayaran. Itu yang dilaporkan semalam pun mulai bulan Mei. Walau bagaimanapun, keadaan semasa pada bulan Mei tersebut dan Jun seterusnya ada kekangan saya rasa belum lagi dibuat pembayaran tersebut kepada kategori tiga ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi pada masa yang sama *we need to be fair to the business people as well. You cannot be holding their money for too long because they have got to operate.* Akan tetapi kerajaan punya kepentingan pun kita kena jaga juga. Jangan sewenang-wenangnya kita boleh bayar semua.

Tuan Pengerusi: Ada soalan daripada ahli-ahli? Ya.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan saya berdasarkan maklumat daripada Encik Hassan tadi. Maknanya kerajaan bersedia untuk membayar balik apabila tuntutan itu lengkap, sempurna dan sepatutnya. Cuma ringkasannya bererti apabila kita sanggup bayar bererti kita mengakui dan akur bahawa kita telah menggunakan duit mereka – sebab dalam akaun tidak ada ya. Jadi kita telah sanggup untuk membayar apa yang telah kita gunakan untuk dipulangkan kepada mereka. Bererti duit tadi – saya tidak mahulah guna istilah rompak ataupun curi tetapi saya hendak mengatakan bahawa duit tadi tidak ada dalam akaun dengan mengandaikan bahawa kita telah gunakan duit itu dan sekarang kita perlu bayar walaupun termasuk bajet yang akan datang.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Saya *either* – saya tidak pasti kita telah menggunakan *because* apa yang kita telah bersetuju di peringkat awal adalah sebahagian daripada kutipan akan digunakan untuk perbelanjaan dan sebahagian daripada untuk bayaran balik. *So,* dalam keadaan di mana tuntutan bayaran balik itu setelah dibuat audit melebihi daripada apa yang

dianggarkan oleh pihak Kastam di sinilah saya rasa bagi pihak kerajaan kita perlu pulang balik. Cuma Yang Berhormat mengatakan bahawa kita telah mengguna pakai *is because* inilah yang telah di-*commit* oleh Kastam bahawa ini sahaja *you* boleh pakai dia kata, yang lain itu...

Tuan Pengerusi: Semua cadangan Kastam.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Yang lain itu saya hendak pakai dia kata. *So*, kita ambil benda itu sebagai...

Tuan Pengerusi: Ya, yang perkataan pakai itu pun dipakai berpandukan kepada apa yang telah dirancang oleh kerajaan, dibajetkan oleh kerajaan, *is it?*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Akan tetapi – ya.

Tuan Pengerusi: *I think we are clear on that part.* Boleh, Yang Berhormat?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey, okey.

Tuan Pengerusi: Okey, kita *clear on that part.* Dia masalah dia apabila Kastam kata, *"This amount you* boleh pakai. Selepas itu *this amount* kita *refund".* Akan tetapi dalam keadaan *refund* itu terlampau tinggi daripada mereka jangkakan. *That is where the problem is.* Itu masalah dia berbangkit daripada sana. Pihak Kastam katakan, *"This much* untuk *refund, this much* untuk pakai pengurusan kerajaan dan pembangunan kerajaan".

Tuan Wong Chen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, tiba-tiba ia melonjak terlampau tinggi *so we cannot cope,* tidak boleh *cope*. Duit sudah kita pakai untuk pembangunan – *I see this in the budget on the consolidated fund. That is what you are saying, isn't it? That is what I understand, actually.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi saya ada *my innovation* kalau kita gunakan perkataan 'kerajaan menggunakan', tidak betul itu. Tidak berapa tepat.

Tuan Pengerusi: *The part explained,* seperti yang didengarkan, seperti yang dibajetkan oleh kerajaan yang dibenarkan untuk diguna. Seperti dalam bajetlah. *Whatever money the consolidated fund.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Duit itu sepatutnya dipulangkan semula.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Yes, okay.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *On the mic Tan Sri, on the mic* nanti tidak masuk dalam itu.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Okay. So, you know like wise* Tuan Pengerusi kata *it's already you know, Customs tabled RM44 billion nett. So that's what we budgeted for our* perbelanjaan pengurusan.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *So*, semua kementerian apa semua perbelanjaan mengurus. Jadi kalau amaun itu diminta balik, macam mana kita hendak – *so...*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu itu kutipan yang sepatutnya dibayar balik sudah diguna pakai di dalam akaun disatukan. Jadi maknanya ada pinjaman daripada rakyat tanpa faedah, *interest.*

■1200

Jadi, oleh sebab ramai rakyat yang sokong PH, sudi menderma kepada Tabung Harapan. Ini kalau kita boleh —ini peribadilah, pandangan saya — kalau kita boleh secara terusnya dan jujur bagi tahu rakyat ini adalah keadaan sudah diguna pakai. Jadi bagi masa untuk contohnya bayar balik tanpa faedahlah sebagai satu tanda sokongan kepada Kerajaan PH —PH akan tetap akan bayar balik semua ini.

Ini kerana bukan dilakukan oleh Kerajaan PH, ini dilakukan di bawah kerajaan yang lama. Akan tetapi, ini duit memang yang sekurang-kurangnya RM16 bilion yang ada atau yang baki masih dalam siasatan. Jadi ini adalah satu pinjaman bagi saya dari pengilang-pengilang atau pemegang lesen GST.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, ada satu soalan lagi. Tadi kerana Tan Sri ada sebut tentang bahawa *supplementary bill* iaitu apabila kita bentang *supplementary bill* untuk tambahkan bajet khasnya untuk operasi lagi. Itu pun ada kesan terhadap akaun kumpulan wang yang disatukan– untuk *actual money* yang kita ada dalam akaun itulah. Adakah apabila kita uruskan *supplementary budget* itu sama proses juga dengan bajet yang biasa iaitu kita akan lihat berapa yang kita ada dalam akaun itu atau macam mana.

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Betul Yang Berhormat, apa-apa permintaan tambahan kita kena tengok kedudukan kewangan kita pada waktu tersebut. Kalau kita merasakan kita mampu untuk menampung, kita boleh pergi sebagai *supplementary budget because* kita yakin bahawa kita ada hasil untuk membiayai tersebut ataupun kalau di peringkat pembangunan kalau kita rasa memang perlu, kita perlu buat dan kita terpaksa meminjam, kita akan pinjam.

So, apa yang berlaku apabila permintaan daripada agensi-agensi untuk melakukan *supplementary* atau permintaan tambahan, kita sentiasa akan meminta mereka *trade off,* ada

tidak penjimatan di dalam program sedia ada. Sekiranya ada dan kita akan bersetuju untuk melakukan permohonan tambahan mereka itu. Cuma di sini bila kita lihat proses bajet itu sendiri, kita *table budget* dan apa sahaja program yang baru kita akan bentang juga.

Sebenarnya di dalam kementerian mereka ada penjimatan daripada program sedia ada yang asal itu. Beginilah kita melihat bahawa tidak ada peningkatan perbelanjaan menyebabkan ada penjimatan. Akan tetapi dari segi *aggregate budget* itu ia dua kali tambah — yang pertama dan yang kedua. Akan tetapi, sebenarnya adalah ia sama balik ada penjimatan tapi prosesnya sama, akan sentiasa melihat kedudukan ekonomi. Fasal itu dua kali kita buat *recalibration budget*, semakan semula bajet 2015 dan 2016 kita potong keseluruhan hampir, *I think almost 20 percent* daripada semua program projek sebab harga minta jatuh, kita tidak mampu menampung penurunan harga minyak yang banyak, kita potong walaupun kementerian marah tapi ini adalah untuk pembangunan negaralah sebenarnya, kita kena *manage*.

Puan Wong Shu Qi: Saya hendak minta tanya lagi tentang *supplementary bill, supplementary budget* ini. Akhirnya kalau ikut kenyataan yang diberi tadi, adakah *supplementary budget* ada kesan negatif terhadap pembayaran balik GST atau tidak?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Like I said, you know, Customss promised RM44 billion. Whatever, within that RM44 billion we can spend. So, like* Hassan *says we calculate* kemampuan kerajaan, hasil dan sebagainya.

So, within RM44 billion we spend unless there is additional nett revenue Customs hendak bagi. *So, we spend within the RM44 billion. The supplementary budget usually we find other revenue for example dividend and so on or LHDN* kutip lebih kah. *I don't know we look at the revenue profile than only we can do the supplementary budget but it doesn't affect these the gross whatever repayment yang Customs dapat, GST and so on.*

So, whatever they promise nett thats what we work within that nett.

Tuan Pengerusi: Lagi? *This side.* Okey, cepat faham. Lebih kurang masa yang sama macam semalam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bagus ini.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, sebelum kita mungkin tamatkan sesi ini. *I've no question, no further question for the bencher.* Akan tetapi *I think* setelah dua hari kita bincang *I'm interested to know — to get an answer perhaps in the next session from the* jabatan, *from the AG's Chambers especially the drafting committee — the drafting team on the intention of the legislation behind section 54 especially 54(2) to request for the money to be put in the* Amanah Akaun *and 54(5) to give the power the Minister to make decision for the money to be put in the consolidated fund.*

So, I think the interest of this committee mungkin kita boleh mendapatkan pencerahan daripada *AG's Chambers — the drafting committee when they submitted the draft– I mean the bill to Parliament, when they prepare the bill– what is the intention behind this section 54(2), why must the money be put in the* Amanah Akaun *and why must them giving the Minister power to go under 54(5). So, I wonder if AG's Chambers can do that in the next session.*

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: *To consult the drafting division which involve in drafting the bill on that.*

Tuan Wong Kah Woh: *So, my concern is section 54.*

Tuan Pengerusi: *But you also apply to the Income Tax Act because the elements of refund in both, GST and Income Tax Act.*

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: *Besides that, we have also the explanatory notes to the bill as well as Hansard of the Parliament during the tabling itself.*

Tuan Pengerusi: Okey, ada lagi Tan Sri? Selesai sudah *on our part.* Okey, terima kasih banyak seperti semalam saya rakamkan penghargaan terima kasih kepada Tan Sri dan *team* Kementerian Kewangan, Timbalan KSP Kementerian Kewangan dan semua anggota *team* yang ada pada pagi ini.

Saya yakin kita telah lebih dari separuh jalan untuk mengetahui, menyelesaikan, merungkai isu yang di hadapan PAC hari ini dan tentu sekali taklimat dan keterangan yang diberikan oleh Tan Sri dan *team* membantu kami dalam merungkai isu di hadapan PAC ketika ini iaitu berhubung dengan *refund* GST yang sedang kita mencari penyelesaian terhadap isu itu.

Jadi terima kasih sekali lagi kita rakamkan kepada Tan Sri walaupun bersara tetapi sanggup datang. Saya difahamkan semalam baru dimaklumkan secara peribadi tentang notis ini. Saya dengan SUDR dan pegawai undang-undang tadi telah melihat semula peraturan mesyuarat dan Akta Parlimen untuk menyerah *summon* itu lebih teratur dan bukan melalui kementerian seperti yang dibuat oleh sekarang ini. Jadi itu antara pendekatan baru yang kita buat berpandukan kepada Akta Parlimen dan juga peraturan mesyuarat.

Jadi *we will come out with a better way to serve the summon than to serve to the* kementerian. *It is provided in the* Akta Parlimen *the summon must be serve to the intended person not through the* kementerian. *So, the PAC have overlooked all these while but — we came to know it through the* Akta Parlimen *that it has to be served direct to the person.*

So, we got to look that in the next hearing, next witness called. So, terima kasih banyak Tan Sri.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Saya bagi pihak Kementerian Kewangan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.09 tengah hari]

Bil. 9

Selasa
25 September 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion

Mantan Menteri Kewangan II:-

i. Yang Berbahagia Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah
(Bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016)

ii. Yang Berbahagia Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani
(Bagi tempoh Jun 2016 hingga April 2018)

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 25 SEPTEMBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

samb/-

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara
YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara
YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara
Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah I (Seksyen Bajet Pembangunan)]

SAKSI

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
YBhg. Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Mantan Menteri Kewangan II]
YBhg. Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Mantan Menteri Kewangan II]
YBhg. Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]
Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

samb/-

SAKSI *(samb/-)*

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST) – TSBC (CTL)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]
Puan Noor Aidawati binti Hussin [Penolong Setiausaha (Bahagian Fiskal & Ekonomi) – PE (SH)1]
Encik Muhamad Syah bin Ab Raub [Penolong Setiausaha (Bahagian Fiskal & Ekonomi) – PE(SH)2]
Encik Adinan bin Din [Pegawai kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 25 September 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC Tuan Wong Kah Woh iaitu Ahli Parlimen Ipoh Timur, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha PAC yang juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC kerana dapat hadir pada pagi ini. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai *ex officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi.

Hari ini merupakan lanjutan daripada prosiding PAC yang membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion. Hadir memberi keterangan pada pagi ini adalah mantan-mantan Menteri Kewangan II, orang-orang penting dalam Kementerian Kewangan, Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016 dan Menteri Kewangan II bagi tempoh Jun 2016 hingga April 2018, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua mantan Menteri Kewangan II ini kerana berkesempatan untuk bersama-sama kita memberi keterangan pada pagi ini berhubung dengan isu yang sedang disiasat oleh PAC. Tanpa melengahkan masa saya ingin memulakan prosiding ini dengan bertanyakan kepada mereka tentang peranan mereka sebagai Menteri Kewangan II berhubung dengan wang di dalam *Consolidated Fund* dan penggunaan wang-wang yang berada di dalam *Consolidated Fund.* Terima kasih ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Mantan Menteri Kewangan II]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana panggil saya untuk memberi penerangan. *Now,* yang paling penting ialah kita kena tahu komponen di dalam *Consolidated Account. They got three components.* Satu ialah kita ada *Revenue Consolidated Accounts* kemudian kita ada Akaun *Consolidated* Pembangunan dan yang ketiga ialah kita ada Akaun Amanah.

Now, ketiga-tiga akaun ini yang kita panggil *Consolidated Account* ini, *the modus operandi for GST refund is basically* kuasa yang telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada spesifik ahli jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP. Jadi setiap *revenue* yang di *collect* dari GST secara *gross* akan

dimasukkan dalam *Consolidated Revenue Accounts,* kemudian pada setiap bulan ataupun setiap *quarter* ataupun bila diperlukan maka sebahagian daripada wang-wang ini akan di *transfer* kepada akaun amanah GST yang untuk dipulangkan ataupun *refund* GST.

Jadi proses ini adalah kita panggil *operational process* ataupun *operational matters* yang dikendalikan oleh kakitangan kerajaan yang tidak melibatkan Menteri Kewangan II. Saya tidak pernah terlibat langsung dari segi siapa perlu di *refund* dan berapa banyak *refund.* Ini semua terletak pada budi bicara Ketua Pengarah Kastam dan juga jawatankuasa pengurusan *cash flow* yang dipengerusikan oleh KSP, itu yang saya difahamkan.

Kedua, dalam soal hendak *refund* ini saya mengambil maklum bahawa semua syarikat boleh minta *refund. Any* syarikat yang membayar GST *are entitled for refund.* Akan tetapi untuk *refund* ini dia kena melalui berbagai-bagai proses yang masih saya ingat yang telah di *brief* kepada saya waktu saya menjawat jawatan Menteri Kewangan II selama 21 bulan, iaitu *refund* ini melalui proses dan akhirnya ia akan terbahagi kepada berbagai-bagai kategori selepas syarikat menghantar *refund* tersebut ataupun *claim refund* tersebut. Pertama ialah *refund* yang masih dalam proses semakan.

Kemudian *refunds* yang memang di *acknowledge* tetapi tidak boleh di *refund* kerana syarikat-syarikat yang *request refund* tersebut belum menjalankan perniagaan tetapi telah *incurred* GST dari segi *supply* yang telah dibuat untuk mewujudkan perniagaan. Jadi kalau dia beli segala *equipment*, buat apa segala dia punya *factory* dan sebagainya... *[Berlaku kemalangan air tertumpah di meja saksi]*

Jadi untuk pengetahuan Tuan Pengerusi PAC bahawa *day to day affairs* mengendalikan soal-soal *refund* ini adalah atas budi bicara KSP dan Ketua Pengarah Kastam dan juga ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam proses ini. Kalau mereka ada masalah dari segi soal-soal dasar dan polisi, mereka terpaksa merujuk kepada Menteri Kewangan kerana Menteri Kewanganlah yang mengagihkan kuasa untuk mereka beroperasi di bawah. Mereka tidak pernah pergi *refer* kepada Menteri Kewangan II sepanjang saya. Saya tidak tahu Dato' Seri Husni, tetapi *during my time, they are not.*

Tuan Pengerusi: Ada tidak ketika Menteri Kewangan itu panjangkan arahan melalui Menteri Kewangan II?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak pernah. Tidak pernah sekali dalam masa 21 bulan saya menerima sebarang nota ataupun minit daripada Menteri Kewangan kepada saya untuk melihat perkara-perkara yang telah berlaku dalam soal *refund* ini yang tidak mengikut prosedur. Saya juga tidak pernah menerima sebarang laporan daripada KSP ataupun Ketua Pengarah Kastam dari segi soal prosedur yang tidak dipatuhi.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Datuk Seri, pertama sekali mungkin secara rekod, dari tempoh bila sampai bila Datuk Seri menjawat jawatan MK II? Secara *on record, just for record.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Selama 21 bulan kah, *can't remember the date. Could be somewhere July...*

Tuan Wong Kah Woh: Julai?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *28 July 2016.*

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: 2016.

■1010

Tuan Pengerusi: *My text is June 2016.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Okay, 2016.*

Tuan Pengerusi: Hingga April 2018.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So,* dalam perkara ini, berkenaan dengan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP, jawatankuasa *cash flow* itu, sama ada MK II merupakan salah seorang ahli atau tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister doesn't get involved in day to day running of the* - kita cuma susun dasar dan polisi. *We take note about the term of references, we take note about* kuasa yang telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa ini. Segala prosedur pembayaran balik GST ini perlulah mengikut beberapa garis panduan ataupun prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan]: Tuan Pengerusi, boleh saya perbetulkan sedikit?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Bukan jawatankuasa aliran tunai atau *cash flow,* tetapi sebenarnya Jawatankuasa Pembayaran Balik Cukai, *it's a different committee.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, *some clarification. You said* kalau ada apa-apa masalah di peringkat Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ini, *they have to refer to...*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Menteri Kewangan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Minister of Finance. Is it the Minister of Finance II?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister of Finance.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Menteri Kewangan II, adakah juga...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Termasuk dalam takrifan *Minister of Finance?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak! Kalau kita mengikut susun atur akta yang telah diberi iaitu kuasa diperturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa tersebut.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Is there any definition of Minister of Finance?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister of Finance* adalah...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Normally* kita tengok dalam sesetengah akta, kalau kata pengarah *is including* timbalan pengarah. *So,* adakah ini macam itu juga?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Mengikut fahaman saya dalam kita punya Perlembagaan, Menteri Kewangan ialah Menteri Kewangan. Saya minta *legal*, kalau AG boleh beri *definition,* Menteri Kewangan sama dengan Menteri Kewangan II, saya hendak tahulah. Ada?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I, Jabatan Peguam Negara]: Tuan Pengerusi, dia berdasarkan perintah-perintah tugas Menteri yang *determine who is the Minister in charge or Minister responsible. So, definitely* dalam kes ini, Perdana Menteri juga disenaraikan sebagai Menteri yang bertanggungjawab berhubung perkara-perkara mengenai kewangan.

Tuan Wong Kah Woh: *I think* soalan di sini adalah sama ada Menteri Kewangan II dimasukkan dalam kategori definisi Menteri Kewangan dalam akta?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Memang dinyatakan tetapi di bawah itu ada dinyatakan pula Menteri Kewangan II. Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kuasa sama?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Ya?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kuasa sama?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Kuasa terpulang kepada Menteri untuk menentukan kuasa-kuasa.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *So,* kalau Menteri Kewangan tidak ada menurunkan kuasa, tidak adalah?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Terpulang kepada pembahagian tugas. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sebab begini Tuan Pengerusi, Menteri Kewangan II bukan Timbalan Menteri Kewangan. *He is* Menteri Kewangan *also, but* Menteri Kewangan II. *So,* kalau kita tengok *some* akta *for example* Akta Kerajaan Tempatan, *when we mentioned about* Yang di-Pertua *local government, it's including* Timbalan Yang di-Pertua kalau ada. *That is why I ask you,* adakah termasuk...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Soalan ini saya ingat kita minta pandangan AG *because* AG punya *definition* saya hendak tanya, adakah Menteri Kewangan dengan Menteri Kewangan II *same status?*

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Lebih kurang sama tetapi pembahagian tugas itu kebiasaannya dibuat di antara Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan II. *So,* sama ada dalam kes ini ada pembahagian tugas yang telah dibuat, saya tidak pastilah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sejak saya menjawat 21 bulan Menteri Kewangan II, dia tidak ada spesifik pembahagian tugas. Akan tetapi kuasa yang diperturunkan yang saya tahu dari sudut soal ini ialah kuasa Menteri Kewangan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sebagai contoh Tuan Pengerusi, bajet dibentangkan oleh Menteri Kewangan, tetapi penggulungan bajet oleh Menteri Kewangan II. Itu di Parlimenlah, amalan di Parlimen.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Macam amalan – begitu juga soalan. Soalan di Parlimen dikemukakan kepada Menteri dan Timbalan Menteri boleh jawab.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Bukan Timbalan Menteri. Ini Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yalah. Maksud saya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Walaupun bajet dibentangkan oleh Menteri Kewangan tetapi penggulungan bajet oleh Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya. Maksud saya ialah soalan yang dikeluarkan kepada Menteri tetapi jawapan boleh diberi oleh Timbalan Menteri. Ini bermakna kalau Menteri Kewangan *present* bajet, tidak salah untuk Timbalan Menteri atau Menteri Kewangan II menjawab.

Tuan Pengerusi: Itu *very clear* dalam peraturan dalam Parlimen. Menteri merujuk kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Jadi, yang isu soalan ini saya rasa...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: AG kena buat *definition*.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, izinkan saya mungkin membuat satu rumusan berkenaan dengan masalah ini. Sekiranya Datuk Seri boleh bersetuju bahawa *the definition of* Menteri Kewangan mungkin, *may have included* Menteri Kewangan II. Akan tetapi secara praktikalnya dalam isu yang kita bincangkan di hadapan kita ini, segala keputusan berkenaan dengan *GST refunds* ini adalah di bawah bidang kuasa dan dibuat oleh Menteri Kewangan sahaja. Menteri Kewangan II sama ada Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani ataupun Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, kedua-dua sepanjang masa ini tidak terlibat. *So, can I say that?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya. Saya punya pandangan ialah kita tengok balik penurunan kuasa. Kalau kuasa itu diturunkan kepada Menteri Kewangan II, *it has to be specific*. Maknanya dalam soal *GST refund* ini, kuasa itu diturunkan secara spesifik kepada jawatankuasa. *That means specifically in the Act says that* Menteri Kewangan boleh menurunkan kuasa kepada ahli jawatankuasa. Jadi kalau dari segi konteks itu, *that is my opinion*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk Seri, itu bukan yang isu...

Tuan Wong Hon Wai: Soalan saya yang lebih spesifik kerana menurut...

Tuan Wong Kah Woh: *I think Dato' Seri Haji Ahmad Husni have something to add on the same issue.*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Mantan Menteri Kewangan II]: Tuan Pengerusi, saya ingat biar saya tanya TKSP. Kita laksanakan GST April 2015, jadi *for the year 2015* Menteri turunkan *RM80 million* untuk *refund tax credit* bukan? *RM80 million and then 2016 onwards 35 percent of total collections*. Saya hendak tanya, sepanjang jawatankuasa itu sama ada peringkat MoF ataupun *Customs*, ada tidak pernah angkat apa-apa isu kepada Menteri? Sefaham saya tidak pernah fasal GST ini adalah dari segi kuasa Menteri ditetapkan berapa peratus *collect, and then* kalau kita hendak keluarkan, Menteri *decide*. Akan tetapi *it is operational matters. It is nothing to do with policy*. Saya ingat tidak ada.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sepanjang pengetahuan kami, memang tidak ada.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Memang tidak ada, *never*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Seperti kata Datuk Seri Johari itu betullah, memang tidak ada langsung.

Tuan Pengerusi: Sama ada Menteri Kewangan II itu terlibat tidak dalam pengurusan penggunaan wang dana dalam *Consolidated Fund?*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dia seperti mana kata Datuk Seri Johari tadi, *Consolidated Account* ini dia ada *two parts.* Satu *the revenue*, satu lagi *expenditure. Revenue* ini *from various sources and then* dia punya *expenditure* ialah kos operasi dan kos pembangunan. Ini kita *table* dalam Kabinet, *it is tabled in Cabinet. Not in Cabinet, in Parliament. It's approved in Parliament.* Oleh sebab itu saya hendak tanya soalan kepada Tuan Pengerusi, yang cerita RM19.4 bilion itu apa sebenarnya isu dia? *When it happens?*

Tuan Pengerusi: Yang itu sudah...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Jadi kita lebih jelaslah.

Tuan Pengerusi: Yang itu kita sudah *settled* dengan Kastam. Kastam sudah beri keterangan kepada kami.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak. *At least* kita tahulah, saya sebagai Menteri tahulah apa dia punya isu *basically.*

Tuan Pengerusi: *The task of this* PAC adalah untuk mencari keterangan terhadap tuduhan ataupun kenyataan Menteri Kewangan II dalam Parlimen tentang... *[Disampuk]* Menteri Kewangan *present* ini tentang *statement* yang menyatakan bahawa sejumlah wang itu, *initially* RM18 bilion, selepas itu RM19.4 bilion telah disalahgunakan oleh kerajaan. *So,* sebab itu kita memanggil saksi-saksi untuk mencari sama ada disalah guna atau tidak duit itu. Itu merupakan *task* jawatankuasa ini.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Pada saya lebih jelas sekaranglah. Kalau salah guna, dia semua ada dalam bentuk tulisan. Maknanya salah guna itu pergi ke mana.

Tuan Pengerusi: *Exactly, we are trying to find.*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sebab isunya macam ini, kita sudah *approved* dalam Parlimen, dia ada dia punya perbelanjaan itu. *So*, itulah *ruling* dia. Selepas itu kalau kita ada pinda, katalah kita pindah kepada A, tambahkan A punya perbelanjaan, dia kena bajet tambahan. *That means*, Menteri Kewangan sekarang patut buat bajet tambahan kalau betul-betul digunakan begitu. Itu yang saya maksudkan, lebih jelas kepada saya. Ini kerana kita tidak mahu kita kata RM19.4 bilion *because* ada di situ, kemudian disalah guna. *I don't think* disalah guna *because you imagine* kerajaan punya *financial*, dia ada *four parts.*

■1020

Satu, *preparation of the budget.* Kemudian, *approval of the budget,* di sini di Parlimen *and then, the utilisation of the budget.* Kita guna kementerian *by* kementerian. Selepas itu *monitoring*, itu yang ada Ketua Audit Negara punya *report* itu.

Tuan Pengerusi: Okey, maknanya...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *It is not something that we can just move here and there.*

Tuan Pengerusi: Maknanya semua penggunaan duit dalam *Consolidated Fund* itu digunakan mengikut *whatever was budgeted for.* Itu yang kita hendak tahu. *So* bila dikatakan hilang, dirompak, *so* sebab itu kita kena tanya sama ada KSP rompak kah, Menteri Kewangan I rompak kah, Menteri Kewangan II kah, pegawai kerajaan rompak kah. Itu yang kita hendak cari keterangan ini ya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Rompak itu *is a word* yang *too strong.* Rompak itu maknanya macam kita ambil keluar daripada kerajaan *RM19 billion. It is impossible. [Disampuk] It is impossible* bawa itu. Dia kalau duit itu kalau kata kita belanja tempat lain, okey, boleh *tetapi must get the approval of the Parliament.*

Tuan Pengerusi: Kita pertikai juga penggunaan itu.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya hendak tanya kepada Tuan Pengerusi ya, *RM19.4 billion* saya ingat kita ada Kementerian Kewangan, dia ada pecahan dia. *We should know the* pecahan, berapa sudah diproses untuk bayar, berapa sedang diproses, berapa yang baru dimohon. *Can you please* itu? *Let us know better.*

Tuan Wong Kah Woh: *We have been briefed on that.*

Tuan Pengerusi: *We have that already.* Kita sudah dapat keterangan itu.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tak. Untuk saya lah. Sekarang kita berbincang, *better to know.* Kita tak mahu tuduhan-tuduhan *because,* Tuan Pengerusi, *honestly I say, I hope in October, November, December* bila pergi mesyuarat *World Bank,* IMF, *rating agency* akan tanya negeri-negeri. Jadi bila kita buat *statement* macam ini, dia datang *perception* yang buruk. *The rating agency will ask this question and I really hope* bila pergi nanti, *rating* kita tak jatuh. Kalau jatuh, *it's finish* kita punya ekonomi. *Honestly,* itu yang saya risau itu. Itu pasal bila buat *statement* itu saya risau, saya risau.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Kalau mengikut maklumat yang disediakan oleh Jabatan Kastam Malaysia, sebanyak RM1.5 bilion telah diluluskan tetapi belum dibayar, manakala dalam semakan ialah RM9.6 bilion yang merangkumi 50 peratus daripada RM19.4 bilion tadi dan tiada pembekalan bercukai sebanyak RM3.9 bilion...

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: RM3.9 bilion untuk apa ini?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Untuk ini, yang tiada pembekalan bercukai, *no supplies yet.* Isu pelepasan sebanyak RM0.9 bilion dan dalam *investigation* sebanyak RM3.5 bilion. Ini sehingga 31 Mei 2018.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang belum dibayar *is actually 1.5* lah?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: *1.5.* Ya, betul.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kalau macam ini Tuan Pengerusi, saya hendak tanya lagi, *I think it's fair for me to know...*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah Majlis PAC memanggil kedua-dua mantan Menteri Kewangan II. Jadi izinkan kami untuk meneruskan tugas kami

sebenarnya. Untuk *brief* kepada Menteri Kewangan II itu saya rasa bukan di sini tempatnya. Minta maaf kalau...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak, saya macam ini. Faham saya, kalau kita hendak tanya soalan, *we should know the basis of that.* Jadi macam mana kita hendak jawab kalau tanya soalan setakat yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, apakah tugas kita, sudah habis kita punya cerita.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tak. Saya ada soalan-soalan asas yang ingin saya kemukakan.

Tuan Wong Hon Wai: Biar saya tanya satu soalan spesifik kepada dua-dua Dato' Seri sebagai mantan Menteri Kewangan II. Tadi telah dinyatakan bahawa tiada arahan mengenai GST semua. Saya hendak merujuk kepada Akta GST seksyen 54 di mana penubuhan Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Di bawah subseksyen 2, hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri. Di bawah subseksyen 5, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam kumpulan wang itu.

Sama ada kedua-dua mantan Menteri Kewangan II ini ada menggunakan kuasa di bawah seksyen 54 subseksyen 5 yang sepatutnya GST kena dimasukkan dalam *trust account* tetapi adakah kedua-dua mantan Menteri ada pernah menggunakan kuasa itu ataupun kuasa itu dilaksanakan oleh Menteri Kewangan?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya punya *understanding* ialah bila kita buat itu, *decision has been made. That means made by the Minister. That means for 2015, RM80 million.* Makna dari kutipan itu, *RM80 million* masuk dalam *trust account* itu *and then for the year 2016 onwards, 35 percent of the total.* Itu sahaja itu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *So* maksudnya kedua-dua mantan Menteri tidak melaksanakan di bawah seksyen itu?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *I think Prime Minister, Minister of MoF.* Pasal pada masa itu kita sudah tahu tidak pada kita...

Tuan Wong Hon Wai: *I mean* bukan Menteri Kewangan II yang melaksanakan kuasa di bawah itulah? Kenalah spesifik.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tak ada.

Tuan Wong Hon Wai: Tak ada. Datuk Seri Johari?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No.*

Tuan Wong Hon Wai: Okey, kedua-dua tidak melaksanakan kuasa di bawah seksyen itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Yang Berhormat sahabat saya tadi, boleh kita diberitahu apakah peranan Menteri Kewangan II dalam konteks GST ini? Apa peranan dia? Kalau sudah semua Menteri Kewangan, apa peranan Menteri Kewangan II dalam konteks ini ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Apa-apa isu yang berbangkit soal GST, soal operasi GST yang dikemukakan di Parlimen, kita akan jawab. Kemudian kalau ada isu-isu yang berbangkit soal GST, kalau ada orang buat rayuan *specifically* dia sudah habis *all* dia punya isu dekat Kastam, tak boleh selesai, *and he wrote the letter or they wrote the letter to PM, Finance Minister or* kepada pejabat saya, kalau saya tengok ada kes-kes yang perlu diselesaikan, saya akan bagi minit kepada Ketua Pengarah Kastam untuk maklum kepada saya apa masalah dia. Dari situ kita mencari jalan penyelesaian.

Kalau tak ada, tak adalah *and then* di samping itu dari segi konteks GST ini ialah kita memastikan polisi dan dasar GST ini sentiasa terurus dan kalau ada undang-undang yang boleh kita perbetulkan untuk mencekapkan lagi proses GST ini, kita akan bawa ke Parlimen. *That is* kita punya *role. More on* dasar, polisi.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, lanjutan daripada soalan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, mungkin sama ada TKSP boleh menjelaskan ataupun memberi maklumat kepada kami berkenaan dengan – *so now we know* kuasa di bawah seksyen 54 Akta GST adalah dilaksanakan oleh Menteri Kewangan. *So, it is not* Menteri Kewangan II. *That is number one.*

Number two, sama ada kita ada apa-apa minit yang menunjukkan keputusan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan berkenaan dengan kuasanya di bawah seksyen 54 tersebut khasnya pembayaran kesemua wang kutipan GST ke dalam *consolidated account? Is there any minutes?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sebenarnya bukan dalam minit tetapi dalam surat ikatan tabung amanah.

Tuan Wong Kah Woh: *Is there a copy provided to us last round? I think no, right?*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sekarang kita sudah dapat.

Tuan Wong Kah Woh: Sudah dapat ya? *Okay, thank you.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sepatutnya *everybody* ada surat.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, kalau saya boleh tanya susulan kepada jawapan daripada Datuk Seri Johari sebentar tadi. Datuk ada sebut bahawa peranan sebagai Menteri Kewangan II adalah untuk meneliti soal operasi dasar polisi yang dibangkitkan sama ada melalui pertanyaan dan sebagainya. Cuma dalam kes *refund* ini, pernah kah Datuk Seri dikemukakan masalah ataupun kelewatan bayaran balik oleh pihak Kastam ataupun macam mana? Sebab, apa yang digambarkan kelewatan itu ada yang lebih daripada tiga bulan, enam bulan malah bertahun-tahun.

■1030

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sepertimana apa yang disebut oleh TKSP tadi, dia ada *various stages before the claim has been finalised.* Jadi kemungkinan besar, mana-mana maklumat yang tidak dapat diperoleh oleh syarikat-syarikat atau individu-individu yang membuat *claim* ini kerana maklumat tidak lengkap, mereka tidak faham, jadi bila dia tidak dapat jawapan daripada Kastam dia akan *write a letter* kepada Menteri Kewangan atau kadang-kadang di pejabat saya.

Jadi selalunya kalau saya dapat surat-surat macam itu, saya akan *put a minute* untuk dihantar kepada Ketua Pengarah Kastam untuk *explain why refund has not been made.* Selalunya, maklumat yang

kita dapat ialah kerana tidak lengkap dokumen dan sebagainya maka saya suruh mereka komunikasi dengan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Dalam ingatan Datuk Seri, berapa banyak maksudnya kes-kes begini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I can't remember,* tetapi yang saya ingat ada *one particular case,* ia melibatkan sebuah syarikat yang agak besar iaitu Shell. *The CEO and the Chairman came personally to see me, basically to discuss about the refund premium, refund GST.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, sehubungan dengan Yang Berhormat Johor Bahru, sekejap tadi Datuk Seri menyebut bahawa Menteri Kewangan II *is got nothing to do* dengan GST *or the operation of the GST.* Sekarang ini Datuk Seri sendiri mengesahkan bahawa pernah menerima beberapa rayuan dan sebagainya daripada pihak-pihak tertentu. Oleh sebab kalau daripada awal kita ambil Menteri Kewangan II ini tidak ada kena mengena, *so* tidak ada relevan kita panggil Menteri Kewangan II. Akan tetapi sekarang ini macam mana? Boleh kita sahkan Menteri Kewangan II memang mempunyai peranan dan juga *power* dalam hal *operation of this GST?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kita kena tengok dalam konteks soalan. Soalan *you* tanya tadi soalan mengenai *refund.* Jadi *refund* ini *operational matters*, saya punya *reply* memang kita tidak terlibat. Ini diturunkan kuasa kepada jawatankuasa untuk terlibat. Ini soal dia tanya soalan ada atau tidak syarikat-syarikat – betul, kita ada Menteri Kewangan II, kita ada Menteri Kewangan. Kalau mereka tidak boleh selesai masalah dia dengan pihak Kastam, maka sudah tentu dia akan tulis surat kepada kita. Bila saya tengok kalau ada isu-isu yang menyentuh soal dasar sepertimana yang saya sebut tadi, kita bertanggungjawab untuk menyelesaikan. Jadi apabila kita dapat lihat rayuan-rayuan begini datang ke meja saya ataupun ke pejabat saya, maka saya akan uruskanlah.

Jadi dari segi soal dasar, *yes* kita tengok dan kita akan tanya, *"Why are you not returning the refund, 28 days for manual, 14 days for online?"* Jadi kalau dia bagi alasan dia mengatakan empat sebab tersebut, jadi saya suruh mereka berkomunikasi. Itu sahaja, setakat itu sahaja peranan kita.

Kedua, peranan MK II ini ada juga terlibat dengan GST dari segi menjawab soalan-soalan di Parlimen. Kalau kita cakap kita *completely* tidak terlibat dalam GST, *then* kita tidak usah jawab di Parlimen. *So, I think context* ini kena faham, *operational matters* dengan polisi dan dasar. Okey.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Pengerusi, ada soalan tambahan. Sebentar tadi saya rasa Dato' Seri Haji Ahmad Husni ada menjelaskan bahawa untuk tahun pertama, wang yang diletak tepi dalam akaun untuk bayaran balik sebanyak sekitar RM18 bilion *and then* lepas itu... *[Disampuk]* RM80 bilion, kemudian *35 percent.* Jadi dalam proses tersebut, ada ketika mana bahawa tidak mencukupi *35 percent* itu untuk membayar balik, menyebabkan mungkin berlaku kelewatan ataupun kegagalan untuk membuat pembayaran balik. Cuma dari segi sini, Datuk Seri Menteri Kewangan II sedar ataupun tidak berlakunya *mismatched between 35 percent* tersebut dengan amaun yang terpaksa dibayar balik?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Seingatan saya, kalau ada syarikat-syarikat yang *entitled for refund and then* tidak dapat *refund* kerana dia telah memenuhi semua syarat, dia sudah tentu akan datang

mencari Menteri sama ada Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan II. *That is the standard procedures any* syarikat. Kalau dia sudah bagi semua maklumat *and then they still* tidak dapat *refund, I am sure they will, as a company* dia akan *appeal* kepada Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan II.

Akan tetapi sepanjang yang saya sebut tadi, yang seingatan saya, tidaklah menggambarkan semua orang datang kerana ada masalah-masalah yang mereka pun tahu, dia berbalik-balik kepada syarikat tersebut. Kadang-kadang dia tidak memenuhi ataupun Kastam tidak menghabiskan prosedur untuk buat *refund.* Jadi itu yang saya faham dari segi konteks GST ini.

Kedua, kita kutipan GST ini ia macam *continuous.* Oleh sebab ia *continuous,* jadi isu tidak bayar ini tidak wujud kerana kita *always* ada mekanisme untuk membayar kalau sekiranya kelulusan itu telah *complete* dan dia tidak mahu bayar, *then there is always a mechanism how to make sure that all these companies will get their payment.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Datuk Seri sedar atau tidak ada beberapa ketika mana yang *cash flow* itu mengehadkan pembayaran balik pada bulan tersebut? Apabila *cash flow,* kutipan yang diterima itu – sebab ia bergantung kepada kutipan tiap-tiap bulan, jadi adakah wujud situasi yang mana disebabkan *cash flow* bulan tersebut rendah, jadi pembayaran mungkin lewat dan sebagainya?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah dimaklumkan oleh mana-mana jawatankuasa mengenai ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Datuk Seri, daripada penjelasan Ketua Pengarah Kastam dan juga daripada KSP, didapati bahawa sebelum ini, tidak pernah timbul Datuk Seri. Maknanya syarikat-syarikat yang membuat rungutan, maknanya pembayaran balik itu lambat ataupun tidak dibuat pembayaran balik. Kebanyakan yang kita dapati, apabila hasil penerangan daripada Ketua Pengarah Kastam, dikatakan *figure RM19.4 billion* ini banyak daripadanya akaun yang dipertikaikan, sama ada ia tidak mempunyai cukup lengkap dengan dokumennya ataupun tidak mematuhi apa juga peraturan. Ada pula itu *claim* dari tahun 2015 yang baru dibuat pada tahun ini. Maknanya sekarang, sebelum ini tidak pernah timbul soalan orang ataupun pihak Kastam tidak membayar balik tuntutan, sebelum ini. Adakah itu benar?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sepanjang saya memegang jawatan Menteri Kewangan II, perkara-perkara *operational matters* ini jarang di *highlight* kepada saya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Masa saya pun tidak ada, lagi pun masa saya jadi Menteri Kewangan II itu, kita laksana GST itu pada 1 April. Jadi bulan April, *the following year* bulan Jun, saya berhenti. Jadi masa saya itu, sebab itu saya tanya *RM19.4 billion* itu tahun berapa? Tahun berapa amaun itu, *so we can know. Then* kalau boleh Tuan Pengerusi, mungkin oleh kerana PAC ini lebih kepada hendak tanya soalan tetapi saya ingat biar saya hendak bangkitkan sini ya. Kita kena buat *ageing process.* Macam katalah yang sudah pun dibayar RM1.5 bilion, *so* kita buat *ageing process.* Maknanya dia sudah proses, berapa lama dia tidak bayar *and then* kita boleh siasat. *Then we know the truth.* Tidak kita tidak boleh buat sembarangan sahaja itu.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada surat ikatan amanah ini. Oleh sebab kalau kita tengok dalam perkara nombor 16, *"Pengawal-pengawal kumpulan wang ataupun pengawal yang diarahkan hendaklah memastikan bahawa tidak berlaku terlebih pengeluaran daripada kumpulan wang ini dan ianya hendaklah sentiasa berbaki kredit"*. Dalam bahasanya saya difahamkan iaitu tidak berlaku *overdrawn* dalam keadaan macam ini.

Okey, kalau kita merujuk perkara ini, kita kembali kepada asasnya iaitu prosedur perakaunan GST yang Akta GST 2014, yang prosedurnya jelas iaitu hasil GST, kemudian kepada Kumpulan Wang Amanah dan kemudian baru pergi kepada Akaun Hasil Disatukan. Menteri telah menggunakan kuasa 54(5) itu untuk memperkenalkan amalan yang semasa yang sedang dijalankan iaitu boleh terus kepada Akaun Hasil Disatukan dan boleh dipindahkan 35 peratus itu.

So soalan saya, Menteri telah menggunakan kuasa perkara 54(5) ini dan oleh kerana Menteri menggunakan kuasa itu, maka perkara 16 ini tidak dapat kita elakkan berlaku *overdrawn*. Itulah yang menyebabkan duit itu telah digunakan untuk pengurusan.

■1040

So, sekarang ini soalan yang saya hendak tanyakan kedua-dua Menteri Kewangan II telah mengatakan bahawa dia tidak terlibat dalam perkara ini. Jadi saya takut tidak relevannya kedua-duanya kita panggil pada hari ini sebab kita hendak tengok siapa yang telah menukarkan kepadanya dengan menggunakan kuasa Menteri itu. Akhirnya bila kita tukarkan kepada amalan semasa inilah yang menyebabkan berlakunya duit itu digunakan untuk pengurusan *rather* dengan ditumpukan duit itu untuk mengembalikan kepada pembayar-pembayar cukai yang untuk *refund* itu. Itu soalan saya.

Tuan Pengerusi: Tidak, *I just want to comment on the relevancy*. Kalau kita tidak panggil mereka hari ini kita tidak tahu mereka ada terlibat.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey.

Tuan Pengerusi: Jadi ia *chain of evidence. So*, bila kita cakap tentang pengurusan kewangan kita mesti panggil Menteri Kewangan, Menteri Kewangan II, KSP, Jabatan Kastam, *all those in the sector. So*, baru hari ini kita tahu bahawa mereka – ada diberitahu hari itu bahawa mereka – Timbalan KSP ada bagi tahu bahawa mereka ini, MK II ini tidak terlibat. *So, this is a corroboration evidence, it's confirmed today* bahawa mereka dari segi penggunaan GST tidak terlibat dalam pengurusan isu itu.

Jadi ini *the chain of evidences*. Jadi hari ini kita *confirmed* bahawa *they're not*. Kalau katakan bahawa ada wang hilang, salah guna *so, their chain of evidences* itu betullah, kita akan panggil Menteri Kewangan supaya mereka katakan di mana sebenarnya kalau ada hilang wang. Bahagian mana yang boleh menyebabkan hilang sama ada Kastam, sama ada kewangan, sama ada KSP, Menteri Kewangan II, *the* Menteri Kewangan dan *the present* Menteri Kewangan. *So, we will hold this evidence.* Soal *relevancy* itu saya rasa okeylah. Hari ini *we find out that they are not directly involved.*

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ada soalan tadi?

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Langat.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan saya tadi maknanya dengan penuh kesedaran kami merasakan bahawa bila kita menukar prosedur kewangan yang menggunakan kuasa Menteri tadi telah menyebabkan terbongkar ataupun terdedahnya penggunaan ini. Adakah kedua-dua Menteri Kewangan II menyedari bahawa dengan menukar benda itu, itulah yang telah menyebabkan duit itu digunakan untuk pengurusan *rather* dengan keutamaannya ialah untuk pulangkan kepada untuk kes *refund* itu?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak faham soalan ini. Soalan *you* saya tidak faham. Adakah *you* mengatakan bahawa GST ini bila di *collect* ia masuk terus masuk Tabung Amanah? *That is what you meant*?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Duit GST *collect gross* ini masuk dalam Tabung Amanah?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tanya *officer* sebab apa prosedur...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No*, tadi *you* sebut Akta Tatacara yang *you* sebut tadi itu, cuba *you* baca.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Ia sepatutnya daripada hasil GST itu dimasukkan kepada Kumpulan Wang Amanah kemudian baru dipindahkan kepada Akaun Hasil Disatukan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak betul, salah itu. *That is wrong.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya dapat benda ini daripada...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, your understanding is wrong.* Maksudnya ialah setiap *collection* masuk dalam *Consolidated Revenue Accounts.* Daripada situ diagihkan kepada akaun amanah. Jadi dalam akaun amanah itu sekiranya berlebihan dalam akaun amanah itu maka Menteri boleh gunakan kuasa patahkan balik duit itu dalam *Consolidated Revenue Account.*

Akan tetapi, kalau katakan tidak ada lebih ia tidak boleh gunakan benda itu. Macam kita hendak tutup akaun 31 Disember. Kalau ada RM2 bilion, RM3 bilion *extra* yang tidak dipulangkan sebagai *refund* maka hendaklah duit itu kuasa Menteri sahaja boleh pindahkan duit itu balik kepada *Consolidated Revenue Account, not total collection of GST* pergi kepada akaun amanah, *that is not. So, I think we have to get it clear that one.* Kalau tidak nanti nampak seolah-olah duit *collect* daripada tabung amanah, daripada situ kita bagi masuk dalam akaun *Consolidated Fund then* belanja. Itu salah.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya kedua-dua mantan MK II. Maksud daripada jawapan tadi, adakah semua GST *gross*, kutipan GST *gross* itu boleh dianggap sebagai hasil kerajaan?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau ikut prosedur, kalau ia tengok semua dalam kita punya tatacara kewangan, apa sahaja duit yang masuk dalam *Revenue Account is considered a revenue to the government. Then,* apabila kita *allocate* sebahagian daripadanya mengikut daripada nasihat atau jangkaan

yang telah dibuat oleh pihak Kastam diagihkan ke dalam tabung amanah maka kita akan bawa keluar tabung amanah.

Jadi, *whatever that left in the account is actually government revenue nett.* Oleh sebab itu kalau kita tengok dalam kita punya pembentangan bajet. Kita tengok *revenue* daripada GST RM42 bilion *but in actual fact* kalau kita tengok *the real gross is actually higher than that. So, you* kena *understand. We don't present gross in our budget, nett.* Begitu juga, LHDN pun sama, *is nett.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *So,* dalam lain perkataan sekarang *you only taking the nett?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So,* Datuk Seri... *[Disampuk]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya pun... *[Disampuk]* Sekejap, biar Ahli dulu, sekejap ya. Saya pun *confused* macam Yang Berhormat Hulu Langat juga sebab *we were given this chart. [Sambil menunjukkan dokumen]* Ini mengikut Akta GST 2014, hasil ini masuk kepada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Lebihan baru ia masukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Itu *according to GST Act 2014.*

But, the practice now from hasil GST terus masuk ke Akaun Hasil Disatukan sebagaimana Datuk Seri sebutkan tadilah. *So, which one is in accordance to law?*

Tuan Pengerusi: *I think this one* sudah dijelaskan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, itu macam berbeza pula daripada ini.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Berbeza, masuk dalam *revenue.*

Tuan Pengerusi: Akta GST *allows that,* tapi kita gunakan kewangan, gunakan Akta Kewangan.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: *Financial Procedures Act,* kita guna itu.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Financial Procedures Act.*

Tuan Pengerusi: *Financial Procedures Act. So, the Financial Procedures Act supersedes the GST Act. That is what happened.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Cuma kalau boleh Tuan Pengerusi, kalau soalan itu ditujukan sama kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni sebab untuk Datuk Seri Johari, Datuk Seri mengambil alih sebagai Menteri Kewangan II pada Jun. Maksudnya perkara itu telah diamalkan cuma pemahaman Menteri Kewangan II ketika pelaksanaan GST itu macam mana? Dalam soal sama ada kutipan itu dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah seperti...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Macam kata...

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, mungkin izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk memperjelaskan status sekali lagi dan juga berkenaan dengan kenyataan daripada Datuk Seri Johari tadi.

Seksyen 54, Akta GST, seksyen 54(1) menyatakan bahawa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai GST hendaklah ditubuhkan dan subseksyen 2 menyatakan kesemua wang yang telah pun dikutip hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang bagi pembayaran balik ini.

Subseksyen 5 menyatakan bahawa Menteri boleh memberi arahan supaya pembayarannya dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan. *That's why, it comes with this chart* yang mana secara undang-undangnya, ia patut dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Pembayaran Balik dan selepas itu dipindahkan kepada *Consolidated Fund,* Akaun Kumpulan Wang Disatukan.

Akan tetapi, Menteri telah pun menggunakan kuasanya di bawah subseksyen 5 dan membawa satu amalan yang mana hasil GST adalah dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan seperti yang dinyatakan oleh Datuk Seri Johari tadi dan 35 peratus ataupun satu peratusan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa hendaklah dipindahkan ke dalam Akaun Wang Pembayaran Balik GST.

So, both are the legal position. Just that Akta GST kata *the legal position is* masuk ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik dulu, tetapi Menteri menggunakan kuasa di bawah subseksyen yang sama untuk memasukkan ke dalam *Consolidated Fund* terlebih dahulu. Setuju tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Setuju.

Tuan Wong Kah Woh: Setuju, *thank you. So, I think it is clear. The previous position is clear.*

Tuan Pengerusi: Ada tidak dasar kerajaan yang di luar daripada bajet yang menggunakan – ada implikasi kewangan yang menggunakan wang dalam *Consolidated Fund* berlaku?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada. Perkara-perkara yang melibatkan komitmen kerajaan iaitu kalau kita ada emolumen yang perlu dibayar dan ia terlebih daripada bajet.

■1050

Maka, kita boleh gunakan duit itu untuk bayar emolumen. Kemudian kita kena *present* balik kepada Parlimen untuk *supplementary budget. This is our commitment, emolument, pension, interests, cost. These are what we have to present. Then,* dalam masa yang sama kita juga boleh pakai *approximately about 1.5 billion* yang kita panggil *contingency fund.* Dalam bajet kita akan buat ada *1.5 billion contingency fund, but for this contingency fund we have to go back to Parliament* untuk bentangkan *what do you spend on that 1.5 billion.* Itu *for the OE, for DE is about 2 billion and* untuk akaun pinjaman itu *you have to go back to the Parliament and tell what you have spent on that 2 billion.*

That is the reason why every year you mesti ada *at least* satu pembentangan bajet tambahan. *It actually to explain how do you spend that 1.5 and 2 billion assuming the rest are same as per budget.*

Tuan Pengerusi: Okey. Pengalaman sebagai Menteri Kewangan II. *Quite some time,* dua tahun lebih. Ada tidak kemungkinan dana dalam *Consolidated Fund* ini di *abuse?* Disalahgunakan?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau ikut prosedur tidak boleh digunakan dan menjadi satu kesalahan. Kalau mana-mana kakitangan kerajaan mengeluarkan duit itu tanpa mengikut prosedur ini ia merupakan satu kesalahan dari segi akta perakaunan negara.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Itu Tuan Pengerusi, setiap tahun Ketua Audit Negara dia buat laporan. *That* laporanlah.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain?

Tuan Wong Kah Woh: Ya. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembayaran balik dalam masa 14 hari. Tadi apabila TKSP tunjuk satu carta kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni berkenaan dengan berapa peratusan yang masih dalam semakan, yang masih dalam siasatan dan ada isu tidak dibayar balik kerana isu pelepasan dan sebagainya. *So,* total jumlahnya setakat *I think sometime in May or June* ialah sebanyak *19.4 billion.* Isu yang dibincangkan ini. Daripada prosiding yang kita telah jalankan sebelum ini kita boleh merumuskan bahawa lebih kurang 70 peratus atau lebih daripada jumlah itu telah menjadi wajib dibayar. Walaupun dia termasuk dalam kategori-kategori yang tidak sama.

So, it's around 70 percent, it must be paid, but it has not been paid within that 14 days. So, isu yang saya hendak tanya di sini adalah sama ada kedua-dua mantan MK II ada mengetahui bahawa dalam mana-mana mesyuarat atau mana-mana arahan telah pun diberikan oleh mana-mana pihak termasuk MK ataupun MK II ataupun jawatankuasa pembayaran balik GST itu telah pun meng-*authorise*-kan supaya 14 hari tu dilewatkan pembayarannya kepada mereka yang patut menuntut, yang patut mendapat tuntutan tersebut?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: *Maybe just record on the hansard* lah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah mengarahkan *purposely we delay the payment.*

Tuan Wong Kah Woh: *Are you aware any such instructions from* MK *or* Jawatankuasa?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Not that I'm aware of.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay. Thank you.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya hendak ucap tahniah kepada kedua-dua mantan Menteri yang telah menjalankan tugas dengan begitu bagus sekali, yang terhebat. Terima kasih banyaklah. *[Ketawa]* Akan tetapi, dalam masa menguruskan kewangan negara ini maknanya apa juga *revenue* yang kita dapati dimasukkan dalam *Consolidated Fund* selepas itu diagih-agihkan kepada semua, sama ada kepada kementerian, kepada agensi-agensi dan juga kepada negeri-negeri.

Semua pengagihan ini adalah mengikuti daripada apa yang telah dibajetkan oleh Parlimen. Betul? Ada tidak dalam keadaan-keadaan tertentu kita terpaksa membelanjakan kewangan kita dalam perbelanjaan luar jangka? Kita terpaksa menggunakan wang yang sepatutnya kita peruntukan kepada agensi dan kementerian yang lain. Ini kerana dia orang ini kena belanja serta-merta.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Setahu saya tidak ada. Ini kerana kita, mana-mana perbelanjaan yang telah dibajetkan kepada kementerian-kementerian itu dia punya peruntukan. Cuma kita ada *that 1.5 billion* yang saya panggil *contingency fund* itu sebab kalau ada mana-mana bencana berlaku dan sebagainya, *immediate payment need to be made, that 1.5 billion we can use.* Macam dahulu ada MH370 *and we need to go and do a search. So, some of this money because* Kementerian Pengangkutan

sudah habis bajet, tidak ada duit. *So, we can use part of this contingency money and* bayar untuk kementerian tersebut.

Akan tetapi, apabila kita buat bajet tambahan kita kena *present and explain to the Parliament, how do you spend that 1.5 billion. That means* kita bagi *additional budget* kepada Kementerian Pengangkutan. Itu contoh. *So, that 1.5 billion* itu *is actually the contingency fund.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam erti lain perkataan maknanya apa juga kewangan yang telah dibajetkan oleh Parlimen, *the money is there?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Yes.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Macam mana pula yang telah dibuat, apa yang dituntut, apa yang telah di *claimed* daripada Menteri Kewangan, *there is no money?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah dengar pula cakap *no money. No one come and see me* tidak ada duit sebab kita tidak pernah lewat bayar *farmers*, subsidi. Saya tidak pernah dengarlah. Akan tetapi, kalau *you* cakap *no money* ini, *I want to know* lah *because* Kementerian Kewangan bertanggungjawab untuk cari duit ya. Kalau tidak cukup duit, kita pinjam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *I just want to know from both of you, have done a very good job. To what extent the external damage that is claimed by the Minister that the money is missing somewhere?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya macam Dato' Seri Haji Ahmad Husni sebut tadi, duit ini 19 bilion dia tidak boleh keluar daripada sistem macam itu. Dia mesti – *because* dia ada banyak prosedur. Dia melibatkan banyak kakitangan kerajaan yang terlibat, *every dollar you* hendak bawa keluar. *This is not like money* yang kita letak dekat *overseas* yang *only one or two people can handle. This is money that actually in the Consolidated Fund. It got so many levels of people to get involve in order to take the money out. So*, saya rasa kemungkinan besar, *I think* isu ini telah di *taken out of context.* Kemungkinan besar Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada sekarang ini, dia melihat dari segi *angle* kedudukan kewangan apabila kita tidak ada pendapatan yang cukup.

Akan tetapi, saya rasa *if you really sit down with him I don't think he wants to tell you that 19.1 billion* dah kena hilang. *So, it is* konsep yang telah dipolitikkan di antara kedua-dua belah pihak. Itu sahaja. Itu pandangan sayalah. Secara peribadi itu pandangan saya. *Impossible for someone to allow 19.1 billion out from the government without even one* kakitangan kerajaan terlibat, *impossible.*

Tuan Pengerusi: Timbalan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *GST is history already, GST.* Tidak ada lagi. Akan tetapi tuntutan *is still on going.* Pada tahun pertama, tuntutan mungkin dekat-dekat 30 tetapi semakin meningkat 2016, tahun 2017, selepas itu tahun 2018. Walaupun kita bajetkan *not more than 35 percent out of the total gross* yang kita dapati.

Akan tetapi, adakah pandangan Datuk Seri bahawa peniaga-peniaga telah mula belajar cara menipu. Ini kerana selama ini pun sistem-sistem yang lain ada cara dia penipuan kerana ada kes-kes penipuan yang berlaku kerana bukan sahaja sekarang, ada tuntutan yang syarikat tidak wujud pun tetapi

tuntutan dibuat. Jadi, ada tidak agaknya kemungkinan ada lagi perbelanjaan yang diperlukan untuk tuntutan ini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah macam mana hendak menipu sebab saya tidak pernah tipu. Akan tetapi yang saya tahu ialah sebab saya sendiri terlibat dalam dunia perniagaan sebelum saya memegang jawatan ini. Sehingga hari ini syarikat-syarikat yang saya kuasai masih *submit refund GST* sebab waktu dahulu saya ada *work in progress, finished goods, raw materials.*

■1100

These are all items yang kita sudah beli, kita simpan dalam *warehouse* untuk *production.* Jadi semua barang-barang yang saya beli ini, *finished goods, work in progress, raw material,* saya sudah bayar GST, syarikat saya sudah bayar GST. Kemudian saya tidak boleh *claim* sebab kita belum jual. Jadi apabila saya jual RM100 *million*, maka saya boleh *claim* GST *only for that RM100 million cost,* yang lain saya tidak boleh *claim.* Akan tetapi bila GST *stop* maka semua yang ada dalam *warehouse* saya ini *automatically entitled to claim because that I had spend.* Jadi dia punya *flow* itu telah *disrupt.*

Begitu juga waktu kita mula-mula *implement* SST. Masa kita guna SST kemudian bila kita tukar kepada GST, maka ada stok-stok mereka ini yang mereka sudah bayar SST. Jadi apabila dijual, masuk dalam rejim GST, maka dia terpaksa *charge* GST tetapi kita bagi dia *claim*, ada *certain period of time* kita bagi dia *claim* SST yang dia sudah bayar kerana bila dia jual, dia kena *charge GST.*

So, this transition period is normal in any policy yang kita tukar. Jadi soal dia ialah peningkatan ini yang orang minta *refund claim* ini *you cannot avoid because the total economy size of the nation is 1.3 trillion. Assuming 800 billion are actually associated with the cost, the real cost, there will be GST inside there.* Bila ada GST *inside there, there will be an input and output tax.*

So, I think the context ini sebenarnya kita melalui satu proses yang kita panggil *transition period. Changing of the policy.* Begitu juga macam mana kita *introduce* GST dulu, SST kepada GST, *there is also a transition period. That transition period we need to manage. Same thing like GST, transition period* ini kita *need to manage*, ya.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lagi?

Tuan Wong Kah Woh: Tan Sri, ada dua soalan terakhirlah dari saya. *So, I will ask the first question then after you answer I give the second question. So,* saya hendak dapat pengesahan daripada Datuk Seri Johari bahawa tadi ada menyatakan bahawa wang yang dikutip akan dimasukkan secara *gross* dalam *Consolidated Fund.* Akan tetapi seingat saya apabila Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar memberikan penerangan, beliau menyatakan bahawa wang yang dikutip hanya secara *nett* akan dimasukkan ke dalam *Consolidated Fund, so can you just reaffirm your position on that?*

Tuan Pengerusi: *I think the answer from Tan Sri was they only use nett.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *For the... [Tidak jelas] purposes.*

Tuan Pengerusi: *They only used money in the Consolidated Fund on nett value only, so that means they can only use 60 percent of whatever collected from Income Tax and GST. That was the statement about.*

Tuan Wong Kah Woh: *Correct* Tuan Pengerusi, *I agree.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Ipoh Timur, *this is a very detail operation matter because I* tak hendak bagi *you a wrong information. I have to be fair to you and you have to be fair to me, that I'm not – I cannot give you the clear answer, the detail accounting part of it but I know for sure that every GST collected is gross and from there, there will be a committee to decide how much money need to be transfered to* akaun amanah, *refund. That I'm very sure that part, during my time,* ya. *Other than that, whether how you do it I can only confirm when you look at our budget every year there is always nett of that.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, thank you. I think it's very clear on that, clarification by the Chairman. Next question on top of this, okay* masalah sekarang *we all know that* wang yang di-*transfer*-kan ke dalam akaun amanah tersebut adalah tidak cukup untuk menampung pembayaran balik. *So, my question is in that case, do you agree with me that there are some portion of the GST collection which are supposed to be the refund, which are supposed to be used for the refund purpose has been used by the government, the then government as revenue for the operation?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, dari segi konteks ini sama ada *refund* itu cukup atau tidak, ia bergantung pada pengesahan Kastam bahawa *that claim ready to be paid.* Akan tetapi ikut daripada rekod yang sedia ada tidak pernah dalam akaun amanah itu, baki dia *zero balance.* Baki dia *at any time I saw is one billion, 800 million. So, what I want to share to you is this, the detail part of this is I want to leave the* KSP, pihak Kastam dan AG *to answer, but I want to tell you the big picture, the* dasar ataupun polisi yang saya tekankan bahawa dalam GST *trust account* untuk *refund* ini belum pernah lagi saya tengok dia kosong, *balance.*

Tuan Wong Kah Woh: *I think* untuk *balance* dalam GST *trust account* itu, *I think no allegation that the amount has been shown a zero* lah. Akan tetapi masalah adalah *amount* yang berada di dalam pembayaran balik akaun GST itu, sama ada *500 million or 1 billion or something like that* adalah tidak cukup untuk menampung pembayaran yang sebenar-benarnya, *which is amounting to perhaps RM19.4 billion and from the briefing that we had earlier on, the figure until now could be more than RM20 billion. I think that is the position.*

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa setakat itu. Saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan-mantan Menteri Kewangan II kerana berkesempatan untuk hadir memberikan keterangan. Saya yakin keterangan yang diberi ini akan berguna kepada kita di PAC untuk membuat rumusan terhadap isu yang sedang kita siasat. Terima kasih banyak-banyak, terima kasih kepada semua yang terlibat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC. *Alright, thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.07 pagi]

Bil. 10

Selasa
16 Oktober 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF):-

i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 16 OKTOBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

Y.B. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	*- Pengerusi*
Y.B. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	*- Timbalan Pengerusi*
Y.B. Tuan Wong Chen [Subang]	
Y.B. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
Y.B. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]	
Y.B. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
Y.B. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
Y.B. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
Y.B. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
Y.B. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
Y.B. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
Y.B. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah	*- Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
Y.B. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
Y.B. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara
Y.Bhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Encik Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah (Bahagian Audit ICT)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Jabatan Audit Negara
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Juruaudit]

Jabatan Peguam Negara
Y.Bhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Maslina binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM]

SAKSI

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung Dan GST) [TSBC (CTL)]
Encik Mohd Hassan bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Fiskal)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) [KS(GST)]
Encik Muhammad Akram bin Ab Aziz [Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 16 Oktober 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: Ya, kita mulakan mesyuarat, saya melihat kuorum cukup untuk mesyuarat ini dimulakan. Selamat petang, salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC dan semua Ahli-ahli PAC. Begitu juga salam saya berikan kepada ex-officio PAC yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi.

Hari ini PAC mengadakan prosiding yang keempat membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan GST berjumlah RM19.4 bilion. Di hadapan kita adalah Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir dan barisan pegawai-pegawainya. Selamat datang ke Parlimen dan ke PAC Yang Berbahagia Datuk. Tahniah atas pelantikan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang baharu sejak 12 September 2018. Prosiding hari ini penting bagi kita dan penting bagi PAC untuk mendengar sendiri daripada Pegawai Pengawal Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab secara langsung kepada isu yang sedang kita bincangkan.

Yang Berbahagia Datuk kita telah memanggil beberapa saksi untuk memberi keterangan dan kita dimaklumkan bahawa pungutan wang GST ini dimasukkan di dalam *Consolidated Fund* walaupun dalam Akta GST itu menghendaki bahawa pungutan itu dimasukkan dalam *Trust Fund GST*. Akan tetapi kalau kita tengok Perlembagaan Persekutuan, seksyen 54(2) *"Maka hendaklah dibayar dalam kumpulan wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri"*.

Soalnya sama ada SOP untuk memasukkan pungutan wang di dalam Kumpulan Wang Disatukan, *instead of the* Wang Amanah GST itu telah diberi kuasa oleh Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2).

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua Ahli-ahli. Ingin saya jelaskan di sini macam Tuan Pengerusi *mention* tadi *before* saya masukkan dalam *in detail*, saya telah dilantiklah, terima kasihlah atas itu pada 12 September. *So, following that actually what do you call I had the first meeting*, saya ada *meeting* pada 21 September sebagai Pengerusi Jawatankuasa Aliran Tunai.

Apabila kita bercakap tentang GST *refund* ini Tuan Pengerusi, seingat saya dalam konteks *revenue* kerajaan ini sebab saya pun pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Aliran Tunai. Apa yang kita dapat itu adalah *net.* Kita– mengikut kita punya *cashflow* lah apa yang kita dapat adalah *net.* Jadi selebihnya itu sepatutnya, *by right* nya *should be* di dalam tabung *refund* tadilah. Sebagai contohnya Tuan Pengerusi *mention* tadi sebanyak RM19.4 bilion. Akan tetapi pada 21 September, semasa saya mempengerusikan mesyuarat kita telah– tabung itu telah meningkat sebanyak GST kasarnya adalah RM35.359 bilion dan kita telah membuat pembayaran balik sebanyak RM13.214 bilion. *So probably balance* nya berapa ya? 35 minus 2 lah. *[Disampuk]* 22, lebih kurang 23 lah Tuan Pengerusi.

Jadi kedudukan kita sekarang ini tuntutannya adalah lebih kurang 23, dia sudah *increase* lah semasa saya mempengerusikan mesyuarat pada 21 September. Daripada tuntutan itu Tuan Pengerusi kita telah memperuntukkan untuk tahun ini sebanyak RM3.9 bilion untuk kita jelaskan dan *the balance of* Tuan Pengerusi *mention about* tadi lebih kurang RM19 bilion itu akan dijelaskan pada tahun hadapanlah.

Oleh sebab kita perlu ingat kita tidak boleh *afford to pay all*, kalau tidak ia akan menjejaskan defisit negara. Bukan setakat itu sahaja *and at the end of the day* kita takut menjejaskan rating kitalah. *Because* dalam *what do you call* perjanjian kita atau *promise* kita itu *we want to maintain actually deficit of 2.8 percent at that point of time* lah. *So*, kalau kita banyak kita buat untuk tuntutan kita tidak boleh *afford actually to retain that one*, kita takut menjejaskan aspek-aspek lainlah.

Akan tetapi saya tidak tangkap tadi yang *the last part* yang Tuan Pengerusi *mention* tadi.

Tuan Pengerusi: Okey, kita dimaklumkan oleh pihak AGC bahawa SOP untuk memasukkan pungutan hasil daripada GST ini ke Kumpulan Wang Disatukan itu bertentangan dengan Akta GST yang menghendaki untuk pungutan itu dimasukkan dalam Tabung Amanah GST. Akan tetapi memang telah menjadi prosedur SOP Kementerian Kewangan untuk memasukkan semua pungutan hasil di dalam Kumpulan Wang Disatukan. *So*, di dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 97 itu, ia mesti ada kuasa oleh Menteri kecuali

kalau Menteri Kewangan gunakan kuasa untuk wang itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Saya minta maaf Tuan Pengerusi, *I hope I am wrong* lah *because you mention about that one* tetapi kalau kita tengok dalam *what do you call* Akta Acara Kewangan *actually whatever money that we received, initially it have to go into what do you call Consolidated Fund.* Saya tidak tahu macam mana dia punya...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Akta GST dia kata masuk dalam Amanah.

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *I think dia net, net kot because* GST kita masukkan yang kita terima– yang itu saya rasa Tuan Pengerusi *I think probably what do you call– I don't know we need to ask what do you call the AG in that one. But as far as* MOF punya *concern* bila kita buat satu bajet, dia ada *certain amount of money* yang *net* yang *we are supposed to receive. So whatever money that we received* itu memang kita masuklah.

Tuan Pengerusi: *We were told is 65 percent* daripada itu boleh diguna, jadi *thirty five percent side* untuk *fund.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Let say* macam *this year we are targeting* masa ada GST lah kita *targeting about* RM44 bilion. *So, so long as* duit itu masuk kita *and we meet the target the RM44 billion* itu *we are okay* lah.

Tuan Pengerusi: Okey. *So, it still the SOP of* kementerian untuk memasukkan pungutan semua ini di dalam *Consolidated Fund until today.*

■1440

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *On the net* bukan? *On the net.*

Tuan Pengerusi: *On the net until today?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Ya. *On the net. On the net.*

Tuan Pengerusi: *Has never been question of it is legal, it is not right to do that.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *No, no.* Bukan. *This now we are talking on the net only.*

Tuan Pengerusi: Okey, ya. *I understand that part. Okay. So,* tidak ada isu berbangkit bahawa *it shouldn't be in the Consolidated Fund as why as GST money is concern, it should be in the trust fund. So as far as your concern, it had been in the process or the procedure or the SOP of the* kementerian *to put the money into the Consolidated Fund first, then only you keep aside 35 percent into the* Tabung Amanah. *That has been the process is it?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *No. That I think to my understanding,* sefahaman saya, *let say* kita ambil analogi katalah kita *collect* RM10. *Then the net* itu setelah kastam dia *hold*

katalah *for GST refund* itu RM3, *so the net* RM7 itu baru masuk dalam *consolidated*. Dia akan masukkan *that one*.

Tuan Pengerusi: Okey, yang isu 19.4 bilion itu, adakah pihak Kementerian Kewangan telah menerima *that amount before this?* Tuntutan GST itu.

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Tidak adalah *because* kita *whatever we received, we received the net. As far as we are concerned, we want to make sure that* hasil kita mencukupi. Itu sahaja. Makna kastam, *by right custom they should actually deduct the whatever what do you call the refund that they suppose to* apa yang dia perlu bayar. *Then the net* itu dia masuk dalam *as our government revenues.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tadi, kalau *you* buat satu *assumption* tadi RM10, RM7 diberi kepada MOF, RM3 kastam simpan di mana duit itu?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Sepatutnya dia duduk dalam *trust fund.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Trust fund*?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Ya. *To refund*-lah.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Wang amanahlah. *So, you* hendak kata bahawa sebenarnya duit yang GST selama ini mengikut aliran yang betul?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Yes.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: RM3 masuk amanah, RM7 masuk ke...

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Akan tetapi kita tidak ada *fixed. Custom will determine how much refund they need to pay, then the balance* itu dia akan masuk *net.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey.

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Because* bila kita merancang satu kita kata *let say* macam 2017 kata Yang Berhormat, kita rancang dari segi *revenue*, kita akan tanya kastam *how much money actually do you think that you can give us in term of collection.* Jadi, *let say* dia *say* katalah kita tidak tahu berapa *collection* dia, *but based* katalah kita kata dalam RM100, *probably they think that maybe they can give us RM60. So, based on that one, that is how we build up our budgeting* punya sistem. *So, whatever we received* itu, *we received the net. We don't receive the gross.*

Tuan Wong Chen [Subang]: Datuk okey, saya hendak tanya, dalam menentukan apakah peratusan yang perlu disimpan atau diberi kepada MOF dan berapa balik kepada kastam itu, siapa putuskan peratusan itu?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Dia ada mesyuarat *what do you call* apa nama, bayaran balik GST itu Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen: Betul. Jadi melalui mesyuaratlah, bukan...

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Yes.* Melalui mesyuarat...

Tuan Wong Chen: Bukan keputusan kastam?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Bukan keputusan kastam, bukan keputusan individu. *That one* melalui mesyuarat.

Tuan Wong Chen: Jadi, mesyuarat menentukan berapakah peratus yang diberi...

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Yes.*

Tuan Wong Chen: Akan tetapi amalannya sampai ke hari ini ialah lebih kurang 70 peratus diberi kepada MOF, 30 peratus diberi kepada kastam untuk *refund*?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Not really.*

Tuan Wong Chen: *Not really, is it?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Not really. Just now I was just giving the analogy...*

Tuan Wong Chen: *Oh, I see. I see.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berbahagia Datuk, sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, *you are managing the Consolidated Fund. That's mean now all taxes that you received whatever money that for the main of the government will go into the Consolidated Fund. That means, you are getting the gross.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *No, no.* Dalam GST, kita *receive net.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *I see. Where does that balance of the gross goes to?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *The balance of the gross* itu *should be inside what do you call that the* Tabung Amanah.

Tuan Wong Chen: *To refund back.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *To refund back.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *I see. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Hassan bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Fiskal), Kementerian Kewangan]: *If I may to add just now, my name is Mohd Hassan bin Ahmad. Consolidated Fund* ada tiga. Pertama *is* hasil. Kedua *is* amanah. Ketiga adalah pinjaman. *So,* kalau tadi mengatakan bahawa kalau duit dimasukkan melalui pinjaman akan masuk di kumpulan pinjaman di bawah *Consolidated Fund.* Kalau dimasuk hasil, dia akan masuk di Kumpulan Hasil Disatukan. Akan tetapi seperti Datuk mengatakan, *it is a net for* GST masuk di dalam hasil. Kalau benda itu daripada *trust fund*, dia akan masuk di *trust fund. So* bila cakap *Consolidated Fund* ini,

dia ada tiga sebenarnya Yang Berhormat. *So* kalau hasil daripada pinjaman, dia tidak semestinya masuk hasil, dia masuk ke akaun pinjaman. *So*, dia ada tiga akaun.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam akaun apa tadi?

Encik Mohd Hassan bin Ahmad: Akaun *Consolidated Fund* dia ada tiga. Pertama ialah hasil, amanah dan juga pinjaman, *loan account. So* kalau duit itu datang di Jabatan Akauntan Negara, kalau daripada sumber pinjaman, nama dia *Consolidated Fund* tetapi dia akan *channel* kepada pinjaman. Kalau dia daripada hasil, yang *net* tadi dia masuklah di hasil selepas tolak *refund because* kita tidak pernah tahu berapa banyak *refund.* Kita tengok nombor *net* itu. *So,* begitulah dia punya ini. Saya *just* hendak tambah penjelasan tadi yang takut orang *confuse* duit pinjaman pun masuk dalam.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, kepada Datuk Badri, saya berpandangan bahawa perbincangan ataupun apa yang dinyatakan oleh Datuk Badri tadi *has further confused the members of the committee with due respect* kerana pada sebelum ini sekiranya *my memory serves me correct*, apa yang berlaku ke atas kesemua wang yang telah pun dikutip dari GST itu akan dimasukkan ke dalam *Consolidated Fund* akaun hasil. Kesemuanya dimasukkan. Selepas itu dalam mesyuarat bulanan, maka 35 peratus daripada hasil *collection* tersebut akan dipindah masuk ke dalam Akaun Amanah. *So, is that the position that we are taking now?* Ini sebab tadi Datuk Badri kata *whatever go into the* hasil *is actually the net, then the other part goes into the Amanah Account. I think this part confused us. That's number one.*

Kedua, mungkin sebelum Datuk Badri boleh memberikan penjelasan lanjut, boleh tidak Datuk Badri menjelaskan kepada *committee* ini, berapakah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP dalam kesemua hal ehwal GST? Ini kerana kita tahu ada satu jawatankuasa berkenaan dengan aliran tunai, satu lagi berkenaan dengan amanah *fund or something like that. So, can you give us actual, a very clear situation about the* nama *of the* jawatan yang dipengerusikan oleh KSP berkenaan dengan kesemua isu yang berkenaan dengan GST *and what is the purpose of that* jawatankuasa. *Then only we came back to the issue of how the money will be debited in.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *I think* Yang Berhormat, *you are right to mention what do you call I stand guided by my officer. The collection* itu dia masuk *Consolidated Fund and then* dia *what do you call it goes back to* dalam Kumpulan Wang Amanah. Akan tetapi *whatever what I am trying to say, whatever what do you call money that we received* itu, *actually* dalam *in our account actually is the net of what do you call the refund that you put it in* Wang Amanah.

So, to answer your second question, during the cashflow meeting itu, *actually* kita ada tiga jawatankuasa. Satu adalah Jawatankuasa Aliran Tunai, keduanya Jawatankuasa Kumpulan

Wang Bayaran Balik GST dan yang ketiganya adalah Tabung Bayaran Balik Cukai Pendapatan. Dia ada tiga. Jadi...

Tuan Wong Kah Woh: *So* yang berkenaan dengan GST nombor satu dan dualah. Jawatankuasa Aliran Tunai dan Jawatankuasa KWPB. *No?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *No.* Dia satu sahaja. GST sahaja. Pertama itu *what do you call* kita *only discuss so called* kita punya *our cashflow* sahaja. *Cashflow position.*

Tuan Wong Kah Woh: *Cashflow overall?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Overall. Cashflow position.* Kedua itu barulah kita *discuss on what do you call GST refund.* Ketiga itu *on* LHDN punya *refund.*

■1450

What do you call, memandangkan – *actually to tell you the truth* Yang Berhormat masa saya, *previously I attended the meeting of cashflow* ini saya pun tidak tahu kata sebenarnya ada dua lagi *meeting* ini *because members are almost the same. So,* ia berjalan macam sekali sahaja. *So, when I chaired the meeting* ini *then suddenly I realised there are three meetings,* ada tiga *meeting. So, that is why now I segregate it to say that okay you* masuk *meeting* ini, habis *meeting* ini *we have to excuse*, kita hendak – *but the members are almost the same.* Cuma adalah seorang atau dua orang yang *when we know is still there,* kita minta *excuse* juga *at that point of time.* Akan tetapi GST memang dia *discuss on that* GST sahaja. *Cashflow* memang kita *discuss on overall cashflow* sahaja.

Tuan Pengerusi: *I understand* ada tiga akaun dalam *Consolidated Fund, revenue, loan* dan amanah. Ada tiga. *But the* Akta GST *says, collections from* GST mesti masuk dalam GST *Trust Fund.* Itu Akta GST. Akan tetapi *it has been a practice of* Kementerian Kewangan untuk semua *revenue* masuk dalam *Consolidated Fund.* Akan tetapi ada *Federal Constitution*, Perlembagaan Persekutuan yang ada Akta Cukai ini dia kata seksyen 54(2) ini, *"Maka hendaklah dibayar dalam kumpulan itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri." So, the question is* sama ada memang *it has been a practice for* Menteri Kewangan untuk menggunakan kuasa dia untuk semua pungutan termasuk pungutan GST. *Instead* termasuk dalam GST *Trust Fund* ia masuk dalam *Consolidated Fund, in that three sections, consolidated fund* itulah.

So, the question is sama ada *it has been that* kuasa Menteri menggunakan untuk memasukkan semua pungutan GST dalam *Consolidated Fund*?

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *That one I think* Yang Berhormat, *I don't think I can answer that* sama ada atau tidak ada *because as I mentioned,* saya pun *the current month* sahaja *I just attended. Because previously when I was the* timbalan, *I have got nothing to do with this*

one, so I tidak *attend.* Cuma, *I need to check* sama ada, ada atau tidak yang Yang Berhormat *mention about* kelulusan daripada Menteri Kewangan *to allow all the money to be put under that one.*

Tuan Pengerusi: Okey. Bagaimana keadaan dikatakan bahawa wang di dalam *Consolidated Fund* itu habis digunakan? *Say* tidak ada wang di dalam itu. *So, how do you explain that* sama ada penggunaan wang itu di luar daripada peraturan ataupun ikut dasar kerajaan, peraturan penggunaan wang dalam *Consolidated Fund.*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Sorry* Yang Berhormat. *Which one? Consolidated Fund* kita ada wang. *You mean* yang dalam Akaun Amanah itu kah?

Tuan Pengerusi: *Consolidated Fund. Says that we don't have money in Consolidated Fund... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Tabung Kumpulan Wang, *I don't think– at all time Consolidated Fund* ada duit. *I don't think we have a problem with Consolidated Fund.*

Tuan Pengerusi: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *Yes. It is because collection* itu ia *month by month.* Ia akan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sepatutnya Tuan Pengerusi, kalau apa penerangan daripada Datuk Ahmad Badri tadi kita sudah faham. Walau bagaimanapun, kita menghadapi masalah kekurangan wang untuk bayar semula. Ini kerana kalau kita dapati di sini *Consolidated Fund* tadi adalah mengurus untuk apa juga pendapatan kepada kerajaan. Selepas itu hasil hanya ambil net sahaja. Bahagian hasil ya. *The rest of the money will go to* amanah, *by right* amanah.

So, kalau dalam perkara ini amanah mesti ada duit selalu. Maknanya duit daripada 35 peratus atau 30 peratus tadi *should be managed by* amanah ataupun *trust fund,* sepatutnyalah.

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: Akan tetapi Yang Berhormat kalau kita tengok *because* macam dengan Yang Berhormat Tuan Wong *mentioned* tadi, *the collection* itu kita masuk *then we* keluar *back. Okay, we have to remember* Yang Berhormat bukan maksudnya kita tidak ada dalam *fund* itu. *We are managing cashflow. From day one,* makna kata *from January until December.* Sebagai contohnya pada 1 Januari, *we don't have anything* tetapi *doesn't mean that we have something. By the end of 31st January, we have something.*

Kita tidak boleh kalau semua – *to me, I hope I am wrong.* Kita tidak boleh semua kita ambil, kita letak dekat *fund*, kita hendak *manage* apa. *We are managing. Even* katalah *let say on the 15th January* kita *announce budget,* kita kata kementerian ini kata RM5 bilion, kementerian – kita tidak boleh bagi semua. Kita *manage. As times goes you* ambil, *you* ambil, *you* ambil,

progressing, progressing. That's was the reason by saya kata *trust* itu mesti ada tetapi tidak adalah sampai *to the extent that they cannot pay.*

But kalau *you asked me in actual fact* yang masa kejadian itu, saya tidak tahulah macam mana *actually at that point of time but as far as I can understand every time once they need the money actually they should be* dalam tempat itu. *Bear in mind* Yang Berhormat *because* macam tuntutan RM19 bilion, dia tuntut. *That's what* dia tuntut. *Doesn't mean that* kita akan *accommodate* semua *requests* itu. *We have to go through the audit* Yang Berhormat.

I think you know better, we have to go through the audit. Audit ini macam *for example end of this year* ini dia cuma sempat audit RM3 bilion sahaja. *To me*, Tuan Pengerusi *might be right because under the act everything has to be under that one. To me,* kalau kita letak semua di situ, *we are doing what? I mean,* kita tengok dia kalau *let say they need three billion, then we put in three billion, they pay. Then, let say they say they request another RM5 billion, we put in RM5 billion, to me. But I hope I am wronged also.*

Macam Tuan Pengerusi *mention* tadi *under the act everything has to be put under that one.* Cuma saya nampak dari segi *managing cashflow. But I am still new. I hope going forward based on your question and everything, I hope I should have done a proper administration, going forward.* Saya harap-harap macam itu. *I stand guarded all of you also besides all the question.*

Tuan Wong Chen: Datuk, *at the material time* yang kita lihat sekarang ini RM19.4 bilion ini adalah pada masa Mei, betul atau tidak? 31 Mei. *At the material time you were not in the MOF?*

Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir: *No, I am in MOF, I am the* timbalan *so doing the management.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *It is because 14 days is for clear cut. But, there are also cases when custom themselves, they said they need time. It maybe two months. It maybe six months. It maybe one year. The company, the bigger the company, the auditing will be longer. Some petroleum companies, they are billion-dollar company. So, they will take longer time. Similarly, in the LHDN also, there are cases for two years they have been auditing and investigating and so on. So, if we go and entertain everything 14 days, that means the claims which not supposed to be paid also we are paying and then audit will come and query us, why you pay to those people who are not eligible to be given. So, that is the reason, the main reason.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay. Chairman, my final question to Tan Sri. We are talking about RM19.4 billion as raised by the MK (*Menteri Kewangan) di dalam Parlimen *and it was claimed that the RM19.4 billion are the claims by the businessman or whoever against the* Tabung Amanah. *So now, if all this RM19.4 billion are to be approved back in May, would you agree with me that we do not have sufficient fund in the revenue account to actually to cater for this refund?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *As I said earlier, my last day was 13th May,* tarikh keramatlah *13th May* ini. *Anyway, from January to June— I think GST was abolished in June.*

■1120

So, from January to June I'm not sure how much the total GST collection either gross or net. You know, so you must look at that figure also this year. What is the collection January to June and how much, you know, out of that. This year we estimated the GST net is what? RM45 billion. So by June it should be at least half of the amount collected already. So, you know it's already RM22 billion. The problem arises one of reason is GST stopped, but that is another thing, you know, out of the question, not mine.

The second thing even the 19.4 should be audited, I don't know whether 19.4 is the final figure because you need to audit each and every company because there are also claim which the project haven't been completed yet. For example, Petronas Pengerang Project it will take– I

don't know what their claims, MRT project, ECRL. But I don't know ECRL paid any amount or not because they also given exemption and so on but there are other companies who claim already, who submitted. So again, you need to ask custom, you know, whether the RM19.4 billion is already final audited figure.

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry* memang *last one. If you look at the testimony by* Tan Sri pada 13 September, Tan Sri ada menyatakan bahawa arahan daripada Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan; *"memang to always ensure that you know that your operating is in surplus".* Okey *so* sama ada ini menjadi satu *consideration* daripada jawatankuasa ataupun daripada Tan Sri *yourself, in deciding whether to approve the payment requested by custom for the refund or not. Consideration.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Ya, it's one of the— I don't know, you must ask my fiscal, you know, I don't know whether it's in the law or is it in the financial procedure that we cannot spend where there is operating deficit. So operating must be always in surplus. If not, the rating agency immediately will downgrade. They don't even wait for your, you know, overall total deficit. If operating you borrow to pay the salary you are in trouble already, any country.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay thank you.*

Tuan Pengerusi: Tan Sri, *the critical level,* peringkat yang paling kritikal *as per your* pengalaman as KSP, *the operating budget.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *There must be at least RM5 - RM6 billion extra than the operating budget, and I always check with the Accountant General there is RM7 billion, you know, at least in the Consolidated Fund. If the fund is shrinking then immediately they must alert me because you need to pay salary each month. It comes to around 7 to— I don't know now maybe RM8 billion, you know, minister is telling RM8 billion, but that time it was around RM7 billion plus pension and everything.*

Tuan Pengerusi: *It was reported that it came to some RM300 over million that level before the government took over…*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *That's why I don't know, you know, when Accountant General said 490 something and the Minister also made the statement in the Parliament. I'm not sure because money always coming everyday, RM300 million, RM400 million. Sometimes RM1 billion collection comes in. So, you cannot go and say I have only this amount because everyday money is coming. So, if 400 million, you can't pay salary for that particular month already. So, everyday money is coming in.*

Tuan Pengerusi: *You have to make sure that you have some surplus of RM8 billion at least per emolument for salary before the salary date.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *And they already have the calendar for salary. You know, they have calendar for salary, you know, and 25th of certain month but if it's Hari Raya or Chinese New Year they will pay early so that's why we'll make sure the money is there.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: *Tan Sri, just now you mentioned that the government cannot borrow to pay salary otherwise the rating will go down. But do you agree that when we say borrow, it's not necessary be borrowing from so called using bond issues or borrowing from bank. Even borrowing from tax payer is still borrowing. Do you agree? In this case, the government had borrowed from the tax payer because money due the tax payer. In any concept we can defer the payment of our creditors to make our cash flows looks good. This is called window dressing in accounting term.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Like I said, you know, certain claims we are not sure, you know, that we need to do auditing first. If we go and pay everything 14 days, even the fraud we are paying.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *No, but then under the GST law, everyone that submitted GST 03, it is showed a net refund. You are obliged to pay in 14 days to repay. You can only so called investigate, right, if to amend the GST 03 or paying if what we call subsequent amendment or if there is suspicion from the custom. So if a normal GST 03, I think the custom have already confirmed is amounting to 9.3 billion they asked under the normal GST 03 submission. So that money actually is due but we have not paid them.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Actually, it's a straight case, you know, like the amount also small, you know, usually they will pay. But if the amount is larger, then everything they will do auditing and it will take some time for them to pay, sometimes two months, three months.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *I think this is the tactic that Custom and Inland Revenue always do. I'm a tax agent. We made that it's a clear refund case but Inland Revenue always, right, find excuse, said that want to audit before the refund but actually it's very unfair to the tax payer.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya minta maaf terlambat hari ini. Ada satu sahaja. Saya baru tanya hari kelmarin itu sudah tanya sudah. *I know you have already served quite some time as KSP. During this period of time when you were KSP was there any instances that we are over paying or we wrongly paid for the refund of the GST?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *This question you must direct to Customs DG because he is directly dealing with the team because it is not reported to me, unless in the audit report it's mentioned that we wrongly paid or over paid and so on. As far as I know, I haven't came across anything in such case.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tan Sri, semua wang-wang dapatan daripada kastam, GST tadi, *you keep mentioning you only taking the net. So what the balance goes to? You have got three accounts.* Satu hasil, satu pinjaman perumahan dan satu lagi untuk amanah. Jadi *balance of the money goes to where*?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Accountant General office can answer that* lah.

Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]: Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan. Untuk makluman Ahli-ahli PAC, semua hasil daripada GST akan dimasukkan kepada Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu. Kemudian kastam akan membuat jurnal penyelarasan 35 peratus ataupun 30 peratus daripada *collection* itu untuk dipindahkan kepada Akaun Tabung Bayaran Balik GST. Itu secara dasar sudah ada. *So* maksudnya yang kita laporkan di dalam akaun hasil itu adalah *net* yang 35 peratus itu pergi kepada tabung.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tabung mana itu?

Tuan Haji Ramli bin Chik: Tabung bayaran balik GST tadi. So maknanya tabung ini adalah Akaun Amanah Disatukan.

■1130

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tabung Amanah Yang Disatukan. Jadi sekarang Tan Sri sebagai bekas KSP untuk sekian lama, *you have already served the ministry for quite some time with a good track record.* Jadi, *how do you feel if someone now where in the capacity telling that the money disappeared. How do you feel about it?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *You know that*— ini pun tersebak. *[Ketawa] You know disappearance or* rompak ini *maybe wrong use of word. I mean, is the calculation, estimation. When* Yang Berhormat Subang, *in the last meeting you said the estimation in year 2016 the net coming to government maybe we overestimated. So, part of it should go to refund. Because we overestimated, so it goes into the revenue for operating expenditure. We can't touch because we are bound by these— I don't know, in Financial Procedure Act, there is a ruling that you cannot borrow for operating expenditure. Operating expenditure must always be in surplus of the total revenue collected.*

So, that is the— earlier also I said maybe we need to firm up in terms of forecasting and estimation. Even next year— I am not saying it will happen but the figures which custom gave how much SST collection, LHDN how much, it is because sometimes their estimation is based on GDP, the economic growth. At one point of time when LHDN in year 2015 they overestimated. When the oil price went down from USD100 to USD50, RM15 billion short in our revenue. RM15 billion, I have sleepless night, sleepless night. Where can we go and how are we going to pay salary.

So, estimation is very important, estimation. At that point of time luckily— you know at that point of time, I am saying not now. At that point of time we implemented GST. So, extra about RM20 billion we got from GST, one. Number two, we tighten our belt. All those excessive spending, ministries and everything we asked them to cut and we saved. No more new cars, used your old car and everything, we tightened and we managed that particular year 2015 to overcome the shortage in revenue. So, estimation must be scientific, really scientific. It cannot depend on, I will collect. Sometimes they— I do not want to say things. Sometimes, you know, again not need to be recorded.

[Perbincangan secara tanpa rekod]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Wong Chen [Subang]: *Thank you Tan Sri for your candid comments. I fully agree with you, estimation is not an exact science. You know, it needs a bit of art also.* Kalau dia hendak kaki bodek itu dia akan naik. *The estimation for revenue.*

So, I think your testimony from the last time is about the same. I really don't have much to add. But I do want to give you the opportunity, to be fair to you. In the final analysis, what do you think is the issue here? I want to give you the opportunity to say your mind. Do we have enough money to cover these RM19.4 billion in your estimation? Obviously, that you don't have the data with you. Do you want to have any final words on the issue? It is because I think it is more or less the same matters being brought up again.

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *When the decision to stop GST, immediately whatever money coming from GST should be also used to repay. So, I don't know what happened from January to June. Even June collection, total amount collected went into the operating expenditure, or it is used to pay GST. So, that is another thing, you know. So, again…*

Tuan Wong Chen: *So, I mean earlier your estimation Tan Sri is that— I mean we can do the math. If you estimate RM45 billion revenue for 2018 on June 1st you estimated, I mean we can do the math, it's about RM22 billion. So, in your estimation, you think it should be sufficient*

to cover these RM19.4 billion or you think that there is something missing also in this, is it insufficient?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Will be sufficient provided you also have other revenue to cover your operating expenditure because you need to cover also your operating expenditure.*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi, Tan Sri boleh saya tanya *conclusion is because of the wrong expectation estimation on the collection and the refund, so cause the problem of we faced today?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *On one part 30 percent to 35 percent is the estimation of refund but the refund went higher and the net collection is already fixed on the other hand. So—*

Puan Wong Shu Qi: Dan juga kerajaan kerana peratusan itu telah ditetapkan dan kita ada *operating budget, operating expenses* yang perlu *cover* setiap hari, setiap bulan, setiap minggu iaitu kita terpaksa untuk pakai amaun yang kita ada dalam Akaun Hasil Disatukan untuk membelanja. Betul atau tidak?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Because we need to spend for operating expenditure, then we need to use Consolidated Fund.*

Puan Wong Shu Qi: Maksudnya mungkin ada amaun yang seharusnya dibayar balik oleh kerajaan kepada pembayar cukai tetapi amaun itu telah dipakai untuk perbelanjaan kerajaan?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *This year I am not sure because you'll need to asked AG how much already paid this year alone on GST refund because I don't have the figures.* Saya tidak ada *figure* dia *this year* berapa sudah bayar *every month. It is because every month* kita bayar *refund. So, total* berapa *from January to June we paid this year. Even when I left in May, we already knew GST going to be stopped, the whole month of June collection should be refunded back by right.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Tan Sri, roughly as far as you can remember, what is the average balance that you have in your account? Were there any instances that you don't have any balance?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Surplus?*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ya, *surplus.*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *Like I said RM5 billion, RM6 billion, you know, sometimes RM7 billion, so it doesn't go below RM5 billion, the surplus.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *What was there any instances that you are run out of money?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: *For operating? No, we will make sure operating expenditure is met, you know. [Ketawa]*

Tuan Wong Kah Woh: *Tan Sri, we come back to 35 percent* yang telah pun ditetapkan oleh jawatankuasa. *So*, pagi tadi saya telah pun diberikan satu *booklet I think* daripada MOF. Dalamnya ada satu cadangan anggaran keperluan bajet bagi Tabung Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Kertas kerja ini disediakan oleh seorang pegawai bernama Rohana binti Ahmad, Unit Khas GST Jun 2011.

Dalam kertas kerja ini sememangnya saya nampak cadangan daripada dalam kertas kerja ini adalah wang pembayaran balik haruslah ditetapkan pada kadar 40 peratus. *In this working paper it says that the money to be transferred should always be 40 percent. So*, saya tidak pasti selepas itu dalam mesyuarat pertama jawatankuasa, kenapa ianya ditetapkan *35 percent instead of 40 percent* seperti yang dicadangkan dalam kertas kerja ini. *Are you aware of this working paper?*

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah: Secara ikhlas, *I've never read because you know whatever officer level, they will advise me. Advice given internationally. Those who implemented GST all over the world is around 30 percent to 35 percent. So, always you know one thing about government agencies— I am not blaming anybody, I am not blaming custom, I am not blaming. You know, as Secretary General, even for the current Finance Minister and everything, whenever an agency put a claim, they always mark up.*

■1140

Let say they want a budget for this year. They will mark up, at least if the actual they want for their spending is 50 billion, they will put 55. They know that at the treasury they will cut. So, same thing, anything they will mark up. So, even like claim also they will mark up. So, we go for more prudent, what is the practice, so that we are in line. If not, the international agency will question why your claim is higher than the normal other peers who are implementing GST. So, we want to be in that prudent.

Tuan Pengerusi: Saya rasa tidak ada soalan daripada ahli. Ini merupakan kali kedua Tan Sri berhadapan dengan kita dan— Yang Berhormat Kota Bharu *you missed the first part, half an hour part. [Ketawa] We are finishing already. I will not* tahan dia lebih lama dekat sini. *So,* sebabkan tiada apa-apa lagi. Saya ucapkan terima kasih kepada Tan Sri untuk sekian kali kedua kali kerana memberi kerjasama yang begitu baik dengan kita dan tentu sekali keterangan yang diberi ini akan membantu kita untuk membuat rumusan. Terima kasih Tan Sri.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.41 pagi]

Bil. 14

Selasa
23 Oktober 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion

Jabatan Kastam Diraja Malaysia:-

i. Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 OKTOBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

samb/-

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara
YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman (Kewangan)]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]
Puan Norakma binti Sabran [Ketua Seksyen Audit (Prestasi)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Peguam Negara
YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
YBhg. Dato' Junipah binti Wandi [Pengarah (Pengurusan Integriti Agensi)]

Jabatan Akauntan Negara
Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Puan Noraini binti Ahmad [Timbalan Pengarah I (Akaun Negara dan Model Ekonomi) (Seksyen Ekonomi Makro)]

SAKSI

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
YBhg. Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah]
YBhg. Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah]
Encik Rasha Afzal bin Shafii [Pegawai Khas Kepada Ketua Pengarah]
Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun)
Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Pengarah Kanan Kastam I]

samb/-

SAKSI *(samb/-)*

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Encik Mohd Zulkifli bin Zahar [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]
Encik Hasnizam bin Hassan [Akauntan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Unit Perakaunan Hasil SST)]
Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastan (Bahagian CDN Zon Tengah) (Pulangbalik dan Semakan Semula)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 23 Oktober 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang.

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: Saya melihat kuorum cukup untuk mesyuarat prosiding ini diteruskan. Selamat datang Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Setiausaha Dewan Rakyat *on the way*, ahli-ahli *ex officio* PAC. Petang ini PAC akan mendengar keterangan sekali lagi daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy iaitu Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia yang membabitkan isu tuntutan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion. Untuk rekod, Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy hadir kali pertama di jawatankuasa ini pada 12 September yang lalu. Saya bagi pihak jawatankuasa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri kerana sentiasa memberi kerjasama penuh dan komitmen kepada PAC Parlimen. Tanpa membuang masa, saya mulakan mesyuarat prosiding kita pada hari ini. Saya persilakan mana-mana Ahli PAC yang mempunyai soalan lanjutan kepada Dato' Sri Subromaniam, sila.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, terima kasih atas kehadiran Dato' Sri Subromaniam. Dato' Sri, berkenaan dengan pada 12 September, Dato' Sri telah datang untuk memberikan testimoni berkenaan dengan isu yang kita bangkitkan iaitu isu RM19.4 bilion. Saya tidak akan ulang apa yang telah pun dinyatakan sebelum ini, tetapi mungkin mendapat sedikit *confirmation* ataupun penjelasan daripada Dato' Sri.

Pertama, dalam siaran media, Dato' Sri ada menyatakan bahawa jumlah keperluan pulangan bayaran balik adalah RM82.9 bilion dan jumlah yang dibayar melalui Tabung Amanah adalah RM63.5 bilion. Dengan itu, terdapat satu perbezaan iaitu RM19.4 bilion seperti dalam persoalan kita. *So, confirmation* yang saya hendak dapatkan daripada Dato' Sri— soalan ini telah pun dibangkitkan sebelum ini, tetapi saya tidak nampak satu jawapan yang amat jelas iaitu sama ada dari 1 April 2015 sampai 31 Mei 2018, sama ada pihak kastam ada memohon secara formal dalam Jawatankuasa Tabung Pembayaran Balik GST ataupun jawatankuasa *cashflow*

berkenaan dengan jumlah RM19.4 bilion ini. Ini kerana dalam prosiding yang lepas, wakil dari MOF kata jumlah ini tidak dituntut ataupun diminta oleh pihak kastam. *So*, ini soalan pertama.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang ada keluarkan kenyataan siaran media. Dari segi proses kerja, saya telah merujuk kepada Pengarah Bahagian GST yang bertanggungjawab ke atas bayaran balik *(refund)* ini. Dari segi tuntutan, kita berdasarkan kepada apa yang dipersetujui...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Dato' Sri, sebelum itu saya hendak...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita perkataan 'hutang' ataupun 'tuntutan'?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuntutan, tuntutan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuntutan. Bukan hutang ya?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Bukan, bukan, bukan. *Did I say* hutang? *[Disampuk] No.* Tuntutan. Tuntutan pulang balik ini. Kita ada persetujuan dalam Surat Ikatan Amanah. Mungkin saya boleh paparkan ya. Boleh tidak pegawai kita tadi— yang Surat Ikatan Amanah itu. Ini yang dipersetujui dalam mesyuarat tabung yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan juga ahli-ahli mesyuarat. Okey. Jadi... *[Slaid dibentangkan] It is a* minit mesyuarat. Eh, hilang terus? Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan ya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Jadi berdasarkan kepada keputusan mesyuarat, Pengarah Bahagian GST bertanggungjawab mengemukakan tuntutan itu kepada Ketua Akauntan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang menjaga duit. Ini sebab dari segi SOP, kastam tidak boleh pegang duit. Jadi, saya juga telah berbincang dengan ketiga-tiga pengarah yang pernah menjadi Pengarah Bahagian GST dan *detail*-nya saya akan kemukakan nanti.

Jadi, mengikut para 5.2.2, Jawatankuasa Kumpulan Wang meluluskan permohonan untuk mendebitkan sebanyak 35 peratus dari terimaan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke dalam Kumpulan Wang bagi setiap bulan bagi tujuan membuat bayaran balik. Para 5.2.3 juga mengatakan jawatankuasa meluluskan permohonan tambahan berdasarkan keperluan semasa bagi menampung keperluan perbelanjaan sekiranya amaun debit sebanyak 35 peratus tidak mencukupi. Jadi, saya hendak tunjukkan satu surat permohonan daripada Pengarah Bahagian GST kepada Ketua Akauntan. Ada tidak contoh? Tunjukkan.

■1440

Dalam dokumen yang akan saya kemukakan nanti akan adalah *detail*-nya. Dalam slaid tidak ada. *So*, dalam— mengikut permohonan-permohonan ini, *this is the* contoh— *hardcopy*

boleh serahlah. Tolong berikan *hardcopy*. Ia begini ya, bentuknya. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen] This is* proses dalaman di mana Pengarah Kastam Bahagian GST akan mengemukakan permohonan pindahan hasil. *This* adalah bukti kita kepada Ketua Akauntan untuk memindahkan suatu amaun ke dalam Kumpulan Wang. Jadi berdasarkan angka-angka inilah saya dapat berapa jumlah tadi, RM82.9 bilion. Biasanya kita akan buat catatan berapakah amaun yang diluluskan dekat bawah itulah. Kadang-kadang kita minta *RM1.5 billion* tetapi yang dapat *RM1 billion*. Kadang-kadang kita minta *RM1 billion,* dapat *RM1 billion*.

Tuan Wong Kah Woh: Catatan itu siapa yang tandatangan?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Akauntan. Puan Hatimah kah?

Puan Hatimah binti Hamid [Ketua Akauntan (Cawangan Akaun), Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Ya.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Jawab.

Puan Hatimah binti Hamid: Yang Berhormat, untuk makluman tadi seperti yang Dato' Sri *highlight*, ini adalah proses dalamanlah. *So*, proses dalaman permulaannya adalah daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang GST dan juga Mesyuarat Pengurusan Aliran Tunai. Daripada kawalan dalam mesyuarat itu, proses itu akan dilaksanakan di peringkat JKDM. Sumber kuasa utama adalah daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang dan juga Pengurusan Aliran Tunai. Bila kita untuk proses sebab perakaunan kita akan menggunakan dokumen.

Dokumen pindahan adalah melalui baucar jurnal. *So*, daripada baucar jurnal, Cawangan Akaun, sayalah bahagian saya akan buat pindahan itu kepada hasil kepada Kumpulan Wang. Ini adalah proses perakaunan melibatkan dokumen baucar jurnal. Akan tetapi amaun yang kita pindahkan adalah berdasarkan mandat dan daripada mesyuarat tadilah, Mesyuarat Kumpulan Wang dan juga Pengurusan Aliran Tunai.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, izinkan saya untuk merujuk kepada contoh memo inilah bertarikh 28 November 2017.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Di memo ini apa yang saya boleh nampak adalah di muka surat kedua, *"Selaras dengan perenggan dua di atas Cawangan Akaun diminta untuk memindah terimaan GST daripada GST tempatan sebanyak RM1 bilion sahaja ke dalam Akaun Kumpulan Wang Amanah".*

Okey, *so* maksudnya melalui memo ini jumlah wang yang dipohon adalah RM1 bilion tetapi sekiranya kita perhatikan catatan di bawah sini yang diluluskan adalah RM500 juta. *So* maksudnya bukan setiap permohonan daripada Jabatan Kastam akan dibayar secara penuh, betul?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Ada yang penuh, ada yang kurang daripada apa yang kita minta.

Tuan Wong Kah Woh: Akan tetapi ini adalah salah satu contoh sahaja.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Permohonan, ya salah satu contoh.

Tuan Wong Kah Woh: *So* lanjutan daripada itu saya hendak tanya, sebelum pihak kastam membuat permohonan untuk pemindahan wang, membuat keputusan untuk berapa jumlah yang hendak dipohon itu, sama ada pihak kastam ada mengambil pertimbangan berkenaan dengan *cashflow* yang ada dan sebagainya dalam Akaun Hasil Yang Disatukan. Adakah tidak?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tidak Yang Berhormat. Kami...

Tuan Wong Kah Woh: *So*, maksudnya apa yang perlu akan dipohon oleh pihak kastam tetapi tidak semestinya kesemua permohonan yang dikemukakan itu akan dibayar secara penuh, akan diluluskan secara penuh.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *Thank you.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Itulah keadaannya.

Tuan Pengerusi: Ada pernah membantah jika permohonan yang dipohon itu jauh daripada sasarannya?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Dia begini Tuan Pengerusi. Saya— ada beberapa sebab utamalah yang biasanya kita minta adalah amaun yang sudah *cleared for payment. That means* setelah melalui penilaian risiko dan juga telah ditapis dan diluluskan oleh pegawai kita. Kadangkala proses itu mengambil masa empat bulan *on the average*, okey kecuali amaun-amaun yang kecil kita ada kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk tidak menggunakan Arahan Perbendaharaan 101 dan 102. Betul? Di mana kita boleh bayar tanpa buat semakan. Itu adalah amaun-amaun yang sangat kecil.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya. Ada dalam laporan saya nanti. Biasanya tidak melebihi beberapa ribulah. Oleh sebab kalau hendak proses kesemua tuntutan, nanti ia akan melambatkan semua tuntutan nanti. Oleh sebab itu yang kecil ini dari segi peratusnya amat— dari segi amaunnya adalah amat kecil. Tuan Roslan dulu kita ada buat kajian berapa?

Encik Roslan bin Yusoff [Penolong Pengarah Kanan Kastam I, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Tidak sampai dua *percent.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Encik Roslan bin Yusoff: *And then* dia punya bilangan *task, almost half of the total refund* lah.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya. Lebih daripada 50 peratus ini jumlah tuntutan dia tidak sampai dua peratus daripada keseluruhan. Oleh sebab itu kita mohon supaya tidak melalui proses semakan dan verifikasi yang— ya. Jadi yang itu kita boleh bayar 14 hari pun boleh, dalam masa sebulanlah biasanya. Kebanyakan 14 harilah, tidak ada masalah. Akan tetapi yang tuntutan-tuntutan yang besar dan kebanyakan tuntutan lain perlu melalui proses ini yang mana akan mengambil tiga bulan. Dalam sidang yang lepas itu pada 12 September saya juga sudah maklumkan, model GST kita ini ada dua *filing*, satu bulanan dan satu lagi sukuan.

Biasanya kalau pembeli, beli daripada syarikat yang *file return* mengikut sukuan, yang dia belum lagi *file return*, dia hanya perlu kemukakan penyata pada bulan keempat, hujung bulan keempat tetapi yang *monthly filer* ini sudah pun berada dalam kedudukan *refund*, dia akan fail dulu. *So*, kita akan menunggu sehingga dia yang penjual tadi, *file return*. Kita kena jaga duit kerajaan, jadi itu yang kadang-kadang mengambil proses masa itu mengambil empat bulan, kadang-kadang lima bulan. Jadi jumlah tuntutan dalam masa empat bulan, lima bulan itu, *on the average* sebulan jumlah tuntutan adalah lebih kurang RM2 bilion, RM2 bilionlah. *But after sometime it becomes due.*

Jadi balik kepada persoalan tadi sama ada kita buat tuntutan atau tidak? Ya, ada prosesnya, *well establish and* saya pun sudah semak semua surat-surat ini, memang ada. Dia akan buat tuntutan kepada orang yang menjaga dana ini iaitu Ketua Akauntan di JKDM. Dalam mesyuarat beliau juga merupakan salah seorang ahli, Puan Hatimah. Sebelum itu adalah seorang lain. *Before* Puan Hatimah siapa?

Puan Hatimah binti Hamid: KA yang sebelum saya adalah Puan Rosinah.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Puan Rosinah. Jadi dalam mesyuarat bulanan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, kebanyakannya diluluskan tetapi kadangkala bila sampai hujung tahun kerana kita tutup akaun lebih awal, itu mungkin tidak dapat dipenuhi permintaan kita. Begitu juga dengan kadang-kadang Januari. Jadi ini yang menyebabkan amaun itu makin lama makin tinggi. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi jumlah yang telah diluluskan, ia adalah konsisten dengan angka 35 peratuslah.

■1450

Cuma tahun 2017, sudah mula nampak dia punya peratusan itu naik agak mendadak. Ketika itulah Pengerusi mengarahkan satu pengauditan dibuat. Jadi dari segi rekod memang lengkap, Jabatan Kastam memang ada buat tuntutan dan itulah amaun yang kita minta.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya hendak tanya Dato' Sri sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia, adakah Dato' Sri menganggotai jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP untuk mengaudit sebelum pembayaran dibuat. Kalau ada, tentulah Dato' Sri boleh bangkitkan banyak perkara yang tertunggak, pembayaran-pembayaran, tuntutan semula ini yang tertunggak. Ini kerana sebelum dibuat tuntutan, kita sudah buat audit dulu pada pihak kastam dan dibawa kepada pihak Amanah.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Memang ketika itu pun mesyuarat selalu menekankan. *[Disampuk]* Ada, ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dato' Sri...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, ya Ketua Pengarah Kastam adalah salah seorang anggota dalam Mesyuarat Tabung ya. Sebelum saya, Ketua Pengarah adalah Datuk Seri Khazali. Pengerusi mesyuarat selalu sebut amaun-amaun yang besar itu patutnya kita perlu audit terlebih dahulu. Kalau salah bayar, silap bayar, nanti agak sukar untuk dapatkan kembali. Itu yang menyebabkan kadang-kadang adalah kita punya angka-angka itu hampir RM4 bilion kah dalam proses pengauditan. RM4 bilion kah? 3.9? Berapa angka sebenar? *[Disampuk]* Ya, RM3 bilion lebih ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Adakah Dato' Sri berpuas hati dengan apa juga alasan yang telah dibuat di dalam mesyuarat tersebut?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kadang-kadang mesyuarat ini diadakan bersama-sama dengan Mesyuarat Aliran Tunai, *cashflow. So,* kita pun ambil maklum kerajaan juga ada komitmenlah dari segi *managing cashflow* dan ketika itu seperti yang saya katalah dalam kebanyakan mesyuarat, tuntutan kita diluluskan tetapi *subject to* yang *35 percent* itulah. Jadi mungkin saya tidak tahu, saya tak boleh jawab bagi pihak Pengerusi ataupun ahli-ahli mesyuarat lain. Barangkali apabila tuntutan yang kita minta itu mungkin melebihi 35 peratus, mungkin mesyuarat membuat keputusan untuk tidak meluluskan ataupun perlukan satu pengauditan. Cuma saya boleh cuba teka sahajalah kenapa mereka kadang-kadang tidak luluskan tetapi saya boleh sahkanlah.

Saya pun pernah hadir mesyuarat. Dato' Abdul Maher, Pengarah GST pun dia pernah hadir. Ada di antara mesyuarat itu apa yang dipohon itu tidak diluluskan sepenuhnya.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, cuma untuk rekod. Soalan saya tadi berkenaan dengan surat tuntutan kan?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Ada satu *initial* dan nota dekat sini diluluskan berapa wang itu. *Initial* ini siapa?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ketua Akauntan.

Tuan Wong Kah Woh: Ketua Akauntan.

Puan Hatimah binti Hamid: Yang Berhormat mohon untuk izin. Tadi saya nampak ada *slide.*

Tuan Wong Kah Woh: Boleh nampak tak?

Puan Hatimah binti Hamid: Tadi.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Maybe* tunjukkan...

Puan Hatimah binti Hamid: Ada tadi, tunjuk tadi.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, okey.

Puan Hatimah binti Hamid: Okey... untuk... ya.

Tuan Wong Kah Woh: Tak apa mungkin boleh.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ini komputer kita kah apa?

Tuan Wong Kah Woh: *[Ketawa]*

Puan Hatimah binti Hamid: Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat, ini...

Tuan Wong Kah Woh: *No,* cuma saya hendak tanya...

Puan Hatimah binti Hamid: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Tandatangan dekat sini, siapa? Itu sahaja.

Puan Hatimah binti Hamid: Saya hendak tunjukkan yang tadi, hendak kaitkan para Surat Ikatan Amanah 5.2 tadi dengan surat itu. Dengan surat itu. Okey, Yang Berhormat tengok yang surat itu boleh. Okey dalam surat itu, surat edaran itu sebab ini yang Dato' Sri *highlight* tadi adalah proses dalaman. Bila proses dalaman, permohonan itu dia akan *support* dengan dokumen tadilah, dokumen dengan kita akan mengambil kira *35 percent* tadi.

Tuan Wong Kah Woh: *Yes.*

Puan Hatimah binti Hamid: Tak keluar. *So 35 percent* tadi kita nampak GST kasar, *no,* GST import, GST *local,* dia akan menjadi total. Pindahan sehingga terkini, adakan? Pindahan sehingga terkini. Yang itu yang RM1 bilion ya.

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Puan Hatimah binti Hamid: Ini adalah di dalam keadaan yang positif tadi. Yang ini adalah dalam keadaan positif. Maksudnya yang Dato' Sri *explain* tadi, apabila kedudukan tabung tadi dalam keadaan positif— pindahan yang kita bincang tadi adalah pindahan peruntukan. Ia adalah waran peruntukanlah. *So* kita akan pindahkan RM1 bilion. Kalau contoh yang kedua tadi itu, apabila dia ada kurungan itu dalam keadaan negatif, maksudnya untuk yang parameter maksimum yang dibenarkan di dalam *35 percent* itu, contoh itu rasanya RM20 bilion kan. *So*

tarikh terkini yang telah kita pindah ialah 21. *That means* sudah defisitlah. *So* kurungan yang boleh diluluskan adalah 9. Parameter yang diberitahu itu akan memberikan isyarat kepada cawangan akaun untuk membuat baucar jurnal. *So* bila dia mohon yang itu, kita akan ikut yang tadilah. Itu maksud sayalah.

Tuan Wong Kah Woh: Tak cuma soalan saya *simple.* Siapa punya tandatangan ini?

Puan Hatimah binti Hamid: Itu tandatangan Ketua Akauntan di JKDN.

Tuan Wong Kah Woh: Siapa nama masa itu?

Puan Hatimah binti Hamid: Saya Hatimah Hamid.

Tuan Wong Kah Woh: Puan Hatimah okey, okey itu sahaja. *Thank you.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Perlu penjelasan lanjut kah Yang Berhormat? Terima kasih. Jadi itulah kalau kita lihat pada bila-bila masa ya, *when we take a cut-off date* macam saya kata tadi proses akan mengambil lebih daripada 14 hari. Sekurang-kurangnya empat bulan. Jadi dalam masa empat bulan itu, sudah RM8 bilion yang mana kita tak boleh bayar lagi. Sepatutnya RM8 bilion itu patutnya bagi sayalah ataupun *the float* itu tidak harus dianggap sebagai hasil lagi sebab perlu dibayar. Akan tetapi saya tidak tahulah sama ada proses itu diikuti atau tidak. Oleh sebab kita sebagai agensi pelaksana, tugas kita ialah memungut hasil dan membayar balik tuntutan sahih berdasarkan kepada amaun yang ada dalam tabung. Tetapi kita tidak mengawal berapakah amaun yang masuk ke dalam tabung.

Tuan Pengerusi: Dari perspektif kastam yang memungut hasil, tentu bila *accumulated amount of RM8 billion, you* punya pendapat bahawa, *it shouldn't be touched. But this money* masuk dalam *consolidated fund.* Jadi perspektif KSP dia berbeza kerana dia mengurus dana kerajaan dengan projek-projek dan dasar-dasar kerajaan. *So I can understand your* perspektiflah.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: *So* dari perspektif macam tadi kita tanya dengan KSP, dia ada tanggungjawab untuk melaksanakan aliran kewangan kerajaan itu. *So* ada ketika dia kata *we don't have so much. So we* terpaksa menunggu bulan hadapan punya kewangan untuk *look into the* aspek tuntutan yang dibuat oleh kastam. *So I can understand perspective custom* yang *you* pungut duit dan *you* expect ada sebahagian 35 peratus itu harus dipulangkan kepada yang berhak.

■1500

Jadi kita ada *cover* itu. KSP ada jelaskan tentang perspektif dia sebagai *custodian of the money in the consolidated fund.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, saya juga ada kemukakan *world survey report* oleh KPMG Global ini. Ada para di situ yang mengatakan mengenai isu *refund* di negara-negara lain. Jadi boleh juga digunakan sebelum kita buat sesuatu kesimpulan.

Tuan Penegerusi: *So* bila *we can expect report?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ada.

Tuan Pengerusi: Ada, ada. Sudah hantar ya. *It's here already. Oh, it's here.* Okey. Ada apa-apa soalan? *Are we done*? Okey, setakat itu mesyuarat kita pada hari ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Cuma Tuan Pengerusi, *can I just explain the rational* kenapa saya keluarkan kenyataan siaran media. Ketika itu kami dapat maklum bila isu ini telah menjadi panas, kastam juga akan melaksanakan SST ketika itulah. Kita perlu beri satu kepastian kepada rakyat dan juga pihak peniaga khususnya. *There were a lot of confusion* di mana ada kadang-kadang pengarah-pengarah kastam yang telah bersara telefon saya, *"Eh, what have you all done with the money?"* Seolah-olah duit itu lesap daripada tabung dan seolah-olah ada *misappropriation* di pihak kastam. Persepsi rakyatlah.

Oleh sebab itu kita perlu keluarkan kenyataan itu untuk memastikan tidak ada apa-apa kewujudan salah laku di Jabatan Kastam sebab kita sebagai pemungut hasil. Kalau rakyat dan peniaga *if they don't have any confidence* kepada agensi pelaksana esok, *then* sukarlah. Oleh sebab itu saya keluarkan itu. Memang pada hakikatnya memang ada. Saya telah buat pengesahan dengan kesemua Pengarah GST, *everything is in order*, ada rekod-rekodnya. Cuma Ketua Akauntan kata beliau terikat dengan yang 35 peratus. Kalau lebih, itu yang kadang-kadang kita mohon dalam mesyuarat, kadang-kadang diluluskan, kadang-kadang tidak. Itu sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Yes* Dato' Sri, *you have done a very good job.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Thank you* Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *But I can imagine for you to manage the fund.* Akan tetapi hanya satu sahaja saya hendak sebut di sini— kita sudah tutup atau belum Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dato' Sri, ada sebut tadi apabila sampai tahun 2017, tiba-tiba tuntutan meningkat.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau kita kalau kata *consolidated fund, they only taking the nett. 35 percent will be put aside. But suddenly 35 percent has gone up. What is the reason?* Adakah syarikat-syarikat sudah mula belajar?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Berbagai-bagai sebab Yang Berhormat. Dalam tahun 2016 pun kita sudah mula rasa sudah. Sudah mula naik. Antara sebabnya ialah dasar kerajaan untuk memberi pelepasan kepada projek-projek besar, ECRL, MRT, apa lagi?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Pengarah Operasi CDN Zon Tengah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Prasarana, Rapid.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Prasarana, Rapid. Rapid tidak.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Rapid tidak ada output.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tidak ada output. Itu satu. Kedua, mungkin macam Yang Berhormat kata tadi sudah ada kes-kes di mana ada syarikat-syarikat yang membuat tuntutan palsu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ada?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ada, ada. Ada satu kes ayam itu RM26 juta. Akan tetapi perniagaan tidak ada, seekor ayam pun tidak ada, ladang ayam pun tidak ada. Akan tetapi sudah bayarlah RM26 juta itu.

Tuan Pengerusi: *Kes* telefon?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Telefon. Kes telefon ya. Jadi sekarang kita dalam proses pengauditan dan juga kita sudah *outsource* kepada 12 syarikat firma-firma audit di luar di samping kita sendiri sebab GST sudah mansuhkan. Jadi kita hendak— kalau boleh kita hendak *end the chapter* dalam masa dua tahun. Kalau kastam sahaja yang buat audit mungkin mengambil masa lebih lama sebab Akta Pemansuhan itu memberi sehingga enam tahun untuk bayar balik *refund.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Enam tahun?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Sampai enam tahun Akta Pemansuhan GST. Seksyen 6 ke? Seksyen 7? Jadi kita tidak mahulah tunggu sebab *I think* peniaga yang jujur ini *deserve to get their money fast.* Jadi sebab itulah kita buat pengauditan dan *outsource some of it.* Kita juga ini. Mungkin ada kemungkinan sebahagiannya kita dapat balik dan yang mana mereka layak menuntut, *I think* kerajaan harus bayar balik. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *Probably the last one. How do you take it* bila diajukan *statement* bahawa *so much money* dirompak, dicuri secara— *as the* Ketua Pengarah Kastam.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *I* tidak tahulah bila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan beliau barangkali melihat dari sudut yang berbeza ya. Kalau lihat seksyen 54 sekali pun, kalau sekali baca memang apa yang dipungut harus masuk dalam tabung itu dulu ya. Akan tetapi ada juga seksyen yang membenarkan Menteri Kewangan boleh buat sebaliknya.

Jadi barangkali bila amaun yang besar itu tidak ada dalam tabung, Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin bagi dia, perkataan dia— *I cannot speak on behalf of him but* bagi beliau bila duit itu tidak ada dekat tempat yang patut ada mungkin beliau menggunakan perkataan itulah. *So,* saya tidak mahu *comment* berkenaan dengan perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Soalan. Dato' Sri, *there is a perception out there that somehow you are they one who told him that RM19.4 billion is missing. Is that true? Did you advise him the situation?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No, no. We never used the word 'missing'. We said according to our internal procedure,* bila kita minta 82.9 tetapi jumlah sebenar itu tidak di— *so* yang kekurangannya itu ialah RM19.4 bilion.

Tuan Wong Chen: *So, this is on record that you didn't tell the Minister of Finance that RM19.4 billion is missing?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I did not use the word 'missing'. I said short fall,* tunggakan, tunggakan.

Puan Hatimah binti Hamid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Apa dia?

Puan Hatimah binti Hamid Dato' Sri masuk dalam ini. Ini berdasarkan nilai kredit. Nilai kredit *is add*-kan. Jadi macam itulah. *As GST-03.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, betullah, betul. *This is the choice of words. I mean depending on how you look at it. I don't want to dwell into it. But the bigger question is I also understand that Treasury— I am not saying Treasury is wrong because Federal Constitution basically says whatever* hasil dipungut masuk Kumpulan Wang Disatukan. *Then by process of allocation* bajet ini kita keluarkan daripada itu masuk ke dalam tabung ya. Jadi saya tidak mahu sentuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Cuma kita maklumkan kepada Menteri Kewangan yang tabung ini kekurangan dana sebanyak RM19.4 bilion untuk bayaran balik. Itu sahaja.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *Sorry* Dato' Sri. Soalan. Pencerahan sahaja, bukan soalan. Tadi ada sebut satu sebab tunggakan sebanyak RM19.4 bilion punya adalah kerana sebab ada perkhidmatan seperti ECRL dilepaskan.

■1510

Saya hendak fahamkan. Itu maksudnya dia punya perkhidmatan ditetapkan sebagai kadar sifar *exempted item*— betul?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey. Dia bila diberi pelepasan, *effect* dia lebih kurang sama berkadar sifar.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Lebih kurang. Ini bermaksudnya, dia punya *input tax* dihalangkan untuk buat penuntutan. Betul atau tidak?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No. No.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *No?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *It's not like that. Maybe*— dia begini. Pelepasan diberi. Jadi, kontraktor-kontraktor yang membekalkan barang dan juga perkhidmatan tidak akan mengenakan GST.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: GST.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Akan tetapi, kontraktor itu boleh tuntut.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ini masih boleh tuntut?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kontraktor boleh. Yang tidak boleh tuntut ini ECRL. Sebab dia tidak ada liabiliti cukai yang dikenakan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ya.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Akan tetapi, kontraktor-kontraktor yang membekalkan barang dan juga perkhidmatan merekalah yang akan berada pada kedudukan *refund* yang banyak. *Because very big project, massive project.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Okey. Ini maksudnya kontraktor yang bekal kepada ECRL tidak boleh kenakan GST kepada ECRL.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: ECRL. Ya. *Yes. Yes.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Okey. Okey. Saya berfikir ECRL tuntut itu GST. Tidak ya. Okey. Okey. Faham.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Dato' Sri, soalan. Iaitu semua projek-projek mega itu dilepaskan kena GST iaitu adakah projek-projek mega ini. Ini kerana dilepaskanlah. Justeru, meningkatkan kadar pembayaran balik GST itu dan walaupun ada peningkatan kadar ini, tetapi kerajaan tidak buat *adjustment* untuk unjuran 35 peratus untuk pembayaran balik.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Pada anggapan kita lebih kurang begitulah. Sebab projek-projek besar ini telah menyebabkan tunggakan bayaran balik ini makin meningkat dan antara sebab pentinglah. Antara sebab penting.

Puan Wong Shu Qi: Itu boleh saya tambah lagi? Kerajaan dahulu apabila mereka menetapkan dasar untuk melepaskan GST atas projek besar itu, tetapi tidak membuat pindaan ke atas kadar pembayaran balik GST yang menyebabkan masalah yang kita hadapi sekarang.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Dia menyumbang. Antara sebab yang menyumbang. Itulah kami juga telah bangkitkan perkara ini beberapa kali dalam mesyuarat dalaman bersama dengan Kementerian Kewangan. *This one maybe* Dato' Maher. *Can you explain? [Merujuk kepada slaid]*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Terima kasih Dato Sri. Ini kedudukan tuntutan pulang balik yang belum masih dibayar sehingga 22 Oktober 2018. Sekarang telah pun meningkat kepada 23.56. Kita ambil yang nombor empat sebagai contohnya. Syarikat-syarikat— dua syarikat di sana iaitu MRT dan Prasarana. Syarikat-syarikat ini mendapat pelepasan daripada MOF. Syarikat-syarikat macam kita ambil MRT sepatutnya syarikat ini dia buat landasan MRT itu dan dia *outsource* kepada satu operator yang lain. Jadi, *outsource* ini tidak ada output. Output yang terlalu minimum. Akan tetapi dengan pelepasan, dia boleh tuntut semua input dia. Input dia hampir 1 bilion untuk dua syarikat ini. Itu sebab antara penyumbang kepada kenaikan *ratio* inilah ataupun penyumbang kepada jumlah tuntutan yang besar. Itu antara contoh-contoh yang kita ada. Ini syarikat-syarikat besar.

Tuan Pengerusi: Ini *confirm* sudah habis dah. *[Ketawa] So,* sekali lagi terima kasih banyak-banyak Dato' Sri kerana sentiasa memberi kerjasama pada PAC.

Tuan Wong Kah Woh: *Thank you.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat lain. Saya terima kasih atas peluang yang diberikan pada Jabatan Kastam. *I can assure you there is no malicious intent* di pihak Jabatan Kastam. Kami sentiasa akur dengan apa sahaja arahan kerajaan. Cuma, isunya ialah kami selalu mendapat rintihan daripada pihak peniaga. Kami juga ada rekod-rekodlah dari dahulu lagi yang juga pernah dibangkitkan, ditulis kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum ini, di bawah kerajaan lama, Yang Berhormat Kewangan II dan juga kepada Kementerian Kewangan. Kenapa bayaran lambat.

Jadi, isu ini memang diambil maklum oleh semualah dan di pihak kami pun ada masalah. Akan tetapi tangan kami agak terikatlah. Itu sahaja. Terima kasih sekali lagi.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.16 petang]

Bil. 11

Rabu
24 Oktober 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF):-

i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir

ii. Mantan Menteri Kewangan,
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak
(Tempoh Perkhidmatan 3 April 2009 hingga 10 Mei 2018)

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 24 OKTOBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Siti Hajar Binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak (Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

(samb/-)

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Jabatan Audit Negara

YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Encik Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman)]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]

Jabatan Peguam Negara
YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
YBhg. Dato' Shamhun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]

Jabatan Akauntan Negara
Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]
Puan Ilyani Md Razak [Ketua Penolong Pengarah]
Puan Erma Ahmad Khalili [Ketua Penolong Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Encik Surrendran Saphasivan [Pengarah (Seksyen Ekonomi Makro)]

(samb/-)

SAKSI *(samb/-)*

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak [Mantan Menteri Kewangan I]
YBhg. Dato' Khodijoh binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai]
YBhg. Dato' Nor Azita Abdul Rahman [Pegawai Khas Pejabat Mantan Perdana Menteri]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST)]
Encik Esleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]
Puan Umi Hani Sharani [Pegawai Khas Mantan Perdana Menteri]
Encik Zeiry Ibrahim [Pejabat Mantan Perdana Menteri]
Encik Mohd Shahrir bin Dato' Mohd Aripin [Pegawai Khas Mantan Perdana Menteri]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Rabu, 24 Oktober 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.00 pagi.

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: Saya melihat kuorum mesyuarat ini cukup dan saya mulakan mesyuarat. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli PAC, Naib Pengerusi PAC, semua Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme, Setiausaha PAC merangkap Setiausaha Dewan Rakyat. Selamat datang juga diucapkan kepada pegawai-pegawai *ex officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Menteri Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. Terima kasih kerana dapat hadir pada hari ini.

Pagi ini PAC akan mendengar keterangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak; Menteri Kewangan Malaysia, tempoh perkhidmatan daripada 3 April 2009 sehingga 10 Mei 2018 membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan GST berjumlah RM19.4 bilion. Yang Berhormat Dato' Sri, PAC telah dimaklumkan bahawa mengikut Akta GST, semua *revenue* harus dimasukkan di dalam GST *Trust Fund* tetapi mengikut Akta Kewangan, ianya boleh dimasukkan di dalam *Consolidated Fund* atas kuasa yang diberikan oleh Menteri Kewangan.

Persoalannya sama ada bagaimana kuasa itu diturunkan sama ada diminitkan ataupun secara verbal kepada Kewangan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak [Mantan Menteri Kewangan I]: Ya, terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan PAC. Seperti mana yang dinyatakan tadi, memang benar mengikut Akta GST 2014 telah diperuntukkan supaya hasil GST dimasukkan di dalam *Trust Account.* Akan tetapi atas nasihat daripada *Accountant General* dan ini telah pun diminitkan, hasil GST dimasukkan dalam *Consolidated Account. Consolidated Account* ini di-*manage* oleh sebuah

Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah GST, dipengerusikan oleh KSP, KP Kastam, Ahli *Accountant General* dan juga Pengarah GST, antara lain telah pun di-*formalised*-kan.

Ikut pada amalan kita 35 peratus daripada hasil GST itu dimasukkan dalam Amanah *Account* untuk *refund. Average refund* ini dalam setahun dijangka atau diandaikan dalam RM20 bilion. Prestasi kita pun telah bertambah lebih baik. Pada mula GST dilaksanakan, kita *refund* dalam 40 peratus dalam *14 working days.* Akan tetapi mutakhir ini, *about 70 percent.* Ini merupakan satu pencapaian yang baik. Baki itu mungkin disebabkan saya difahamkan sewaktu saya di MOF bahawa mereka ini ataupun pihak kastam mempertikaikan kesahihan tuntutan mereka itu. Jadi bila ada pertikaian, maka perlu dilakukan siasatan. Itu sebab punca besar *delay*-nya.

Umumnya kita telah dapat hasil yang kian meningkat. Saya dimaklumkan tahun 2017, kita punya *nett income is about RM44 billion* setelah kita tolak *refund. Refund about RM20 billion. So, our* GST punya *income is about RM64 billion*, kita tolak *RM20 billion*, jadi *RM44 billion.* Itulah yang saya boleh nyatakan. Ia tidak melibatkan peranan saya secara langsung, sebab *this is purely administrative. Committee* ini buat *decision* secara kolektif. Jadi sepanjang perkhidmatan saya sebagai Menteri Kewangan, saya tidak di beritahu ada masalah besar dalam hal pengurusan GST melainkan prestasi untuk *refund* ini. Saya lihat trend semakin lebih baik. Saya percaya kalau sekiranya GST diteruskan hari itu yang pada hemat saya keputusan yang amat saya pertikaikanlah. Keputusan memansuhkan GST besar implikasinya kepada kewangan negara.

Akan tetapi tak apalah. Itu sudah *decision* kerajaan baharu. Akan tetapi saya tetap pertahankan GST sebagai satu sumber kewangan yang menstabilkan *revenue-based* kerajaan. Oleh sebab pokok masalah kepada kerajaan ialah *our revenue-based was too narrow.* Bila kita perkenalkan GST, itu atas nasihat daripada Bank Negara Malaysia. Nasihat daripada EPU, nasihat daripada MOF, tentulah MOF sendiri. Perkara ini telah dirancangkan hampir 20 tahun lamanya. Bukan baru, bukan zaman saya, zaman dulu-dulu lagi. Akan tetapi tak dilaksanakan. Akan tetapi itulah, *that is history*-lah, *water under the bridge.* Namun itu saya hendak beritahu bahawa tidak ada masalah dari segi pengurusan kewangan yang bersabit dengan GST yang dikaitkan dengan saya secara langsung sebagai Menteri Kewangan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Mantan Menteri Kewangan. Sebenarnya kita sebelum ini telah mengadakan beberapa prosiding berkenaan dengan isu ini dan pihak kastam dengan pihak KSP, mantan dan semasa telah pun dipanggil. Soalan saya seterusnya kepada Yang Berhormat Dato' Sri adalah berkenaan dengan kuasa Menteri Kewangan di bawah seksyen 54(5).

Tadi Yang Berhormat Dato' Sri ada menyatakan bahawa atas nasihat daripada *Accountant General,* maka kesemua wang tersebut telah dimasukkan ke dalam *Consolidated Account.* Bolehkah saya mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Dato' Sri bahawa Yang Berhormat Dato' Sri telah pun menggunakan kuasa di bawah seksyen 54 untuk mengarahkan supaya kesemua wang tersebut dimasukkan ke dalam *Consolidated Account* dan bukan dalam Akaun Amanah. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Sri mengesahkan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya tak dapat mengesahkan tetapi yang saya dapat tahu, *Accountant General* memang minta perkara ini dilakukan. Kalau ada keperluan itu, memang dia akan hantar kepada saya. Akan tetapi saya tidak ingat ada dia hantar kepada saya atau tidak. *Can the officers elucidate,* benda ini?

Encik Esleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]: Terima kasih. Untuk makluman tidak adalah, di dalam rekod tidak ada.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tidak ada.

Tuan Wong Chen [Subang]: Soalan.

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry*, Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri sebenarnya sekiranya kita membaca seksyen 54, khasnya seksyen 54(5) hanya Menteri Kewangan – mungkin boleh merujuk kepada seksyen 54(5). Walau apa pun, subseksyen 2 dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran balik ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan. *So* maksudnya, hanya Menteri Kewangan sahaja yang mempunyai kuasa yang sedemikian, *so can you confirm that?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya, akan tetapi ini kita bertindak atas nasihat daripada *Accountant General* yang telah pun diminitkan di dalam *meeting.* Itu kita kira sudah di-*formalised*-kan dan *committee* ini pun *committee* yang di-*established* di bawah KSP dengan pegawai-pegawai kanan. Jadi *everything is transparent,* dia tak ada masalah, tak ada masalah sama sekali.

Tuan Wong Kah Woh: So kuasa di bawah 54(5) ada dilaksanakan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Dilaksanakan atas kehendak daripada *Accountant General* sendiri, *in writing.*

Tuan Wong Kah Woh: *So* kuasa di bawah 54(5) ada dilaksanakan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Dilaksanakan.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, terima kasih.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Baik.

Tuan Wong Chen: Ya, soalan, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pekan, ialah sebelum saya tanya soalan *follow up* daripada kawan baik saya tadi. Cuma *since you know everything is water under the bridge.*

■1110

So, bagi saya isu tentang *weak fiscal revenue-base is a known fact by many of us. But I think the key point here is, for the longest time, the government never pursue wage increase. That is why the personal income tax base extremely low at 15 percent of the working population. But that's water under the bridge, we hope to work on the new government, with higher wage increase and hopefully stabilise the thing to offset the GST elimination.*

But anyway, soalan saya ialah soalan bertambah pada isu yang dibawa oleh rakan baik saya tadi itu ialah *Accountant General* ini, kita tidak tahu sama ada tertulis atau tidak *advise that he gave to you. Can you please explain to us why did the Accountant General propose that the money that was suppose to be kept in the Trust Account, be kept at 35 percent and move everything to the Consolidated Account. Was there any rationale that he gave you?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *That was minuted, was a suggestion* tetapi kalau hendak tahu rasional sebenarnya *better ask the Accountant General himself* lah atas perkara ini. *But* atas nasihat *Accountant General, I had no reason to dispute it. Then Committee* ini *has managed the cash flow well and* dia tidak ada rujuk pada saya apa-apa masalah.

Tuan Wong Chen: *So, it was basically a cash flow rationale* lah.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Is a cash flow rationale.*

Tuan Wong Chen: *I means that was inferring right.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Inferring a cash flow rationale because that is a level of refund that they are comfortable with, you know. Basically, that is it. I am sure that is the rationale. But if you want the specific reason, you can ask him.*

Tuan Pengerusi: Dato' Sri sebagai Menteri Kewangan. Adakah Menteri Kewangan terlibat secara langsung dalam pengurusan *cash flow of the Consolidated Fund?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tidak. *It is managed purely as an administrative matter.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Mantan Menteri Kewangan, saya melihat perkara ini besar kerana mengikut Akta GST 2014 ia perlu dimasukkan ke Akaun Amanah. Akan tetapi atas nasihat Akauntan Negara menasihatkan Menteri dan Menteri menggunakan kuasa 54(5) sebagaimana disebutkan tadi. Apakah Yang Berhormat Menteri ketika itu tidak merasakan sekiranya ia bertentangan dengan

Akta GST 2014, apakah tidak ada usaha untuk meminda akta itu supaya perjalanan prosedur kewangan ini akan lebih licin dan tidak menimbulkan sebarang kegelisahan. Apatah lagi kalau kita lihat borang GST3 kalaulah telah lengkap diproses mereka perlu mendapat, dibayar balik dalam masa 14 hari. Akan tetapi oleh sebab dibenarkan dipindahkan wang itu ke akaun lain, kita dapati laporan menunjukkan bahawa dalam Akaun Amanah kadang-kadang mereka tidak dapat untuk membayar apabila *claim* disebabkan telah dipindahkan dalam jumlah yang begitu banyak sehingga tidak berjaya cita-cita kita untuk membayar *refund* dalam masa 14 hari. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Itu ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan yang saya sebutkan tadi. Kalau sekiranya jumlah kewangan dalam itu tidak cukup, dia boleh mengambil tindakan untuk menambah lagi. Akan tetapi *that is a level of a cash flow* dan di fikir cukup hendak memenuhi tuntutan GST. Oleh sebab pada peringkat mulanya cuma 40 peratus sahaja dibayar balik sebab mereka tidak *familiar* dengan *refund* sistem tetapi telah bertambah lebih baik lagi. Saya tidak anggap ini sebagai ada satu masalah besar. *This is purely administrative* sebenarnya.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, Dato' Sri lanjutan daripada soalan daripada Yang Berhormat Hulu Langat tadi. Sememangnya dalam beberapa prosiding yang lepas kita telah pun mendapati bahawa pindahan wang sebanyak 35 peratus daripada Akaun *Consolidated Fund* ke dalam Akaun Amanah adalah tidak cukup untuk menampung keperluan pembayaran balik GST kepada peniaga-peniaga. *So* bagaimanakah Dato' Sri boleh menyatakan bahawa, *you don't see a big issue in the committee decision?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Kalau jumlah itu tidak cukup, *committee* kena ambil tindakan *because this is purely cash flow* punya *management. Purely administrative, doesn't involve policy.* Setahu saya, saya dan MK II tidak terlibat dalam hal ini.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Dato' Sri, boleh saya tanya ketika Dato' Sri mendengar Menteri Kewangan menyebut dalam Parlimen sebanyak RM19.4 bilion cukai GST yang sepatutnya dibayar balik itu dirompak oleh kerajaan yang lepas, apakah respons yang spontan diminta Dato' Sri?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya rasa kurang selesa dengan *statement* itu sebab saya tidak nampak dikatakan rompak. Dia tidak ada soal rompak, dia soal *cash flow management* sahaja dan tidak boleh duit itu hilang. Jadi kalau ia masuk *Consolidated Fund,* dia *transfer* pada *Trust Fund* . Akan tetapi itu antara dua akaun sahaja, dia tidak hilang ke mana-mana.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Okey, boleh soalan selanjutnya. Jadi bilakah Dato' Sri kalau *you* tahulah. Bila *you* tahu ada keadaan seperti ini, ada permintaan dari *Customs* untuk

dana, untuk membuat pembayaran balik GST, tetapi tidak dilakukan oleh *Accountant General.* Adakah Dato' Sri sedar keadaan ini? Kalau Dato' Sri sedar, bilakah you sedar keadaan ini.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya telah serah *management* GST pada Jawatankuasa ini sepenuhnya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ya, sepenuhnya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *You* faham memang ada yang kata dalam keadaan tunggakanlah yang kena dibayar balik.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya tahu ada tunggakan tetapi *the explanation given to me* bahawa mereka mempertikaikan kesahihan tuntutan itu.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Oh, yang *you* terima. Akan tetapi dalam prosiding yang kita dengan Jabatan Kastam kita diberitahu lebih kurang RM9 bilion adalah dalam keadaan yang dikata harus dibayar balik tetapi mereka tidak dapat dana dari Akaun Hasil Bersatu untuk mereka membuat demikian.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Akan tetapi itu *cash flow management*-lah. *Committee* ini kena selesaikan perkara ini. *It is not a policy matter.* Okey.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Ya, okey.

Tuan Wong Kah Woh: Maksud Dato' Sri berkenaan dengan *cash flow management* adalah ini adalah bergantung kepada keputusan Jawatankuasa sama ada hendak membuat ataupun memindahkan wang ke dalam Akaun Amanah tersebut setelah mengambil kira *cash flow management.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. *So*, soalan lanjut daripada saya Dato' Sri. Tadi Dato' Sri ada menyatakan— okey kita sambung daripada soalan tadi. *So*, di bawah Akta GST adalah ditetapkan supaya kesemua wang pembayaran balik haruslah dikembalikan kepada *tax payer* dalam masa 14 hari. *That is under the GST Act.* Kita pun mendapati bahawa tidak ada *exit clause* yang mana *whether is subject to audit and so on. So* dalam perkara ini, tadi Dato' Sri menyatakan bahawa Dato' Sri sedar bahawa ada tunggakan yang belum lagi dibayar balik. *So, my next question is whether at any material time,* Dato' Sri *has ever authorised for this money not to be paid within the 14 days period as stipulated under the law.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No.*

Tuan Wong Kah Woh: *No.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No.*

Tuan Wong Kah Woh: Tadi Dato' Sri ada juga menyatakan bahawa prestasi pengutipan GST adalah baik. Tahun 2017 lebih kurang RM44 bilion telah pun– *nett income* untuk GST adalah RM44 bilion dan ini sememangnya adalah bersamaan dengan apa yang disasarkan dalam bajet yang dibentangkan pada tahun 2016. *That is RM44 billion. So, I put it to you* Dato' Sri, *that this RM44 billion is actually not the nett income of the GST because in view of the* tunggakan *of the* pembayaran balik, *the nett income of GST is definitely less than RM44 billion. So, do you agree with me on that?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Depends on you* punya *cut off point* lah *because RM44 billion* ini *is our estimate for the year. The spill over to the coming year* itu adalah, *spill over, but its ongoing. But, if you go on year to year basis, the nett figure for 2017 is RM44 billion.*

■1120

Tuan Wong Kah Woh: *So,* kami telah pun dimaklumkan bahawa pada hari semalam dan juga prosiding-prosiding yang lepas, sememangnya kutipan GST untuk tahun 2017 adalah RM67 bilion. *So, just now Dato' Sri said RM64 billion. Maybe there is some recollection issue but that is okay,* lebih kurang. *So,* RM67 bilion yang mana RM23 bilion adalah untuk maksud pembayaran balik GST. *That is amount to around 35 percent* dan *balance* RM44 bilion itu adalah seperti yang dinyatakan oleh Dato' Sri tadi sebagai *nett income. So,* apabila kita sekarang mendapat tahu bahawa RM23 bilion itu memang tidak cukup untuk membayar balik. Maksudnya daripada *the pool of fund of the RM44 billion,* sebahagiannya haruslah— sememangnya merupakan wang yang harus dibayar balik. Akan tetapi telah pun digunakan oleh kerajaan semasa untuk tujuan memenuhi bajet dan untuk tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan di bawah bajet. *So, do you agree with me on that?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *It is a question of* kita punya *cash flow management.* Kalau ada sesuatu yang mendesak dari segi keperluan perbelanjaan kerajaan yang melibatkan kepentingan rakyat, itu barangkali digunakan dana tersebut menyelesaikan soal projek-projek yang terpaksa dibiayai ataupun perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang terpaksa dibiayai. Mungkin ada sedikit orang kata keadaan kewangan yang agak ketat sedikit masa itu, tetapi bukan satu— ini soal keutamaan sahajalah dalam pengurusan kewangan kerajaan.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Tadi Dato' Sri juga ada membuat satu kenyataan bahawa keseluruhan, *the GST management is being done well, until the* pemansuhan GST yang

menyebabkan bahawa tidak ada wang GST masuk. *So, that was what I can gather just now. Am I right?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya. Saya melihat bahawa cabaran utama ialah *revenue-based government* dan kita telah *deliberate* perkara ini begitu lama, sebelum saya jadi Menteri Kewangan lagi. Zaman Tun Daim, zaman Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, zaman Tun Dr. Mahathir. Semua mengambil keputusan bahawa *the best policy is GST.* Cuma, risiko hendak laksanakan dari segi kesan penerimaan rakyat sahaja yang menyebabkan GST tidak dilaksanakan lebih awal. Akan tetapi bila saya jadi Menteri Kewangan dan Perdana Menteri, Kabinet setuju untuk dilaksanakan atas nasihat daripada semua pegawai kita, menyokong supaya GST dilaksanakan. Ada juga kebimbangan bahawa kita akan terjerumus dalam *fiscal deficit* kerajaan. *This is going to be very serious. It will affect our* penarafan.

My concern is that, walaupun dengan ada GST dengan *level of RM44 billion, our surplus is only about RM7 billion* dari segi OE *roughly. I don't know, this is my memory. Might be wrong, but the surplus is only RM7 billion. So,* kalau *you take away the GST*, kerajaan akan menghadapi kesulitan hendak membiayai OE. *Then, this is a very critical situation. I don't envy the new Minister of Finance with this coming budget. It is going to be very challenging budget because* dengan *tax holiday*, tambah lagi *tax holiday* tiga bulan, *you will have a gap of about RM50 billion. Where is the RM50 billion coming from? That is the big question. I hope we can manage this.* Kalau tidak, kita punya rating *can be downgraded. But, that is another issue. I mean I am not here going to challenge on this thing. I am here just to explain what happened. I am just sharing my concern as an MP.*

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, *further to that, now we have a report to say that as at 31st of May 2018, we still having an arrears or outstanding refund to the* peniaga, *of course subject to audit, amounting to RM19.4 billion. Just now you say that if GST is to continue, then we would have money to pay back. So, I think that was what I can gather from you.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Yes.*

Tuan Wong Kah Woh: *So, do you mean that we should be using the future GST money to be collected to actually pay the previous debt to the* peniaga*?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No, GST is ongoing. There is no such thing anymore of future GST. GST is ongoing, it is a cash flow thing. You should have enough money to pay for refund from GST. But, when you canceled GST and you give a tax holiday, that is when your problem started. That is the real cause of the problem.*

Tuan Wong Kah Woh: *I wonder if Dato' Sri can agree with me, of course from Dato' Sri's point of view, the real cause of problem could be the abolishment of GST and the tax holiday. But*

to me, what I can see from the provision of the act, where the act has clearly said that the money is to be deposited into the Trust Account and from there, whatever sum belongs to the government as a revenue is to be transferred back to the Revenue Account. But, what is the SOP now is money is being put in the Revenue Account and the 35 percent to be transferred to Trust Account. That 35 percent has become insufficient. So, in that case, in other words…

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No. I disagree with you because even if it goes into Consolidated Account, you can still transfer what is required, you see. So that is why we established the committee. The committee can decide and recommend how much you should be transferred. So, I don't see that as a problem. This is purely administrative. The practice differs from the law, but in Singapore, you know, it goes into the Consolidated Fund first and then the Trust Account. So, there is a precedent in other country that goes into Consolidated Account. It's nothing wrong with it.*

Tuan Wong Kah Woh: *So, as the Minister of Finance at that particular time, are you aware that not all the request for the transfer of money to the Amanah Account has been approved? I mean not all request will be approved by the* jawatankuasa *chaired by the former KSP.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya. *There might be some that they couldn't approve. It is a cash flow problem because the demands by other services in a government that we need to be, to settle and also development expenditures. So, it's something that they have to manage. I know it is not perfect, but compared to the early years of GST, things were getting better.*

Tuan Pengerusi: *Anymore?*

Tuan Wong Chen: *Chairman,* boleh?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Chen: *Thank you* Yang Berhormat Pekan *for your— I mean I do understand cash flow. So, I don't have much argument with you on those issues. Just as I said earlier in the policy front, the failure of the previous government is the inability to increase personal income tax collection. That is due to the fact that most — suppressed wages. But, let's not go into the policy issue. Let me just get down to the basic thing which is why you are here today.*

The very first question is in your four years period overlooking the GST implementation as Minister of Finance, were you aware at any time whether there is a shortage request for payment into the Trust Account? Were you aware any time in that four years that you know, maybe the Director General of Finance inform you or the Customs officer, they complained to you directly

and say look, you know, you have to come out another RM4 billion, we are short of RM2 billion in cash flow management? That's the first question.

The second question is of course a little bit cheeky, but I think we understand the issue. Were you ever or your advisors or officials willfully suppressing the repayment of the Trust Account or the rebate to pad up your budget every year? It is because we know that you practice this issue of extra or request for more budget after you spent it. So, I just want to know whether you've ever done any creative accounting on this issue regarding the rebate?

So, two questions. The first one, in that four years period, were you ever aware of anything serious, any big shortfall? Second, about creative accounting to pad up the budget.

■1130

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No, I was not aware of anything serious because basically we have left it to the committee to manage it. If they found something they couldn't resolve, I expect them to come back to me or to* MK II. *I believe* MK II *has not really said anything of that nature as well. Secondly, on the other question is we have not resulted any creative funding because additional expenditure by the government is a normal practice by previous government, previous administration too. So, we always have supplementary budget that for expenditure beyond expectation. I know it is not ideal but that's the way things had been done since* Merdeka. *We always set supplementary budget as you know debated in Parliament, sometimes as ministry, supplementary budget a year.*

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, *perhaps* Tuan Pengerusi, *also one of my final question. The DG of Customs has testified that they have actually request to transfer RM82.9 billion over the four years, they had actually requested to transfer RM82.9 billion of the GST refund money into the Trust Account. In total, the money transferred was only RM63.5 billion leaving out to a shortfall of approximately RM19.4 billion or RM19.25 billion. That is the question in front of us.*

My question is, do you aware or have you ever approved for these RM19.4 billion shortfall not to be transferred into the Trust Account or this decision was made by the jawatankuasa *chaired by the former KSP.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No. Actually, I only heard of the figure RM19.4 billion in the papers. It's not something that I'm aware of. If there is a shortfall in terms of money that is required for refund, it's purely administrative and the committee should take up. If they had problems, they should refer to me. Alright, thank you.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: *So,* saya ada dua atau tiga soalan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Dato' Sri, kesimpulan yang cuba saya fahamkanlah di

sini ada dua *area* atau pemisahan antara pelaksana dan juga dasar. Di bahagian pelaksana, Dato' Sri terangkan ada kekangan dari segi *cash flow*, aliran wang tunai yang mana perkara tersebut diuruskan oleh jawatankuasa. Kawan-kawan tadi daripada *members of PAC* turut bertanya berulang kali bahawa terdapat perbezaan antara permintaan daripada kastam dan juga wang yg dikembalikan kepada ataupun yang dimasukkan ke dalam Tabung Amanah.

Cuma sekarang ini mereka melaksanakan mengikut dasar yg ditetapkan. Jadi, Dato' Sri yang telah memberikan kuasa ikut seksyen 54(5) agar wang tersebut dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Jadi soalan saya, saya lihat Dato' Sri meletakkan bebanan RM19.4 bilion ini kepada soal pelaksanaan, isu *cash flow* dan sebagainya. Jadi macam mana pandangan Dato' Sri dalam soal ini sedangkan dasar itu yang memberi kuasa kepada pelaksana mengamalkan amalan tersebut.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya pandu kepada ketetapan ataupun nasihat yang diberikan oleh *Accountant General.* Oleh sebab itu kehendaknya. Saya terima itu sebagai satu kaedah yang mungkin lebih sesuai. Seperti mana saya kata, ia tidak bercanggah dengan amalan di negara-negara lain seperti Singapura, ia masuk *Consolidated Fund* dulu.

So, kalau jawatankuasa ini boleh *manage* perkara ini, sepatutnya tidak timbul masalah. Akan tetapi pokoknya bukan soal wang hilang, wang itu ada antara *Consolidated Fund* dengan *Trust Account.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi dalam situasi ini adakah Dato' Sri menyalahkan proses pelaksanaan tersebut yang menyebabkan perkara ini secara terkumpulnya wang tunggakan itu sebanyak RM19.4 bilion tidak dapat dibayar? Adakah...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya tidak salahkan sebab saya tahu kita mempunyai banyak keperluan kewangan sebagai sebuah kerajaan. Itu kita kena tentukan keutamaan kita.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Akhir sekali, dari segi keadaan tersebut, sebagai seorang yang menggunakan kuasa dan mengikut lunas dasar tersebut, adakah Dato' Sri pernah – tadi kita tengok daripada sudut pasifnya sama ada jawatankuasa pernah membangkitkan perkara ini kepada Menteri Kewangan. Soalan saya pula, adakah Menteri Kewangan pernah semak proses pelaksanaan ini dalam tempoh empat tahun bahawa sebenarnya ada isu besar dalam soal *refund* GST ini.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya bergantung kepada *committee* sebab bila *committee* itu kita telah *delegate* pengurusan *refund* dan pemindahan daripada *Consolidated Account* kepada *Trust Account,* maka kalau ada masalah yang mereka tidak boleh selesai, saya menjangkakan bahawa mereka akan rujuk kepada Menteri Kewangan II ataupun pada saya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi sebab jawapan Dato' Sri mengaitkan dengan jawatankuasa sekali lagi. Adakah Dato' Sri meletakkan tanggungjawab kegagalan untuk membayar GST *refund* ini kepada jawatankuasa?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya tidak kata ia gagal sebab saya tahu dia *manage cash flow* kerajaan dalam keperluan-keperluan yang lain juga. Oleh sebab kita ada keperluan OE dan DE.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Dato' Sri, izinkan saya menyoal dalam Bahasa Inggeris untuk mengelakkan salah tafsiran. *You know throughout this proceeding* Dato' Sri *keep mentioning that all these are administrative matters. In previous proceedings, we been told that all these were always what we call refer to you and because of policy matters.*

Now, but today what we hearing is, you seems to, in your administration that you rely upon the advice of the Accountant General, you rely on the corporate advice of your officer in the MoF on this GST matters, on the administrations. The problems I see so far, that the Customs they have their procedures, they don't keep the funds. So, they need the funds to refund the requests to MoF. Then, to me then MoF should then refer to you for a decision.

But based on your reply is seems there is none because you leave it to them to manage it. So, is it sound like that the whole things are being managed by the ministry officers rather than you as the Minister of Finance, at that point in time. So, could it be possible that all these that they manage because Accountant General has this policy that we have been told that they cannot over spend on the budget. So, they have to manage the budget as we has been told that they cannot enter into deficit otherwise rating will go down.

So, they were aware that they need to refund the GST. But because at the same time they manage the budget so it doesn't go into deficit, so they don't so called channel the money for the refund. So, based on what you said, it is as though you are not aware of these but you left it to the committee or to the Treasury and the Accountant General to manage all these.

■1140

If you say yes to these. Then, I personally will say that I'm disappointed because as a Minister of Finance and at the point in time, you were also the PM that you should be on the steering wheel to manage it and not left it to the ministry people to manage.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *My main concern is the big picture. I was very particular. As you mention, about the fiscal target. Whatever I promised to the people and to the market.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *Okay.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *I will want— I mean if I promise a deficit of three percent. I want to close the year at minus three percent. The rest of it, I'll leave it to the officers to manage it and if they have serious problems they come to see me. If for example, they cannot fulfill the big macro targets, then they come to see me. But, during my tenure they always manage to achieve the targets, the big targets and that has been my style of management is not I have not look into whatever is important, but as Prime Minister and Minister of Finance my concern is the big picture. During my tenure, we had delivered the big picture.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi. Saya minta maaf. Saya sangat menghargai apa yang telah Dato' Sri sebutkan tadi. Fikir dan melihat kepada *big picture* tentang perjalanan kewangan itu. Akan tetapi, sebagai Ahli PAC saya terpaksa fokus kepada bagaimana prosedur perjalanan kewangan itu telah mengganggu beberapa tindakan-tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh pegawai-pegawai di peringkat bawah. Saya ulang balik tadi Yang Berhormat Menteri telah menggunakan kuasa 54(5). Tidak kira nasihat siapa— itu satu hal lah. Sama ada pada Akauntan Negara, itu satu perkara lain. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri telah menggunakan kuasa itu. Kesan daripada menggunakan kuasa itu menyebabkan mereka yang berada dalam jawatankuasa kumpulan wang ini tidak dapat menunaikan tugas mereka sebagaimana dalam Surat Ikatan Amanah. Antaranya pada perkara 4.4, *"memastikan bahawa kumpulan wang berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan anggaran perbelanjaan kumpulan wang". [Membaca petikan]*

Kesan daripada menukar prosedur itu menggunakan kuasa 54(5) ini, telah menyebabkan Tan Sri Irwan sendiri mengaku bahawa dia terpaksa menghalang untuk membayar kepada ahli-ahli perniagaan yang membayar cukai dan meminta *refund* yang telah lengkap. Dia terpaksa menghalang. Sebab kalau tidak ada pindaan ini atau pertukaran ini, sudah tentu tabung ini akan mampu untuk membayar sebaik sahaja mereka lengkap 14 hari yang dijanjikan itu. Jadi, saya melihat skop itu lebih fokus kepada perjalanan tabung itu sendiri selepas ia ditukar mengikut kuasa yang ada pada Menteri 54(5) itu.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Itu pelaksanaan. Akan tetapi, nasihat yang telah diberikan pada saya itulah nasihat daripada *Accountant General.* Maknanya, bukan saya yang tetapkan, tetapi atas nasihat *Accountant's General.* Difikirkan cara ini lebih sesuai. Jadi, saya terima sebab kita tubuh jawatankuasa kewangan ini di bawah KSP untuk menentukan *cash flow management.* Saya jangkakan kalau ada masalah besar, mereka patut rujuk balik untuk kita betulkan keadaan.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya ada soalan.

Tuan Wong Kah Woh: *So, also in furtherance to* Yang Berhormat Hulu Langat *questions. We talk about section 54. We talk about whether the money should be put in the Revenue Account or the* Hasil *Account. I think that is the key thing here. From the—* okey, daripada perspektif pengurusan kewangan, *I think* Dato' Sri *also quite aware that* wang GST yang dikutip adalah termasuk wang yang dimiliki oleh kerajaan. *At the end of the day,* sebagai hasil dan sebahagiannya merupakan Wang Amanah ataupun *the Trust Fund.* Di mana kerajaan memegang *on behalf of the people. So, that is the Trust Fund.*

So, when the whole pool of money comprising the revenue, sum and the trust fund, wouldn't it be more proper for the sum to be put in the Amanah *Account rather than the Revenue Account from the* pengurusan kewangan *point of view. Because that involve a Trust Fund. That is not the government money.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya. *Trust Fund but it still goes into the government account. The question is, what is the limit that you want to put in term of transfer to the Trust Account and the committee determine at 35 percent. So, that was the position.*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Okey. Soalan saya Dato' Sri. Baru-baru ini pada 14 Oktober, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Bagan telah mengeluarkan satu kenyataan dan di-*published* dalam *newspaper* juga. Saya percaya Dato' Sri tahu iaitu beliau berdasarkan laporan daripada *Accountant General* bahawa *Consolidated Revenue Account* telah pada Januari 2018 sebenarnya adalah RM11.86 bilion pada Januari 2018. Akan tetapi, ia semakin kurang sampai kepada April 2018. *Consolidated Revenue Account* hanya tinggal RM450 *million.* Beliau menyatakan "*register depletion of 96 percent*" iaitu daripada— guna RM11.41 bilion dalam masa empat bulan. Sampai kepada kerajaan baharu hanya RM450 *million* dalam *Consolidated Revenue Account.*

Tadi, berikutan dengan pertanyaan dari PAC *Members* yang lain bahawa sekiranya terdapat wang yang cukup di *Consolidated Revenue Account,* maka, kerajaan guna masuk dalam *Consolidated, it is okay.* Akan tetapi, begitu banyak *shortfall.* Sehinggakan *Consolidated Revenue Account* pada April 2018, satu bulan sebelum *election* hanya tinggal *RM450 million. So,* tidak boleh kita menyatakan bahawa *cash flow* itu hanya kepada jawatankuasa. Pada pandangan saya, *responsible Finance Minister is to administer,* melihat *cash flow* semua ini, akaun-akaun semua kegunaan, itulah tanggungjawab *Finance Minister. Can you comment?* Apakah pandangan ataupun *this data is from Accountant General.* Tinggal RM450 *million* sahaja dalam *Consolidated Revenue Account.* Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya tahu bahawa pada awal tiap-tiap tahun memang ada peningkatan dari segi perbelanjaan kerajaan. Sebab ada beberapa program

yang kita mulakan pada awal *first quarter* tiap-tiap tahun. Itu bukan ada kaitan dengan pilihan raya dan sebagainya. Itu perkara biasa. Saya tidak dapat pastikan jumlah RM450 juta ini sebab perbelanjaan kita pada awal tiap-tiap tahun itu merupakan perbelanjaan berdasarkan program-program yang kita telah luluskan. *There should be enough money in the system. So,* saya tidak pasti *about this RM450 million.* Saya pun *surprise with the figure of RM450 million.*

Tuan Wong Hon Wai: Kalau *RM450 million* pada bulan April ini hanya tinggal *RM450 million.* Bagaimana kita ada cukup wang untuk bayar *RM19 billion* GST *refund?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *That, I'm not aware of the RM450 million.* Sebab kita punya *budget, there should be sufficient money.*

Tuan Wong Hon Wai: Ya. *That my question. Accountant General* melaporkan RM*450 million* tinggal pada April 2018. *That's a shortfall RM19.4 billion GST refund. So, how does this tally? Can you blame the committee? Can you just...*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Can you ask. Can the officers help me on this? On the details.*

Tuan Wong Hon Wai: *Can you just blame the committee, the KSU all these and then mock away the Minister of Finance say this is not my responsibility*

■1150

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No, I'm not saying it's not my responsibility, I'm saying I'm not aware, that is, the cash flow balance of RM450 million.*

Tuan Wong Hon Wai: *But the cash flow it has to be…*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Yeah, I'm surprise but that's why I need help from the officers. What do you have? Do you know?*

Encik Esleezan bin Othman: Kita kena semak dengan Jabatan Akauntan Negara, Yang Berhormat.

Tuan Wong Hon Wai: *This is* jawapan Jabatan Akauntan Negara.

Encik Esleezan bin Othman: Ya, fasal *statement* itu dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara. *So,* kami kena semak dengan dialah ataupun KSP.

Tuan Pengerusi: Ada wakil Jabatan Akauntan Negara. Ya, *please.*

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi), Jabatan Akauntan Negara]: Terima kasih, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Daripada Jabatan Akauntan Negara seperti yang dimaklumkan tadi dalam surat khabar pun Menteri Kewangan telah memaklumkan bahawa Kumpulan Wang Hasil berbaki 450. Cuma— ya,

maklumat itu adalah betul. Cuma dari segi *cash* sebenarnya kita perlu melihat dari segi Kumpulan Wang dan juga *cash* itu satu perkara yang berbeza.

Kumpulan Wang Hasil, ya berbaki 450, akan tetapi sebenarnya *actual cash* kita lebih daripada itu. Ini sebab, Kumpulan Wang Disatukan ini sebenarnya merangkumi ada tiga akaun yang terkandung dalamnya, iaitu Kumpulan Wang Hasil, Kumpulan Wang Pinjaman, dan juga Kumpulan Wang Amanah. Jadi memang terdapat *cash* di dalam akaun kita di bank-bank *especially* di Bank Negara.

Dari segi bagaimana kita boleh *survive* daripada bulan April itu sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli PAC, sebenarnya ini adalah satu proses yang berterusan. Hasil ini sebenarnya masuk setiap hari. Ia memang kita akan rekodkan ke dalam akaun-akaun ini.

That's why kalau kita lihat, *even* untuk bulan September ini sebenarnya kita ada *excess* di dalam *current account* kita. Itu maksudnya.

Tuan Pengerusi: Soalan saya kenapa *highlight that particular time when* RM450 *million* sahaja. *Why do you highlight that, when you know there are three accounts there? The money in three separate accounts in the Consolidated Fund.*

Tuan Wong Hon Wai: Soalan saya GST...

Tuan Pengerusi: *I'm asking the* Jabatan Akauntan.

Encik Azeman bin Miskah: Okey, Tuan Pengerusi sebab Kumpulan Wang Disatukan ini adalah jika kita lihat di akaun awam, Kumpulan Wang Disatukan ini sebenarnya berada di bawah, maksudnya ia— *because* kita ada akaun tunai, kita ada pelaburan dan di mana tunai dan pelaburan ini diletakkan di dalam kumpulan tadi iaitu Kumpulan Wang Hasil, Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang Pinjaman— tunai dia, sebab *accounting* kita adalah dalam bentuk *cash basis*. Itu kita kena...

Tuan Pengerusi: Soalan saya, kenapa *highlight* satu akaun tinggal RM450 *million* ini? Kan itu di-*highlight* dalam *press or impression is that we're going bankrupt though.* Jadi kita hendak jadi bankrap. *Why do you highlight that? We know that* ada akaun yang akaun pinjaman, ada akaun amanah dekat akaun *Consolidated Fund* itu.

Encik Azeman bin Miskah: Yang itu saya— dari segi masuk Kumpulan Wang Disatukan itu memang itulah kedudukannya. Akan tetapi, dari segi *cash* ini sebenarnya macam saya maklumkan tadi Tuan Pengerusi, ia kena lihat dari segi aspek yang berbeza.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Kalau boleh saya tambah. KSP selalu memberi jaminan kepada saya *at anytime* ada RM5 bilion, RM6 bilion *cash* dalam *system. So,* bila keluar angka RM450 juta itu pun saya pun terkejutlah, *because* dia bagi tahu saya *at anytime in the government system, there's RM5 billion to RM6 billion cash*. Sebab ada akaun-akaun lain.

Tuan Wong Hon Wai: Tidak, Dato' Sri. Kita tahu bahawa wang GST masuk ke dalam *Consolidated Revenue Account.* Mengikut undang-undang perbelanjaan hanya boleh dibawa, dikeluarkan daripada *Consolidated Account,* bukan *cash*, bukan akaun lain— akaun pelaburan tidak berkaitan, akaun pinjaman tidak berkaitan. Wang perbelanjaan kerajaan hanya dalam *Consolidated Revenue Account.* GST wang masuk dalam *Consolidated Revenue Account.*

So, shortfall RM19.4 billion tidak ada dalam *Consolidated Revenue Account. This is what we want to find out, how come RM19.4 billion* tidak ada dalam akaun tersebut sehingga April 2018 hanya tinggal RM450 *million. That's why,* wang hilang.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *There is no such thing* as wang hilang. *How can* wang hilang. Wang hilang...

Tuan Wong Hon Wai: Wang telah di belanja. Wang telah hilang.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ada di dalam sistem itu dan *any one time* ada *RM5 billion, RM6 billion in the system. Impossible.*

Tuan Wong Hon Wai: *Where is the RM5 billion, RM6 billion you are talking about, when the Accountant General saying that there are RM450 million only?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Dia kata ada banyak akaun lagi.

Tuan Wong Kah Woh: *Actually...*

Tuan Wong Hon Wai: Wang-wang itu bukan... wang pinjaman, Akaun Pinjaman, Akaun Pelaburan. *Nothing to do with GST.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Mana ada 450. *That is impossible.*

Tuan Wong Hon Wai: *I mean, can i put to you,* Akaun Pinjaman, Akaun Pelaburan— *your GST money doesn't go into* Akaun Pinjaman, tidak masuk dalam Akaun Pelaburan. *Is it true? I mean is it correct what I'm saying.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *You ask the officers the details.*

Tuan Wong Hon Wai: Bukan, tidak payah bergantung *officers,* Mantan Menteri Kewangan jawab. Wang GST masuk dalam *Revenue Account* dan bukan pinjaman dan bukan pelaburan. *You may have money in the* pinjaman, *you may have money in the* pelaburan *but your GST money doesn't go into these two accounts.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No, it just goes into Consolidated Account and then from the Consolidated into to the Trust Account. That's the system.*

Tuan Wong Hon Wai: *But it doesn't— I mean you got money in* Pinjaman, *I know, you got money in the* Pelaburan *but remaining RM450 million in the Revenue only.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *The cash flow position at any one time is managed by The Accountant General. I didn't know.*

Tuan Wong Hon Wai: *So, are you saying that the government breach of trust?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *There's no breach of trust.*

Tuan Wong Hon Wai: Kerana kerajaan sepatutnya pegang *trust of taxpayers, you* belanja. Pada bulan sebelum ini juga belanja banyak, hanya tinggal *RM450 million.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No.*

Tuan Wong Hon Wai: Sepatutnya bayar balik kepada *taxpayers.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No,* kita belanja *according to our programme. There were nothing extra.*

Tuan Wong Hon Wai: *True, it's according to your programme but you are breach of trust.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No.There is no breach of trust. I disagree.*

Tuan Wong Hon Wai: *But where is RM19.4 billion?*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *The RM19.4 billion is not missing. It is in the system.*

Tuan Wong Hon Wai: *Prove it to us.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *In the system.*

Tuan Wong Hon Wai: *Prove it to us where is the money.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *How can the RM19.4 billion missing.*

Tuan Wong Hon Wai: *Accountant General stated RM450 million remaining in the Revenue Account, that's all.* Pinjaman dan pelaburan *nothing to do with the GST Account. Prove it to us.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *No, but as far as I'm concern, KSP always tell me there is always RM5 billion to RM 6 billion.*

Tuan Pengerusi: *I think the* keterangan Mantan KSP semalam pun dia kata *there is always RM5 billion, RM7 billion in the account.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Yeah, in the account. It is in the account.*

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, *even if you have RM5 billion to RM6 billion in the* Hasil *Account, that is not sufficient to cover RM19.4 billion. Now,* Yang Berhormat Bukit Bendera *was telling RM450 million, and* Dato' Sri *said every time KSP said at least RM5 billion to RM6 billion inside. Yes, if there is RM5 billion to RM6 billion inside. That is still not sufficient to cover that RM19.4 billion in the event that RM19.4 billion is to pass through all the audits and get approve at the same time, then you have to pay and wouldn't have money to pay. That is a point made by* Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai: *So, prove it to us.*

Tuan Pengerusi: *No, I think* kita boleh buat dalam keadaan yang lebih tertib. Dia kata ia bergantung pada pungutan setiap hari. Semalam Mantan KSP pun bagi tahu semalam bahawa ada pungutan setiap hari. *So*, pada ketika, jumlah itu sedikit tetapi setiap hari ada pungutan. *So*, Mantan KSP semalam bagi tahu bahawa dia *concurred* ada lebih kurang *RM5 billion to RM7 billion yesterday* dalam keterangan Mantan KSP. *I think it was*— semalam begitu.

Itu sebab kita tanya *Accountant General* punya *statement*, dia *highlight* dalam *Revenue* ada RM450 *million* sahaja. Akan tetapi, pada masa yang sama ada keterangan daripada *Accountant General* tadi, mengatakan bahawa pungutan berterusan setiap hari. *Is that true*? Itu kan— setiap hari pungutan. Pada satu ketika RM450 *million* tetapi pungutan masih berjalan setiap hari? *Is that so?*

Tuan Wong Chen: *Chairman*?

Tuan Pengerusi: Dato' Sri soalan. Adakah tidak— boleh tidak duit dalam *Consolidated Fund* itu di salah guna oleh kerajaan?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tidak boleh, sebab kalau *Consolidated Fund,* apa-apa perbelanjaan itu mesti akhirnya diluluskan oleh Parlimen. Kalau kita belanja dulu pun, *then* kita akan *submit supplementary* lepas diluluskan oleh Kabinet.

Tuan Pengerusi: Itu memang SOP setiap kali. *It has be the SOP.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tidak boleh salah guna. Kita ada Jabatan Audit lagi. Jabatan Audit akan mengesahkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Sri. Sebagai Menteri Kewangan, pengurusan Tabung *Consolidated Fund* dan juga Tabung Amanah adalah dipengerusikan oleh KSP. Berapa kerapkah Yang Amat Berhormat sebagai Menteri Kewangan membuat pemantauan atau pemeriksaan di atas tabung tersebut?

■***1200***

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Saya diberi pada tiap-tiap bulan *cash flow position of the government overall.* Akan tetapi pemindahan daripada *Consolidated* ke *Trust Account* itu, *purely* bidang kuasa jawatankuasa. Kita telah *delegate. So that's how we have been working on that basis* dan saya jangkakan kalau ada masalah besar, jawatankuasa ini akan *refer* kepada MK II atau kepada saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Maknanya pengurusan tersebut adalah di bawah KSP, setiap pembayaran untuk tuntutan semula...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Itu di bawah *committee* pula.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Adalah berdasarkan daripada keputusan daripada Jawatankuasa Audit yang dibuat secara bulanan oleh KSP.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Setiap bayaran itu adalah berdasarkan daripada *cash flow* kita.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Keutamaan atau kemampuan kita. Tetapi adakah pernah, jika ada masa-masa Yang Amat Berhormat mendapat makluman daripada KSP, bahawa kita ada masalah tentang tabungan ini.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Tak ada. Apa yang saya tahu mereka *complained* tentang *claim* yang tak lengkap ataupun ada disyaki penipuan. Itu yang dia selalu sebut dekat saya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Yang Berhormat Dato' Sri, izinkan saya menggunakan bahasa Inggeris lagi ya. *To follow up on the as April, is only RM400 million, RM450 million in the Consolidated Revenue Account. So, set aside the other account. Now at the same time, we aware around that point of time as we were informed RM19.4 billion was around May but definitely around April there be some figures. Maybe not RM19.4, maybe close to it. Now because of money had gone into Consolidate Revenue, but left only RM400 million.*

Can I use an analogy? Say, I owe somebody RM19.4 billion. But at the same time, I have got my worker wages, my utilities bill to pay but actually my bank account only left, say RM10 billion. But to pay all these wages, if I pay my creditors RM19.4, then I won't have money to pay my workers, to pay my utilities. You know to look good, not to end up the bank account in negative figure, so I don't pay my RM19.4 billion creditors. I use it to pay up all my worker wages. So, left with only RM450 million in the account. So, if that's a case, the scenario lah *that I put in, so I want to ask* Yang Berhormat Dato' Sri *is that morally right to then use the creditor money in this case which is a taxpayer money to spend, I mean to pay for the wages and et cetera. Just to make sure that, there is a balance in the Consolidate Revenue Account.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *I think it's just a temporary problem as a revenue comes in. They will pay the balance. I think is just a ... you know, question of timing. That's all.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon : *So to you it's just...*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *The purpose of the money is also for the* rakyat, *what ever we pay to the Consolidated, programme for the* rakyat. *So to me, it is not a morale problem, it's a question of just a cash flow management.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *To you it's not a morale problem.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Chen: Subang. Sudah tukar sudah, dulu Kelana Jaya lah. *First of* Yang Berhormat Pekan, *look, we do have a lot of contentious issue with you, but in the context of today's matter, I mean 1MDB or all that kind of things. But in the case of this particular matter, let's give a proper context and I think I speak on behalf of the other members. That this matter is really you are here to testify on the allegation made by the Minister of Finance on the RM19.4 billion. So let's keep the proper context of it. My basic question is this, and I exactly directed to the Ministry of Finance officials who are here. Three weeks ago, more or less three weeks ago, you told us that there is RM23 billion, balance, in the GST Account. And that will cover enough RM19.4 billion.*

Is that the position today or is it different now? So, the Ministry of Finance officials, please explain this because we are going in a circle, asking the former, you know, Finance Minister something that he has no record of because since he lost power, he has no access to them. So can we have a clarification because it seems that we are disputing whether this RM19.4 is payable or not, or has it been lost, or is it still in the system. Whoever from Ministry of Finance, who told us three weeks ago that there was RM23 billion. Is it still there or has the position changed today? So can someone please explain.

Tuan Pengerusi: Itu *testimony given by the present KSP, RM23 billion is available. Yes in the system.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *In the system, so what the current situation?*

Tuan Pengerusi: *So what's the current?*

Encik Esleezan bin Othman: Ya, kita tak dapat sahkan perkara itulah.

Tuan Pengerusi: Ya, *because the point is* dia *changes every day. That is the point.*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya, *very fluid situation depends on which point of time.*

Tuan Wong Chen: *No, no but the issue is this. Is this RM23 billion from the GST collection? We are not mixing it up with the SST accounts. That has just started. Is it RM23 billion purely from GST collection since there is a RM19.4 billion hole, were the RM23 billion suffice to cover that RM19.4 or there are other issues? I think we really want to drill down to the fact that did you use money to pay wages when you shouldn't have done it because ultimately you can't*

pay the remaining refund. So if the Ministry of Finance officials can drill down and find out this RM23 billion. Is it purely GST and I think, we can come to a quick conclusion on the matter.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Alright, I'm afraid that I can't help you there.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *I thought the RM23 billion that the Ministry of Finance told us one is as what we call the current. What we call GST refund figure. Is not the collection because an increase…*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *We can check on that – I think we should check on it..*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon : Ya *increase because of the tax holiday, there will be a lot of claim, input tax. There is no output tax. So the GST refund will definitely increase I thought there have been increase to RM23 billion.*

Tuan Pengerusi: Ya, ada lagi soalan?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir : Nanti satu ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Pengurusan Tabung *Consolidated* ini, perbelanjaan berdasarkan daripada apa yang telah dibajetkan mengikut Parlimen. *Was there any instances that you give instruction* ataupun Yang Berhormat Dato' Sri bagi arahan untuk membuat pembayaran luar jangka lain daripada bayaran yang diuruskan daripada KSP.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Dia kalau ada luar jangka bayaran, kita kena bawa ke Parlimen kemudian. *So it's rectified by Parliament.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Makna semua daripada perbelanjaan daripada Tabung *Consolidated* ataupun Tabung Amanah adalah berdasarkan daripada apa yang telah digariskan dalam bajet kita. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya, *that's right.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey, saya cuma hendak cuba simpulkan sebab banyak perkara-perkara telah dibangkitkan berkenaan dengan seksyen 54(5) ini, *given the situation now,* kalau Yang Berhormat Dato' Seri berpeluang untuk kembali kepada empat tahun lepas, adakah Yang Berhormat Dato' Sri menggunakan kuasa ini ataupun akan membuat keputusan elok sahaja serahkan dana ini masuk kepada Tabung Amanah seperti yang dikemukakan oleh akta tersebut.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Itu soal akademiklah.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ya memang akademik but...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *It's an academic question. Actually,* kalau sistem, kaedah ini macam di Singapura, dia masukkan *Consolidated Fund* dulu. Selepas itu dia

pindah ke *Trust Account*. Kalau di-*manage* dengan keperluan *refund* itu *and you can match the two, there shouldn't be a problem. But I think* ada sedikit *gap* dari segi pelaksanaan, *I have to concede. So I wouldn't want to say that I will go back to the Trust Account.* Akan tetapi mungkin kita hendak tengok *operational requirement.* Itu mungkin kita kena *adjust* sikit *from time to time.* Itu sahajalah.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi maksud ada cara untuk kita tambah baik.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ada cara kita boleh *adjust* sikit, *even though* kita masuk *Consolidated Fund.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey satu lagi Yang Berhormat Dato' Sri ada sebut soal *big picture* tadi untuk mencapai sasaran.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Ya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Jadi tekanan itu adalah kepada pelaksana. Cuma ada juga contoh-contoh yang berlaku, ada yang sepatutnya menjana pendapatan GST tetapi Dato' Sri telah memberi pelepasan. Sebagai contoh, syarikat CCC sebelum ini yang diberikan pelepasan daripada GST. Adakah benda ini secara tidak langsung bagi implikasi kepada pelaksana bahawa mereka terbeban untuk mencapai sasaran sedangkan ruang-ruang untuk mereka kutip GST ini telah diberikan pelepasan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: Kita buat itu *as a package,* sebab kita dapat *very— concessionary terms* dari segi *loan. So that's a package deal. It cannot be taken in isolation. Ya okay.*

Tuan Pengerusi: Ya, ada lagi? Okey. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Dato' Sri.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Thank you.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak-banyak kerana memberi kerjasama kepada PAC dan tentu sekali keterangan yang ini akan membantu kita untuk membuat rumusan untuk diserahkan kepada Parlimen. Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri dan terima kasih kepada kakitangan Kementerian Kewangan yang turut hadir bersama. Sekian.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak: *Alright, thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.11 tengah hari]

Bil. 12

Rabu
14 November 2018

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF):-

i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir

ii. Menteri Kewangan,
Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 14 NOVEMBER 2018

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Encik Y. Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit (Prestasi)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Daniel bin Mohd Nassir [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara
YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
YBhg. Datuk Abd. Aziz bin Aban [Pengarah]
Encik Hazrul Shazreen bin Abd Yazid [Penguasa Kanan (Siasatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara
Y.Bhg. Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]
Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan
Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Encik Surrendren Sathasivam [Pengarah]

SAKSI

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
YB. Tuan Lim Guan Eng [Menteri Kewangan]
Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST)]
Puan Farzaana binti Muhamad [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)
Encik Ooi Kok Seng [Pegawai Khas Menteri Kewangan]
Encik Muhammad Akram bin Ab. Aziz [Pegawai Khas Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Rabu, 14 November 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: Selamat petang dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan semua Ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah iaitu Setiausaha PAC yang juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat dan semua pegawai-pegawai *ex-officio* PAC. Hari ini kita mengadakan prosiding berhubung tuntutan tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan berjumlah RM19.4 bilion. Ini adalah prosiding yang kelapan membabitkan isu ini. Hadir di hadapan kita pada hari ini adalah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng iaitu Menteri Kewangan.

Buat pengetahuan semua, PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung dengan isu ini pada 12 September 2018. Dalam tujuh prosiding sebelum ini, PAC sudah mendengar keterangan daripada Yang Berbahagia Dato' Sri T.Subromaniam iaitu Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah iaitu Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dua mantan Menteri Kewangan II iaitu Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah dan Yang Berbahagia Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani. PAC juga mendengar penjelasan daripada mantan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak pada 24 Oktober 2018. Sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng untuk memberi maklumat serta penjelasan kepada PAC berhubung dengan isu ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Menteri Kewangan]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kita untuk memberikan maklumat dan juga sedikit penerangan tentang masalah besar, RM19.4 bilion yang telah pun - kalau ikut apa yang saya ucap dalam Parlimen, telah dirompak oleh kerajaan terdahulu daripada rakyat iaitu pembayar cukai di mana kerajaan terpaksa menanggung kekurangan ini atau *shortfall* dan telah pun mengumumkan dalam Belanjawan 2019 bahawa

dengan bayaran khas, *one-off* daripada PETRONAS sebanyak RM30 bilion, kerajaan barulah berupaya untuk membayar balik RM37 bilion di mana RM19.4 bilion adalah *refund* GST yang tidak dibayar lebih dua tahun.

Di sini saya mungkin ingin hendak rujuk kepada tiga soalan yang saya tujukan kepada bekas Menteri Kewangan dan juga kepada kerajaan lama yang saya rasa adalah perkara pokok tentang isu ini kerana melibatkan undang-undang, akauntabiliti dan wang rakyat. Pertama, adakah mantan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib membuat keputusan untuk meluluskan agar pembayaran balik GST, *the GST refund* tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang? Ini soalan pertama. Jawapan yang saya perolehi menerusi kenyataan akhbar Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib adalah tidak. Dia tidak pernah membuat keputusan pembayaran balik GST, tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan. Bukan sahaja tidak dibuat dalam masa dua minggu, tetapi sehingga sekarang masih belum dibayar. *So*, lebih daripada dua tahun, Tuan Pengerusi.

Kedua, adakah beliau meluluskan keputusan yang dibuat oleh bekas KSP iaitu Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar untuk tidak memindahkan keseluruhan jumlah RM82.9 bilion seperti yang diminta oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Akan tetapi hanya memindahkan RM63.5 bilion sejak tahun 2015, yakni kekurangan pemindahan dana sebanyak RM19.25 bilion kepada Tabung Bayaran Balik GST. Tabung Bayaran Balik GST hanya tinggal RM148 juta iaitu yang kita ada, *so* menjadikan keseluruhan jumlah yang belum dibayar balik adalah RM19.4 bilion. Akan tetapi daripada *shortfall* ini kerana tinggal RM148 juta, maka kita kena membuat imbuhan sebanyak RM19.25 bilion. Ini saya rasa telah pun dijelaskan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri T. Subromaniam iaitu Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Apa yang ditunjukkan peta ini adalah pecahan tunggakan yang tidak dibayar di mana mungkin kalau sekiranya ada sedikit perselisihan, adalah kira-kira RM1.5 bilion hingga RM2 bilion daripada jumlah ini. Akan tetapi, ia sepatutnya dimasukkan dalam Akaun Tabung Bayaran Balik GST.

Untuk makluman Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kutipan keseluruhan GST daripada 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018 adalah sebanyak RM197.88 bilion. Daripada jumlah ini, hanya 32.5 peratus telah dipindahkan kepada Tabung Bayaran Balik GST iaitu sebanyak RM63.5 bilion. Itulah *shortfall*, RM19.4 bilion yang belum bayar balik seperti mana yang saya sebutkan. Ini melibatkan undang-undang. Akan tetapi saya hanya hendak membuat rumusan, perkara perundangan pada akhirnya.

Saya pergi ke soalan ketiga iaitu adakah Menteri Kewangan memberikan kelulusan agar jumlah pembayaran balik GST yang tidak dikembalikan sejak tahun 2015 dianggap sebagai hasil pendapatan kerajaan untuk digunakan secara sesuka hati mengikut budi bicara beliau dan Kerajaan Persekutuan pada masa itu? Ini tiga soalan adalah sangat penting dan

dijawab oleh mantan Menteri Kewangan dan jawapannya adalah tidak. Pertama, tidak berikan kelulusan bahawa bayaran balik GST tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan.

■1440

Kedua, tidak meluluskan keputusan bekas KSP untuk tidak memindahkan keseluruhan RM82.9 bilion untuk dimasukkan ke dalam Tabung Bayaran Balik GST seperti yang diminta oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan ketiga bahawa dia tidak meluluskan jumlah bayaran balik iaitu RM19.25 bilion ini sebagai hasil pendapatan kerajaan. Sekiranya tidak siapa yang harus bertanggungjawab? Ini kerana di bawah undang-undang hanya Menteri yang ada kuasa.

So, di sini adakah beliau boleh memberikan kelulusan tanpa pengetahuan ataupun ingatan dia. Kedua, adakah bekas KSP, Tan Sri Mohd Irwan Serigar telah melebihi kuasa, menyalahgunakan kuasa ataupun menghindarkan undang-undang untuk membuat sesuatu keputusan yang salah dan melanggar undang-undang.

Saya sebut sedemikian, kerana pihak daripada Peguam Negara telah memberikan saya satu salinan. Salinan nasihat perundangan tentang impak ataupun perundangan berkaitan dengan *Financial Procedure Act.* Di sini adalah jelas dan saya tidak mahu baca itu *legal brief* saya– panjang 15 mukalah.

Tuan Pengerusi: Minta *softcopy*-lah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes. So,* saya hendak berikan secara ringkas sahaja di mana disebut di sini bahawa semua wang GST yang dikutip atau cukai GST yang dikutip seharusnya dimasukkan ke dalam Tabung Bayaran Balik GST dan kemudian baharu boleh dimasukkan kepada Akaun Kumpulan Wang Hasil *or Consolidated Revenue Account.* Kedua, bahawa amalan untuk tidak bayar balik adalah salah di sisi undang-undang, di mana pembayar cukai bukan sahaja boleh tuntut balik, mereka pun boleh tuntut kadar faedah dan juga sebarang keuntungan yang diperoleh oleh kerajaan kerana menggunakan wang mereka tanpa pengetahuan atau tanpa kebenaran pembayar cukai.

Tentulah pihak Peguam Negara meminta bahawa kerajaan dengan segera membetulkan kecacatan ini. Itulah sebabnya kita minta kerjasama daripada pihak pembayar cukai untuk bagi kita dua bulan lagi untuk membuat bayaran mulai 2019. *So*, di sini adalah jelas bahawa satu pelanggaran undang-undang telah berlaku. Pertama, tidak bayar ikut masa iaitu dua minggu, sampai dua tahun pun tidak terima. Kedua, wang yang sepatutnya dimasukkan kepada Tabung Bayaran Balik GST tetapi di masukkan dulu kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan, ini yang kedua. Ketiga ialah menggunakan wang tersebut tanpa pengetahuan dan juga kebenaran pembayar cukai.

So, adalah jelas bahawa perkara ini telah merupakan sesuatu beban yang amat berat kepada kedudukan fiskal. Ini adalah juga sesuatu yang cuba menipu bukan sahaja penyata kewangan tetapi rakyat kerana tanpa RM19.25 bilion ini tidak mungkin kita boleh dapat kawal defisit fiskal kepada 2.8 peratus kerana ia memang lebih besar daripada angka ini.

So, ini adalah secara ringkas, apa yang saya hendak huraikan mengapa kita sebut bahawa wang ini memang dirompak daripada pembayar cukai atau kalau kita gunakan istilah yang lebih elok sedikit ialah digunakan tanpa pengetahuan dan kebenaran pembayar cukai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ketiga-tiga isu itu telah pun kita kemukakan dalam prosiding-prosiding sebelum ini dan beberapa saksi yang kita panggil telah memberi penjelasan kepada kita. Contohnya kenapa tidak bayar dua minggu, pihak kerajaan mempunyai alasan kerana pada dasarnya mereka berkehendak kes-kes yang mudah itu mereka ingin membayar mengikut undang-undang yang ada, *which is within the two weeks period.* Akan tetapi menurut mereka ada kes-kes yang didapati bahawa pembayaran salah dibuat dan tidak sepatutnya dibuat, sebab itu mereka lebih berhati-hati.

Begitu juga isu mengapa duit dimasukkan ke dalam *Consolidated Fund, instead of the*— dalam *GST Refund Fund* sepatutnya tetapi menurut mereka, mereka ada kuasa di— Menteri Kewangan mempunyai kuasa dan mempunyai kuasa dari segi undang-undang seperti yang lazim dilakukan untuk mengarahkan kutipan GST itu– sama juga seperti kutipan *income tax* dimasukkan dalam *Consolidated Fund.* Akan tetapi menurut mereka, hanya *nett 65 percent* yang digunakan oleh kerajaan. *They always have this 35 percent reserve* untuk *refund.*

Kita juga diberitahu bahawa adalah menjadi tanggungjawab bagi KSP untuk menentukan kedudukan kewangan dalam *Consolidated Fund* itu *always in surplus.* Ini kerana jika defisit, rating kerajaan akan menurun. Sebab itu ada ketika pembayaran lambat dibuat disebabkan keadaan yang sedemikian yang mengehendaki secara undang-undang bagi KSP untuk menentukan *Consolidated Fund in surplus.* Akan tetapi kalau kita lihat data yang dibagi tadi, *RM197.88 billion* yang cuma dibayar adalah lebih kurang *32.5 percent,* maknanya *they were working within that 30 to 35 percent refund. They always reserved this 30 to 35 percent to refund.*

Jadi itu merupakan penjelasan yang dibagi oleh keterangan saksi-saksi yang kita panggil sebelum ini. Jadi isu undang-undang itu kita telah ada, kita terima isu undang-undang itu dan kita telah agihkan kepada semua Ahli-ahli PAC, *argument* yang diberi oleh AGC, AG mengenai kedudukan urusan pungutan hasil. Bukan sahaja pada GST tetapi yang melibatkan *refund* termasuk juga *income tax. So, we will*— kita akan perhatikan ulasan yang diberi oleh AGC dan mungkin itu akan menjadi sebahagian daripada rumusan PAC nanti.

Jadi soalnya Yang Berhormat Menteri, maknanya secara lateral, kerajaan– macam mana, *how do you justify that* rompak dan curi itu. *How do you justify* secara...

Tuan Lim Guan Eng: Apabila saya sebut di Parlimen dan saya pun ada juga menyatakan sekiranya dengan perkataan yang lebih diplomatik sedikit, kalau kita gunakan wang tanpa pengetahuan atau kebenaran sesuatu pihak, itu memang tidak lain dan tidak bukan seperti merompaklah. Akan tetapi yang saya hendak sebut di sini, ia memang sesuatu, bukan sahaja satu isu kewangan tetapi juga satu isu perundangan. Ini kerana Tabung Bayaran Balik GST adalah satu tabung atau Akaun Amanah. Dengan izin, *it is an Express Statutory Trust.* Sekiranya ia dilanggari, ini adalah suatu jenayah pecah amanah.

Apa yang berlaku di sini ialah sekiranya hendak dipindah keluar, boleh. Akan tetapi mesti dapat kebenaran daripada pihak Menteri. Apabila pihak Menteri cakap beliau tidak pernah berikan kelulusan, siapa yang berikan kelulusan untuk buat demikian? AG sudah cakap sepatutnya masuk ke Tabung Bayaran Balik GST, baru boleh keluar kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan. *Okay*, sekarang apa yang mereka buat adalah salah, mereka masuk kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan kemudian baru masuk kepada Tabung Bayaran Balik GST. Pertama sudah salah. Kedua, tidak pindah semua yang harus dibayar balik pun adalah kesalahan kedua dan ketiga tidak bayar balik dalam masa dua minggu.

Sungguhpun di sini ada kes di mana *Customs* sebut sudah tidak dipertikaikan lagi tetapi masih ditahan. Ini pun satu kesalahan. Itu yang saya sebut tadi ialah tiga kesalahan yang agak serius kerana yang kita bincang di sini bukan adalah sebuah akaun biasa. Akaun biasa, kalau dari segi prinsip perakaunan tidak mematuhinya itu adalah dari segi kewangan. Akan tetapi apabila ia melibatkan satu tabung atau satu Akaun Amanah dengan izin, *Express Statutory Trust. It is not an Express Trust, it is an Express Statutory Trust because this account was established by Enactment in Parliament under the GST Act.*

■1450

Itu satu perkara serius.

Tuan Pengerusi: Ya, *but* ada dibagi keterangan oleh saksi bahawa mereka mengesahkan bahawa tidak ada salah guna daripada segi penggunaan wang dalam *Consolidated Fund.* Semua yang diguna itu mengikut urusan kerajaan yang di bajet ataupun perkara-perkara yang didasarkan oleh kerajaan. Maknanya diizinkan secara undang-undang. *That is the evidence given to us.*

Tuan Lim Guan Eng: Ini keterangan masa itulah. Ini keterangan masa itu.

Tuan Pengerusi: Ya, maknanya soal penyelewengan duit dalam *Consolidated Fund* itu bagi mereka tidak mungkin berlaku dari segi penyelewengan kewangan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini *I think subjective— I mean, sorry* mencelah sedikit. Ini subjektif kerana *we are talking about a Trust Account. That is where I think this severity of the offence lies. So* dalam aspek ini ialah bila kita sebut tentang wang yang sepatutnya dibayar

dalam dua minggu tak dibayar. Sekiranya pihak pembayar cukai mengambil tindakan undang-undang seperti yang disebut oleh Peguam Negara, mereka bukan sahaja boleh tuntut balik bayaran cukai balik mereka tetapi boleh minta itu *interest* lapan peratus dan apa-apa hasil atau keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan kerana menggunakan wang ini. *And it can also be imputed* Tuan Pengerusi, kerana kita hendak berselindung atau sembunyikan keadaan defisit fiskal yang sebenarnya.

Pada masa itu mereka anggap itu dibenarkan. Saya rasa mungkin mereka terlepas pandang itu adalah Tabung Amanah. Saya tak salahkan pegawai-pegawai yang terlibat pada masa itu, saya hanya salahkan satu orang iaitu sama ada yang bersalah ialah mantan Menteri Kewangan atau bekas KSP. Ini kerana beliau yang buat keputusan dan beliau buat keputusan bila beliau tidak ada kuasa *and this is a serious matter. We are talking about a huge sum which is RM19.4 billion.*

So, sekiranya Tan Sri KSP tidak dapat kelulusan daripada Menteri Kewangan dan memang kita tak dapat cari bukti bahawa Menteri Kewangan ada berikan itu bukti, *I think unless it is in his hand. I think the KSP is in trouble.*

Tuan Pengerusi: *I think the last proceeding with Dato' Sri Mohd Najib, he assumed he has already* turunkan kuasa kepada KSP. Bila kita tanya sama ada– dia kata secara minit dalam– dipersetujui secara dasar dalam minit bahawa arahan Menteri Kewangan untuk masuk ke dalam *Consolidated Fund is also the GST Refund Fund, Trust Fund* itu mengikut kuasa yang diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Ya dengan izin saya rasa mantan Menteri Kewangan kena bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: *The same question we asked, he believed that it is in the minute.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, no okay. If that is the case,* itu KSP telah menjalankan kuasanya seperti yang diperturunkan kepada beliau, maka mantan Menteri Kewangan mesti bertanggungjawab. *I think this has serious legal implications.* Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Boleh bagi saya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Wong Hon Wai: Ya Menteri, Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 20 Oktober berkenaan dengan wang-wang yang masih tinggal dalam *Consolidated Revenue Account,* yang saya rasa ialah RM450 *million.* RM450 juta dalam *Consolidated Revenue Account.* Boleh tak saya rasa itu perlu direkodkan dalam minit PAC, boleh huraikan ya.

Tuan Lim Guan Eng: Satu kenyataan— saya di sini ada satu kenyataan tetapi status kenyataan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Bila saya jelaskan perbezaan diantara Akaun Hasil Disatukan dan juga Kumpulan Wang Disatukan. Ini saya rasa untuk seorang *accountant* yang tidak biasa membuat akaun kerajaan, kita pun kena faham sedikit.

Mungkin lebih senang faham tetapi pengguna pun kena faham. *Because* kita biasa uruskan penyata kewangan syarikat swasta. *So* saya pun perlu sedikit masa untuk faham. Akan tetapi itu adalah satu perkara biasa yang harus difahami oleh semua Menteri Kewangan.

Saya percaya mantan Menteri Kewangan faham perkara ini. Disebutkan bahawa kalau ada Kumpulan Wang Disatukan, pada 31 Disember adalah sebanyak RM42.18 bilion, 30 April adalah RM35.5 bilion. Bermakna kerajaan ada RM35.5 bilion untuk membelanjakannya, ini tidak benar. Ini kerana Kumpulan Wang Disatukan merangkumi tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kita tak boleh sentuh Akaun Pinjaman Disatukan.

Kita pun jangan-jangan, kita tak boleh sentuh Akaun Amanah Disatukan kerana ini akan melibatkan jenayah, percanggahan kepentingan atau *criminal breach of trust. So,* yang kita boleh sentuh, yang boleh digunakan untuk tujuan perbelanjaan ialah Akaun Hasil Disatukan. Ini pun telah disahkan berkali-kali oleh *Accountant General* dan juga oleh *Auditor General. Accountant General* mengesahkan pada 31 Disember 2017, Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM11.86 bilion turun kepada RM5.73 bilion pada 31 Januari, turun lagi kepada RM5.34 bilion pada 28 Februari dan RM3.91 bilion pada 31 Mac dan 30 April tahun 2018 menjelang pilihan raya tinggal RM450 juta sahaja.

So, di sini jelas sekali bahawa RM11.4 juta (bilion), *[Disampuk]* terima kasih. RM11.4 juta (bilion) telah digunakan dalam masa empat bulan ini iaitu dari 31 Disember hingga 30 April 2018. *So,* tidak benar kenyataan bahawa ditinggalkan puluhan bilion ringgit untuk di belanjakan kepada kerajaan baharu. Itu tidak benar sama sekali.

Pada masa yang sama apabila kita lihat tentang Tabung Bayaran Balik GST yang menjadi isu utama siasatan PAC memang ia hanya sebanyak RM148 juta sahaja. Ini diletakkan di dalam Akaun Amanah Disatukan.

Tuan Pengerusi: Ya, tapi kita juga dimaklumkan Akaun *Revenue* dalam *Consolidated Fund* itu berubah setiap hari *and we need about RM8 billion every month to pay the emolument and salary. So* yang RM450 juta itu *which day of the month actually is.* Adakah itu selepas bayar gaji dan sebagainya?

Tuan Lim Guan Eng: Gaji dibayar lebih awal.

Tuan Pengerusi: *So which day of the month actually is* RM450 juta sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Gaji biasa dibayar pada 25 hari bulan setiap bulan. *So* RM450 juta ini yang tinggal ialah selepas gaji dan pencen telah dibayar.

Tuan Pengerusi: Ya, mesti selepas gaji pasal *we must have at least RM8 billion to pay salary.*

Tuan Lim Guan Eng: *Which means that for the month of May* Tuan Pengerusi, kita menghadapi satu krisis kewangan kerana kena cari RM7.5 bilion untuk bayar gaji dan juga pencen. *I want to tell you frankly here, this one went into deficit, because I took over on 21st*

after I sworn in. 10 days, pay salary after four days. Akaun Hasil Disatukan *was in deficit. We had no choice but then we managed to turn it around the following month. So now we got a balance of over RM4 billion. How much is it? RM4.7, as at September.*

So sekarang kita ada - selepas berusaha, sungguhpun berjaya, sungguhpun dapat mampu bayar gaji dan pencen RM8 bilion sekurang-sekurangnya setiap bulan, kita ada RM4.7 bilion di dalam Akaun Hasil Disatukan pada 30 September tahun ini.

■**1500**

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Yang Berhormat. Cuma saya hendak tanya untuk tujuan rekod sahajalah. Tujuan rekod sahaja. Ini kerana mengikut jawapan dari bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan pada soalan kepada dia. Mana pergi duit pembayaran balik RM19.4 bilion? Dia dengan yakin kata itu duit memang ada, di dalam Akaun Hasil Yang Disatukan. Bagi dia, kita tanya dua kali atau tiga kali, dia pun jawab begitu. Dia kata kerana hari-hari berubah tetapi bagi dia, itu duit tetap ada di situ. Adakah kenyataan beliau itu benar atau betul mengikut Kementerian Kewangan yang baharu?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dari Tebrau. Memang itu adalah kenyataan yang tidak tepat dan tidak betul. Ini kerana akaun pinjaman mana kita boleh guna. Kita mesti guna untuk tujuan yang ditetapkan. Bila kita pinjam wang, ada tujuan. Kita tidak boleh menyalahi tujuan yang ditetapkan. Akaun Amanah jauh lagi kita boleh sentuh. Itu adalah *Trust Account. So,* hanya Akaun Hasil Disatukan boleh digunakan. Bila beliau sebut sedemikian, itu tidak benar sama sekali.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya kembali kepada isu curi, rompak dan salah guna. Seperti yang dinyatakan tadi, Disember 2017 RM11.86 bilion, Januari RM5.73, 28 Februari RM5.34, 31 Mac RM 3.91. Maknanya, duit berkurangan— memang ada. *That is* betul, satu kenyataan. Akan tetapi, menurut saksi-saksi sebelum ini, ia digunakan kerana dasar kerajaan. *I might agree that,* setuju bahawa mungkin menjelang pilihan raya banyak dasar kerajaan yang menggunakan wang dalam *Consolidated Fund.* Akan tetapi, mengikut arus *cash flow* KSP ia dibuat disebabkan oleh dasar kerajaan dan bukan soal disalah guna dan sebagainya. *Do you agree along that line?* Ini kerana kalau dari segi katakan ia dirompak, KSP mesti bertanggungjawab. Kalau disalahgunakannya. Maknanya KSP bertanggungjawab. Mungkin ada dasar kerajaan menjelang pilihan raya, dasar kerajaan yang lalu menjelang pilihan raya yang terpaksa menggunakan begitu banyak wang daripada *revenue* di *Consolidated Fund* bagi dasar-dasar kerajaan hingga menyebabkan tabung dalam *revenue* dalam *Consolidated Fund* itu menurun hingga *the list was RM450 million.*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi. Saya kurang bersetuju. Ini kerana sekiranya dasar ini bercanggah dengan undang-undang, ia tidak dapat dilaksanakan. Sekiranya, kita sebut bahawa - kerana itu adalah sesuatu dasar, maka kita ada kuasa untuk membelanjakan wang sungguhpun ia menyalahi undang-undang. Itu tidak betul.

Tuan Pengerusi:.... *the value.* Mana yang tidak ada dalam bajet, mana tambahan-tambahan yang tidak ada dalam bajet, *it is a common practice that they will do supplementary budget during the next Parliament session.*

Tuan Lim Guan Eng: Ya. *They will do supplementary.* Itu Akta Perbekalan Tambahan. Akan tetapi, ini sepatutnya dibayar dalam dua minggu. *So,* dia tidak tunggu dua minggu, dia sudah lebih dua tahun.

Tuan Pengerusi: *You are talking about the GST refund.*

Tuan Lim Guan Eng: Betul, the *GST refund.*

Tuan Pengerusi: *We are talking about the usage of the Consolidated Fund, revenue in the Consolidated Fund.*

Tuan Lim Guan Eng: *Okay.* Sekiranya, kita hendak sebut tentang secara amnya. Kegunaan Akaun Hasil Disatukan, mestilah memenuhi dasar-dasar dan juga arahan Kerajaan Persekutuan yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Memang sahih. Akan tetapi, tertakluk kepada undang-undang juga. Kita tidak boleh melebihi undang-undang. Itulah sebabnya sekiranya saya boleh bagi satu contoh, 1MDB. Sama juga. Sekiranya kita cakap itu adalah mengikut atau menurut dasar kerajaan, mengapa bila Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sebut penyangak, perompak— dia tidak berani saman? Ini kerana memang itu adalah satu rompakan wang rakyat. Sampai saya sendiri sakit hati bila saya *sign* itu pembayaran hutang RM7 bilion yang telah dibayar— RM43 bilion masih hendak dibayar. Tidak ada, cari aset-aset juga.

Tuan Pengerusi: 1MDB. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng:1MDB.

Tuan Pengerusi: Kita pun sakit hati juga. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *That is why I said. This is a daylight robbery.* Saya terima kasih bahawa Tuan Pengerusi cakap anda sakit hati kerana 1MDB. *But the point is that this is a daylight robbery of the people's money. So,* itu saya sebut di sini bahawa bila ini melibatkan *Trust Account.* 1MDB tidak melibatkan *Trust Account*, Tuan Pengerusi. Akan tetapi, itu dianggap sebagai *a daylight robbery* di mana, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menyatakan berkali-kali, bukan dalam Dewan tetapi di luar Dewan, penyangak. *Here we are talking about a Trust Account*, Tuan Pengerusi. Lagi serius. *And, it is not only an ordinary trust. It is an Express Statutory Trust.*

Tuan Pengerusi, seorang *lawyer.* Lebih fasih dan lebih. *Sorry?*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: PhD.

Tuan Lim Guan Eng: PhD. *So, I think when you talked about Express Statutory Trust. You ask a lawyer, that is even a more onerous burden that must be placed on the public officer who is carrying on his duties. It is not an ordinary account. It is an Express Statutory Trust.*

Tuan Pengerusi: *But, they can't be the GST refund. They are still within the range allowable... [Tidak jelas] [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *But that range. That is why I said, I don't blame the officers.*

Tuan Pengerusi: Ya. *[Tidak jelas]*

Tuan Lim Guan Eng: *That range is against the law. Under the law you have to move everything to the Trust Account. Only then you can take it out to the Consolidated Fund. Okay. Now, even if you take it to the Consolidated Fund, you must make good— the refunds by transferring 100 percent of the amount requested by Customs. Customs requested for RM82.9. They only paid RM63.5. That means you are denying, which is a criminal breach of trust.*

Tuan Pengerusi: *That is the SOP, it doesn't meet the SOP. They apply for 100 percent and they will get 60 percent.*

Tuan Lim Guan Eng: *That is against the law. It is not against the SOP,* Tuan Pengerusi. *It is against the law. You cannot have an SOP that breaks a law because the law is the highest and even we as the Ministers have power, we cannot break the law.*

Tuan Pengerusi: *And we were told Customs understood that - even the Customs people, they understood.*

Tuan Lim Guan Eng: *No-*lah. *I think with all due respect,* Tuan Pengerusi. *I asked the Customs officers. I asked my officers. They said,* "kita menurut perintah". Sekarang, "kita menjalankan amanah". Dahulu ialah pegawai menurut perintah. *I don't blame them. The one that should bear the responsibility is the KSP. He cannot run away. He is responsible. RM19.4 billion has been used and now this new government got to find RM19.4 billion to pay back to the tax payers. How not to be angry? Because I'm the one having to juggle the budget.* Tidak ada wang.

Tuan Pengerusi: *When you said that there was some - your statement said that even the 2015 claim are not paid.*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *We asked the questions to the Customs people and they told us that, that claim was only made in 2017. So, they clarified on that matter to us.*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes, I mean two years what. 2015 to 2017 is two years.*

Tuan Pengerusi: *No. No. That business entity, the only year claimed for refund was in the year 2017 over 2015 supposedly refund. So, ya. This is what... [Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: *I can— actually. I know. What I can tell you. No. The information I got is a bit different. But I can show you one company. The other day Tok Pa even told me. He hopes that I can solve a problem that he couldn't solve before. Tok Pa.* Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed. Dia sekarang orang kita lah. *[Ketawa]* Minta maaf *but he told me, Shell Company was so angry. When he was a Minister International Trade Industry. The*

company insulted him to his face. Are you sleeping on your job? What type of government is this? RM500 million GST refund still has not been paid back to us. I'm going to lose my job and he asked me please pay back because it is not fair to the company. And this is more than two years, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *But the Custom's people also told us that - the KSP told us, there was one incident where one poultry company who made claimed of RM21 million.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ayam. Ayam.

■1510

Tuan Pengerusi: Ayam, *poultry.*

Seorang Ahli: *Two point something...*

Tuan Pengerusi: *RM20 over million. And then they found out that it was a false claim.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, a false claim is a false claim.*

Tuan Pengerusi: *But it was paid by the Customs. So, from that time they were more careful on the claim.*

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya setuju. Kalau *false claim* tindakan kena diambil. *But we are not talking about false claims. We are talking about small claims which are genuine. I can tell you also not just that Shell Company. Shell Company they won't bluff*-lah, *it is a reputable international company.*

I'm talking about an opposition MP from PAS. He tells me, he said Yang Berhormat tolong boleh cepat bayar, *my company is owed RM1.5 million. This is a PAS MP.* Dia tahu masalah ini kerana dia jadi mangsa. Saya kata *don't worry we'll try to make sure that next year we'll pay, then he's happy. It's because at least*— kalau pergi mahkamah pun *you* tengok itu masa panjang. *At least he knows next year he will get the payment. So, most of them are waiting for the payment because they are confident in this new government, will not do what the previous government has done— which is not paying back their own money.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah[Jasin]: Boleh saya tanya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Yang Berhormat Menteri, *how long do you take to familiarise yourself as a Finance Minister.* Itu yang pertama.

Keduanya, sebagai Menteri Kewangan dalam sebuah negara yang berdaulat adalah satu jawatan yang paling penting sekali. Bukan sahaja menguruskan kewangan bahkan apa juga keputusan dan *statement* yang kita buat boleh mengakibatkan bukan sahaja kewangan kita, keyakinan orang luar, keyakinan orang dalam dan juga masa depan kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada sedikit latar belakang berkaitan dengan perakaunan kerana saya adalah seorang bekas *accountant. So,* bila saya lihat akaun semua pun baru tetapi untuk saya faham, lebih mudah untuk saya faham. Saya

pun ada sedikit pengalaman selama 10 tahun memimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah berjaya untuk *turn around* Pulau Pinang dari segi kewangan sehingga ia menjadi negeri yang mempunyai prestasi kewangan yang paling baik di seluruh negara.

Saya kurang bersetuju menyatakan jawatan itu paling penting. Jawatan yang paling penting bukan Menteri Kewangan. Jawatan yang paling penting ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Mungkin ada kementerian lain yang sama-sama penting seperti KDN, Pertahanan dan sebagainya.

Saya setuju bahawa apa-apa kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri, bukan sahaja Menteri Kewangan mempunyai impak yang besar untuk sebuah negara yang berdaulat yang harus dihormati di peringkat antarabangsa. Akan tetapi, kerajaan baharu kita telah memberikan komitmen untuk cakap benar iaitu untuk menegakkan yang benar dan menjauhkan daripada batil. *So*, itulah komitmen yang kita buat termasuk dalam aspek pelaporan penyata kewangan.

Apa yang kita lihat di dalam pelaporan penyata kewangan adalah tidak tepat. Jauh sekali *true and fair* iaitu benar dan saksama. Jauh sekali. *So*, itulah sebenarnya kita buat pendekatan, kita akan cakap benar supaya bila pelabur lihat kita punya laporan kewangan, dia tahu itu adalah yang benar, yang sahih, yang tepat. Bukanlah seperti dulu.

Bila saya sebut kenyataan ini bahawa itu adalah keadaan sebenarnya, reaksi daripada pelabur bukan negatif, sebaliknya positif. Ini kerana itu adalah keadaan sebenarnya bahawa akhirnya ada seorang Menteri yang cakap benar, apakah kedudukan yang sebenarnya iaitu ada RM19.4 bilion yang belum dibayar balik kerana mereka semua jadi mangsa.

Kalau Yang Berhormat sudi, saya boleh bawa Yang Berhormat untuk jumpa sama— *how many thousands*? Berapa ribu?

Encik Ooi Kok Seng [Pegawai Khas Menteri Kewangan]: *I think easily more than 18,000.*

Tuan Lim Guan Eng: Puluhan ribu yang tidak terima bayaran balik ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Baiklah Yang Berhormat, sekarang saya ada satu soalan lagi satu. *Do you realise that the implication* ataupun adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa implikasi perkataan Yang Berhormat keluarkan itu sebagai seorang Menteri Kewangan mempunyai satu keadaan yang cukup berat sekali— *something which is damaging to the country* bukan sahaja keyakinan rakyat bahkan keyakinan orang luar terhadap negara kita dan mungkin— saya tidak salahkan Yang Berhormat mungkin dalam keadaan emosi sebab kita belum siasat lagi.

Fasal perkataan 'merompak' ini dalam bahasa Melayu adalah satu perkataan yang cukup berat sekali. Maknanya bukan sahaja kita mencuri ataupun mengambil secara paksa, menyalahgunakan, *misappropriation*— perkataan ini boleh membawa satu akibat yang cukup mendalam sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Atau selepas itu, sekiranya selepas itu Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya bukan dicuri, bukan dirompak. *The money is somewhere here. I don't want to know because I'm not in the Finance Ministry. I don't know how you manage but the thing is do you realise that the money is being— is somewhere. We have the money but at least now the next day or later, next month or next week you make a correction. So that now* orang semua faham bahawa sebenarnya ada kesilapan daripada perkataan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya setuju satu perkara Yang Berhormat sebut tadi iaitu sekarang tahu bahawa wang itu tidak ada dalam Tabung Bayaran Balik tetapi masih ada. Kalau masih ada, saya tidak akan gunakan istilah rompak. Wang itu tidak ada. Wang itu yang kita perlukan untuk bayar balik, sudah tidak ada lagi. Itu sebab kita kena bergantung dengan... *[Disampuk]* Nanti saya habis dulu. Itu sebab pihak Kementerian Kewangan kena bergantung kepada *special dividend, one-off payment* daripada PETRONAS untuk buat bayaran balik.

So, di sini itu bukan hal emosi. Saya tidak sebut bahawa sesiapa merompak. Saya cakap kerajaan lama merompak kerana itulah hakikatnya. Bagi saya, saya berasa sangat marah. Siapa tidak marah sekiranya RM19.4 bilion hilang? Kalau wang ini masih ada dalam akaun tidak apa, tetapi wang ini hilang. Itu sebab kita kena bergantung kepada PETRONAS untuk buat bayaran balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Can make a police report.*

Tuan Pengerusi: Dari segi undang-undang bila bercakap rompak bererti ada salah guna dalam penggunaan wang dalam *Consolidated Fund*. Kalau ada salah guna maknanya ada orang yang bertanggungjawab. Mesti ada laporan polis dibuat. Ada orang yang mesti bertanggungjawab dalam salah guna duit. Kalau betul-betul dirompaklah, disalah guna.

Kalau perkataan 'rompak' itu ertinya salah guna ataupun curi ataupun salah guna, dari segi undang-undang ia mesti— *it will be shown in the account, in the cash flow of the ministry. You see the point?* Kalau rompak, ada salah guna. Kalau perkataan 'rompak' itu adalah salah guna maknanya ia akan ditunjukkan dalam *cash flow of the Consolidated Fund* yang dipegang oleh Kementerian Kewangan. *So, somebody must be responsible. Police report has to be made on the matter,* kalau rompaklah. Kalau itu secara lateral.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Jasin sebut maksud dan terjemahan perkataan 'rompak' ialah wang itu *misappropriation* ataupun disalahgunakan. Kalau kita ikut takrifan ini, memang benar rompak kerana disalahgunakan dan *misappropriated*. Ini satu.

Kedua, saya *on your interest of fairness— I used the word* kerajaan lama. Kerajaan lama merompak. *I didn't direct to or against any individual person.* Akan tetapi, sekiranya kita

gunakan istilah ataupun takrifan yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi, serupa juga. Adakah wang RM19.4 bilion, ada atau tidak ada? Tidak ada. Sekiranya ada, itu lain. Mungkin kita sembunyi atau kita sorok dekat kawasan lain atau dekat akaun lain. Akan tetapi memang sudah hilang.

Tuan Pengerusi: Maknanya...

Tuan Lim Guan Eng: *So,* kalau wang yang sepatutnya ada dalam Tabung Amanah hilang, itu sama dengan rompak.

Tuan Pengerusi: *Okay,* samalah dengan rompak tetapi bukan rompaklah betul-betul.

Tuan Lim Guan Eng: Tanpa pengetahuan dan kebenaran.

Tuan Pengerusi: Maknanya duit itu digunakan untuk kepentingan kerajaan yang lalu.

■1520

Makna dari segi *cash flow* itu, ia digunakan mengikut program, dibayar mengikut program. KSP, *the financial controller of the people in the ministry*, mereka tidak salah guna. Akan tetapi mungkin '*rompak'* dalam konteks yang saya faham sekarang ini, program-program kerajaan yang menggunakan *Consolidated Fund* yang begitu banyak sehingga menembusi kedudukan kewangan yang hampir defisit. Kalau itu maknanya, *okay I can understand.* Akan tetapi '*rompak' per se* bahawa ada salah guna dalam *cash flow* itu, *I think* ia tidak berkaitan. Akan tetapi kalau '*rompak'* dari segi program kerajaan yang melampaui yang menggunakan – terpaksa membayar dasar-dasar kerajaan, nelayan, pertanian, bayar gaji, emolumen, tambahan BR1M dan sebagainya. Mungkin dalam konteks itu. Boleh tidak yang itu?

Tuan Lim Guan Eng: *No– I think* dengan izin, *I think we are missing the point here. It is because you are talking about* kepentingan kerajaan. Siapa yang putuskan kepentingan kerajaan? Iaitu kerajaan yang dapat mandat rakyat. Akan tetapi kita kena ingat, kerajaan atau Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat adalah berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga kedaulatan undang-undang. *We are governed by the rule of law.* Kepentingan kerajaan atau kepentingan sesuatu dasar tidak boleh melampaui undang-undang yang sedia ada. Ini telah jelas melampaui atau pun melanggari undang-undang yang sedia ada.

Tuan Pengerusi: *That is what 'rompak' you mean?*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes. And then I think that – No, I think with all due respect* Tuan Pengerusi, *shouldn't we be more interested in RM19.4 billion that is missing rather than the word that I used? It is because the word that I used, it may only hurt those from the previous government. But the RM19.4 billion that is missing, I think it is a much bigger matter.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, seperti saya sebut tadi, kalau kita kata *the money was missing, misappropriated or being taken for their own personal purposes, you must go and make a formal report to the police then. It's the public money.*

Tuan Lim Guan Eng: *So, you are saying that we should – You said that if this 'rompak', then* kita harus buat laporan polis? Ya, itu kita boleh cadang buat begitu, tetapi itu Yang Berhormat Rembau telah lebih cepat sedikitlah. *So* tidak apa, kita bergantung pada laporan polisnya. *Why we didn't do the report because we wanted to interview and get the full facts from the key players* iaitu Tan Sri KSP dan mantan Menteri Kewangan. Akan tetapi tentulah Yang Berhormat Rembau–

Saya hendak terus terang di sini, *I got Ministers who came up to me, they were shocked. They said, "Betulkah?" They didn't know. When I look at the faces of the Ministers, even* Yang Berhormat Rembau *said that they are not aware. That is why they are very angry and they said they wanted to get to the bottom of this,* dia sendiri buat inisiatif untuk buat laporan polis. *Now, since he is willing to make sure that no stone is left unturned, that he* hendak cari sampai lubuk cacing, apakah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lubang cacing.

Tuan Lim Guan Eng: *Okay.* Lubuk cacing, lubang cacing pun boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lubuk ikan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Ha?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ikan lubuk.

Tuan Lim Guan Eng: Kita kadang-kadang tidak tahu itu besar atau kecillah. *[Ketawa] [Disampuk]* Ha? *Sorry?*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *The* Cacing *is a dragon.*

Tuan Lim Guan Eng: *Sometimes.* Kadang-kadang macam *dragon. [Ketawa] So,* itulah sebabnya kita hendak dapat maklum balas yang lebih menyeluruh dan hendak dapat makluman daripada Menteri. *I realised that only a few knew, a few of the Ministers knew. Most of them didn't know. In fact, their faces were shocked.* Mereka terkejut. *So,* sungguhpun saya hendak salahkan mereka tetapi bila saya lihat respons mereka, jelas mereka pun dalam – bukan kejutan, mereka dalam kejahilan. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat. Jadi, sebelum ini kita ada buat beberapa temu bual atau pun *interview* dengan beberapa orang. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau dikatakan *the money is there, available.*

Tuan Lim Guan Eng: *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Nanti sekejap saya sebut.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau *the money is* there, saya buat kenduri hari ini. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *The money is there. The money is there. Even if we are made to pay now, I am in the capacity to pay, but I have got to watch my cash flow. I plan to only pay next year.* Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat, saya boleh gerenti...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini pendapat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Bukan pendapat, saya cakap fakta. Kita bukan datang untuk bagi pendapat, kita datang untuk berikan fakta dan angka. Saya boleh cakap di sini, *the money is not there. If the money is there,* saya buat kenduri. Saya rela tarik balik perkataan 'rompak'. Saya rela minta maaf. *RM19.4 billion.* Wah! lega habis. *The money is not there.*

Tuan Pengerusi: *The situation last time was that the GST was in collection every day. Every day* masuk duit, masuk duit, masuk duit. *So, they were in the capacity to pay...*

Tuan Lim Guan Eng: *They didn't pay.*

Tuan Pengerusi: Yalah, they *didn't pay that.* Kadang-kadang dia lambatkan sedikit *to manage the cash flow. But they expected tomorrow they would get another GST, the next day would get another GST. So, the situation was like that.* Dia macam *managing the cash flow. They were managing the cash flow because they expected every day the GST income will come in. So, that is exactly the situation was. So, when the new government took over, GST was stopped, so that is where they got stuck.*

Tuan Lim Guan Eng: *No. Two years…*

Tuan Pengerusi: *They got stuck there.*

Tuan Lim Guan Eng: *No.* Bukan Tuan Pengerusi, dua tahun. Sejak tahun 2015 hingga sekarang. Kalau you sebut untuk tahun ini, *okay* saya boleh setuju. *But this one, the refunds were stretched back to 2015,* yang tidak dibayar. Saya pun ada tanya KP, *he's still my KP now,* Kastam. *Why didn't you insist*? "*Saya yang menurut perintah*". *But there's one officer, talking about income tax refund, this one is not related. Income tax refund, there was the former CEO. He was so upset, he put in writing. That one was– he wanted to do his duty…*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *Billion. He put in writing and then he was also ignored by Tan Sri KSP. That one also got case. That one got case because he put in writing. Then, under the law, they can claim two percent and we have to pay the two percent interest. Luckily it is two percent* ada sebut. Kalau tidak, kena bayar lapan peratus.

Tuan Pengerusi: *That statement, we the PAC can investigate.*

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa yang itu dia akhirnya ada buat bayaran. *If like that then I think you have no time to investigate 1MDB. 1MDB is more important.*

Tuan Pengerusi: *No. We cannot investigate 1MDB.*

Tuan Lim Guan Eng: *1MDB is more important. [Ketawa]*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Yang Berhormat.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir[Johor Bahru]: Minta izin.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sila, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam Kementerian Kewangan, apa juga kemasukan wang selain daripada diuruskan oleh tiga tabung tadi, *Consolidated Fund*, Tabung Amanah. Kementerian Kewangan juga ada *Accountant General...*

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Who are actually now – their job is not only to supervise, but as a watch dog and they are actually bring in with the fund. So now, if this people were to tell us that the money is there, but the thing is, it is not being paid because we have got stages of*— cara-cara. Pertamanya, dia ada jawatankuasa yang menyelidik atau pun yang menyiasat, baru meluluskan pembayaran. Ini kerana kebanyakan bayaran ini yang pertamanya, yang tidak termasuk dalam peraturan dan kedua, ada penipuan. Jadi sehinggakan ada tuntutan tahun 2015 dimasukkannya, pada tahun 2018 ia dibuat. Jadi, macam mana hendak bayar? *Then* kalau mengikut peraturan GST ini, kita boleh membayar mereka sampai enam tahun.

Tuan Lim Guan Eng: *That is not true.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi maknanya walaupun kita diperlukan 14 hari...

Tuan Lim Guan Eng: *No. It is not true* Yang Berhormat. Saya rasa mungkin Yang Berhormat tersalah baca. Ini dua minggu. Saya hanya hendak jawab satu sahaja kerana semua yang Yang Berhormat nyatakan tadi adalah berlandaskan fakta yang tidak benar. Saya hanya hendak jawab satu ialah berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai tinggi, termasuk *Accountant General* atau pun *Auditor General*. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, hari pertama saya masuk pejabat 22 Mei, *Auditor General* masuk ke pejabat saya sampai menangis bahawa beliau tidak boleh akses fail-fail tertentu dan beliau tidak boleh berikan kedudukan sebenarnya.

■1530

Auditor General sendiri. *This is what we called as red files.* Hanya satu dua orang ada akses. KSP sendiri pun tidak tahu tentang Suria Strategic Energy Resources punya skandal. Mana ada kontrak yang diberikan kepada syarikat daripada negara China, kita bayar ikut tempoh masa, bukan berdasarkan siap bina kerja. Sampai 88 peratus nilai projek dibayar sebanyak RM8.3 bilion tetapi siap kerja hanya 10 peratus. *You should investigate that scandal. We pay RM8.3 billion.* Sabah *too, from* Melaka to Kedah. *She had no access to these files,* hanya KSP sahaja yang tahu. Itulah kedudukan, *the culture of fear amongst senior government officers that they are not dare to do their duty.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *How about the Accountant General?*

Tuan Lim Guan Eng: Serupa jugalah. Dia hanya boleh lapor apa yang diluluskan dan dia akan *submit* kepada penyata kewangan. Kalau *Auditor General* lagi tinggi pun tidak boleh *access files itu. That is why very important that we have our accrual basis accounting.* Ini kerana *accrual basis accounting* dia tidak boleh sembunyi punya. *The accounts will have to be recorded on the day the transaction entered, not wait until the cash is paid in or paid out.*

Tuan Pengerusi: *You are in the position to change that.*

Tuan Lim Guan Eng: *We have already started. We've got Pricewaterhouse. Before that Pricewaterhouse got no access too. Now they have full access.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Nak suggest* Yang Berhormat Menteri, sebagai seorang Menteri Kewangan sekarang sepatutnya mengadakan satu, *a formal inquiry.* Fasal apa, *how can you let loose those people who misappropriated so huge of amount, you know. We want to know the truth. Because what is PAC? PAC is only being— actually a job given by the Parliament. But if this is actually a real missappropriation, they must initiate a formal inquiry.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, it is very clear* lah. *The evidence is very clear. This is only a question of an account and accounting. So, when you talk about account and accounting,* untuk makluman Yang Berhormat, *there is such a thing called as double entry. So* kita boleh kesannya, mudah untuk kesan. *The most important is you must have the access to these files and then since the Pakatan Harapan Government took over,* kita buka semua fail, kita boleh kesan. *It is very straight forward. So, we know whether the money is missing or not, the money is missing.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Yang Berhormat Menteri, *accounting system is one, but actually now, the real - actually now physical misappropriation is another.* Kalau you cakap *accounting system* ada silap, ada salah di sana, *no problem.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Okay*, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Tadi saya agak *confuse* juga sebab kita bermain dengan seksyen 54(5) sebab saya rasa bukan di sini untuk kita putuskan sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lama mengatakan dia menggunakan seksyen 54(5) sedangkan Menteri Kewangan hari ini mengatakan tidak boleh gunakan seksyen itu dalam prosedur kewangan. Kita telah mendapat pandangan daripada AG, jadi saya rasa benda itu biarlah PAC yang akan - dalam *meeting-meeting* yang berikutnya akan cuba selaraskan maklumat-maklumat itu.

Cuma yang saya risau sekarang ini, saya dapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa RM19.4 bilion yang sekarang ini ada dalam akaun adalah merupakan duit yang didatangkan daripada PETRONAS. Betul?

Tuan Lim Guan Eng: Maaf, saya sebut ialah yang RM19.4 bilion itu kita hutang kepada pembayar cukai GST. *So*, untuk pulang balik, untuk kembalikan balik, kita kena cari sumber yang baharu. *So*, dalam ucapan Belanjawan 2019, saya umumkan bahawa kerajaan akan bayar balik dengan menggunakan dana khas daripada PETRONAS. Bukan sahaja untuk bayar itu GST tetapi untuk bayar *income tax.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Okay.*

Tuan Lim Guan Eng: Keseluruhannya sebanyak RM37 bilion. Kita dapat RM30 bilion dulu.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Bererti dalam Kumpulan Wang Disatukan ini, tidak ada duit RM19.4 bilion sebagaimana yang disebutkan seawalnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya difahamkan ada pegawai dengan jelas mengatakan duit itu ada sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Oh, kalau ada, baguslah.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Then* bila dia kata ada, saya bukan apa, saya rasa seolah-olah PAC ini telah tidak diberikan maklumat yang tepat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya boleh mengatakan sama ada Yang Berhormat Menteri tidak betul atau ataupun pegawai yang melaporkan perkara ini tidak betul. Oleh sebab dalam *journey* yang kami telah lalui, dengan jelas pegawai itu mengatakan bahawa *at anytime* dia boleh bayar RM19.4 bilion itu dan benda itu direkodkan dalam *Hansard* Parlimen ini. Jadi seolah-olah kami sebagai anggota PAC berada dalam keadaan yang *confuse* dan saya rasa ini bukan satu perkara yang kecil sebab kita sedang menyiasat satu perkara yang besar, tiba-tiba mendapat maklumat yang tidak sama dan ini cukup saya rasa Tuan Pengerusi dan juga teman-teman ahli PAC juga perlu mengambil serius dalam perkara ini kerana kita ingin cuba untuk menyusur, melihat bagaimana perjalanan duit itu.

Akan tetapi apabila disebutkan duit itu ada dan kemudiannya seolah-olah Menteri tidak mendapat maklumat yang tepat daripada pegawai-pegawai, dan saya sebutkan balik ini supaya nantinya apabila kami berbincang dalam PAC kami dapat cantumkan perkara ini dan akhirnya kita akan dapat buat satu kesimpulanlah. Jadi bererti Yang Berhormat Menteri masih mengatakan bahawa duit RM19.4 bilion itu tidak ada dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan sama ada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah ataupun Akaun Pinjaman. Bererti tidak ada. *Okay*, terima kasih itu yang saya hendak dapatkan.

Lim Guan Eng: Saya akan semak siapa yang berikan maklumat ini dan saya minta maaf kalau maklumat ini telah mengelirukan PAC. Saya akan minta KSP untuk ambil tindakan yang sewajarnya ke atas pegawai tersebut yang berikan maklumat yang tidak betul. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik kepada - ini kita kena balik mungkin setengah jamlah sudah. Yang Berhormat Menteri sebut adalah salah kerana kalau duit GST ini dia mesti masuk kepada Tabung Amanah dulu sebelum ia dikeluarkan. Akan tetapi dalam siasatan atau prosiding kita, kita difahamkanlah daripada KSU kah, daripada *Accountant General* punya pejabat, mereka hanya ikut apa peruntukan yang sudah ditetapkan dan itu semua wang akan masuk ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan dan 35 peratus akan dimasukkan kepada Tabung Amanah untuk pembayaran baliklah.

Akan tetapi pada masa kita tanya mantan Menteri Kewangan, mengapa ini amalan adalah begitu? Dia sebut itu bukan perkara polisi, dia hanya terima nasihat daripada *Accountant General.* Jadi apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan kah, *Accountant General* punya pejabat, semua adalah dinasihatkan oleh mereka. Jadi saya pernah tanya dia, adakah dia di *driving seat* atau *or not in the driving seat.* Saya pernah tanya dialah kerana dia semua macam salahkan Menteri Kewangan - semua pegawai atau KSU atau *Accountant General.* Dia kata semua dia terima nasihat daripada mereka.

Dia yang sebut yang saya ingatlah, bukan daripada pegawai-pegawai mana, tidak ada mantan Perdana Menteri yang - Menteri Kewangan jugalah pada masa itu, dia yang sebut bila-bila ada duit, dia mesti ada duit untuk dibayar balik, cuma *timing* sahaja. Itu adalah jawapan daripada mantan Menteri Kewangan. Jadi saya tertarik atau berharap, apa amalan sekarang di antara Menteri Kewangan dengan kementerian dan juga dengan *Accountant General?* Adakah sekarang Menteri Kewangan menerima nasihat dari mereka atau *you* yang ikut peruntukan undang-undang yang turun arahan kepada mereka. *Okay,* terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Di sini saya tidak yakin bahawa Yang Berhormat mantan Menteri terima nasihat daripada *Accountant General.* Ini kerana apabila kita sebut itu *Cash Flow Meeting,* itu *Cash Flow Meeting, Accountant General* hanya seorang ahli. Ia dipengerusikan oleh KSP.

■1540

So dia dapat nasihat. Dia takkan dengar daripada *Accountant General,* dia akan dengar daripada KSP. *KSP is actually a very important and powerful position. So* tak mungkin dia hendak salahkan itu *Accountant General.* Kalau hendak salahkan, mesti salahkan itu KSP.

Kedua, tentang soalan apakah fungsi saya sekarang. Kita— *actually* sebenarnya semua pegawai kerajaan, dia hendak ikut undang-undang. Selamat dan dia pun boleh tidur lebih nyenyak waktu malam. *So* bila lihat itu undang-undang 54(5) *there are some powers you cannot delegate. Under the act, it says only the Minister can authorise. When the Minister can authorise, you cannot delegate these powers to the KSP or to any other person. You must sign them yourself. So he was talking nonsense, with all due respect.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: *That's why I have just said.*

Tuan Lim Guan Eng: *He is talking nonsense to say that he only takes advice. The question is if you said number one, you want— the laws under 54(2) it says that it must be put into the GST tax refund. If you don't do it, then you can direct it back to the Consolidated Fund account provided you authorise it. You authorise is what? You must sign. There is no signature. There is no signature. He is going against the law. Whereas now we follow the law, I sign. That's why sometimes I stay up very late at night. I have no choice, I got to sign every document.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *Thank you very much.*

Tuan Lim Guan Eng: *Thank you.*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo. *I think I agree with* Yang Berhormat Menteri Tuan Lim Guan Eng. *I think that is very wrong because I think if we delegate the thing, he has to not only put it in writing but he must make sure that this power is devaluates to this person in a formal manner. But from what we have investigated so far, I don't think we have any of glaring evidence that, that has been done. So, I think this is totally wrong. I fully agree.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Satu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sungai Besar.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Oh Sungai Besar dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, *I agree with Yang Berhormat Puncak Borneo. Actually when you talked about that authorisation, if you want to give authorisation,* dia tak boleh buat *open ended. It must be in every case, you know. It cannot be blanket, that is also wrong. So, I think Yang Berhormat Borneo has struck the nail on the head. I think he knows the work of a Minister much better than the previous Finance Minister.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: *Okay* Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak merujuk balik kepada perkataan 'rompak' tadi walaupun tidak selesa digunakan yang mana sekarang ini selepas penjelasan Menteri saya nampak ada dua kategori. Pertama, *part* macam mana duit tersebut diambil dan digunakan. *Part* kedua, macam mana duit tersebut digunakan. Jadi kalau diambil dikira daripada *part* macam mana dana GST *refund* ini diambil tanpa kebenaran, pandangan saya itu macam merompaklah. Diambil tanpa kebenaran. Akan tetapi dalam soal duit itu dibawa lari untuk kegunaan yang luar daripada kerajaan atau apa ini semua, maksudnya dia masih masuk ke dalam akaun. Jadi *I think* kalau *the first part* itu kalau pandangan saya di sini, Yang Berhormat mempunyai hak menggunakan perkataan tersebut walaupun bahasanya kasar tetapi mengambil hak tanpa kebenaran itu sama seperti juga merompak. Itu sahaja.

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, tadi apabila...

Tuan Pengerusi: Tak payah jawablah, dia hendak bagi *statement.*

Tuan Wong Hon Wai: *Okay.*

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas itu rumusan yang diberikan oleh Yang Berhormat Johor Bahru memang bernas dan padat. *[Ketawa]*

Tuan Wong Hon Wai: Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Pekan datang ke PAC, saya telah menanyakan bahawa RM19.4 bilion, kemudian hanya RM450 juta pada April 2018 dan *of course* saya minta dia tunjuk buktilah, bukti mana wang itu. Kemudian *of course his answer* diminitkan tetapi saya rasa *intention of Parliament* dalam seksyen 54 itu jelas ialah Menteri perlu menggunakan kuasa dia. Kalau— *of course* Yang Berhormat *Pekan doesn't have the access to his office after he left the office.* Akan tetapi saya rasa dokumen

itu penting kalau ia betul-betul diminitkan. Saya rasa apabila satu minit oleh Menteri, saya rasa ada satu dokumen satu salinan di KSP kah di— *I mean* Ketua Pengarah kah. *It must be somewhere. It cannot be said* kita tidak boleh ambil *face value* apabila Pekan hanya kata diminitkan tetapi kita tidak jumpa dokumen itu.

Semua pegawai yang datang ke PAC ini tak ada seorang pun memberitahu kita bahawa dokumen ini wujud. Tak ada seorang pun *testify* bahawa dokumen itu wujud. Kita hanya mendengar yang Berhormat Pekan kata perkara dia berikan, diminitkan tetapi di bawah seksyen 54, tetapi kita tak jumpa dokumen itu. *So* saya tak tahu kebiasaan dalam bagaimana Pejabat Menteri Kewangan *operate* sebelum inilah. *So where is the command on this subpoena.* Kalau ia betul-betul diminitkan, *there must be a copy somewhere. Please comment.*

Tuan Lim Guan Eng: Itu memang telah dicari dengan begitu menyeluruh sekali tetapi fail tidak di jumpa, tak ada dokumen yang disebutkan. Kalau kita lihat minit, ia selalu dipengerusikan oleh KSP. Tidak pernah itu Menteri datang. Saya difahamkan Menteri pun jarang datang juga. Sibuklah sebagai Perdana Menteri, kita faham. Akan tetapi yang penting ini semua tidak ada. *So* semua diserahkan kepada Tan Sri KSP yang merupakan pelanggaran undang-undang. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Pengerusi]: Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, mungkin saya hendak tambah sedikit. Sememangnya semua pegawai datang, memang apabila kita tanya berkenaan *authorisation* yang diberikan, hanya bergantung pada *trust deed* yang telah pun dikemukakan kepada PAC yang mana *trust deed* itu bertarikh lebih kurang 13 Mac 2015. Sememangnya sekiranya kita perhatikan *trust deed*, klausa 12 dan klausa 15 memang juga tidak menyatakan bahawa *authorisation* adalah diberikan dan sememangnya kesemua wang patut dimasukkan ke dalam Akaun Amanah, *rather than the Consolidated Fund. So I think the committee should, will deliberate on this and also on the position taken by Tommy Thomas over the matter.*

Tuan Pengerusi: *Just last question. We were told by KSP and former KSP,* bajet kita ini— *I think you experience it now. Budget is,* dia *forecast* kepada *income. Customs will say this amount of billion they will deliver, income tax has billion will be delivered. So with that number, you do your budget. That is exactly now and previously. So* masalahnya ialah bajet yang di-*forecast* sepatutnya *revenue* kerajaan itu tidak mencukupi. Tak seperti apa yang di-*forecast*-kan oleh agensi-agensi pemungut hasil ini. *So* sebab itu, duit dalam *Consolidated Fund* itu diguna untuk perkara-perkara yang dijadikan bajet dalam kerajaan. Itu berlaku, itu berlaku.

Yang Berhormat setuju tak perkara itu berlaku disebabkan sewaktu duit termasuk yang 35 peratus *kept aside* untuk *GST refund* digunakan, disebabkan agensi kerajaan yang membuat *forecast* tidak *deliver the exact number revenue* yang mereka jangkakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada soalan ini kerana ini sangat penting. Apa yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi hanya boleh diterima pakai untuk tempoh satu tahun. *Whereas you must know in— okay* saya bagi satu contoh. Bila saya bentangkan bajet dekat Pulau Pinang, tiap-tiap tahun saya bentangkan defisit bajet kerana kita belum dapat yang sebenarnya, *actual figures.* Mengapa defisit bajet tiap-tiap tahun boleh jadi *what we call that surplus, actual surplus* bajet kerana bila kita buat tender terbuka, kita dapat penjimatan 45 peratus. *So* ini berjaya membolehkan kita dapat *turn around* daripada defisit jadi surplus. *So* semua unjuran ini berlainan dengan sebenarnya.

■1550

So, what is estimated— anggaran adalah berlainan dengan sebenar. Akan tetapi, ini akan dibetulkan dengan sendirinya mengikut sistem perakaunan *double entry* dan sebagainya dalam masa setahun. Sekiranya, ia berlaku dalam setahun— saya setuju. Akan tetapi, ia adalah sejak 2015 hingga sekarang. Tiga tahun. Dia tidak di-*regularised.* Masih ada bayaran yang belum di kembalikan. *So,* kalau kita gunakan penjelasan ini ia tidak akan diterima oleh mana-mana akauntan bertauliah yang bermaruah. Hanya mungkin macam Goldman Sachs akan terimalah.

Tuan Pengerusi: 600 *million.*

Tuan Lim Guan Eng: *[Ketawa]* US Dolar.

Tuan Pengerusi: *Okay.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Sekarang, *now I realise why you're asking or taxing PETRONAS for RM30 billion.*

Tuan Lim Guan Eng: *It's not taxing, asking for special dividend.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Akan tetapi, RM*30 billion it is not only to pay up the GST but also... [Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: *Income tax.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: LHDN. *But for that matter now, we have already decided of that matter we have already proposed in the PAC a couple of times. Each time when they are talking about this RM19.4— if only the government now making any decision of paying it up, it must be paid after due diligence and after verification from all the department. Because now we found that* banyak akaun-akaun ini dipertikaikan. Lagi satu, banyak *claim* ini adalah *claim* tipu. Jadi, kita tidak mahu nanti kita dipersoalkan oleh rakyat, kita membayar pada orang yang tidak berhak menerimanya. Janganlah hendaknya kita membuat kesilapan kerana kita boleh dipersoalkan nanti. Itu sahaja Yang Berhormat. Ini bukan saya hendak minta apa-apa pandangan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Itu ingatan sekali lagi. *I want this to be put on record. That this RM19.4 billion can only be paid after due diligence and verification.*

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Ini saya pun setuju dengan Yang Berhormat. Ini kerana semua peringatan saya telah berikan berkali-kali. Akan tetapi, dia sudah buat *due diligence* sejak tiga tahun. Saya rasa sudah cukup masa untuk buat pembayaran. Di sini saya lihat kalau kita buat anggaran, 93 peratus daripada bilangan orang yang masih belum terima bayaran, mereka punya *refund* kurang daripada RM100,000. *So, I think we can take sample from there*— sekiranya ada sebarang ketirisan pun tidak banyak yang kita berikan tumpuan setiap kes iaitu untuk GST, bilangan orang yang berdaftar adalah 195,000 orang—*195,676* orang yang berdaftar. Dari orang yang berdaftar ini, bilangan penyata adalah 317,000 akaun yang masih belum diselesaikan. *So, you are looking at a huge number. A huge number of payment that is not paid.*

Okay. Daripada jumlah ini, yang kurang RM5,000 yang belum dapat bayaran. Melibatkan 105,000 orang atau 54 peratus. *So,* kalau RM5,000 orang ini kita akan *check*-lah. Akan tetapi, takkan kita akan *check* habis-habisan. *The amount is not big.* Di mana yang kita akan berikan tumpuan ialah jumlah besar. Iaitu yang lebih mungkin lebih RM50,000 atau lebih RM100,000. Itu kita akan buat *full body check* lah, dengan izin. *Full body check. So,* pastikan ini— syarikat macam Shell, kalau kita lebih bayar dan kita tuntut dia pun akan bayar balik. *So, that one we have some assurance but that one is quite clear.* PETRONAS, saya cakap terus terang kita hutang bilion ringgit. Bilion ringgit. *But luckily because* PETRONAS dia kerajaan. Dia tidak bising.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *So,* kita syukurlah. *But then* ada *company like Shell, very furious. Half a billion. So, I think there is why it's very important that we get that special dividend from* PETRONAS *to settle this and to restore our credibility so that they look at Malaysia as* negara berdaulat yang menunaikan janji. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sebelum kita akhiri saya bagi peluang kepada *ex-officio* kalau ada soalan, lazimnya lah. Pegawai-pegawai *ex-officio.* Kalau ada hendak tanya.

Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]: Soalan tidak ada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kecuali kalau perlukan apa-apa penjelasan kalau boleh, saya cubalah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. *Should be okay. Okay,* tiada penjelasan yang tambahan yang diperlukan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Dia sepatutnya Tun Dato Seri tetapi dia tidak mahu. *[Ketawa]* Ini kerana hadir pada hari ini memberi masa pada kita — PAC untuk hadir dan memberi keterangan. Saya yakin keterangan Yang Berhormat ini akan menjadi perkara penting dalam rumusan PAC kelak. Terima kasih juga kepada KSP yang turut hadir dan turut memberi keterangan kepada kita sebelum ini dan semua pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan yang turut sama

hadir untuk memberi keterangan kepada PAC. Saya yakin kerjasama sebegini akan berterusan di masa yang akan datang. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak ucapkan terima kasih juga. Saya pernah menjadi Ahli PAC. *So,* saya pun berasa sangat mulia untuk kembali lagilah. Sungguhpun, saya pun difahamkan saya adalah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang pertama hadiri itu mesyuarat PAC. Itu pun untuk PAC dan saya satu hari yang bersejarah untuk saya secara peribadi kerana saya juga bekas Ahli PAC untuk hampir tiga penggal. *So,* ucapkan terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.56 petang]

Bil. 6

Khamis
7 Mac 2019

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM 19.4 Billion

- **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF):-**
  - Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

- **Jabatan Kastam Diraja Malaysia:-**
  - Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Pengarah Kastam.

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 7 MAC 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Susulan Audit)]
Encik Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]

samb/-

Jabatan Audit Negara *(samb/-)*
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman [Timbalan Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Pengauditan ICT)]
Cik Azmiza binti Mohd Khalid [Ketua Penolong Audit Prestasi (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]
Encik Alia Ramzi bin Ismail [Penolong Juruaudit (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Juruaudit (Bahagian Pengauditan Prestasi)]

Jabatan Peguam Negara
Y.Bhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)(Bahagian Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Encik Khalid Mohamed [Timbalan Pengarah Seksyen Bajet Pembangunan]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara
Dato' Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Sektor Awam) Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (SPRM)]

samb/-

SAKSI

Kastam Diraja Malaysia

YBhg. Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]
YBhg. Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Penolong Ketua Pengarah Kastam CDN (Bahagian Cukai Dalam Negeri)(SST)]
Puan Jamaliah binti Hussin [Penolong Kanan Pengarah Kastam I (Cawangan Kawalan Kemudahan, Fasilitasi dan Konsultasi)]
Encik Mohd Zulkifli bin Zahar [Ketua Akauntan (Cawangan Akauntan)]
Puan Ruhayawati binti Ramli [Akauntan (Cawangan Pengurusan Perakaunan Hasil)]
Encik Hasnizam bin Hassan [Akauntan (Cawangan Pengurusan Perakaunan Hasil)]
Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastam (Bahagian Pulangbalik)]
Puan Norhasliza binti Hashim [Penguasa Kastam (Cawangan Pengurusan dan Penyelarasan Risiko)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik MA. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai (Bahagian Cukai)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) [KS(GST)]
Encik Mohammad Reezal bin Ahmad [Ketua Seksyen Bahagian Fiskal dan Ekonomi (FED)(Seksyen Strategi [KS(ST)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Khamis, 7 Mac 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.04 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: Okey, kita mulakan prosiding ini. Seperti biasa saya mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, SUDR, Setiausaha PAC akan datang sebentar lagi. Terima kasih kepada semua yang dapat hadir. Selamat datang juga kepada ex-officio PAC Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang kita semua persetujui selepas mendengar taklimat Jabatan Audit Negara berhubung dapatan mereka berhubung tuntutan tunggakan GST berjumlah RM19.4 bilion pada 21 Februari 2019 yang lalu, PAC Parlimen telah memutuskan untuk memanggil semula Dato' Sri T. Subromaniam, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sehubungan dengan itu hadir di hadapan Jawatankuasa pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Dato' Sri T. Subromaniam, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil, Ketua Penolong Pengarah Kastam CDN dan Encik Mohd Zulkifli bin Zahar, Ketua Akauntan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah kali ketiga Yang Berbahagia Dato' Sri Subromaniam hadir di hadapan Jawatankuasa ini. Kali pertama beliau hadir pada 12 September 2018 dan kali kedua pada 23 Oktober 2018 yang lalu. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Sri Subromaniam kerana telah memberikan kerjasama penuh dan komited kepada Jawatankuasa ini dalam melengkapkan siasatan terhadap isu tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion.

Yang berbahagia Dato' Sri, pada 21 Februari 2019 yang lalu, *two weeks ago* Jawatankuasa ini telah di taklimatkan oleh Jabatan Audit Negara terhadap siasatan terkini mereka terhadap *specific on the* jumlah RM19.4 bilion seperti yang dilaporkan sebagai jumlah tuntutan bayaran balik GST. Dapatan daripada siasatan Jabatan Audit Negara itu, mendapati bahawa jumlah tersebut, mereka mendapati bahawa RM19.4 bilion itu bukan merupakan jumlah yang dapat disahkan oleh Jabatan Audit Negara tetapi satu jumlah yang lebih kecil iaitu RM5.06

bilion sahaja yang telah mereka sahkan untuk diluluskan untuk pembayaran. *What do you have to say that* Dato' Sri?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]: Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, Timbalan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selamat pagi dan salam sejahtera. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan. Kami di sini tidak mahu mempertikaikan dapatan Jabatan Audit Negara tetapi di Jabatan Kastam memang kita ada peraturan-peraturan yang jelas bagaimana kita melayan sesuatu tuntutan. Izinkan saya memberi penjelasan Yang Berhormat.

Pertama, apabila syarikat-syarikat kemukakan penyata mereka GST-03 dalam sistem, hampir *99.9 percent* adalah melalui sistem. *Almost 100 percent* lah. Manual ini hampir, *I don't know* berapa kali hendak letak 0.999 lah– *handful. So basically, is all system based.* Dalam sistem *I've been there right from the day one, during the preparation of GST including the system development,* di negara-negara lain mereka kalau bayar lambat, kerajaan terpaksa bayar *interest*, faedah. *In Singapore, for example, any refund late payment of refund*, dalam undang-undang dinyatakan *5.6 percent per annum.* Begitu juga *most of the countries.*

Jadi sebelum kita melaksanakan GST kita ada SST 1.0. Di bawah SST 1.0 kita tidak ada *refund mechanism* sebab pengecualian diberi *upfront* ke atas bahan mentah. *So*, syarikat-syarikat tidak perlu tanggung apa-apa, *input side.*

■0910

Siapa yang berada dalam kedudukan *refund?* Dua kategori utama. Pertama, *export-based companies.* Oleh sebab itu semasa kita buat *engagement* dengan industri, mereka bantah GST. *"No, kita tidak mahu GST. Nanti kita kena bayar input dulu, upfront".* Ini disebabkan mereka akan hilang pengecualian yang mereka nikmati 40 tahun dahulu, selama 40 tahun semasa SST 1.0. Tiba-tiba bila kita beralih kepada GST, isu mereka diminta bayar *upfront,* kemudian peluasan asas percukaian itu sendiri. Contoh, *commercial rental* kena, api air kena, yang mana SST 1.0 tidak ada.

Jadi bila kita *shared the model GST,* mereka melahirkan kebimbangan mereka dan mereka bantah pelaksanaan GST tetapi kerajaan ketika itu memberi jaminan. Walaupun kita tidak mahu bayar faedah sebab kadang-kadang perkara ini sensitiflah dari sudut pelaksanaan, untuk kerajaan. Jadi kita janji. Kita janji bukan janji mulut tetapi masuk dalam undang-undang, kita akan bayar balik *within 14 working days,* 14 hari bekerja. Jarang-jarang negara lain masukkan dalam undang-undang. Kita agak berlainan sebab kita tidak mahu bayar *interest.*

Jadi macam mana hendak memastikan *refund* mereka perlu dibayar dalam masa 14 hari? Di situlah *we came out with this discovery engine. Discovery is a name given to risk engine* yang

ada dalam sistem MyGST, sistem pengkomputeran. Di mana sistem itu akan menilai tahap risiko *statement* yang dikemukakan. Kita ada *high risk rules* dan *common risk rules which is highly confidential* tetapi untuk maksud *hearing* ini, saya sudah kemukakan sebab GST pun sudah dimansuhkan. *So,* kalau tuntutan itu melepasi tapisan risiko ini, ia dianggap sebagai telah lulus untuk bayaran.

Kemudian, kita sebenarnya untuk maksud bayaran ada proses-proses yang perlu kita buat dan proses-proses itu tidak mungkin boleh disiapkan, dimuktamadkan dalam tempoh 14 hari, *impossible. I have raised this matter many, many times* tetapi *the issue here is* kita juga tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan. GST ketika itu baharu. Kita pun tidak pernah laksanakan, tiba-tiba diminta laksanakan tetapi terikat dengan Arahan Perbendaharaan 101, 102. Jadi apa yang kita buat ketika itu ialah kita minta pengecualian untuk Arahan Perbendaharaan 101, 102 bagi nilai-nilai yang kecil *which does not go through ~~to~~ the* proses semakan tadi, yang lapan *steps* yang mana *I will share shortly.*

Can we go to the next slide? So basically, bila kita pergi ke *regime* GST, kita terpaksa beri jaminan kepada semua dewan perniagaan termasuk FMM dan ACCIM. Kita janji kita akan bayar dalam masa tempoh 14 hari bekerja dan kita masukkan dalam undang-undang, seksyen 67(1) Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Saya juga terlibat dalam *drafting of that law, I was part of the team. That was basically the spirit behind the claim process.*

Jadi kenapa kita boleh bayar kalau sudah melepasi tapisan? Oleh sebab akta membenarkan kita audit selama enam tahun, akta yang telah dimansuhkan iaitu seksyen 43. Apabila kita bentang Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) GST, *repeal bill,* kita juga masukkan enam tahun itu. *That means even if you pay now, we still have six years to audit. That is the spirit behind GST refund.* Kalau kita hendak audit dulu baru hendak bayar, *then it defeats the whole purposes. Business have been choking, some of them did not get their refund for two years and this is very, very serious.* Itulah kita sudah ada RM19.4 bilion itu yang tertangguh. Sepatutnya ia masuk dalam tabung tetapi tidak ada. Kekurangan dana itu juga menyebabkan kita lambat buat proses yang lapan *steps* yang akan saya terangkan sebentar lagi.

The reasons why? Itu saya akui memang ada kelewatan. Kita tidak hendak proses cepat sebab kalau kita proses cepat, kita luluskan dan *tax payer* boleh lihat dalam sistem. *Ours is very transparent.* Mereka boleh lihat, *"Ha, Kastam sudah lulus. Mana duitnya?".* Padahal duitnya tidak ada. *Of course,* kita ada *internal requisition* kepada Ketua Akauntan yang mana saya akan *submit. So,* saya masih lagi mempertahankan *statement* yang saya keluarkan, yang mana saya juga bila Yang Berhormat Menteri Kewangan bertanya pada saya, saya sendiri beritahu Yang

Berhormat Menteri Kewangan, *"Yes sir, the RM19.4 billion has gone through to the system approval and it is good to pay". That was my statement to him.* Menteri *relied on my statement and that is why we issued the statement* berkenaan dengan RM19.4 bilion.

Yang Berhormat, izinkan saya terangkan lapan proses tadi. Inilah dia ya. *When submission is made* daripada atas ya kepada Cawangan Pusat Pendaftaran dan Pengurusan Hasil. *That is the basically the unit that processes all returns, RM19.4 billion will have to go through ~~other~~ RMS. It's inside the system, built inside the system...*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Risk Management System* atau Sistem Pengurusan Risiko. *Where the rules are very, very tight. I have given, even though it is confidential* tetapi *when comes to PAC, nothing is confidential, I have given. Okay, if you look at those risk rules, if it has gone through the risk rules, that means unlikely you have any other issues, unless you go for field audit. Field audit* perkara lain sebab banyak benda kita akan lihat. Akan tetapi kalau bagi tujuan 14 hari hendak bayar balik, *that is how we should do it, that is how we have been doing it in the past.* Akan tetapi pada masa yang sama, saya mengakui ada sedikit kelemahan daripada segi *eight steps* itulah yang mana *I will talk about it.*

So overall, 93 percent will get through RMS iaitu pengurusan risiko. Tidak ada masalah, RM18 bilion lah. Baki tujuh peratus, *RM1.4 billion will be red flag.* Bila *red flag,* tidak bermaksud ia *not a good claim* ya. Dalam sistem, pegawai kena semak balik. Bila *verification officers* semak, kita dapati, *6.7 percent of the seven percent is still good, go back for processing by the refund officer. So,* yang menjadi masalah ialah hanya 0.3 *percent.* Itu pun *I would not say* masalahlah, daripada segi dokumentasi tidak lengkap dan *officer call them up,* dia tidak jawab. *So,* ada isu-isu seperti itu yang mana akan ambil masa sebelum kita selesaikan masalah itu. Jadi berpandukan kepada ini, *99.7 percent of RM19.4 billion, is good to pay.* Oleh sebab itulah saya telah keluarkan kenyataan dan juga saya telah memberitahu Yang Berhormat Menteri Kewangan, *these are good claims.*

■0920

The issue here, the process pergi daripada *refund officers, head of unit, deputy director, director. Deputy director and director level* dialah. *Head of unit,* RM5 juta sampai RM10 juta — lebih RM10 juta ialah pengarah.

Jadi ini mengambil masa sedikit sebab kita kadang-kadang dalam tabung duit tidak ada. *I can show you the internal requisition* daripada pengarah GST kepada ketua akauntan yang memegang duit — ketua akauntan di Jabatan Kastam. Beliau juga merupakan seorang ahli Tabung Amanah.

Jadi sekarang, *payment* di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2 sudah kira masuklah untuk *payment* sahaja. Proses itu yang agak lambat. Saya akui memang ada kelewatan di situ, macam saya kata tadi kekangan *funds.*

Pada hari ini sudah RM12.4 bilion, bukan hari inilah tetapi semalam. Ini *by 27 February.* Pada 27 Februari, RM12.4 bilion telah pun *ready to be paid.* Kalau hendak kata lulus — lulus, *I still stand by my statement, sir, that once it goes through the RMS it's considered good for payment. We can go through high risk rule* kalau hendak? *It's so tight – unlikely to have other issues* kecuali kalau pergi *field audit* mungkin ada.

And then, most of the companies are big corporate sector. I don't know ada datakah sini? *Top 20* sahaja, — *top 50 RM8 billion.* 50 syarikat tertinggi, RM8 bilion sudah. *I think top 20 is about RM6 billion, I think, right?*

This basically shows that most of the claims are from the big corporate sector – export-based kind of companies which are unlikely to get involved in this kind of fraud and all that. Kumpulan Petronas sahaja RM3.68 bilion dan juga *others companies – establish companies, public-listed, GLC* dan sebagainya. Jadi ada lagikah?

So, basically Yang Berhormat Tuan Pengerusi, JKDM berpandangan penyata dalam *refund position* itu dianggap diluluskan setelah ia melalui tapisan enjin risiko.

Tuan Pengerusi: *Can you elaborate on who decides on the* pengecualian arahan 101,102 *and then the detailed criteria, it cannot be just – you cannot forward, you cannot give ~~an~~ evidence on the criteria.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *So, when the Audit came to your office they took everything from you. They asked everything from you. And then, their analysis, based on the document given to them. They cannot verify the claim based on the analysis.*

You're saying that, Kastam ada kuasa untuk pengecualian 101, 102. Apakah kriterianya? *You cannot be – now that, they went into your office, they cannot verify and they said "We have this arahan 101, 102".* Apa kriteria spesifik? *And who decides on* pengecualian *on this?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kriteria itu sebenarnya kelulusan itu diberikan oleh Kementerian Kewangan, pengecualian Arahan Perbendaharaan 101, 102 yang mana tidak perlu melalui lapan proses itu, terus kepada akauntan untuk bayarlah. Mana tadi yang lapan *steps* itu? *[Merujuk kepada slaid]* Terus pergi kepada SAD yang hujung itu.

Akan tetapi, kita hanya hendak untuk amaun bawah RM5,000 sahaja mereka berikan — MOF berikan. *The rest will have to go through.* Akan tetapi, baru-baru ini kita juga minta kalau kita hendak buat *the process* yang ada ini, ia akan mengambil empat tahun setengah, okey.

So, we are sandwiched, we are caught. No country is doing this except us, okay. Kalau kita hendak tunggu lagi empat tahun setengah hendak bayar balik *refund.* Ia akan memberi tekanan kepada kerajaan dan juga kepada peniagaan. *Where do we stand?* Sebab kita perlu... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *Your* keterangan sebelum ini — Kastam akan *filed requisition* kepada kementerian.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *You see, you must be – your stand is there. You verify,* selepas itu *you file* permohonan untuk *refund.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Correct.*

Tuan Pengerusi: *That was the stand of kastam. So, you verify everything. Now you stand is you need to pay early as fast as possible. You see, look at the change of stand.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No, no. I still stand by what I said* Yang Berhormat. Saya — *I think* Puan Mai sudah bagi kah yang tuntutan kita kepada ketua akauntan itu?

Tuan Pengerusi: Lepas itu kastam ada *history* dengan berhadapan dengan *false claim RM22 million.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Million.*

Tuan Pengerusi: *There are two cases* yang diberitahu, ditaklimatkan kepada kita *through the proceeding that there are two cases, big cases* yang telah kastam berhadapan dengan *false claim* daripada tuntutan GST.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, Yang Berhormat. Yang *false claim* itu sebenarnya — itulah saya kata tadi memang ada sedikit tetapi ianya yang telah masuk di bawah *late refund* tadi yang tujuh peratus pergi bawah itu.

Officer bila buat *verification they can pick up, okay.* Akan tetapi, disebabkan *that 0.3 percent* ini. Kita tidak bolehlah anggap yang lain itu bermasalah. Undang-undang juga mempunyai hukuman yang berat, sesiapa sahaja yang buat tuntutan palsu, kalau sabit kesalahan, mereka akan dikenakan dua kali amaun tuntutan palsu itu. Di samping, RM50,000 dan juga tiga tahun penjara. Jadi itu kalau sabit kesalahan.

Jadi balik kepada tuntutan kastam kepada ketua akauntan. Kita ada dokumen *internal requisition* yang mana menunjukkan amaun yang telah difailkan oleh syarikat-syarikat. Cuma ada satu lagi proses di mana *cashflow committee,* mesyuarat tabung itu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Di situlah, ada timbul sedikit isu di mana mereka tidak melihat kepada jumlah di RMS tetapi *they want* berapa *is ready to be paid at SAD.*

Tuan Wong Kah Woh: *What is SAD?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Self-Account Department.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *Adjusted – account DPT. So that they can just paid* teruslah.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Barulah —amaun itulah yang diluluskan bukan di peringkat-peringkat lain. *So,* itu yang menyebabkan bayarannya lambat.

Tuan Pengerusi: Jadi kenapa *you* tidak beritahu Audit *when you are audited?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I was…*

Tuan Pengerusi: *Why couldn't you supply them with these information.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi,... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *I mean, their information said that they cannot verify because there is no documentation to support RM19.4 billion.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat saya *don't have knowledge... [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *Considering that* Arahan Pengecualian 101, 102. *You must have that in your data.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: *Okay, this is RM19.4 billion with respect to* Pengecualian Arahan 101, 102. *They must have that. Auditors must have that.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *can I ask because I was not there… [Disampuk]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Sekejap, saya hendak minta Tuan Pengerusi kalau boleh, saya *follow.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Very good question by* Tuan Pengerusi. Dato' Sri Subro atas penjelasan.

So, I note your presentation in terms of what you decided to tells us. Jadi saya dengar peringat awal adalah 99 peratus tuntutan itu datang dari segi menerusi sistem. Tidak diberikan secara manual.

So, we are to expect the system is sound, dia robust akan tetapi saya nampak dari segi penyenaraiannya, *the listing out, the companies* yang mempunyai tuntutan tertinggi. *You conveniently choose Petronas here.*

■0930

I, honestly if you think, you said that the system is good, I don't understand why you can't make it a little bit more organized because it's like, this is a bit cherry-picking because we know what is thudding us is the usage of Petronas punya *money to pay the claim. So, I feel, you know, since you have this robust system,* sepatutnya disenaraikan dengan lebih tersusun. Contohnya, syarikat-syarikat. Jadi, saya tidak boleh buat andaian bahawa ada Petronas cukuplah, syarikat *established* cukuplah.

I mean, I have to say because apa yang saya dengar daripada peringkat Jabatan Audit, lain. Jadi, apabila saya nampak ini, *I'm not fully convinced because again you say that the system is very sound.* Jadi, sepatutnya dipaparkan dengan cara lebih tersusun. Itu pendapat sayalah. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Tuan Pengerusi dan Dato' Sri. Mungkin lanjutan daripada itu, Dato' Sri boleh memberikan satu senarai kepada pihak PAC seperti yang dinyatakan, 50 syarikat yang mempunyai nilai tuntutan pulangan balik yang tertinggi. *Give us a list.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ada.

Tuan Wong Kah Woh: Ada? Mana, tidak ada?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *I think* kita sudah berikan *the top 50, top 100. [Disampuk] No,* ada *report* dalam sampul kecil. *You* hanya bagi dekat Tuan Pengerusi saja? *[Bertanya kepada pegawai kastam]*

Tuan Wong Kah Woh: Tidak ada.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kena bagi dekat semua...

Seorang Ahli: Beri dekat Tuan Pengerusi sahaja.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Kenapa?

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *This is because it's very ominous* tau. Petronas, dia ambil, tiba-tiba Petronas yang tuntut. Jadi, pada saya kita hendak tahu, *I mean, a little bit more.* Terima kasih Dato' Sri Subro.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I understand* Yang Berhormat. Kita akan – oh! Ini *Chairman* sahaja dia bagi ya? Puan Siti Maimunah, bagi semua *members.* Ada, kita akan berikan. *So,* itulah...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, Parit Sulong.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya saya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: *I am new. I wasn't here when you were here for the first two times but we were being briefed by the Audit and during that five times, they found around five billion instead of what you just said which was 12.4 billion. Why a huge difference between these two because they mentioned they did not get full cooperation from you people? So,* bolehkah *explain*-kan kepada kita mengenai *the difference?* Selepas itu, kenapa kelewatan yang teramat sangat? *Yes, I agree* dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. *You rightly mentioned that the system is so sound but* kenapa ada kelewatan seperti ini? Terima kasih.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Yang Berhormat. *I am a little surprise* pegawai kita tidak memberi kerjasama. *Can I ask* Dato' Ahmad Maher *who is directly in charge of GST, what transpired?* Pihak audit pun *didn't come to me.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) Jabatan Audit Negara]: Tuan Pengerusi, *can I...*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Sure.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: ...Memberi beberapa *clarification?*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baik.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Firstly, I think from the remark by* Yang Berhormat tadi *on cooperation* itu. *It's not a cooperation but you know, staggered submission of information and also document. We have to go through quite difficult time where we met, even at the stage where I ~~have~~ met KP in January, the desk officer still unwilling to release data and you know things like that. Those are our experience from this audit* lah.

Seterusnya, saya ingin membuat beberapa *clarification from* KP Kastam punya *clarification.* Satu, saya ingin memaklumkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, pengauditan adalah berdasarkan dokumen dan data yang di *release to us for interrogation* dan *analysis* dan juga dokumen-dokumen yang berkaitan. *So, now* selepas *we come to one stage, I think that the day when I met* Yang Berhormat *in January after our* PAC punya *decision.*

Seorang Ahli: *10th of January* kan?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Yes, after our decision for us to pursue on this matter. Then, come the statement saying that 99 percent going through system, 93 percent* diluluskan *system. So, my question at that point of time was* kalau dikatakan melalui RMS selepas HRR, *93 percent* diluluskan oleh sistem, *the next question an auditor will ask will be, where are the SOP? Within the system is it shown as* lulus? Kalau diluluskan sistem, dia mesti mengeluarkan satu laporan menyatakan *93 percent* diluluskan sistem. Akan tetapi, apa yang kita dapati adalah satu *what do we call? sort of a statement showing RM19.47 billion categorized into five categories.*

You know, category number one katakan lulus, sah dan boleh bayar *which was at that time was RM1.41 billion. Then,* siasatan. *Then,* dalam pemeriksaan dan ada dua kategori lain. *So,* kita berpendapat kalau sistem itu *have been develop* dengan cara yang sepatutnya, yang keluar daripada sistem itu mesti ada penyataan menyatakan *after going through the HRR, undergoing through the risk* punya *evaluation by the system, very stringent as you mentioned. Criteria, hundred plus criteria as I were told.*

So, dia sepatutnya mengeluarkan penyataan sedemikian bukannya lima kategori itu *because when an auditor looks at that category with no statement* ataupun *report from the system stating so,* kita akan katakan, okey, *category number one, auditor will have to check* betul kah sah untuk *payment RM1.4 billion at that point of time. Then, the other category* dalam siasatan, dalam penyemakan dan proses-proses lain itu, *it's not clear to us as auditor is* diluluskan oleh sistem. *That is number one.*

Number two, kita sudah *go through the minutes of meeting* Jawatankuasa Akaun Amanah MyGST. Kita dapati bahawa *if that is the full set given to us, I think I missed two month* punya *minutes. Other than that, I've gone through the minutes. It's a very simple minute.* Kita lihat apa yang dibentangkan oleh pihak kastam adalah *the collection within that period. It's not about* yang telah melalui sistem, yang *under* di kategori yang perlu dibayar dan sebagainya, tidak jelas. Di situ di-*apply*-kan *the 35 percent* itu. *That means, it was never reported as accumulative* tunggakan yang perlu dibayar. Itu *number two.*

Number three, dalam kategori tunggakan itu, selain daripada nombor satu, kategori nombor satu, sah dan lulus untuk dibayar tetapi belum dibayar selain daripada kategori satu, kita buat *edging.* Kita dapati bahawa *it ranged from 70 days until 300 over days. No, it clearly shows that your* lapan *steps* tadi yang disebut oleh Dato' Sri KP tidak berlaku. Kalau itu tidak berlaku, macam mana kita hendak lapor, hendak bawa kepada Jawatankuasa Amanah. *I think that could be the reason why it is not reported. You are reporting during that period* saja punya *collection.*

Jadi itu kita punya – Walau bagaimanapun, selepas penerangan daripada Dato' Sri KP tadi, saya masih lagi *insist* kalau betul ada kenyataan SOP ataupun *system operational manual* yang *clearly tell us that after undergoing the* RMS dan HRR maka lulus untuk dibayar, *we welcome. We have yet to see that document.* Saya pun telah berbincang dengan Yang Berhormat Dato' Ahmad Maher *on the 27th of February* selepas PAC yang lepas itu. Saya pun rujuk balik *and we still ask, we* kata *produce the document* kalau ada. Setakat ini, tidak ada. Itu pendirian kitalah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Perlu jawapan itu. Itu yang boleh meleraikan kekeliruan. *You have to answer to those questions as said forth by the AGC, Auditor General.*

Tuan Wong Chen [Subang]: *Chairman, can you answer this,* Dato' Sri? *You answer first, okay.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, saya memang mengakuilah ada sedikit kelemahan dari segi pemprosesan. Apabila saya tanya pegawai-pegawai kita, kenapa sudah jadi begini? Sebab saya ketika membuat persediaan ke arah GST, saya duduk di bahagian GST *as a* Pengarah GST untuk dua bulan sahaja.

■0940

I am not defending anything okay. After two months I've been promoted to a different jawatan. Bila saya tanya pegawai-pegawai saya *why it took so long*, proses-proses ini. Yang pertama ialah *the number itself,* terlalu banyak ya. Dan pegawai kita memang hadapi masalah sebab kita tidak diberikan pegawai yang cukup. *I am not defending anything okay.*

Itu menjadi isu besarlah. Macam saya kata tadi, di negara lain, tidak ada Arahan Perbendaharaan yang mengekang *refund. It's all system-based, approved. Failure to pay within like in the* Singapore, 30 *days*, kerajaan kena bayar *interest*. Begitu juga *in other countries.* Akan tetapi sini, *we have been holding back.* Satu, kekurangan anggota. Kedua ialah *the officers started doing more than what they should be doing. They started... [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *That does not give you excuses*, terutama *with the figure...*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Ya, ya it's true. That one I* minta Dato' Maher jelaskan kenapa kita ada masalah masa AG...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Boleh beri?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tuan Pengerusi, *sorry* ya. Saya semasa berbincang dengan Dato' Ahmad Maher, 27 Februari baru-baru ini, pihak saya bertanya dengan pihak *customs* macam mana *figure* RM19.4 bilion tunggakan itu yang lulus untuk dibayar, kenyataan itu dibuat. Jadi, kemungkinan selepas dia menerangkan proses HRR dan you *know, the verification by the customs officer* ini, nyata bahawa daripada sistem HRR disebutkan bahawa *the status is* boleh untuk *refund*. Akan tetapi untuk *refund* itu belum lulus untuk dibayar, *because* ia terpaksa melalui *all those processing* tadi, *verification* dan sebagainya.

So, at the end of those process, kalau mengikut proses biasa, *there must be, I mean, authorized officer along the way, that verification had been done until the final stage for payment*, di lulus untuk pembayaran. Itu tak ada. *You know*, tak berlaku. Jadi *the statement at that point of time* itu belum bermakna dia lulus untuk dibayar. Akan tetapi *ready for verification* sebelum di buat pembayaran. *That was our*, masa *discussion* 27 itulah.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil [Penolong Ketua Pengarah Kastam CDN (Bahagian Cukai Dalam Negeri)(SST) Kastam Diraja Malaysia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita faham dalam proses *refund* ini kita ada dua *keyword*. Satu, *refund* diluluskan dan satu lagi pembayaran diluluskan. Jadi apa yang diterangkan dalam RMS itu kelulusan untuk *refund* – lulus untuk *refund*. Makna, kalau bagi penyata-penyata yang dikemukakan dan tak melepasi RMS ini, *risk management,* tak ada *refund case* pun yang akan wujud. Tak ada kes, tak ada benda yang hendak kita proses. Tak akan wujud. Memang tak lulus untuk *refund*. Makna proses pertama setelah melepasi RMS ini... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Minta maaf Dato', ulang balik semula. *Because you were*, sini sana. *Clearly.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Okey saya mula balik. Apabila syarikat hantar penyata GST-03 dalam posisi *refund*, ia akan melalui proses tapisan RMS. Apabila melepasi tapisan RMS tadi yang 93 *percent*, baru jadi *refund*. Luluslah untuk *refund*-nya. Apabila tak melepasi tapisan ini, yang tujuh *percent*, tak ada *refund* lagi. Tak timbul, orang kata, *working paper* untuk kita hendak lulus, apa pun tak ada lagi, sehingga kita buat verifikasi. Jadi 93 itu dah ada kes *refund*, dia sudah *filed refund*. Tujuh *percent* tak ada *filed refund* lagi, sehingga di *verify* oleh negeri. *Then* bila negeri *verify*, 6.7 *percent* itu, bersetuju, berpuas hati, baru ia akan jadi *filed refund* baharu buka. Dalam sistem. Seolah-olahnya macam itu.

Jadi, dalam proses, kita proses pembayaran ini. Tadi proses kelulusan *refund.* Itu yang dimaksudkan kelulusan *refund* sudah. Dalam proses pembayaran ini melibatkan satu, dua, tiga, ia ada pelulus pertama, pelulus kedua, pelulus ketiga dan pelulus keempat, bergantung pada amaun.

Jadi pada yang disebut oleh Audit tadi dalam kita punya statistik 19.4, 1.9 itu yang berada di kedudukan Akauntan 1 dan Akauntan 2 – *ready to pay*. Yang selain itu, yang *review* itu, kalau kita kata dalam sebelum ini kita kata dalam siasatan dan *review*, berada sepanjang *refund officer 1*, SOU, *deputy director* dan *director*. Ini dalam kategori. Dalam proses pembayaran. Makna dia ada dua kategori di sini. Satu proses kelulusan *refund* dan satu lagi proses pembayaran. Yang kita bentang sebelum ini ialah proses pembayaran. Makna *refund* telah pun diluluskan oleh sistem.

Cuma kita, satu lagi, saya tambah lagi ya. SOP kita ada berkaitan dengan proses pembayaran. Saya akui sebelum ini juga, SOP yang dibangkitkan oleh Audit iaitu dalam sistem RMS. Ini sistem, saya tak adalah SOP manual, sebab sistem yang buat. Sebab itu kita ada *rules, risk rules*. SOP dia macam mana kita hendak tekan *button* itu, tak ada sebab sistem. Akan tetapi bermula daripada *refund officers* sampai kepada akauntan, kita ada SOP.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, terima kasih. *So*, Tuan Pengerusi, saya ada dua soalan kepada Dato' Sri. Saya cuba memahami apa yang dinyatakan oleh Dato' Sri, yang mana setelah ia melepas peringkat RMS, ia akan dihantar kepada *refund officer. Refund officer* ada tiga *level*, iaitu *head of unit, deputy director* dan *director*, bergantung pada jumlah yang dituntut balik.

Okey soalan saya di sini adalah, sebelum ini kita difahamkan bahawa lebih kurang jumlah RM63 ataupun RM64 bilion GST *refund* telah pun dibayar balik. Dan *balance* dia 19.4, seperti isu yang kita hadapi sekarang.

Daripada pengalaman pemulangan *RM63 or RM64 billion* yang sebelum ini, *what are the chances that the amount, that has gone through* RMS tetapi *will be rejected by the refund officer. What are the chances.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *The chances are, still, I stand by my figure, around 0.1 to 0.3.*

Tuan Wong Kah Woh: *So the chances are around 0.1 to 0.3... [Disampuk]*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, *most of the claims are valid, that's why we were able to pay, you know, 63 over billion, during that, prior to the May.*

Tuan Wong Kah Woh: *Just now you did mention that, when the refund officer was trying to approve the payment or verify the payment, they will also look at the cashflow of the* kewangan. *So, if the cashflow is not allowed, then they might withhold their approval, am I right to say so?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Yes, but...*

Tuan Wong Kah Woh: *Yes? And if they have approved the payment, would they be seen on the system by the customer, I mean by the taxpayer.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Yes.*

Tuan Wong Kah Woh: *And the taxpayer can actually ask the government to pay?*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Correct.*

Tuan Wong Kah Woh: Okey. *That concludes my two questions. Thank you.*

Tuan Wong Chen: *Chairman*, soalan. Okey Dato' Subro, *the Auditor General, which we've got high respect for. I think they are completely independent. They came in, investigated your office for a month, roughly, throughout January. They came up with a report that RM5.06 billion is due and payable.*

Now you come to testify this morning, on the 27th or 28th I don't know which date you gave, RM12 billion is now payable, is that right?

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Chen: *So you're telling me your office during that one month period, became super-efficient to process RM7 billion. I find that very hard to believe*-lah. *Are you, can you explain*

how did you process RM7 billion of additional claim, which the internal, the Auditor General Office, verified as of 10th January, RM5 billion only payable. Now you tell me roughly, one and a half months later, that it is RM7 billion already added in, now 12 billion is payable. That seems to me a somewhat illogical. I want to know how you did it. Suddenly your process which takes 300 days, few months, few years, has been accelerated in one and a half months. Was there any pressure to do this? I mean why? Can you give us a logical explanation about this improvement in your processing of claims?

■0950

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Okay, thank you* Yang Berhormat, *valid question.* Okey, saya akui *previously* memang *slow.* Sebentar tadi Yang Berhormat Ipoh Timur *asked me why there was a delay because officer will also look at the cash in the* tabung tetapi kerajaan telah memberi jaminan bahawa tahun ini kita kena bayar dalam 10 bulan ya. Di mana kita akan dapat dana itu daripada Petronas, okey, RM19 bilion. *Every month* kita akan dapat RM4 bilion tidak silap saya...

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *RM3 billion to RM4 billion.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *RM3 billion to RM4 billion.* Akan tetapi saya juga telah minta *cashflow committee* dan juga telah minta kepada Yang Berbahagia KSP dan juga Menteri Kewangan supaya...

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, *you are indicating that your efficiency is based on available fund. That is wrong, you are not answering to his question.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya, *I am coming to that* Tuan Pengerusi, *I am coming to that. You see, the question,* Tuan Pengerusi, *please try to understand what I am trying to say. In other countries they pay refund. If any delay they have to pay refund.* Sini, kita tidak ada *refund. How long we can hold back?* Akan tetapi kalau kita luluskan dalam sistem, *tax payer will have access.* Kita panggil TAP lah, *taxpayer access point. So,* dia akan tengok amaun RM2 juta sudah lulus *they will start calling, they come to office. "Mana duit saya?"* Okey.

Akan tetapi sekarang dananya sudah ada, sudah ada. *So,* masa pihak Audit buat pemeriksaan *they, I believe* Tuan Haji, *your figures are at Self Accounting Department, correct? The last date you have – I am sorry, with due respect. You should also have taken into consideration how much* ada di peringkat *director, deputy director, accountant I and accountant II ready to be released by pressing a one button* benda itu akan terus pergi ke sana. *Okay, no need to take months, alright.* Di situlah pegawai kadang-kadang agak keberatan untuk luluskan kalau tidak ada dana.

Sebagai contoh, *I think* Ketua Penolong Pengarah GST ini peringkat dia lebih RM10 juta, *some of the amount, huge amount.* Bila sudah ada dana diluluskan. *I mean, you are the right person to answer this.*

Tuan Wong Chen: *Before you answer, let me just warn you what you are saying because you are implicating your entire department of willfully not paying, not processing because the Federal Government got no money to pay. Be careful what you answer here because it is recorded in Hansard. [Disampuk] I mean it's very clear, you don't have to beat around the bush. You are saying that your department is efficient, you can process but because the MOF or the Prime Minister last time told you don't pay, you just don't pay. This appears to be, only now you got money from* Petronas, *you processed RM7 billion quickly in one month.*

This is not what we want to hear about civil service integrity. Do you understand? If you want to proceed answering question on this kind of tone, just be – I mean, you need to be aware this is fully recorded. There will be a problem later, I am sure. So, please continue.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Yang Berhormat, *thank you for your question. As I mentioned, GST was repealed way back,* mulai 1 Jun, okey. *Now,* berapa bulan sudah, *easily about seven or nine months, right? So, the most we take those days was four months on the average* ya. Akan tetapi sekarang sudah sembilan bulan patutnya sudah lama diluluskan tetapi kita tidak dapat luluskan— *because* saya, *I don't have to hide anything. I think it's a known fact* bila dalam tabung tidak ada duit, kekurangan dana, *we cannot, we have requested, we have requested* dana. Akan tetapi kita juga ada kekangan, yang itu *I* tidak hendak jawablah. *Even after May, there was a request okay.*

Jadi sekarang bila sudah ada dana, kerja-kerja yang tertangguh di peringkat-peringkat tertentu telah dipercepatkan, saya yang bagi arahan itu. *I think the business should not be penalized...*

Tuan Pengerusi: *Okay, fine, fine.* Dato' Sri, percepatkan *fine.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *You just convince us,* bagi kita bukti bahawa *how you come up with that?* Percepatkan itu, maknanya *suddenly you have this RM12 billion extra, instead of RM5 billion. How do you come up with that figure? Just supply it to the PAC.* Kita akan – *we want to help the department.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Pengerusi: *How do you come up with that statement, with that verification* yang pihak *Auditor* tidak dapat cari. *Just supply us with that, how do you come up with that RM12 billion*

selepas melalui satu proses yang dipercepatkan disebabkan ada *availability of fund. Convince us,* bagi kita bukti.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Okey, boleh...

Tuan Pengerusi: *That's it, that is the whole thing.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Boleh Tuan Pengerusi, *I think, explain, he is the one directly in charge.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Terima kasih. Saya minta – yang ini mungkin bila penemuan Audit RM5.06 bilion adalah dalam kedudukan akauntan I dan kedudukan akauntan II. Akan tetapi saya difahamkan mungkin Puan Maimunah di sini boleh *explain*, dia ada lagi yang kita lulus tetapi tidak ada di akauntan I dan kedudukan akauntan II contohnya *offsetting.* Puan Maimunah *explain* data.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Puan Maimunah *explain.*

Tuan Pengerusi: Sebenarnya *we got*, kita tiada sebab untuk tidak mempercayai *Auditor and we don't have reason not to believe you. Yes, this is the situation. So,* bagi tahu dengan kita *how do you process that RM12 billion, the extra within that a few months.*

Puan Siti Maimunah binti Ahamad Zambri [Penolong Pengarah Kastam (Bahagian Pulangbalik) Kastam Diraja Malaysia]: Okey. Berdasarkan laporan audit, saya sudah *go through.* RM5.06 bilion yang dinyatakan adalah di peringkat akauntan I dengan akauntan II. *So*, saya sudah buat pengesahan itu memang nilai dia hampir sama.

Okey, cuma daripada RM19.4 bilion bila kita tolak dengan RM5.06 bilion kita ada RM14 bilion. RM14 bilion itu bukanlah bererti semua itu tidak diproses tetapi RM14 bilion itu ada yang telah dibayar. Dibayar, kita ada dua cara kaedah, kita akan tengok pada dia punya hutang. Kalau dia ada hutang kita akan *offset* dulu. *Offset* hutang dan kita akan bayar.

Bila saya *go through the report* memang ada dinyatakan di rumusan laporan audit itu mengatakan bayaran sebanyak tiga *something* kalau saya tidak – kalau saya ingat dekat dalam laporan audit ada menyatakan RM3.06 bilion. Saya ingat tiga *something* dan dinyatakan dekat situ memang ada bayaran. Saya ingat dia tidak menyatakan. *So*, maknanya daripada RM19.4 bilion itu sebenarnya kita sudah hampir, proses keseluruhan itu hampir dekat *about* RM8 bilion kita sudah proses untuk bayar, kita sudah bayar.

So, maknanya bila saya semak dia punya itu memang ada maklum dekat sini maksudnya RM19.4 bilion, yang RM5 bilion itu bukanlah bererti 5 bilion itu kita sudah bayar tetapi 5 bilion itu dalam *standby* sudah hendak bayar dekat akauntan I dan akauntan II. *So,* yang RM3 bilion *something* yang dilaporkan itu telah dibayar. Maknanya sudah RM8 bilion kita sudah proses untuk bayarlah. Itu sahaja.

Tuan Wong Chen: Okey, baik. Dalam proses audit, tidak ada *exit* audit kah? Tidak ada *last meeting* kah? *I mean this matter you should have raised with the Auditor General Office.* Ya, *Auditor General, perhaps you would like to say something?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, ya *please. Thank you* Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. *The normal audit process, we have entrance meeting and then engagement throughout the audit, we work with the customs. I think that is known fact* lah. *At the end of the audit we have exit. In this case it was chaired by my* mantan Ketua Audit Negara *herself, with the KP* ya Dato' Sri *at that point of time. Then, what happened after that was the extra, I mean the extra assignment by PAC to us to verify on the processes* dan sebagainya.

That also kita sudah nyatakan, *that is why the figure* itu mungkin agak berubahlah *from the time of auditing,* mungkin *you know* berapa *million.* Semasa Januari *RM5 point something million now* sudah *you know, over the time* sudah bertambah baliklah. *We will verify* Yang Berhormat *because this will be under our* penyata kewangan audit. *At the moment we are doing the interim audit or* penyata kewangan, *all those cases where you know, is due for payment* ataupun telah dibayar, kita akan audit *under* penyata kewangan.

If there are any issue on this, we will lapor balik dalam penyata *you know. We will take sample, of course, we won't be going through the whole payment but sample* lah. Sekian, terima kasih.

■1000

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi, saya ada soalan. Tadi saya baca *GST (Repeal) Act*, Akta GST (Pemansuhan) 2018. Saya *debate* dalam *bill* tersebut, 10 seksyen sahaja dan seksyen 8 *claim for input tax and refund* dalam masa 120 hari. Maksudnya gazet pada 28 Ogos 2018, 120 hari sudah tamat. *So, there is no more further claim.* Sistem sudah *closed,* betul?

So, Parlimen telah *set* satu *motion*— niat itu ialah *claim* sudah 120 hari, ia sudah tutup. *So, it's set into motion for your department to process all the refunds.* Okey, tadi saya dengar kenyataan Dato' Sri sebelum ini juga bahawa 30 April 2018 *before the election* dalam *consolidated account* hanya tinggal RM450 juta. *That is the reason why you couldn't make payment because* tidak ada duit dalam. Hanya *RM450 million* dalam tabung.

Okey sekarang saya dengar sekali lagi daripada kastam bahawa ada Petronas kena bajet ada tiga sehingga empat bilion dalam tabung. *So that is why you* sekarang boleh proses. *Otherwise you could not process – once you process then it would come out in the system, then the claimer will come after you because it appears in the system already. So, what you are telling us, the committee, I think I can understand more or less* kenyataan *you.* Akan tetapi saya rasa,

audit fighting dengan *customs, there is a discrepancy. But I believe that this is after you set into motion* 120 hari dan tamat, saya rasa lebih kurang pada *end of the year, closed. Then you set into the motion, your processing, until now. You still have, I think – you are telling us you are processing until 99.* Berapa peratus? *I think – Have you finished all the – go through all your risk machine all these you know. Have you done all the processing? I mean there is no more further claim already until this stage. Have you done all?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Seksyen 8 kena baca bersama dengan seksyen 4. Seksyen 8 sebut *repeal act said no more input tax claims* selepas 120 hari tetapi di seksyen 4 ada situasi-situasi yang membenarkan. Sebab kalau kita baca seksyen 4(2) ini, ia ada. Jadi, soalan sama ada masih ada lagi *claims* ini, itu ada lagilah. Sebab selain daripada *input tax claims* ataupun dia telah *claimed* ataupun macam ada situasi-situasi yang kita boleh benarkan di bawah seksyen 4.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh beri peratusan, *so* Audit tahu bahawa majoriti tuntutan sudah diproses. *Because* pada saya masalah kita yang dihadapi oleh PAC sekarang, ialah *moving target. We have so many moving targets, moving datelines. So* kalau boleh kastam maklum *like in terms of* yang berkait dengan pemansuhan GST itu, berapa peratus *claim* yang memang sudah *settled,* tidak perlu kita bincangkan atau bawa kembali.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *simple* sahaja, sehingga 29 Disember lebih kurang saya rasa *close to RM26 billions* kita punya *outstanding refunds, RM26 billions.*

Tuan Wong Hon Wai: *Outstanding refunds?*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Roughly, 25 point something.* Kemudian, sampai hari ini, *outstanding* yang kita sudah lulus – mungkin akauntan boleh saya rasa *confirmed* RM11 bilion, RM10 bilion atau RM11 bilion, yang kita sudah lulus.

Seorang Ahli: RM12.4 bilion.

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Itu yang – ini kita cakap berkenaan dengan RM19.4 bilion sahaja. Yang selepas daripada itu yang *current* punya ini...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Paper on claims* selepas daripada ini saya rasa sudah ada dengan akauntan sahaja, yang *balance* hari ini, saya rasa *close to RM11 billions.*

Tuan Wong Hon Wai: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Tidak ada. Sama juga. Kita minta kalau boleh beri kita ...

Tuan Wong Hon Wai: *What you are saying that 3,4 billions* belum sampai *funds* itulah?

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: Itu ialah *allocation by staggered RM3 billions per month. But* yang kita sudah *ready* untuk bayar, *more than RM10 billions.*

Tuan Wong Hon Wai: *What you are saying is correct. Last time cannot pay because* tidak ada wang dalam tabung.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *My colleague, we are not MOF, we are PAC. So, their claims of course they can make but I think* di sini saya hendak tekankan juga kita mewakili PAC. *So, our focus is we refer to whatever presentation you give that has to be verified* oleh Jabatan Ketua Audit. Jadi atas dasar itu, kalau saya mencadangkan Tuan Pengerusi *because the Auditor General can look into the details in terms of the claims and they have to verify. So, we are not in the position* untuk menerima 100 peratus sehinggalah Jabatan Ketua Audit boleh mengatakan, *"Yes, it checks out". So whatever* alasan dan sebagainya, pada saya tidak relevanlah *to our particular discourse. Of course, I have sympathy for your but my point is* bagi kami, saya tidak mewakili MOF lah, saya mewakili PAC.

Tuan Pengerusi: *That is exactly the point. You just* yakinkan PAC, yakinkan *Auditor because* kita pun bergantung kepada *Auditor. They see figures better than us. That is their specialty, they see* tidak boleh *verify,* dia kata. *Only five billions can be verified.* Kastam ada tanggungjawab untuk *supply the documentation to satisfy them* supaya bila pembayaran dibuat, wang rakyat dibuat walaupun duit Petronas dibuat bahawa semua pembayaran itu melalui satu proses verifikasi yang betul-betul. *That's it. That is the whole purpose* kita buat prosiding ini. *It's public money. Even though it's Petronas money* tetapi mesti ada verifikasi daripada— Audit mesti *satisfied* bahawa pembayaran itu melalui satu proses verifikasi. *You cannot – I do not know. I am not convinced. I* tanya dengan Tuan Haji Khalid. Selepas penjelasan ini pun dia kata *"We have to see the figure".* Dia pun belum *convinced* lagi. *See that process* yang RM12 bilion *you say, is* sudah lalui, sudah boleh bayar. *You have to supply them with that documentation and proof. Exactly.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tuan Pengerusi, *on the figure* itu, *I mean to be fair to* pihak kastam ini, *we are reporting as at 10th of January which was RM5.06 billion. When we were having our discussion on the 27th, we were informed by Dato' Ahmad Maher, the figure* sudah *increased to RM12 point something billions* kah apa. *But yet to be verified by us. So that is why– I mean we have to verify and inform the PAC* balik *on that figure.*

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, saya lihat seksyen 8 *GST Repeal Act, subject to verification audit on investigation. "Any refunds shall be paid by the Director General within six years from the appointed date".* Enam tahun, *of course PAC would not sit until six years until you*

close accounts. It is also we have to have a certain closure on this case because if we continue to wait until we close that accounts, it will be six years later and another term of Parliament.

So, I think Chairman, and the committee members, we have to use our discretion so that the Audit will have to come in again to verify one more time. Because it's a the moving target, it's set into motion, something moving, something updating every week and every month and then your liabilities is still six years.

Tuan Wong Chen: *Chairman, can I just say something? Dato' Sri Subro, you have to understand this government is having financial constraints. It's on the recommendation of the Customs Department to pay RM19.4 billion. The RM19.4 billion they could have given to poor people, to farmers for whatever other things that we need to do. But you are insisting RM19.4 billion they transfer to take from Petronas as Petronas could have spent this money on Pengerang to generate business, but to rebate back to these people.*

Your actions, your department and you are supposed to verify, not worried about the political implications or worried about the financial constraints of MOF. Your job is to verify because you are the final verification, subject to Audit by the Auditor General. The pattern, the testimony from you and your officers seem to tell me you're worried about the MOF's job which is basically, you're worried about the cashflow. When no cashflow, you purposely delayed the tax, GST rebate, that is wrong.

Now let's not play politics anymore. Whether you get instruction now to accelerate payment to justify the fact you took the 30 billions from Petronas, let's stop that. I just want you to verify whether this is due and really payable. This RM7 billions extra in one half month is not normal because all your track records in the last four, five years of GST, you did take your time to pay. Right?

■1010

So, please understand, it's not just about trying to cover your wrong recommendation to the Minister of Finance, where you took this very strong position that the money has been stolen and so forth. It is regarding the fact that we need to use this money properly for other purposes. It shouldn't be locked in here for rebate if it is not due. If it is RM12 billion for rebate due, we could save RM6 billion to give for other projects to do. The other Ministers are looking for money to run programs.

So, please understand, we are not trying to argue too much but you need to see the big picture. You see, which is why the PAC is very worried that your recommendation is wrong by RM5 billion, RM6 billions of – by RM20 billion. It is draining the finances of the Federal Government. So, going forward, please. If you stick to this RM12 billion, allow the Auditor General

to go in to verify whether this RM12 billion actually payable or not but do not make recommendation of RM19.4 billion and then quickly in these few months finish all the RM19.4 billion. Don't do that because that money whatever cent we save, we can bring it back to give to the poor, to the rural development.

It is no problem for us to pass the bill, already we passed the budget last year. We can always recalibrate the budget by withdrawing the pressure on Petronas. Which is why Tan Sri Madinah and all respect to her, she's stressed this point that we cannot budget in this kind of way. Your numbers are critical for us to budget properly.

So, if your department has made a mistake, just admit it. Don't make us run around in circle with moving targets. Just tell us truthfully, is it all 100 percent payable. It cannot be the case because we have heard testimony that there is fraud, there is over claims, there are things. So, I don't know Chairman, you would like to say something Chairman? I think, you know. I don't know how to proceed lah.

Tuan Wong Kah Woh: *Chairman, may I just respond little bit to my learned friend from Subang. I think when Dato' Sri Subro mentioned about the cashflow issue where the approval has to look at the cashflow position. Kastam is a not the first person who said that. It was said by Tan Sri Irwan Serigar earlier and recorded in the Hansard. So, I would just like to remind everybody here. They have to look at the cashflow, of course right or wrong is another issue, whether that will affect the dignity or credibility of the department is another issue but that is happening, that is number one.*

Number two, of course now custom has come up with 12.4 billion which is the subject of the discussion here and perhaps I may suggest to Chairman, let the Audit verify this 12.4 billion. Let the Audit comes up with a report over this and we can make a decision after that.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Tuan Pengerusi *and also* Yang Berhormat Subang. *I understand* Yang Berhormat *your concern, I would like to reiterate again the customs's position. These are the money that the government owed the businesses and most of the claims are valid claims.*

Saya sudah jelaskan tadi *after going through RMS, I think it's also good* Tuan Pengerusi *if we can go through the high risk rules. It's so tight and this is very technical. I* minta maaflah, *with due respect to* – Jabatan Audit Negara, *you are most welcome to come and verify the figures. We are open book, no issue.* Masa Tuan Haji Khalid *called me,* pegawai kita tidak hendak bagi *access* kepada sistem. *I was the one who called my officers, we got nothing to hide. Everything can be checked. The only issue with the system is, it's a live data,* semalam lain, hari ini lain.

So, we cannot just stop and go back macam itulah. *So, everyday* kita dapat *different figure and I still stand by my position that the RM12.4 billion* adalah *valid claim* yang patut kita sudah bayar. Kalaulah dulu kita terima cadangan daripada pihak industri untuk bayar faedah, *five percent to six percent per a year, imagine how much we have to pay now? That was a promise we made to the businesses,* kita akan bayar 14 hari *which was legislated. No country has done that, I think, as far as I know, because they pay interest,* cuma kita sahaja, okey. Tidak hendak bayar *interest. In lieu of that, we promised* kita bayar 14 hari.

So, we came up with this RMS. I was part of that team that came up with the high-risk rules. Kalau sudah lepas *high risk rules, it's good enough,* telah dianggap diluluskan, cuma bayaran, proses bayaran itulah yang lambatnya.

Memang saya ada bagi arahan kepada pegawai-pegawai saya jangan lagi lengah-lengah meluluskan sebab duit sudah ada, Petronas's *money coming in every month, RM4 billion,* saya juga telah kemukakan rayuan kepada KSP dan juga Menteri sendiri supaya kastam diberi – *customs is supposed to get RM19 billion, income tax MOF RM18 billion, is it?* Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya wang yang patut pergi kepada *income tax* itu diberikan kepada kastam dulu, kita boleh bayar.

Bila kita sudah bayar bukan bermaksud sudah *fullstop* sebab akta membenarkan kita untuk kita audit *and the audit process would take six years. No one can just go scot-free,* lari-lari. Oleh sebab itulah saya tidak hendak syarikat kita menjadi mangsa, *they've been choked for – you know, few years. Some of them, we haven't paid them two years.*

Jadi ini juga telah menjadi isu bila kita berdialog, *engagement* dengan pihak industri, *"What customs is trying to do?" We are at the front, we face the issue with the companies. Export companies, they* sudah bayar *all the taxes, export zero-rated, refund position, they expect within 14 days.* Sekarang dua tahun pun tidak bayar lagi.

So, once again my humble suggestion Tuan Pengerusi, pihak Audit *is most welcome to come and look at our system.* Mungkin *officers* ini yang pihak audit *interview* pun penting jugalah. *They are many new officer* yang tidak tahu cerita ini, *the past history, RMS. If you asked the refund officer, refund officer don't even know what is RMS.* Dia tahu dia punya *screen* sahaja.

So, kita kena tengok mungkin Dato' Ahmad Maher, *he has been with me from those age, he is still there or even I can come and assist. I don't think there is any ill intention or wrongdoing on our part. You are most welcome to look at our system. We give you full access to the system to verify whether the figures are justified.*

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, saya harap *assurance* itu akan dilaksanakan. Kita diberitahu bahawa dalam laporan taklimat yang lalu oleh Audit mereka mempunyai masalah, berhadapan

dengan masalah dari segi dapatkan data, *information* daripada pihak kastam sehingga satu ketika kita dimaklumkan bahawa *the Auditor General* atau Ketua Audit terpaksa hampir menggunakan undang-undang dalam *Penal Code* untuk mendapatkan kerjasama dan data dan informasi daripada pihak Kastam.

So, untuk PAC ini, isu RM19.4 bilion penting. *That amount* penting. Jadi untuk *verify* itu Jabatan Audit kita minta untuk buat verifikasi. Bagi kerjasama kepada mereka, *I know I understand the information* ini *live,* berubah. Data itu berubah *but* dalam masa terdekat ini kita akan minta Jabatan Audit untuk masuk. Bagi semua *information* kepada mereka dan mereka akan buat laporan kepada kita untuk kita bentangkan laporan kepada Parlimen.

We want to close this case, sudah habis kes ini *but we cannot verify this data. So,* bagi kerjasama. Saya minta Jabatan Kastam bagi kerjasama dengan pihak Audit. *They will go in as soon as possible* untuk *verify* data ini, *at least* RM12 juta yang disebut itu yang boleh dibayar dan segala-galanya, bagi dokumen kepada mereka. Mereka akan buat laporan balik kepada kita dan PAC akan buat keputusan dan *close case* ini.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Saya cuma hendak cadangkan supaya data yang nanti kemudian dibagikan kepada Audit itu adalah *raw data. Raw data is very important* untuk pihak Audit betul-betul tengok *back. Thank you.*

■1020

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *I think* Yang Berhormat, *we gave full access for the system. I think– raw data.*

Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil: *Raw data.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Yeah, raw data.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya hendak tekankan...

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Cuma saya hendak *highlight* Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, isu dengan sistem ini kena *careful. That's why* saya mintaklah, kalau kurang faham ataupun *there's a complexity with the system issues,* kalau – sebagai contoh, *when the refund officer, offsetting mechanism,* dia tidak', *won't appear there.* Macam tadi, Yang Berhormat Dato' Ahmad Maher *explained. So, those are technical issues. I* minta pihak Audit dapatkan penjelasan daripada pegawai-pegawai yang berkaitan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Akan tetapi, saya hendak tambah sedikit Tuan Pengerusi kenapa – *you know, in all defence* lah, pihak Ketua Audit semasa kita ada perbincangan ini, dalam penglibatan saya, *they tried very hard because they have no* insentif hendak tunjukkan

sebaliknya. Pada saya, kalau Dato' Sri Subro sendiri sebut bahawa ada pegawai yang tidak tahu apa itu RMS, *then you have to pick up the ball and be responsible. This is because your officer whatever level, should be able to adequately explain to the Auditor General Office.* Kalau peringkat itu pun setengah kata, kami hanya tahu skrin, *come on* lah *its Auditor General. It's an investigation, you know* bukan dia suka bersiar-siar.

Jadi, *I have to stress here, that level, the first window,* fasa kedua, fasa ketiga *has to be reflective. This is because at the end of the day, yeah, I'm very happy we have the system but at the same time* saya hendak pertahankan juga pihak Audit *because* kami selama ini menghabiskan masa berjam-jam untuk apa? Untuk verifikasi.

Jadi, *please* Dato' Sri Subro *if you can take that into account, it must be also shown in the different investigative phases.* Jadi, saya hendak minta – contohnya Tuan Haji Khalid Khan apabila dia tunjukkan peringkat pertama, penjelasan tidak diberikan dengan baik ataupun tersusun mengenai sistem, *and then* peringkat kedua bagaimana sehinggalah kita sampai ke hari ini untuk menunjukkan gambaran sebenar. *From here, maybe we can decide accordingly because for example,* saya sendiri *on record,* saya tidak setuju wang Petronas digunakan. Itu saya. *So, of course, I have to be responsible in terms of, you know, what is justifiable and what is not* dan saya berharap seluruh Jabatan Kastam itu boleh membantu dalam bab ini. Kalau sistem yang baik, *I think we are more than happy to appreciate and to support it.* Terima kasih.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *I just want to* – tadi *the point raised by* KP, *I have to state it here. Those involved* dalam pengauditan *are all competent people.* Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman, *PhD in computer and* Encik Y Hamdan bin Mohd Dom *have been our IT Specialist the last 20 over years and all the auditor are IT graduates. They understand the system. The only thing is* pihak kastam, *I* ingat perlu menyatakan *fully on system, documentation,* tadi saya sebut SOP, kita tidak dapat. Jadi, benda itu, *you know* ada *gap.* Kalau selepas ini, mungkin pihak KP, *you know, if you can produce to us, it will help us in verifying* semua sekalilah. *Okay. Thank you.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih. *I think I agree with you.* Dia begini, kita tidak pertikai *amount that* Audit Negara *came up with.* Macam saya kata, *it's a live data,* dia sentiasa berubah dan saya juga beri arahan kepada bahagian GST *to speed up because* banyak dah tertangguh yang ada untuk kelulusan sahaja. Tekan *button,* akan tetapi belum lagi dibuat sebab macam saya katakan tadi, kekangan ini. Akan tetapi, sekarang sudah ada.

Jadi, kita sedia beri kerjasama Tuan Haji Khalid dan juga saya juga akan tubuhkan satu pasukan khaslah yang mana boleh bantu. *In fact,* apabila Tuan Haji Khalid *called me, remember?*

He said he cannot have access, he spoke to me then I immediately gave. We got nothing to hide. There is no malicious intent on our part. So, anytime you can come back and audit. The figures are there to verify.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Chairman?*

Tuan Pengerusi: *Yeah, please.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya rasa kita sudah dekat hujung dan saya rasa kita sudah mengharapkan akan ada jalan keluar secepat mungkin. Cuma, di sudut pegawai-pegawai di kastam sebab saya rasa istilah yang kita cipta jangan kita terperangkap dengan istilah itu sendiri. Ini kerana bila kita, saya lihat tadi ada perkataan 'lulus untuk *refund*' dengan 'lulus untuk pembayaran'. Apakah kita tidak boleh menerangkan kepada pembayar-pembayar cukai yang memohon *refund* itu, bahawa 'lulus untuk *refund*' itu tidak menjamin lagi untuk kita membuat pembayaran sebab bagi saya kalau istilah yang lebih mudah lagi, lulus untuk *refund* melalui RMS ini, dia lebih kepada lulus untuk diproses. Diterima untuk diproses. Kemudiannya, pihak yang akan proses itulah yang akan meluluskan untuk pembayaran.

Jadi, kita tidak perlu takut, tentang duit ada ataupun tidak ada sebab kalau kita kata ia diluluskan, lulus dekat situ kita perlu terangkan kepada mereka, lulus dekat situ belum sampai peringkat untuk pembayaran.

Jadi, saya rasa, saya lebih cakap kepada teknikal yang mana janganlah kita takut kepada tekanan-tekanan seumpama itu. Bahawa kita yang membuat sistem, kita yang menerangkan kepada mereka dan sudah tentu kita tidak akan tertekan dengan apa yang kita buat dalam sistem itu. Saya sekali lagi, mengharapkan secepat mungkin sebagai mana yang disebutkan oleh teman-teman lain, kita perlukan jawapan yang segera tentang jumlah 19.4 semenjak menteri menyebutkannya sebab kita ingin memberikan penjelasan yang sebenarnya kepada Parlimen nanti tentang kedudukan itu. Okey, terima kasih.

Tuan Wong Chen: *Chairman, before we close, I'm just looking through this list of the 50 companies. So, the first four is obviously government-owned* lah, betul? *That's petroleum the first three and then* MRT. Petron Malaysia *is not government-owned. Can you, for the next session, can you just put all the GLC on one side, the China-based company like* Alliance Steel *is separate and also this* Hengyuan Refining *which I suppose is China* lah. *AirAsia is definitely private, so I mean these are big companies, why is it taking so long for you to rebate back?*

Tuan Wong Kah Woh: *No money. That simple.*

Tuan Wong Chen: *That's just a simple question.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *No money.*

Tuan Wong Chen: *No, no it's not – you can't talk about no money. Look, your job is to verify. The money question is for Ministry of Finance to answer. You understand? So, I need to – I need you all to explain carefully. For instance, say, let's take* Petronas *number five, right? Is RM381 million refund. Since when? Is it two years already? Six months? No, not six months* lah, *I just like – Is it June 2018? So, if you can give us an example the time taken for you to process this whole thing and now you were saying that they're due and payable straight away. We need to understand the process. So that the Auditor General later, they go in there, they can understand a real live case for you to explain the processes of your ten steps and eight steps.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan pengerusi: Boleh? *That one* itu nanti *supply here* lah ya? Pecah-pecahkan, agihkan ikut kategori.

Encik MA. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai (Bahagian Cukai) Kementerian Kewangan Malaysia]: Tuan Pengerusi.

Tuan pengerusi: *Ya, please.*

Encik MA. Sivanesan: Satu perkara saya hendak bawa perhatian. Maklumat pembayar cukai yang spesifik sebegini mengikut nama syarikat sebenarnya adalah satu maklumat yang tidak boleh disiarkan tanpa kelulusan menteri bawah seksyen... *[Menyampuk]*

I understand it's PAC. No, I'm just highlighting the process. [Menyampuk] So I don't know if the person for that analysis will be reported dan sebagainya.

Tuan Wong Chen: *No, I mean to us the Attorney General Office is here. I don't think it's Official Secret Act* lah. *Seriously.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik MA. Sivanesan: *This was not supplied by us, this is supplied by customs. I'm from MOF, I'm just highlighting that under section 8 of the Goods and Services Tax Act 2014, any information pertaining to taxpayer has to get the approval of minister especially specific information like this, you know which has an amount and the name of the company.*

Tuan pengerusi: *The members of the PAC must be aware of that. We cannot reveal anything until it is presented to Parliament. That is tying us every time.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Akan tetapi MOF *is asking to put* sulit *and* rahsia *also.*

Encik MA. Sivanesan: *So,* saya cuma hendak minta kastam sebelum keluarkan maklumat ini dapatkan kelulusan *minister. I'm not sure whether they've gotten the approval.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *No, the intention* Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, kita akan ambil balik. Sebab itu kita tidak bagi tadi, kita hanya bagi kepada Tuan

Pengerusi dan memang kita tidak hendak *any of the members to take it back* kecuali dapat kelulusan daripada MOF.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya hendak ingatkan saja, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Subro kerana pada saya inilah merupakan kerjasama yang PAC benar-benar hargai. Jadi, MOF *of course has their own position but for us, this is very, very helpful and valuable because* untuk memberikan sedikit gambaran, *how the claims are? What are the companies? Issues of legitimacy. So, I really applaud you for sharing this with us. Thank you.*

■1030

Tuan Pengerusi: Okey. Saya berbincang dengan Jabatan Audit. Kalau boleh mereka masuk dan dalam masa dua minggu ini, *they will come up with the report.* Dato' Sri Subro, jangan *misunderstood us. We want to* buat satu pengesahan bahawa RM19.4 bilion itu adalah *figure* yang tepat, *that's it. So,* tujuan kita masuk dan membuat verifikasi ini adalah untuk membantu kastam, membantu kerajaan supaya apa jua pembayaran yang dibuat itu adalah satu pembayaran yang di *verified.* Ini kerana kalau orang, *anyone outside this room* yang tahu bahawa sekarang ini Jabatan Audit kata *only five billion is payable,* itu merupakan satu tamparan.

Now that Kementerian Kewangan *is in the process of refunding.* Jadi kalau pada peringkat ini cuma RM5 bilion yang di *verified*, lepas itu kewangan sekarang membuat *refunding,* kastam membuat *refunding.* Kalau *public* tahu ini dan tak di verifikasi, ini merupakan satu isu besar nanti kepada kerajaan. *So, we want that you* bagi, *your department give cooperation* kepada Jabatan Audit. *Let them go in* dan dalam masa dua minggu ini kita *verify*-kan pembayaran ini dan *figure* ini *and we can close this case. So,* kita minta kerjasama, *the impression given to us* seperti yang dikatakan tadi mereka mempunyai, berhadapan dengan masalah untuk dapatkan keterangan dan data. *That shouldn't happen.*

Saya alu-alukan kenyataan Dato' Sri untuk membuat satu *task force*, jawatankuasa khas untuk membantu Jabatan Audit membuat verifikasi tentang perkara ini. Mana-mana kekeliruan, mana-mana ketidakfahaman dari segi *your interpretation, please explain to the* Jabatan Audit, *they will come up with the report to PAC. I think* boleh kan Dato' Sri, *on assurance...*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, terima kasih atas peluang yang diberi untuk memberi sedikit penjelasan. Saya akui mungkin ada sedikit kelemahan semasa pihak audit datang ya, dengan pegawai-pegawainya ada KPI masing-masing dan sebagainya. Mungkin ada pegawai yang tak tahu *the whole story.* Jadi saya janji akan memberikan kerjasama penuh kepada Jabatan Audit Negara dan satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk bantu. Macam saya kata tadi lah, *there is no malicious intent on our part, we are open book. Please come and look at it.* Cuma *figure* akan berbeza setiap hari ya.

Tuan Pengerusi: *That we understand*, ya. PAC, pendirian PAC adalah satu badan yang tidak mewakili mana-mana pihak, walaupun saya pembangkang tetapi kita... *[Disampuk]* Masih pembangkang tetapi kita menjalankan tanggungjawab dengan betul dan tepat. *So that's why we need your cooperation* untuk meleraikan isu GST *refund* ini dan beberapa soal-soal yang dibangkitkan yang menyebabkan PAC membuat prosiding ini. *We want to close this case.* Soal dirompak, dicuri, salah gunakan, soal GST *refund* dan amaun, *that will be part of the* laporan yang akan dibuat oleh PAC kepada Parlimen. Ada lagi?

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Tuan Pengerusi, *can I ask one short question* kerana tadi dalam akta disebut dari segi dua *deadline*. Satu, adalah pembayaran semula 14 hari. Satu lagi dalam masa enam tahun ya, kalau ada tuntutan. Jadi *in your view*, Dato' Sri Subromaniam, *what do you think, your recommendation would be?* Kerana sekarang ini kita berhadapan dengan 99 peratus tuntutan menerusi sistem. Jadi kita hendak tahu juga, untuk perancangan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Subang. *You know for next budget, I don't want to be tied to this horrifying... [Ketawa]*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: *Experience...*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Demands, right?* Saya tak nak. Walaupun kita sudah guna SST, mungkin di masa depan kita akan kembali kepada GST. Ini satu kebarangkalian bagi mana-mana pakar ekonomi dengan perancangan negara. Jadi saya hendak tanya, *what do you think is going to be applicable, what are the segmentation* bagi mereka yang akan dikembalikan dalam masa 14 hari *versus* enam tahun? *So, I would like to hear from the customs's point of view* kalau dibenarkan. Terima kasih.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kita, *I think we would like to close the refund issue within this year* ya. Seperti mana hasrat kerajaan lah ya. Kita tak nak, patutnya mereka dapat balik dalam tempoh 14 hari, sekarang sudah ada yang setahun, ada yang dua tahun pun belum dibayar. Kita tak perlu risau sebab *first,* sudah melepasi RMS, 99.7 *percent of the claims*. Perkara kedua ialah, akta juga. Akta pemansuhan GST membenarkan kita audit sehingga enam tahun. *So,* tak ada masalah, tak ada masalah. *When you go for a field audit*, barulah kita tahu. *That's basically the model of GST in any country, okay. We have been to, I think not less than ten countries,* sebelum kita *came up with our model* lah ya. Dia bayar *within 14 days, within 30 days.* Kalau lambat, dia bayar *interest* tetapi kita tak ada. *So,* sekarang saya sebenarnya berhadapan dengan pihak-pihak syarikat ini, hampir setiap hari *our officers have to deal with this issue. "Where is my money, where?" Because their cashflow has been affected and some of them, what they have done, they sold their, like I owe you* lah, *factoring.*

You know, to bank at a discounted rate. Okey. Katalah *claim* daripada kita ini, *say* RM10 juta. Dia jual dekat bank lapan juta untuk mendapatkan dana, *to run the* perniagaan.

We have to look at the country also. Kalau kita tak bayar, *then there's not going to be a, what do we call? The economy probably will slow down, you know. And that's going to have a very big impact on the country. So, my suggestion is* perkara ini telah pun dipersetujui oleh Kementerian Kewangan untuk bayar dalam tahun ini juga dan kita ada masa untuk audit ya. *We should not hold back people's money, unless we have issues* ya. Kalau dah lepasi RMS *we should.* Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Wong Kah Woh: Dato' Sri, cuma saya hendak dapat satu pengesahan. Daripada jumlah 63 ataupun 64 bilion yang telah pun di *refund* sebelum ini, ia adalah menerusi satu SOP seperti yang ini, SOP yang sama.

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Sama.

Tuan Wong Kah Woh: Dan *for that, of course* sebelum *refund* pun tak ada *field* audit dibuat. *Field audit is allowed within six years.*

Dato' Sri Subromaniam a/l Tholasy: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, thank you. Thanks for the confirmation.*

Tuan Pengerusi: *Anymore?*

Encik MA. Sivanesan: Yang Berhormat, *may I just add to clarify* tadi pasal 14 hari dengan enam tahun. *I think the* akta pemansuhan itu membenarkan enam tahun sebab akta itu dimansuhkan dan pada masa itu ada kekangan dari segi kewangan. *So,* membenarkan akta itu dipulang balik sehingga enam tahun lah, itu alasannya.

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat I, Jabatan Peguam Negara]: Yang Berhormat, *can I explain on that so that it will be put back into the legal perspective. There are two types of claims here. One is claims during the tenancy, during the period of validity of the act, the GST Act. The other was for the claims made after the repeal. Claims after the repeal will have to be made within 120 days and it can be paid within six years but about the claim that was made during the life of GST Act, there are with two periods.*

One is within 14 days or within practicable period, if it is submitted through electronic means or within one month or within practicable time, if it is submitted other than electronic means. So, the issue of interest that was mentioned as well several times. I think this issue was also raised in the AG's opinion in page 14 and 15, so maybe Yang Berhormat *could look at that* lah ya. *Page 14 and 15.*

Tuan Wong Hon Wai: *It is not provided under the law what payment should be use…*

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Ya, *it is not provided but if it is claimed and if it's proven that the government is profiteering and so on. So, that is the opinion of AG.*

Tuan Pengerusi: *Okay. Thank you very much.* Saya rasa ini merupakan satu prosiding yang memberi peleraian kepada beberapa masalah yang dihadapi PAC...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya nak tambah sikit sahaja lagi boleh? Tuan Pengerusi, boleh saya...

Tuan Pengerusi: *Yes, please.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya minta maaf, nak cakap lah kerana kita pun diberikan arahan untuk menyiasat berdasarkan beberapa *indicator.* Maksudnya, kalau dilihat menerusi penjelasan pihak kastam hari ini, *there is nothing sinister* lah. Lebih kepada, mengikut kepada kedudukan dalam akaun amanah GST. Akan tetapi tidaklah seperti ada rompakan ataupun rampasan ataupun apa-apa lain yang saya fikir itu harus dijelaskan. *I want to just...*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, *that one* masa kita buat *exit conference.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baiklah. Saya nak ulang kat sini lah fasal benda ini kontroversial.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi saya nak pastikan kita faham *and at the end of the day, this is to spice up accountancy because accounting is usually very boring. So,* terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *So, thank you very much* Dato' Sri Subromaniam. *Last session* kita ada taklimat dengan Jabatan Akauntan. Memang kita terkejut... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Audit.

Tuan Pengerusi: Jabatan Audit, kita terkejut. Kita ingin dapatkan penjelasan dan kepastian daripada Dato' Sri Subromaniam sendiri. *So,* akhirnya hari ini kita ada cahaya sedikit, ada *some clarification. That's why I said, I want the auditor to come in to your department again. So, within these two weeks supply them with whatever you have.*

Seorang Ahli: *You have to...*

Tuan Pengerusi: *You convince them, tell them, explain to them. They have expert there. They have PhD holder, they have expert in all sectors that concern auditing. So, give them. Not fake PhD...*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *So, supply them, cooperate with them please. So, they will come up with the report. We want to report this to the Parliament. This is the last part you want to deal with. So, once we have this clarification, not five billion but whatever amount that you think you need*

to refund, the amount. I know it is a live figure but you supply them with the information and verifications. They will report to us back and then we close this case. Thank you very much Dato' Sri Subromaniam and the team ya.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.42 pagi]

Bil. 18

Selasa
14 Mei 2019

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM 19.4 Billion

- **Jabatan Akauntan Negara Malaysia :**

  - Yang Berbahagia Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 14 MEI 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Dr. Aida Alifah binti Lope Abdul Rahman [Timbalan Pengarah Audit]
Encik Haslim Eairon Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Juruaudit (Bahagian Pengauditan ICT)]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

samb/

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah (Sektor Swasta) (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar dan Pelaksanaan GST)]

Jabatan Akauntan Negara
Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah (Bajet Pembangunan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)(Perkhidmatan)]

SAKSI

Jabatan Akauntan Negara
YBhg. Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]
Dato' Hj. Ramli bin Chik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]
Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]
Encik Osman bin Mantali [Pegawai Khas Akauntan Negara Malaysia]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 14 Mei 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 02.03 petang

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: Okey. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Salam sejahtera terutamanya kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC juga Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha PAC Parlimen dan juga merangkap Setiausaha Dewan Rakyat. Petang ini *insya-Allah* kita akan meneruskan mesyuarat prosiding kedua untuk hari ini. Tadi yang pertama kita telah melalui satu prosiding yang membabitkan Kementerian Pembangunan Usahawan. Jadinya yang kedua pada petang ini pula akan membabitkan tajuk Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Wang Tunai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bernilai RM19.4 bilion.

Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Saat bin Esa kerana sudi untuk hadir di hadapan PAC pada petang ini bersama dengan Yang Berbahagia Dato' Hj. Ramli bin Chik Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara serta Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara.

Jadi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Mesyuarat sekalian untuk makluman semua, untuk makluman kita ini adalah mesyuarat prosiding yang kesepuluh yang membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran balik GST yang bernilai RM19.4 bilion. Selain daripada sembilan prosiding yang diadakan sebelum ini, PAC Parlimen juga mendapat taklimat daripada Jabatan Audit Negara sebanyak dua kali berhubung verifikasi tuntutan tunggakan bayaran balik GST ini. Jadinya kita tidak perlulah hendak membuang masa. Hari ini pun semua orang, majoriti daripada kita pun berpuasa. Jadinya eloklah saya teruskan mesyuarat majoritilah.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey.

Tuan Pengerusi: Kita teruskan mesyuarat prosiding ini dengan menjemput Yang Berbahagia Datuk untuk memberikan sedikit taklimat sebelum saya buka untuk sesi soalan sekiranya ada kepada Yang Berbahagia Datuk. Jadinya dipersilakan Datuk.

Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Roosme dan juga PAC kerana sudi menjemput saya ke prosiding kali kesepuluh ini untuk kita memberi penjelasan tentang perkara yang dibangkitkan mengenai tuntutan tunggakan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Seperti mana yang kita tahu, GST diperkenalkan pada tahun 2015 mulai pada bulan April. Ia di-*zero-rated*-kan pada bulan Jun 2018 dan seterusnya Akta GST ditamatkan mulai September 2018. Apabila kita melaksanakan GST melalui Akta GST, kita juga menubuhkan satu Akaun Amanah iaitu yang dipanggil Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Akaun Amanah ini ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan bagi kita mengendalikan bayaran balik tuntutan bayaran balik GST.

Jawatankuasa ini ditubuhkan mulai 13 Mac 2015 iaitu sebelum kita melaksanakan GST pada bulan April. Ia dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga beliau akan menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai Negara. Daripada pelantikan ini, mesyuarat pertama Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan telah diadakan pada 29 April 2015. Di dalam mesyuarat pertama ini ada dicadangkan bahawa 35 peratus daripada kutipan GST dimasukkan ke dalam kumpulan wang ini untuk tujuan bayaran balik kepada tuntutan bayaran balik GST.

Tuan Pengerusi: Minta maaf Datuk. Ada dicadangkan? Siapa yang mencadangkan Datuk?

Datuk Saat bin Esa: Ini bahagian kastam, JKDM. Perkara ini kemudian dibincangkan dan minta dipertimbangkan. Seterusnya dalam mesyuarat kedua jawatankuasa ini pada 27 Mei, kita mengesahkan— dipersetujui 35 peratus itu diambil dari kutipan GST. Sekiranya diperlukan, boleh ambil lebih daripada itu untuk kita mengendalikan bayaran balik GST.

Seterusnya, mesyuarat mengenai bayaran balik GST ini akan diadakan pada hari yang sama dengan Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Ini adalah— selalunya mesyuarat jawatankuasa kumpulan wang ini diadakan dahulu, kemudian akan diikuti dengan Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Itu sehingga sekarang macam itu. Dengan adanya ini kita ada satu kumpulan wang untuk kita mengendalikan kumpulan bayaran balik tuntutan GST.

Manakala dari segi proses perakaunan, kita tahu mereka yang berdaftar dengan GST ini kena mengemukakan laporan GST-03, ada *forms* yang tertentu yang mana bagi entiti yang pada *period* melaporkan itu, *net*-nya adalah *output tax*.

■1410

Dia hendaklah mengemukakan *output tax* punya *value* itu bersama dengan duit untuk dikemukakan kepada kastam. Bagi entiti yang mempunyai *net input tax* akan menjadi *claims,* tuntutan bayaran balik ke atas GST yang dituntutnya.

Untuk itu dari segi perakaunan, apa yang kami terima adalah— kami maksud saya dekat sini adalah Jabatan Perakaunan, fungsi perakaunan. Pada ketika itu ia adalah wang hasil negara dan kita tahu GST diwujudkan adalah untuk kutip hasil, iaitu dia punya *main focus. Then,* apabila *submissions* entiti ini mengemukakan wang tunai, kami perakaunkannya sebagai hasil GST dan kita perakaunkan.

Hasil GST ini adalah menjadi satu penjenisan hasil di bawah Akaun Hasil Yang Disatukan dan ia selaras dengan Perlembagaan iaitu perkara 97 kerana Akaun Hasil Yang Disatukan adalah sebahagian daripada akaun disatukan di bawah Kumpulan Wang Disatukan.

Jadi kita lihat apa yang kita perakaunkan adalah —kita masukkan ia ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah Akaun Disatukan dan sebagai hasil. Manakala bayaran balik tadi di bawah Kumpulan Akaun Amanah Disatukan iaitu di bawah kategori Akaun Amanah Kerajaan yang kita wujudkan di bawah seksyen 10.

Tuan Pengerusi: Minta maaf Datuk. Itu yang saya hendak cuba *get it clear.* Itu yang dinamakan akaun amanah untuk GST itu, *is that right?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, maknanya masuk Akaun Yang Disatukan. Adakah ia tidak menyalahi apa-apa akta? Memang ia tidak perlu kutipan itu dimasukkan bawah Akaun Amanah GST terus? Ia boleh dimasukkan di bawah Akaun Yang Disatukan *because* tadi Datuk ada maklumkan masuk dalam Akaun Disatukan kemudian pulang balik melalui Akaun Amanah. Jadi adakah ia dibenarkan?

Datuk Saat bin Esa: Kalau kita lihat *spirit* Akta GST. Akta GST mengatakan bahawa hendaklah diwujudkan satu akaun amanah. Akaun amanah itu kita wujudkan tetapi dari segi pengoperasian ada sedikit berbeza dari segi interpretasi dan dari segi amanah dan juga interpretasi sehingga pengoperasian urus niaga GST.

Ini kami sedari apabila prosiding ini di dalam taklimat oleh Audit Negara kerana pada masa itu saya memberi penjelasan bagaimana kami memperakaunkan dan tiba satu keadaan di mana seksyen 7 Akta Acara Kewangan ia bergerak selari bertentangan dengan seksyen 54 Akta GST. Sebab Akta GST kata kena masuk dalam satu kumpulan wang *then* baru masuk hasil.

Akan tetapi seksyen 7 kata semua terimaan hasil kena masuk hasil. Pada masa itu, saya rasa pengerusi GST akan mendapat *advice* daripada AGC dan selepas itu baru saya

dimaklumkan bahawa Akta GST mengatasi keperluan ataupun kuasa yang di-*provide* di bawah Akta Acara Kewangan.

Jadi walau bagaimanapun, pada ketika itu GST sudah tidak ada dan amalan kita adalah amalan yang mengikut tafsiran mulai 2014 tadi. Dari segi perakaunan dua-dua adalah diperakaunkan di bawah *Consolidated Fund,* Kumpulan Wang Disatukan tetapi bayaran balik dikeluarkan dari Kumpulan Wang Amanah Disatukan iaitu Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Manakala hasil kita masukkan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Sebanyak 35 peratus tadi untuk makluman Yang Berhormat dan juga semua ahli Jawatankuasa adalah kita mengambil wang yang telah dimasukkan pada hasil dipindah kepada Kumpulan Wang Amanah tadi. Dari segi polisinya 35 *percent* dan keperluan pemindahan wang ini walaupun 35 peratus dan boleh ditambah mengikut keperluan.

Mengikut *tracking* kita kalau *by year* kita tidak mencapai 35 peratus mengikut tahunan. Sebabnya pengoperasian ini Yang Berhormat kita akan —kalau kita lihat *year by year...*

Dato' Haji Ramli bin Chik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]: Per tahun.

Datuk Saat bin Esa: Mengikut tahun. Kalau mengikut bulan, mengikut hari ada yang lebih dari 35 peratus. Sebabnya selalunya pada awal tahun ini kita ada disiplin yang kuat untuk kekal 35 peratus. Akan tetapi, pada bulan November, Disember kita akan selaraskan perkara ini demi untuk menjaga kadar defisit negara.

Jadi selalunya kalau di lihat mengikut tahun ia tidak mencapai 35 peratus kecuali bagi tahun 2018 kita melebihi 35 peratus. Itu secara kasarnya.

Untuk makluman ahli mesyuarat juga urusan penyelenggaraan rekod amanah ini adalah di bawah sistem yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara dan juga Jabatan Kastam. Sistem kami sediakan iaitu sistem GFMAS atau sekarang ini iGFMAS. Manakala sistem GST di selenggara oleh kastam. Urus niaga-urus niaga mengembalikan atau menyelesaikan tuntutan GST ini dilaksanakan oleh Jabatan Kastam. Kita ada satu pasukan di sana.

Akaun amanah ini mempunyai akaun amanah yang khusus untuknya, akaun amanah bank yang khusus. Jadi kita akan pindahkan hasil ke akaun amanah ini dan Jabatan Akauntan Negara juga akan menyusul keperluan tunainya dan memindahkan tunai secukupnya untuk keperluan bayaran balik tetapi tidak boleh melebihi amaun cukai yang dipindah masuk ke dalam kumpulan wang. Jadi kumpulan wang itu tidak boleh menjadi terlebih bayar. Itu dari segi asasnya.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berbahagia Datuk, soalan. Jadi Datuk kata 35 peratus memang cukuplah, *you are quite discipline,* Betul tidak? Tahun 2015, 2016, 2017. Cuma lari sikit 2018, betul?

Datuk Saat bin Esa: Tahun 2018 itu, sebenarnya kita— macam ini, 2018 ini apabila Pakatan Harapan mengambil kerajaan, ia telah memberi fokus untuk bayaran balik. Jadi pada asalnya dan GST ditamatkan.

Kita tahu bajet pada ketika itu, kalau tidak silap saya asalnya GST lebih kurang RM46 bilion. Akan tetapi kita *revise* kepada RM19 bilion dan kita ada kutip lebih lagi, jadi kita salurkan lebih. Kalau kita lihat penyata kewangan nanti yang 2018, *revised target* untuk hasil GST lebih kurang RM19 bilion tetapi selepas kita selaraskan lebih dari 35 *percent* itu, baki hasil GST masih lagi RM20 bilion. Maksud saya ia *above the revised target.*

Tuan Wong Chen: *So, there is enough money* pada 2018 itu untuk bayar balik?

Datuk Saat bin Esa: Ya, cukup.

Tuan Wong Chen: Cukup?

Tuan Pengerusi: Lagi satu...

Datuk Saat bin Esa: Cukup itu tapi dia tidak boleh menampung semua *outstanding balances,* baki yang masih *outstanding.* Sebab pada masa itu sudah— kalau kita ada hasil dalam GST pada 2018 selepas kita keluar, *out,* RM20 bilion.

Pada ketika itu seperti mana dimaklumkan tadi ada *outstanding* RM19.4 bilion. Kita boleh pindah semua tetapi defisit akan *burst* daripada *target.*

Tuan Wong Kah Woh: *So,* Datuk pindah dari mana?

Datuk Saat bin Esa: Pindah dari hasil itu. Maksud saya tadi dari segi polisi, *practice,* 35 peratus daripada hasil dipindahkan kepada kumpulan wang untuk kita membayar balik tuntutan bayaran balik tuntutan GST, *input tax.*

■1420

Okey, *then* kita pindah. Hanya pindahan itu daripada tahun 2014 sehingga tahun 2017 tidak mencapai. Kalau kita lihat dari tahun ke tahun tidak mencapai 35 peratus. Pada tahun 2018, kita memindahkan lebih daripada 35 peratus iaitu...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tidak mencapai 35 peratus...

Datuk Saat bin Isa: Melebihi, melebihi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *No, no. Before year 2018...*

Datuk Saat bin Isa: Tidak capai 35.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *...It was below 35 percent.*

Datuk Saat bin Isa: Ya saya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Apabila tidak capai itu ia boleh 20 peratus, 11 peratus.

Datuk Saat bin Isa: Oh, okey. Saya ada *detail* dia.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Can you be more...*

Dato' Hj. Ramli bin Chik: 30 lebih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *About that range*-lah.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Dia— saya tambah sikit ya Yang Berhormat, Datuk. Pada masa itu kita praktis tahun 2015. 35 peratus yang di— walaupun kurang sikit itu, kita sudah berjaya untuk memulangkan *claim* daripada itu seperti yang dituntut yang telah diluluskan oleh KDN. Oleh sebab itu, pada masa itu kita kata cukup 35 peratus itu. Ini kerana bila tutup tahun 2015 itu, kita ada baki RM2.2 bilion dalam kumpulan wang itu.

Jadi, berasaskan itu memang cukup. Jumlah 35 peratus walaupun kurang sikit itu, cukup pada masa itu. Ini kerana tuntutan ini ia datang bukan bersekali. Ia datang dan akan ada semakan oleh audit semua.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh bagi jurang tidak? Maksudnya daripada 30 hingga 35 peratus, antara tahun 2015 hingga tahun 2018.

Datuk Saat bin Isa: Boleh Yang Berhormat. Untuk makluman mesyuarat, bagi tahun 2015, kita *transfer* 28 peratus; tahun 2016 sebanyak 31 peratus; tahun 2017 sebanyak 34 peratus; tahun 2018 sebanyak 46 peratus. Bagi tahun 2019, kita belum *transfer* lagi. Tidak, tidak. Walaupun— untuk makluman mesyuarat, walaupun GST sudah ditamatkan tetapi terimaan masih berterusan dan setakat ini kita ada RM561 juta. *[Disampuk]* Ya saya. Ini mana-mana yang lambat itu, kastam pergi kejar juga. Dia kena *submit*. Kita ada lebih kurang setengah bilion.

Tuan Pengerusi: Datuk, begini. Tahun 2015, Datuk tadi *mention* ada 28 peratus, kemudian 31 peratus dan tadi juga dimaklumkan bahawa akan ada mesyuarat GST dahulu kemudian mesyuarat untuk Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai. Jadinya, bila keputusan untuk mengeluarkan berapa jumlah ataupun berapa peratus daripada akaun ini, bagaimana ia dibuat? Adakah ia dibuat dalam mesyuarat berdasarkan permohonan daripada kastam ataupun ia keputusan yang dibuat secara bersama di dalam mesyuarat? Sebab saya juga melihat bahawa pentadbiran kumpulan wang ini, Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah Pengerusi, Akauntan Negara duduk sebagai Timbalan Pengerusi. Jadinya, adakah mesyuarat ini bulanan dan di situlah ditentukan? Sebab *I wonder,* ini berdasarkan kepada apa ini keputusan dibuat. Permohonan daripada kastam kah? *Because— if not, how do you decide* berapa *percent* yang patut dipindahkan? Silakan.

Datuk Saat bin Isa: Okey, dari segi keputusan ia berdasarkan maklumat berapa banyak *outstanding claim* GST yang ada dan berapa banyak kita perlu dan ia akan diimbangi nanti berapa

banyak yang kita mampu hendak ambil dari sana. Sebenarnya setiap mesyuarat, ia *schedule*— dijadualkan memang setiap bulan tetapi mesyuarat tahunan saya rasa tidak boleh kurang dari 10 kali macam itu.

Dalam mesyuarat itu, kastam akan memaklumkan berapa banyak tuntutan dalam tangan dan berapa banyak sumber kewangan yang diperlukan. Itu sebab tadi kita akan memberi sepenuhnya apa juga keperluan itu. Akan tetapi pada hujung tahun kita akan berkira-kira untuk hendak memberi itu. Ini kerana kita— nanti saya *adjust*, kalau *you* minta 10, *I* bagi tiga sahajalah. Ia *something* macam itu sebabnya kita hendak menjaga *deficit rate* ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya soalan lanjutan?

Datuk Saat bin Isa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Dalam pertemuan tersebut kastam akan maklumkan. Maksudnya pemakluman kastam *to your knowledge*, adakah telah melalui verifikasi sistem MyGST? *Or just not...*

Datuk Saat bin Isa: *No*, itu *just* sebut sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Sebutan macam itu sahajalah.

Datuk Saat bin Isa: Ya, sebutan.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Sebutan sahaja, belum verifikasi lagi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *I see,* okey.

Datuk Saat bin Isa: Belum, belum.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Walaupun begitu, kalau kita tengok bila kita ada lebihan— *sorry* Yang Berhormat. Kalau kita ada lebihan, contohnya pada tahun 2017 kita ada buat tambahan pada akhir tahun. Maknanya bukan permohonan secara *monthly* tetapi kita ada lebihan pada tahun 2017 itu kita ada bagi ekstra lebih kurang RM1 bilion. Oleh sebab itu, pada awal tahun 2018 itu kita ada RM1 bilion dalam akaun itu, satu-satu tahun 2018 itu kita ada RM1 bilion. Tidak bermakna kita tidak layan tuntutan daripada kastam.

Cumanya macam Datuk beritahu tadi, kita akan mengimbangi dengan defisit tahunan kita. Jadinya, tuntutan yang dibuat oleh kastam ini belum lagi yang perlu dibayar. Oleh sebab itu bila kita *stop* jadi *zero-rated* itu baru timbul isu RM19.4 bilion tuntutan ini. Belum verifikasi lagi. *That is why* dari segi kita bayaran balik ini tidak ada masalah sebenarnya, untuk kita buat bayaran. Itu *point*-nya.

Cumanya bila kita *stop* sahaja, *zero-rated* sahaja, *then* tuntutan itu yang dilaporkan pada bulan Mei ataupun bulan Jun, awal bulan Jun itu, itulah RM19.4 bilion. Cumanya tuntutan sahaja, belum kita sah lagi tuntutan. Oleh sebab itu, tuntutan sekarang ini kita tengok meningkat. *It is because* ada lagi yang buat tuntutan. Jadi, dari segi bayaran itu tidak ada isu pada saya lah.

Tuan Wong Kah Woh: *So*, maksudnya apabila tuntutan sebanyak— saya ada nampak satu carta yang disediakan oleh pihak kastam. Pada 6 Jun 2018 ada satu jumlah sebanyak RM19.4 bilion telah pun dipohon tetapi dari segi proses pindahan, ia tidak ada proses pindahan, okey. Dato' Haji tadi kata kerana GST *stop, so* tidak mampu bayar ataupun belum bayar?

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Bukan, saya tidak *mention*...

Tuan Wong Kah Woh: *So*, apa maksud Dato' Haji ...

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Maksud saya, tuntutan yang dilaporkan pada masa itu, perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya pun hadir sama, untuk melihat berapa banyak tuntutan. Bukan yang kita perlu bayar. Tuntutan pada tarikh berkenaan RM19.4 bilion. Okey.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Verified*-lah.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: *Yes*. Bukan semua yang kita kena bayar.

Tuan Wong Kah Woh: *So*, okey. Sejumlah RM19.4 bilion *is the amount that is stated in the* GST-03. *I think this one all the members agree.* RM19.4 bilion ada *amount stated* di dalam GST-03. *So*, mungkin dari segi Perbendaharaan, *you will deem that.* Itu bukan satu amaun yang telah pun di-*verified* dan patut dibayar lagi. *So, we concede on that.*

So, soalan saya yang selanjutnya, *at the point of time RM19.4 billion was presented, I mean during the meeting with your minister, do you have that sum of money in your trust account to pay it off or not. Yes or no?*

Datuk Saat bin Isa: Tiada.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak ada?

Datuk Saat bin Isa: Tiada. Akan tetapi...

Dato' Hj. Ramli bin Chik: Saya tambah yang itu. Ini kerana *during January to May,* kita memang sudah ada buat bayaran. Memang sudah ada pun *transfer* yang Datuk *mention* tadi sampai 46 *percent* daripada...

Akan tetapi Dato' Haji, *that is not the RM19.4 billion. I'm now talking about RM19.4 billion. You got to understand.* Saya faham bahawa dari Januari sampai Mei memang AG ada buat pindahan. *So*, daripada rekod yang saya ada yang dibentangkan ke jawatankuasa ini, tahun 2017 bulan Januari yang dipohon RM2 bilion dan yang dipindah RM2 bilion. Bulan Februari juga yang dipohon RM3.5 bilion dan yang dipindah RM2.5 bilion. *So*, seperti yang dinyatakan oleh Datuk Saat tadi yang mana kadang-kadang amaun yang dipohon itu bukan semuanya akan diluluskan. *So*, AG akan tengok *cash flow* dan luluskan seberapa yang ada dalam tangan.

So, this one I think the whole committee understand. So, tahun 2018 pun sama. Bulan Februari hingga bulan Mac ada dua kali permohonan. Bulan Februari RM5 bilion yang *transfer*

RM2.3 bilion. Bulan Mac RM8.2 bilion yang *transfer* RM3.5 bilion. *So*, masa Jun ada satu amaun *come in* RM19.4 bilion, *that is under GST-03.*

■1430

Tuan Wong Kah Woh: *I am not going to argue with you all here whether this amount of money is verified or not verified. So, it is not going to be argued here. We will do our conclusion later.* Akan tetapi masalahnya, *as I said when that* RM19.4 *billion was presented to you during your meeting with your minister,* Datuk Saat *has confirmed that the trust account would not have that sum of money to pay. So, that is right. So, that is the answer I want, okay?*

Datuk Saat bin Esa: Yang itu memang tiada Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: *So, I understand* berbulan-bulan sebelum itu memang ada yang minta, ada yang *transfer.*

Datuk Saat bin Esa: Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat di dalam akaun hasil itu, pada ketika itu, sebab *closing of the year* akaun hasil GST ada RM20 bilion. Maksudnya kalau kita hendak ambil semua sekali, *more than* 35 *percent we can* tapi...

Tuan Wong Kah Woh: *We can. But* Datuk Saat, *I need to ask you another question. Is that RM20 billion has already been budgeted for—in the budget for the government's use. That RM20 billion. You see, that is the difference. So, if that RM20 billion or RM18 billion has been budgeted, you cannot be using that money to actually pay back the* RM19.4 *billion.*

Datuk Saat bin Esa: Okey, sekejap. Dari segi spirit amanah—okey. Tadi macam Yang Berhormat Tuan Pengerusi tanya, sepatutnya amanah itu kena masuk—GST masuk amanah dahulu. Akan tetapi dari segi model ini, dia masuk hasil. *Then* 35 *percent* ambil daripada hasil *is not budgeted. Actually, we transferred the* hasil *into* amanah. *Therefore*, hendak gunakan *RM20 billion* itu, *not required budget.*

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry, let me just clarify.* Datuk Saat kata *at the end of* 2017, *you all have* RM20 *billion* hasil, *I mean the remaining from the* GST *collection. So, my question is that* RM20 *billion, is it budgeted for 2018 or 2019 budget? So*, maksudnya sama ada RM20 bilion itu boleh digunakan untuk pembayaran balik ataupun RM20 bilion itu sememangnya telah pun dibajetkan untuk tujuan-tujuan perbelanjaan negara yang merupakan *part of the* hasil. *Bear in mind, every year*, GST *gross income is around—how much* RM66 *billion, is it? Every year, gross.*

Datuk Saat bin Esa: *Around that.*

Tuan Wong Kah Woh: So RM66 *billion. So, in* 2018, *if not mistaken, your budget provided that the income—the* hasil *from* GST *is* RM44 *billion. Meaning that the* RM22 *billion was actually deducted for the* GST *refund. So that is how the things work. My question to you now...*

Datuk Saat bin Esa: *No*, Yang Berhormat. Sebenarnya *original budget* RM46 *billion.*

Tuan Wong Kah Woh: RM46 *billion is the net* GST *income.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, tapi...

Tuan Wong Kah Woh: *So, the gross collection is around* RM66 *billion or* RM67 *billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, tapi *we revised the target revenue.* 2018 kepada *RM19 billion, because of...*

Tuan Wong Kah Woh: *So, instead of* RM46 *billion, it becomes* RM19 *billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *Because of the* GST *become zero rated in June.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, if that* RM19 *billion is your net income, your gross collection must be more,* bukan?

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *If you are telling me you can use your* RM20 *billion, leftover from* 2017 *to actually pay off the* RM19.4 *billion, I think that is not accurate.*

Datuk Saat bin Esa: *Actually* Yang Berhormat, dekat sini—a *matter of priority. You see, priority.* Dari segi *target* itu, sebenarnya kita sudah ada kepenggunaan hasil itu melalui belanjawan-belanjawan yang kita luluskan. Perancangan belanjawan. Jadi dekat sini, dari segi hendak pindah, *technically* kita boleh pindah kepada Kumpulan Wang. Hanya akaun akan berakhir dengan defisit yang besar. Sebab bajet yang diluluskan sudah dilaksanakan, tetapi wang untuk menampung itu tiada. Jadi Akaun Hasil Disatukan akan menyumbangkan defisit yang besar. Jadi kenapa kita tidak pindahkan untuk menampung kumpulan wang itu, kerana kita hendak menjaga defisit *rather than* kita menjaga bayaran balik GST itu. Dari segi boleh, kita boleh.

Tuan Wong Kah Woh: *I understand. I go back a bit* Datuk Saat. *In your* mukadimah *you did say that spirit* Akta GST adalah berbeza dengan pengoperasian. *I mean,* pengoperasian yang diamalkan pada sebelum ini adalah berbeza dengan spirit Akta GST kerana Akta GST, *section* 54 *says all money must go into the trust account.* Akan tetapi secara operasinya, jawatankuasa telah membuat keputusan untuk hanya memindahkan 35 peratus sahaja.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, in other words like what you said before, that does not consonant with the actual spirit of* GST *Act. So, will you be agreeing with me?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, *thanks.*

Tuan Wong Chen: Okey. Saya ada soalan ya Datuk. Saya rasa kita boleh *clear* isu ini dengan senang kalau kita lihat pada keseluruhannya. *Starting 1st April 2015* sampai *1st June*

2018. *During the entire period, how much was the gross collection. Total gross and at* 35 *percent—if you keep* 35 *percent as a rate for returning the* GST, *is it sufficient to cover? I mean you know—I think one of the reasons why we keep on asking about this* 35 *percent, is whether that* 35 *percent was sufficient or not. So, it is very hard for us to do the analysis. Because we started in 1st* April *then suddenly ended when* Pakatan Harapan *took over. So, let's look at the totality of the whole experience of the* GST. *There is a total rebate amount to* 35 *percent. So, the first number I need is the total tax collected from* GST (*gross*).

Datuk Saat bin Esa: Okey Yang Berhormat. Bagi tempoh sehingga Mei—sehingga semalamlah.

Tuan Wong Chen: *Oh you are still collecting*? Okey, okey. *Please.*

Datuk Saat bin Esa: Sehingga semalam...

Tuan Wong Chen: Okey, *total.* Betul.

Datuk Saat bin Esa: *The amount collected is RM200 billion.*

Tuan Wong Chen: *RM200 billion?*

Datuk Saat bin Esa: *The exact number is* RM200.7098 *billion.*

Tuan Wong Chen: Okey. *Now, total rebate that you* sudah—*during that period* lah.

Datuk Saat bin Esa: *Total rebate* yang kita masukkan kepada Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM68.18761 bilion.

Tuan Wong Chen: Okey *so what you do is you take* RM68 *billion divided by...*

Datuk Saat bin Esa: Yang ini Yang Berhormat, saya ingin maklumkan. Semasa penubuhan akta ini, kerajaan juga menyumbang dari amanah. Pada mula-mula sekali. Masa dia tubuh sahaja...

Tuan Wong Chen: Oh, *seed money is it.*

Datuk Saat bin Esa: Ya. RM80 juta.

Tuan Wong Chen: Itu berapa?

Datuk Saat bin Esa: RM80 juta.

Tuan Wong Chen: *Oh that is a small amount*-lah. RM 80 juta. Okey. Jadi kalau saya kira, kalau saya ambil RM68 bilion *divided by* RM200 bilion, *it is 34 percent. So, it covers* lah *your 35 percent— is it correct?*

Datuk Saat bin Esa: *More or less cover* lah. Akan tetapi, *outstanding* yang besar ini kerana kita ada *zero-rated*, kita *stop* itu...

Tuan Wong Chen: Betullah.

Datuk Saat bin Esa: ...Ini kerana, barang yang dalam ekonomi tidak sampai kepada *end point*-nya, *taxpayers; users.* Mereka adalah *net input tax.* Kalau tidak nanti bila dia sampai *end*

user, kita dapat output. Jadi dia akan *recover* balik. Akan tetapi bila kita *stop* macam itu, *by* Mei itu, kita sudah tidak ada GST dan kita *collect* apa yang dicaj pada itu. Akan tetapi semua barang yang belum sampai ke tangan *end user (taxpayer),* mereka akan *claim* balik GST. Sebab itu amaun ini akan meningkat begitu besar, sebab itulah yang menyebabkan, tetapi selepas itu amaun ini walaupun berubah tidaklah lari banyak sangat. Dia lari dalam RM10 bilion sahaja macam itu. Ini kerana *it keeps on coming.*

Tuan Pengerusi: Okey Datuk, bermaksud selepas sahaja *zero rated*, maknanya banyak lagi syarikat yang mengemukakan permohonanlah? Maknanya ia tidak terhenti setakat waktu itu.

Datuk Saat bin Esa: Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Jun, dia tidak ada *net output*-lah. Mereka akan *check stock* pada masa itu, semua sekali akan hantar *claim* sahajalah.

■1440

Itu jadi dan datang balik sampailah 19 pada tarikh yang dilaporkan itu. Benda ini kita tidak bajet, tadi nak jawab Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tu, kalau kita *fulfill refund, our planning* rosaklah *because* defisit akan menjadi lebih teruk. Itu keadaannya.

Tuan Pengerusi: *Expected.*

Tuan Wong Chen: *That is why— sorry* ya *let me just finish.* Bagi kita, kita nak lihat sama ada *Accountant General* dan juga kerajaan yang lalu mengamalkan sistem yang 35 peratus ini cukup atau tidak. *Is it adequate or not? That is the main point.*

Datuk Saat bin Esa: Okey.

Tuan Wong Chen: *So, by the numbers that you've given, I have to concede*-lah lebih kurang itu.

Datuk Saat bin Esa: Okey, untuk makluman Yang Berhormat, semasa kertas cadangan pertama itu dibentangkan, mereka membuat kajian mengikut amalan-amalan di dunia dan memang *range* ini *acceptable range this around 30 to 40. Then* untuk Malaysia *they adopt 35 percent.* Walaupun dalam *35 percent*, mereka membenarkan dari segi polisi, keputusan pada ketika itu jika perlu lebih, ia akan boleh ambil lebih. *Unless* ia tidak *upset the big picture, big picture is deficit.*

Tuan Wong Chen: *So, you collected RM200 billion, you have rebated up to today RM68 billion, right?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Chen: *So, there is potentially* kalau semua *claim* itu *approve, another RM19 billion that is due for payment.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Chen: *If we add that RM19 billion to that RM68 billion that you are already debated,* katakan kita bagi semua, *all clear. It's due within that range of 36 to 37 percent. I would imagine*-lah, betul tak? *Therefore, the GST experience, the history of GST was actually quite well managed by your projection 35 to 40 percent or 32 to 40 percent*-lah.

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry, can I just correct a little bit? If we add on RM68 billion with like the figure of RM18 or RM19 billion extra, that will come up to like RM68 billion plus RM19 billion is RM87 billion. RM87 billion out of the RM200 billion, it amounts to 43.5 percent. It is not 36 or 37 percent.*

Tuan Wong Chen: *Off by three percent, they are off by three percent. But, that assuming that every RM19.4 billion is due for payment.*

Datuk Saat bin Esa: *Without intercept the continuity of GST, it could be survived.* Dia boleh *survive.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Can I know just to ask a follow up? You said it was zero-rated that skewed the calculation because before this it was still within the range of 30 to 40 percent, benchmark to global practice and operations.* Jadi bila *zero-rated* itu, *is that linked to the RM19 billion or the RM19 billion was previous.*

Tuan Wong Kah Woh: *The accumulated period.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Accumulated period.*

Datuk Saat bin Esa: *Accumulated.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So accumulated previously*-lah.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Meaning that at the end of day is the figure that* Yang Berhormat Ipoh Timur *mentioned.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So the RM19.4 billion was actually accumulated before GST system has got zero-rated.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *Yes, because I see the claim was sometime on the 6th of June. So, I'm pretty sure that this RM19.4 billion was before. So, if we want to get a conclusion from what was the analogy put up by* Yang Berhormat Subang, *I think we should if AG can give us a figure as to your collection of GST until 1st of June and the total rebate and total GST-03 submitted at that point of time so then we can see whether the figure will hit like 34 to 35 percent or more like 43 to 45 percent. So, use that as the cut-off point, 1st of June.*

Datuk Saat bin Esa: *Just now, 1st of June of?*

Tuan Wong Kah Woh: *1st of June 2018.*

Datuk Saat bin Esa: 2018?

Tuan Wong Kah Woh: Ya, *where it got zero-rated. The total collection up to that point and the total GST-03 submitted up to that point.*

Datuk Saat bin Esa: Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So this one is prior to tax holiday.*

Tuan Wong Kah Woh: *Prior to tax holiday. So, because* Yang Berhormat Datuk, *just now with due respect you have seemed like given us an impression whereby it is because everything has turned zero-rated, there is no output tax… [Disampuk] There is no more output tax and that's why things have been piling up at the very large scale. So, I don't think that is accurate.*

Datuk Saat bin Esa: Hanya untuk makluman mesyuarat, *amount collected* saya boleh *confirm*, boleh dapat berikan berdasarkan rekod yang ada di Jabatan Akauntan Negara. Akan tetapi amaun GST-03 *claims*, ia adalah di dalam sistem Jabatan Kastam, sistem GST. Yang ini saya akan mohon dari dia untuk tujuan pelaporan kepada PAC kemudian.

Tuan Pengerusi: Setakat 1 Jun.

Datuk Saat bin Esa: *Basically* sebelum *exercise zero-rated. Zero-rated is active at 1st June, then* dia nak *closing figure 31st May.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ada satu soalan. Tuan Pengerusi, sekarang KSP adalah pegawai pengawal, jadi pegawai pengawal kepada semua kedudukan kewangan negara. Apa sebenarnya fungsi *Accountant General* dalam keadaan ini?

Datuk Saat bin Esa: Okey, antara fungsi Jabatan Akauntan Negara atau *Accountant General* di dalam *delegation act* itu adalah menyelenggara rekod perakaunan, menyediakan sistem perakaunan dan menyediakan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan. Dari segi fungsi, Jabatan Akauntan Negara bagi untuk Persekutuan, ia menguruskan segala urusan tunai. Maksud saya di sini, Kerajaan Persekutuan Malaysia mengamalkan *centralised cash management* dan semua *cash management* itu buku tunainya dikendalikan melalui sistem yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *All expenses are actually been budgeted for?* Kalau tahun 2018 dah dibajet *on 2018. This is basing on your collection based by— revenue. Now what really happen, from 1st June to August, tax holiday, no collection, there is no collection.* Apa masalah yang kita hadapi sekarang?

Datuk Saat bin Esa: Masalahnya kita ada *short fall* dari *revenue* dan sebenarnya MOF telah mengambil tindakan *prudent* dengan mengeluarkan sekatan. Kalau kita tengok 2018, dia juga melaksanakan sekatan. Ini semata-mata untuk— kita tidak mampu dalam keadaan defisit

yang besar. Kita ada *target* dan kita *have to meet the target.* Memang kita ada buat sekatan, sekatan bajet. Maksud saya, kalau Parlimen pada ketika itu dah luluskan RM262 bilion, kami pegawai pengawal akan beri sekatan berapa bilion kalau mengurus. Begitu juga untuk pembangunan, ia akan disekat tetapi nanti dalam penyata kewangan bila kita tengok ada bajet asal, bajet disemak. Disemak itu adalah sekatan sebenarnya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Selepas *1st June, GST was abolished, there is a short fall.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Apakah kejadian yang berlaku selepas itu?

Datuk Saat bin Esa: Itulah, membuat sekatan supaya kita kena selaraskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bukan sekatan Yang Berhormat Datuk Sekarang *you need to spend what it was budgeted for. Number one is* gaji, *number two is* pencen.

Datuk Saat bin Esa: Oh sekatan itu Yang Berhormat, mereka lakukan dengan sangat berhati-hati. Mana yang wajib itu, gaji kita tidak pernah sekatlah tetapi *come back to the priority planning.* Mana yang lambat lagi nak belanja dan sebagainya, *not priority* dia akan sekat dan sekatan itu tidak memberi *authority* untuk berbelanjalah walaupun Parlimen telah meluluskan belanjawannya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya *follow up question* Datuk Saat. Saya tidak pasti tetapi nak tanya. Dari segi bajet yang disemak, yang dikawal, adakah ia juga terpakai kepada penggunaan dana PETRONAS contohnya ataupun hanya terhad kepada belanjawan negara. Maksudnya kalau Kementerian Kewangan membuat keputusan, *is it beyond your purview?* Minta klarifikasi.

Datuk Saat bin Esa: Okey. Sebenarnya maklumat yang kita simpan iaitu adalah asas untuk MOF menggunakan bagi membuat keputusan dari segi *actual* yang kita dah belanja dan kawalan. *On top of that,* ia ada amaun yang *incoming*, macam contohnya PETRONAS adalah *resources*, maksud saya sumber yang akan menyumbang kepada pembiayaan ataupun keperluan dana untuk membiayai perbelanjaan.

■1450

Jadi pelarasan-pelarasan ini akan dilakukan oleh MOF untuk kita nak merancang sama ada kita nak sekat atau nak tambah. Kalau kita hendak tambah, kita hendak tahu sumbernya dah ada ataupun tidak ada.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So, technically* boleh sekatlah. Jabatan Akauntan Negara boleh sekat penggunaan dana PETRONAS?

Datuk Saat bin Esa: Oh, tidak boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Hanya boleh menyekat dari segi penggunaan belanjawan sahaja?

Datuk Saat bin Esa: *Actually,* Jabatan Akauntan Negara hanya bertanggungjawab kepada urusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan sahaja.

Tuan Pengerusi: Datuk, jadinya yang Petronas punya itu masuk Akaun Hasil Disatukan kah?

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Tuan Pengerusi: Masuk Akaun Hasil Disatukan.

Datuk Saat bin Esa: PETRONAS akan memberi dalam bentuk levi dan juga dividen.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau misalannya *income tax* ia masuk mana?

Datuk Saat bin Esa: Hasil.

Tuan Pengerusi: Hasil juga.

Datuk Saat bin Esa: Kalau kita terlihat...

Tuan Pengerusi: *Refund*, kalau *refund*?

Datuk Saat bin Esa: *Refund*, di dalam Akta Cukai Pendapatan juga ada seksyen yang berkaitan dengan *refund*, seksyen 111, kalau tidak silap saya. Seksyen 111B kalau tidak silap sayalah. Dia menubuhkan juga akaun amanah, Tabung Bayaran Balik Cukai yang ditubuhkan bawah seksyen 10. Pengoperasian sama macam GST yang saya *explain* dulu walaupun – tetapi yang ini selaras dengan akta sebab dia memang membenarkan. Itulah ia ada pelik di situ.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya pendapat? Susulan, pendapat Datuk selaku Akauntan Negara Malaysia. Jadi fokus Datuk adalah untuk mengawal bajet negara supaya jangan tambah defisit kita.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi apakah pendapat Datuk, adakah ini memberikan justifikasi penggunaan dana petroleum, dana Petronas selagi defisit kita terkawal? *Just to ask your opinion on this matter.*

Datuk Saat bin Esa: Sebenarnya saya mengawal keputusan yang diputuskan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya?

[Ahli-ahli ketawa]

Datuk Saat bin Esa: Ia macam ini. Saya mengawal— saya bukan— sebab ia macam ini. Hendak menentukan hala tuju itu adalah *committee* sehinggalah ke Parlimen. *We have to proposed then* sampai ke Parlimen. *Whatever you had decided then I had to control.* Kalau kita

tengok dari segi pengoperasian, *you* cakaplah suruh saya bayar berapa, 10 sen pun kalau tidak ada *warrant* kita tidak bayar. Itu sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *You also said that you have no control over the usage of Petronas money that was given to the Government?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya walaupun jawatankuasa membuat keputusan, di sini tumpuannya atau *aulawiyat*-nya adalah untuk memastikan defisit terkawal.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi, kalau jawatankuasa mengatakan mereka lulus penggunaan Petronas, *it is out of your hands?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *You don't have any objection to it?*

Datuk Saat bin Esa: Tidak. Oleh sebab itu sudah *policy maker.*

Tuan Wong Chen: *Because we approved in* Parlimen. *I mean the budget is stable prepared by the MOF and the Cabinet, we approved and then you have to make sure that you have to* jaga, *that we comply with it as according to...*

Datuk Saat bin Esa: Ya, *I am just like a policeman.*

Tuan Wong Chen: *Policeman*-lah betul.

Datuk Saat bin Esa: Kalau *you not mandate me a law then I* tidak boleh sentuhlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lagi satu Datuk. Yang RM19.4 bilion tadi yang patut dipulangkan kembali, *was supposed to be in the system?*

Datuk Saat bin Esa: *It is in the system.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *It is in the system?*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *And it has been used for other expenses?*

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *That means the money is not lost?*

Datuk Saat bin Esa: *Yes.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Okey, *number two. Number one* tadi bagus Datuk. Nombor dua itu, baru-baru ini kita telah meluluskan bajet tambahan RM19 bilion juga. Adakah Datuk sedar bahawa kita telah melanggar kita punya *budget convention where it was being practiced all the years that* perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi daripada pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Setakat pengetahuan saya apabila saya menyediakan akaun Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018, Akaun Hasil Disatukan tidak di dalam keadaan defisit. Masih lagi di dalam keadaan surplus tetapi surplus yang kecil RM1 bilion lebih sahaja. Surplus itu kita pindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. *But now I think the account is in the process of auditing.*

Bajet tambahan itu tidak menyebabkan Akaun Hasil Disatukan dalam keadaan defisit. Bajet tambahan itu adalah diperlukan kerana ada keputusan-keputusan di bawah keputusan Menteri yang meluluskan perbelanjaan sebab perbelanjaan ini perlu disegerakan dan diluluskan oleh Menteri tetapi mesti di-*endorse* oleh— mesti dibentangkan balik di bawah Parlimen. Sebagai contoh kita ada Kumpulan Wang Luar Jangka dan macam-macam lagi itu, kalau kita lihat nanti keperluan luar jangka itu hendaklah ditutup balik, di liput balik melalui bajet tambahan yang akan dibentangkan dalam bajet tambahan. Ini diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya cakap betul Datuk, oleh sebab kita tengok kita punya Bajet 2018, *current account balance* ada RM1 bilion sahaja, *current account balance*. Maknanya, perbelanjaan mengurus yang pendapatan kita lebih sikit RM1 bilion. Akan tetapi sekarang dimohon RM4 bilion. Apabila RM4 bilion, maknanya kita telah mengguna defisit terlebih RM3 bilion. Maknanya ini kita telah melanggar bajet *accumulation.*

Datuk Saat bin Esa: *Actually* tambahan itu Yang Berhormat adalah perbelanjaan yang telah diambil kira menunjukkan baki RM1 bilion tadi. Akan tetapi kita hendak kena *follow the law* apa juga yang melebihi apa yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan kita kena bawa balik ke Dewan. Itu MOF punya...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Supplementary budget.*

Datuk Saat bin Esa: Ya, saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi ini boleh jadi Datuk, *supplementary budget out of RM19 billion RM4 billion is meant for* mengurus?

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: RM15 bilion untuk pembangunan?

Datuk Saat bin Esa: Hanya dalam perbelanjaan itu sebenarnya kita sudah belanjakan tetapi bajetnya belum mendapat kelulusan Parlimen. Itu yang kita bawa. Kita bawa itu selepas ia *confirm*, kita tutup akaun *then* baru dibawa ke Dewan sebagai *supplementary*. Kalau tidak pegawai pengawal akan menjadi satu kesalahan kerana berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini terjadi Datuk. Ini terjadi.

Datuk Saat bin Esa: Ya, memang jadi setiap tahun.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk bersetuju atau tidak dengan pendapat saya bahawa defisit ini kalau disebabkan kita membatalkan GST, *zero-rated* selain *tax holiday* selama tiga bulan yang telah menyebabkan perbelanjaan kita sekarang berkurangan.

Datuk Saat bin Esa: Ia tidak ada hubungan kait yang terus, ya. Akan tetapi selalunya ianya adalah keperluan yang mendesak menyebabkan bajet tambahan ini. Bajet tambahan ini selalunya keperluan yang mendesak. *Then*, ia menggunakan kuasa Menteri untuk membenarkan dulu berbelanja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now, we have already gone against the budget convention?*

Datuk Saat bin Esa: Saya tidak pasti dari segi *practice. But by the law, it is allowed,* dibenarkan oleh undang-undang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau *in the past* ini Datuk?

Datuk Saat bin Esa: Memang ini benar. Memang setiap tahun ada *supplement.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Maaf saya kata, pada setiap tahun tidak pernah berlaku...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Every year...*

Datuk Saat bin Esa: *Every year...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bahawa perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi pendapatan?

Datuk Saat bin Esa: Itu konsepnya. Akan tetapi— saya ambil contoh kalau kita ada *income* 10 kita belanja 10. Akan tetapi kalau kita ada *income* 11, kita boleh belanja 11. Benda itu kita boleh buat tambahan, itu tambahan biasa. Akan tetapi *supplement* selepas *closed account* ini dalam 10 dulu kita sudah *priority*-kan ABC tetapi kali ini D *more urgent* nak kena buat. Apa yang kerajaan buat, selalunya dia akan sekat A atau B atau C itu *then they allow D to come in.* Dari segi *technical* undang-undang D tidak pernah *table to* Parlimen. Bukan *table*, Menteri sahaja yang sahkan *because* ini *urgent. Then*, kita kena bawa balik ke Parlimen. *But total expenditure still 10.* Ia macam itu, dia punya analoginya kalau dapat saya bantu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Eventually need to be pass in the* Parlimen.

Datuk Saat bin Esa: *Yes. That is why we bring for supplementary budget.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi ini dah luluskah ini?

Datuk Saat bin Esa: Ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini dah luluskan?

Datuk Saat bin Esa: Ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bajet tambahan. Akan tetapi bajet tambahan akan berbunyi kita berbelanja mengurus melebihi pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Tidak, tidak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini yang kita mohon. Hari itu kita ada *current account balance* RM1 bilion.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now we are asking for RM4 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Untuk makluman Yang Berhormat jangan terkeliru. Apa yang kita tambahkan ini bukan untuk membenarkan kita berbelanja lagi. Ini kita hendak menutup apa yang telah kita belanjakan. Tadi RM1 bilion itu *remain* RM1 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi, kita telah pun *overspend?*

Datuk Saat bin Esa: *No.* Oleh sebab tadi ia ada *adjustment.* Nanti yang itu *technical* ia ada sekatan, ia ada tambahan. Ia ada sekatan, ia ada tambahan.

Dato' Hj. Ramli bin Chik: *Within the budget.*

■1500

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Yeah of course we are talking within budget but the thing is what you are asking for an additional expenditure of RM4 billion.*

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: RM4 bilion. *You have current account balance is only one but shortfall of three, you now.*

Datuk Saat bin Esa: Dalam *current account* itu *balance one* itu telah mengambil perbelanjaan yang kita mohon *supplementary budget* tadi Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Net,* Datuk.

Datuk Saat bin Esa: Ya, sebab benda itu— ini masalah perundangan, peraturan sebab benda itu belum lagi diluluskan oleh Parlimen. Kita kena bawa balik ke Dewan untuk diluluskan.

Akan tetapi 2018 telah berlalu, kita tidak boleh sudah belanja lagi. Sebenarnya, belanja itu sudah dilakukan pada 2018.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi bagi saya Datuk *this is just the matter of discussion.* Bagi saya peruntukan bajet tambahan adalah perbelanjaan yang telah dibuat, yang telah dibuat.

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sekarang kita hendak minta kelulusan tetapi belanja sudah buat. Fasal *you cannot stop from paying* gaji, *you cannot stop paying their allowance.* Kena bayar.

Jadi maknanya sekarang kita dapati bahawa perbelanjaan mengurus kita telah melebihi pendapatan.

Datuk Saat bin Esa: Akan tetapi Yang Berhormat, apa yang diluluskan asal tidak semestinya dibelanjakan dan kerajaan juga mempraktikkan sekatan tadi untuk hendak *replace* yang lebih *urgent.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya hendak kembali pada GST tadi. Tadi Datuk Saat ada sebutkan, berlaku konflik apabila kita dapati ada sejumlah wang yang mereka hendak *refund.* Kemudian waktu yang sama kita menghadapi takut defisit bajet sebab kalau kita bayar semua— *sorry.* Kita bayar semua, nanti akan berlaku— defisit bajet akan meningkat. Jadi keutamaan kerajaan adalah untuk mengelakkan defisit tadi. Ini sebab kalau defisit tadi nanti nampak tidak cantik dan sebagainya. Sedangkan tuntutan orang ramai terhadap apa yang telah bayar itu juga adalah merupakan satu keutamaan.

Penyelesaiannya yang saya lihat dalam Parlimen ketika kami berbahas, ada salah seorang daripada Ahli Parlimen, mantan Menteri mengatakan bahawa perkara itu boleh dilakukan dengan adanya *future tax.* Maksudnya kalau GST itu tidak dibatalkan, pembayaran-pembayaran yang akan datang masuk itu boleh digunakan untuk menampung *refunds* bererti tutup lubang yang lepaslah.

So, apa pandangan Datuk dalam keadaan seperti itu?

Datuk Saat bin Esa: Okey, pertama saya hendak jelaskan. Sebenarnya kita kawal defisit itu kerana *gap deficit* itu memerlukan pinjaman untuk kita tutupnya. Itu sebab kita sensitif dekat defisit itu sebab kalau *three percent* kita kena meminjam *three percent* dahulu dari segi amaun.

Kedua Yang Berhormat, sebenarnya itu yang diamalkan oleh kerajaan sekarang sebab pada tahun kewangan 2019, Dewan telah meluluskan bajet— *budget meaning they charge to vote.* Kita sudah tidak ada GST walaupun tadi ada kutipan yang terpencil itu, kita ada. Sekarang ini ada lebih kurang setengah bilion, RM570 juta macam itu.

Akan tetapi bagi tahun 2019 kerajaan telah bajetkan di bawah BOT B.12 kalau tidak silap saya, sebanyak RM19 bilion untuk kita masukkan kepada Kumpulan Wang Amanah ini dan bayar balik GST yang *outstanding.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Maaf, ini yang diambil daripada PETRONAS punya ataupun memang bajet yang asal?

Datuk Saat bin Esa: Saya tidak boleh *dictate.* Sebenarnya semua sekali masuk *full* lepas itu bayar. Ia tidak ada *tagging one-to-one* Yang Berhormat. Maksud saya dekat sini termasuklah *income tax…*

Tuan Wong Chen: *No,* isu dia *is special dividend. That's why it's unusual. Of course, it went inside there.*

Datuk Saat bin Esa: *Special dividend is one of the resources.*

Tuan Wong Chen: Betullah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Datuk, kenapa *special dividend* itu bukan RM19 bilion tetapi RM30 bilion atau berapa macam itu?

Dato' Hj. Ramli bin Chik: *Income tax.*

Tuan Wong Kah Woh: *Income tax* sekali.

Tuan Pengerusi: Kita tidak *check* lagi.

Tuan Wong Chen: Itu belum *check* lagi.

Tuan Wong Kah Woh: *Still rise.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Sebelum belum. Tidak, teruskan Datuk minta maaf.

Datuk Saat bin Esa: Ia ada sebab itu sebab GST pun *as we know original in year 2018 we forecast 46 then we revised to 19. That's the outlook for year 2019* tetapi dari segi *expenditure* kita tidak kurang banyak mana pun. *Then, the financing part* kita kena lihatlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk, defisit untuk tahun 2018 baru diumumkan itu hari 3.7?

Datuk Saat bin Esa: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Now with the RM19 billion* yang bajet tambahan. berapakah sebenarnya defisit kita akan meningkat?

Datuk Saat bin Esa: *[Bertanya kepada pegawai di sebelah] Actually, around half percent* sahaja Yang Berhormat sebab kita punya GDP RM1.439 trilion. *Therefore,* RM19 bilion itu macam syiling sahajalah. *[Ketawa]* Ya, ia macam itulah. Dia tidak bagi impak yang banyak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *The money that you have taken from PETRONAS should be able to close whatever shortfall, isn't?* Bukan begitu?

Datuk Saat bin Esa: Bukan dari segi konsepnya, kita ada perancangan untuk pembangunan negara dan pengurusan negara, dan mereka juga merancang bagaimana sumber *funding.*

Jadi dari segi itu, dia cubalah mencari sumber kewangan macam pengenalan cukai pelepasan dan sebagainya itu adalah— hendak mencari sumberlah untuk memenuhi keperluan. Akan tetapi hendak *tagging one-to-one* tidak bolehlah. Nanti kalau tidak ada cukai pelancongan— hendak pergi ke cukai pelancongan. Kalau macam itu cukai pendapatan MOF punya semualah nanti.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Datuk, *to be fair.* Disebut dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan, *the PETRONAS special dividend.* Jadi bukanlah kita tidak faham dia campur, dia satukan. Akan tetapi *it was specifically mentioned that this* dana akan diguna pakai *you know proceed as supposed to be used for the future generation specifically to pay back the GST claims.*

Jadi yang kami bawakan ini bukan sekadar kami hendak *expect* Ketua Akauntan Negara untuk *tag,* hanya ia disebut dalam belanjawan oleh Menteri Kewangan.

Datuk Saat bin Esa: Mungkin betul Yang Berhormat dari segi perancangan memang ia sudah dibajetkan RM19 bilion. Akan tetapi masa perancangan dia tahu *funding* dari sini dia hendak *allocate* di sini.

Tuan Pengerusi: *Okay, anymore question?* Kalau tidak ada apa-apa...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Cuma saya hendak kemaskan kefahaman saya keseluruhannya sebab sudah 10 kali kita bertemu. *[Ketawa]* Saya suka berterus terang. Maknanya Yang Berhormat Menteri menyebut fasal rompakan perkataan itu dan kami pun— yalah perkataan 'rompak' itu satu perkataan yang mungkin kurang tepatlah. *[Disampuk]*

Akan tetapi tidak berlaku duit itu disalahgunakan. Duit itu telah dibelanjakan oleh kerajaan dan mungkin kalau boleh saya mengatakan bahawa kerajaan telah menggunakan duit GST yang sepatutnya *prepare* untuk *refund,* telah gunakan sehinggalah duit itu tidak ada. Kalau kita gunakan duit yang lain bererti akan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bukan tidak ada, kurang.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kurang ya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Maknanya kurang dan terpaksa— akan menyebabkan defisit nanti.

Jadi akhirnya untuk tahun 2019 kita telah terpaksa menambah untuk menampung apa yang berlaku. *So,* tidak ada— sebagai pegawai-pegawai kerajaan tidak ada penyalahgunaan duit. Cuma duit itu telah digunakan untuk urusan-urusan negara yang lain.

Adakah kalau saya simpulkan begitu, setuju?

Datuk Saat bin Esa: Setuju Yang Berhormat. Akan tetapi dari segi rompakan itu saya rasa ada laporan polis dan polis pun menyiasat dan benda rompakan itu *very technical. We leave it to the expert to comment.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kehilangan kewangan itu tidak ada, kan?

Datuk Saat bin Esa: Setakat ini, saya sahkan tiada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Datuk bukan sekadar *report police. Report police* itu biasa sahaja. Akan tetapi *that kind of money, the amount of money that was missing, 'the missing' you should have a public inquiry. A public inquiry…*

Tuan Wong Chen: *This is the inquiry.*

[Ketawa]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *This is inquiry, because you see because the comment—* perkataan itu telah disebut. *Maybe he was emotional but after sometime, of course as minister now you are being adviced by your officer. Officer* mesti bagi tahu. Sepatutnya diperbetulkan perkataan itu semula.

Datuk Saat bin Esa: Terpulanglah kepada Menteri.

Tuan Pengerusi: Okey, kita akhiri prosiding kita. Terima kasih banyak kepada Yang Berbahagia Datuk dan juga Dato' Ramli juga dan Encik Rusdi di atas kehadiran pada petang ini. *We really appreciate and your cooperation is highly appreciated. Thank you very much.*

Datuk Saat bin Esa: Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.10 petang]

INDEKS DOKUMEN PEMBENTANGAN

INDEKS DOKUMEN PEMBENTANGAN

BIL	PERKARA
1	**TAKLIMAT PENGURUSAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN** - Jabatan Audit Negara Malaysia
2	**TAKLIMAT TUNTUTAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3	**PEMERHATIAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN KHAS BAYARAN BALIK GST DI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** - Unit Audit Dalam Perbendaharaan
4	**SIARAN MEDIA DAN PENJELASAN ISU SIARAN MEDIA BERKAITAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK GST BERNILAI RM19.4 BILION** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia
5	**SURAT IKATAN AMANAH BAGI KUMOULAN WANG YANG DITUBUHKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 54(1) AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia
6	***MEMORANDUM - TREATMENT OF GST MONIES*** - Jabatan Peguam Negara Malaysia
7	**VERIFIKASI TERHADAP DATA TUNTUTAN BAYARAN BALIK GST BERJUMLAH RM19.472B, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** - Jabatan Audit Negara Malaysia
8	**TAKLIMAT TUNGGAKAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION** - Jabatan Audit Negara Malaysia
9	**LAPORAN DAN RUMUSAN AUDIT (PINDAAN) TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** - Jabatan Audit Negara Malaysia

SULIT

TAKLIMAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PENGURUSAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA)

Disampaikan oleh:
Jabatan Audit Negara
30 Ogos 2018

SULIT

OBJEKTIF TAKLIMAT

Untuk memberi penerangan dan penjelasan berkaitan perkara berikut:

i. Punca kuasa kutipan hasil Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).

ii. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara berkaitan dengan pengurusan GST.

iii. Prosedur pembayaran balik GST oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

iv. Prestasi kutipan GST, kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST dan Akaun Hasil Disatukan serta kedudukan tunggakan pembayaran balik GST.

SULIT

PENGAUDITAN BERKAITAN GST

Pengauditan	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	Penyata Terimaan Dan Bayaran Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST	Sistem MyGST
Objektif	Memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.	Memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan Wang yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.	Menilai sama ada pembangunan sistem MyGST dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan juga bertujuan untuk menilai sama ada data dan maklumat sistem MyGST adalah selamat dan berintegriti.
Metodologi	Semakan terhadap dokumen dan rekod berkaitan serta pengesahan pihak ketiga. Pengauditan Interim iaitu semakan terhadap transaksi terimaan dan bayaran. Pengauditan Muktamad iaitu pengesahan terhadap amaun yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan.	Semakan terhadap pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dan semakan terhadap dokumen pembayaran balik GST.	Semakan terhadap fail, rekod, dokumen dan kontrak, testimoni melalui temu bual pegawai ICT, pemeriksaan fizikal, *walk-through* sistem dan analisis terhadap data MyGST bagi tempoh 2014 hingga 2017.

SULIT

PERUNDANGAN PUNGUTAN HASIL

PERLEMBAGAANGAN PERSEKUTUAN

- **Perkara 96**
  Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud Persekutuan kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang persekutuan.
- **Perkara 97(1)**
  Segala hasil dan wang yang diterima dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Seksyen 9 (1)
cukai yang dikenali sebagai cukai barang dan perkhidmatan, hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:

(a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia, termasuk apa-apa yang dikira sebagai suatu pembekalan di bawah Akta ini; dan

(b) apa-apa pengimportan barang ke Malaysia.

SULIT

KOMPONEN KUMPULAN WANG DISATUKAN

Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN		AKAUN AMANAH DISATUKAN		AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	
Hasil	Belanja Mengurus	Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan	Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik Pinjaman

SULIT

KUMPULAN WANG PEMBAYARAN BALIK GST (dikenali sebagai Akaun Amanah GST)

Seksyen 54, Akta 762
Penubuhan Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan

(1) Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan ditubuhkan yang hendaklah dinyatakan dan digabungkan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri

(3) Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan untuk membuat apa-apa pembayaran balik

(4) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan oleh Akauntan Negara Malaysia

(5) Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu

SULIT

KUMPULAN WANG PEMBAYARAN BALIK GST (samb.) (dikenali sebagai Akaun Amanah GST)

Tujuan	• Memperakaunkan wang bagi tujuan pembayaran balik GST
Ahli Jawatankuasa	• Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengerusi); • Akauntan Negara Malaysia (Timbalan Pengerusi); • Timbalan Pengarah Kastam Pusat Pendaftaran & Pengurusan Hasil GST (Setiausaha); • Ketua Pengarah Kastam (Ahli), Pengarah Kastam GST (Ahli), wakil Bahagian Cukai Kementerian Kewangan (Ahli) & Ketua Akauntan Kastam (Ahli)
Sumber Kumpulan Wang	• Amaun Cukai GST • Peruntukan awal yang diluluskan Parlimen berjumlah RM80 juta

7

SULIT

SULIT

PROSEDUR PERAKAUNAN GST



Sumber : Jabatan Audit Negara

8

SULIT

SULIT

PROSEDUR PUNGUTAN & BAYARAN BALIK GST



Sumber : Jabatan Audit Negara

SULIT

SULIT

PERINGKAT KELULUSAN BAYARAN BALIK GST

	Peraku 1 (Gred 44/41)	Peraku 2 (Gred 48)	Peraku 3 (Gred 54/52)	Peraku 4 (JUSA B/C)
<RM5juta	✓	✓		
RM5 - RM10juta	✓	✓	✓	
>RM10juta	✓	✓	✓	✓

Sumber : Perintah Tetap GST Bilangan 3 Tahun 2015, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

SULIT

SULIT

HASIL GST

BUTIRAN	2015 (RM BILION)	2016 (RM BILION)	2017 (RM BILION)	31.05.2018 (RM BILION)
Jumlah kutipan kasar	37.72	61.43	67.15	28.16
Pindahan Ke Kumpulan Wang Bayaran Balik GST	(10.71)	(20.22)	(22.86)	(9.82)
Hasil GST Bersih Yang Direkodkan Dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	27.01	41.21	44.29	18.34
Peratus (%) Pindahan Ke Kumpulan Wang GST	28.4%	32.9%	34.0%	34.9%

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015, 2016 dan 2017

SULIT

KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBAYARAN BALIK GST (dikenali sebagai Akaun Amanah GST)

BUTIRAN	2015 (RM BILION)	2016 (RM BILION)	2017 (RM BILION)	31.05.2018 (RM BILION)
Baki Awal	-	2.26	0.32	1.00
(+) Peruntukan Kerajaan	0.08	-	-	-
(+) Pindahan Hasil GST ke Kumpulan Wang	10.71	20.21	22.86	9.82
(-) Bayaran Balik GST	(8.53)	(22.15)	(22.18)	(10.67)
Baki Akhir	2.26	0.32	1.00	0.15

Sumber : Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2015, 2016 dan 2017

SULIT

TUNGGAKAN BAYARAN BALIK GST SEHINGGA 31 MEI 2018

PERKARA	AMAUN (RM BILION)	PERATUS (%)
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	7
Semakan Kelulusan Pembayaran Balik GST	9.65	50
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90	20
Isu Pelepasan	0.95	5
Dalam Siasatan	3.52	18
JUMLAH KESELURUHAN	**19.47**	**100**

Sumber : Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

SULIT

AKAUN HASIL DISATUKAN

BUTIRAN	2015 (RM BILION)	2016 (RM BILION)	2017 (RM BILION)
Hasil (termasuk hasil GST)	219.10	212.42	220.41
Perbelanjaan Mengurus	217.00	210.17	217.70
Lebihan/ Kurangan Hasil	**2.10**	**2.25**	**2.71**
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	2.10	2.25	2.71
Baki Hasil Tahun Semasa	0.00	0.00	0.00

Sumber : Jabatan Akauntan Negara

Sekian, terima kasih

TAKLIMAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

TUNTUTAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Seksyen 54 (2) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014

  "maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri."

- Seksyen 54 (5) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014

  "Walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu."

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Perkara 97(1) Perlembagaan Persekutuan – segala hasil dan wang yang diterima dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

- Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 – Kumpulan Wang Disatukan adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan

PUNCA KUASA PEMBAYARAN BALIK GST

- Seksyen 54 (1) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014

  "suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (dalam seksyen ini disebut dalam "Kumpulan Wang") ditubuhkan yang hendaklah dinyatakan dan digabungkan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)."

- Seksyen 54 (3) Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014

  "wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan untuk membuat apa-apa pembayaran balik di bawah Seksyen 38 dan Bahagian VII."

PUNCA KUASA PEMBAYARAN BALIK GST

- Surat Ikatan Amanah KWPB GST (berkuat kuasa mulai 13 Mac 2015)
  - Akaun Amanah Kerajaan (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957)
  - Sumber peruntukan (Perenggan 12) :
    1. amaun cukai yang dipungut di bawah Akta GST 2014
    2. apa-apa amaun yang diperuntukkan oleh Parlimen

PUNCA KUASA PEMBAYARAN BALIK GST

- Mesyuarat Jawatankuasa KWPB GST Bil. 2/2015 pada 27 Mei 2015
  - bersetuju supaya pindahan hasil dibuat pada kadar 35% dari jumlah kutipan GST semasa
  - bersetuju supaya pindahan tambahan boleh dibuat berdasarkan keperluan sebenar

Nota:

Kadar 35% adalah berdasarkan kajian 'Estimating GST Refunds' dan artikel 'VAT/GST Refunds Survey 2014' oleh firma audit antarabangsa KPMG yang mendapati keperluan untuk pembayaran balik GST adalah sebanyak 30% dan juga tanda aras negara lain adalah sekitar 40%.

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KWPB GST Bil. 2/2015

5.2 Mesyuarat bersetuju supaya:

5.2.1 Jawatankuasa Kumpulan meluluskan anggaran perbelanjaan Kumpulan Wang bagi tahun 2015 berjumlah RM12.23 bilion.

Makluman

5.2.2 Jawatankuasa Kumpulan Wang meluluskan permohonan untuk mendebitkan sebanyak 35% dari terimaan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke dalam Kumpulan Wang pada setiap bulan bagi tujuan membuat pembayaran balik.

Makluman

5.2.3 Jawatankuasa meluluskan permohonan tambahan berdasarkan keperluan semasa bagi menampung keperluan perbelanjaan sekiranya amaun debit sebanyak 35% tidak mencukupi untuk membuat pembayaran balik dalam bulan tersebut.

Makluman

5.2.4 Bahagian GST membuat pembentangan perbelanjaan sebenar dalam mesyuarat seterusnya.

Tindakan: Pengarah GST JKDM

PROSES KELULUSAN PEMBAYARAN BALIK GST

Kelulusan *refund* melibatkan 7 hingga 9 peringkat pemerosesan membabitkan 3 hingga 4 Cawangan / Negeri berbeza...



PENGURUSAN RISIKO

- Penilaian risiko dibuat melalui petunjuk seperti berikut:
  - 63 petunjuk High Risk Rules
    Contoh: Kenaikan nisbah antara input dan output
  - 45 petunjuk Common Risk Rules
    Contoh: Sebarang pindaan ke atas penyata GST-03

STATUS TUNTUTAN GST BELUM BAYAR

* sehingga 31 Mei 2018



- Pecahan no. 1 berjumlah RM1.5 bilion ialah permohonan yang telah diluluskan tetapi belum dibayar kepada syarikat.
- Pecahan no. 2 berjumlah RM9.6 bilion ialah kategori yang masih dalam semakan atau tapisan oleh pegawai dan belum dibayar kepada syarikat.
- Pecahan no. 3 berjumlah RM3.9 bilion ialah permohonan yang telah diluluskan oleh pegawai. Tuntutan adalah sebahagian besar melibatkan syarikat yang terlibat dengan projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID). Syarikat terlibat masih belum membuat pembekalan bercukai. Pembayaran balik GST ditangguhkan dan akan dibuat secara berperingkat setelah proses pengauditan selesai dijalankan dan tertakluk kepada kedudukan semasa peruntukan KWPB GST.

- Pecahan no. 4 berjumlah RM0.9 bilion ialah permohonan yang telah diluluskan. 2 syarikat yang terlibat iaitu Mass Rapid Transit Corporation Bhd dan Prasarana Malaysia Berhad. Kedua-dua syarikat ini secara tidak langsung menyediakan perkhidmatan yang dikecualikan dari GST dan mereka tidak layak membuat tuntutan kredit cukai input. Walau bagaimanapun, atas sebab pelepasan yang diberikan oleh MOF di bawah sekyen 56(3) Akta GST 2014, syarikat telah layak membuat tuntutan. Tuntutan akan dibayar apabila KWPB GST mempunyai peruntukan yang mencukupi.
- Pecahan no. 5 berjumlah RM3.5 bilion ialah penyata tuntutan yang memerlukan tindakan siasatan atau pengauditan penuh oleh pegawai. Tuntutan masih belum diluluskan.

- Jumlah nilai tuntutan GST yang layak dibayar balik pada 31 Mei 2018 adalah:

TUNTUTAN GST LAYAK DIBAYAR	RM Bilion
Pecahan no. 1	1.5
Pecahan no. 3 (RAPID)	3.0
Pecahan no. 4 (MRT dan Prasarana)	0.9
JUMLAH	5.4

TUNTUTAN GST BELUM BAYAR MENGIKUT TAHUN (TEMPOH BERCUKAI) * SEHINGGA 31 Mei 2018

Tempoh Bercukai	Nilai Tuntutan (RM Bilion)	Peratusan
2018	9.4	49%
2017	6.6	34%
2016	2.8	14%
2015	0.6	3%
Jumlah	19.4	100%

FAKTOR-FAKTOR TUNTUTAN MASIH BELUM BAYAR

- Peruntukan tidak mencukupi
- Syarikat yang sedang dalam proses verifikasi / pengauditan
- Syarikat yang tidak membuat pembekalan bercukai
- Syarikat yang lewat menghantar atau membuat pindaan pada penyata GST-03
- Menunggu keputusan dasar dari Kementerian Kewangan
- Akaun bank syarikat tidak aktif

LAPORAN PRESTASI KUTIPAN GST

(RM Bilion) * sehingga 31 Mei 2018

	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
GST Tempatan	23.955	40.637	44.138	18.886	**127.616**
GST Import	13.627	18.633	22.952	8.346	**63.558**
GST Kasar	**37.582**	**59.270**	**67.090**	**27.232**	**191.174**
Pindahan Hasil	(10.570)	(18.064)	(22.800)	(9.800)	**(61.234)**
Peratus (%)	28%	30%	34%	36%	32%
GST Bersih	**27.012**	**41.206**	**44.290**	**17.432**	**129.940**
Pembayaran Balik	8.533	20.154	22.179	10.669	61.535

KEDUDUKAN KWPB GST

(RM Bilion) * sehingga 31 Mei 2018

	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
Baki Awal	0.000	2.262	0.323	1.001	**0.000**
Waran Peruntukan	0.080	0.000	0.000	0.000	**0.080**
Pindahan Hasil	10.570	18.064	22.800	9.800	**61.234**
Pelarasan	0.145	0.151	0.057	0.020	0.373
Jumlah Peruntukan	**10.795**	**20.477**	**23.180**	**10.821**	**61.687**
Pembayaran Balik	(8.533)	(20.154)	(22.179)	(10.669)	(61.535)
Baki Akhir	2.262	0.323	1.001	0.152	0.152

PEMERHATIAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN KHAS BAYARAN BALIK GST DI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2017

UNIT AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN

SULIT

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	RINGKASAN EKSEKUTIF	i
1.	LATAR BELAKANG	1
2.	OBJEKTIF PENGAUDITAN	2
3.	SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN	2
4.	PENEMUAN AUDIT	3
4.1	Prestasi Kutipan GST	3
4.2	Prestasi Pembayaran Balik GST	4
	4.2.1 Pembayaran Balik GST	4
	4.2.2 Prestasi pengisytiharan Borang GST-03	6
4.3	Faktor Penyumbang Kepada Pembayaran Balik GST Yang Tinggi	7
	4.3.1 Pelepasan Daripada Membayar GST	7
	4.3.2 Pembekalan Berkadar Sifar	9
	a. Domestik Di Bawah Seksyen 17(1)(a)	9
	b. Eksport Di Bawah Seksyen 17(1)(b)	11
	4.3.3 Bayaran Balik GST Ke Atas Orang Berdaftar Yang Tiada Pembekalan	12
4.4	Kelemahan Proses Pembayaran Balik GST	13
4.5	Beban Tugas Pegawai Di Unit Pulang Balik Dan CAG	16
	4.5.1 Beban Tugas *Refund Officer* dan *Head Of Unit*	16
	4.5.2 Beban Tugas *Verification Officer*	17
	4.5.3 Beban Tugas Pegawai Audit CAG	18
4.6	Kaedah Pengisytiharan Borang GST-03	19
4.7	Maklumat Dalam Borang GST-03 Tidak Tepat	20
	4.7.1 Data Berkaitan Perolehan Harta Modal	20
	4.7.2 Amaun Pembayaran Balik Kurang Daripada RM1	21
4.8	Perbandingan Pengisytiharan Nilai Jualan	21
4.9	Pemantauan	23
5.	SYOR AUDIT	24
	Lampiran 1 dan 2	

Ringkasan Eksekutif

Jabatan Kastam Diraja Malaysia ialah sebuah Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dasar cukai tak langsung negara. Mulai 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (Good and Services Tax - GST) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (Sales and Service Tax - SST). Pada pandangan Audit pengurusan pembayaran balik GST adalah kurang memuaskan. Pihak pengurusan JKDM perlu memberi perhatian dan menambah baik pembayaran balik GST terhadap isu yang dibangkitkan. Hasil pengauditan mendapati sebanyak 1.11% hingga 4.38% Orang Berdaftar yang tidak mengisytiharkan GST-03 mengikut Akta. Adalah didapati pembayaran balik GST (asas tunai) meningkat daripada 22.71% pada tahun 2015 kepada 33.87% pada tahun 2016 dan 39.29% tahun 2017 (sehingga September). Antara faktor penyumbang kepada peningkatan pembayaran balik GST adalah disebabkan dasar Kerajaan untuk memberi pelepasan daripada membayar GST seperti pelepasan, pembekalan berkadar sifar domestik dan eksport serta tiada pembekalan. Pengurusan pembayaran balik GST berdasarkan Desk Audit adalah kurang memuaskan kerana semakan sebelum bayaran balik adalah kurang terperinci. Tugas pegawai di Unit Pulang Balik, Ibu Pejabat dan Cawangan Auditan GST (CAG) juga amat membebankan. Analisis data daripada sistem MyGST bagi tahun 2017 mendapati data tersebut adalah meragukan. Ini kerana data sistem MyGST bagi ruangan harta modal dalam Borang GST-03 oleh OKC mendapati 298 pengisytiharan bernilai RM100 dan ke bawah. Juga didapati 13 pengisytiharan Borang GST-03 di 10 negeri melibatkan perolehan harta modal antara RM0.03 hingga RM1. Hasil perbandingan pengisytiharan nilai jualan OKC kepada JKDM dan LHDNM bagi tahun 2016 yang dipilih sebagai sampel Audit mendapati nilai jualan yang diisytihar berbeza melebihi 10.4%; rekod Syarikat tidak ditemui dalam sistem MyGST walaupun nilai jualan yang direkodkan di LHDNM telah melebihi RM500 ribu setahun; Syarikat yang telah mengenakan GST tetapi belum berdaftar GST; dan Syarikat berdaftar dengan JKDM dan telah mendapat bayaran balik tetapi tiada rekod di LHDNM atau tiada pengisytiharan pada tahun 2016. Selain itu, CJKA tidak menjalankan semakan ke atas pengauditan yang dijalankan oleh CAG, Ibu Pejabat.

LAPORAN PENGAUDITAN KHAS TERHADAP PEMBAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST REFUND) OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ialah sebuah Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dasar cukai tak langsung negara. Misi JKDM adalah memungut hasil dan memberi fasilitasi perdagangan melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang bagi memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

1.2 Mulai 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Good and Services Tax* - GST) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (*Sales and Service Tax* - SST). GST adalah **cukai kepenggunaan** yang meliputi semua sektor ekonomi iaitu semua barang dan perkhidmatan yang dibuat di Malaysia dan diimport kecuali:

- Barang dan perkhidmatan tertentu yang dikategorikan di bawah pembekalan berkadar sifar;
- Perintah pembekalan dikecualikan; dan
- Pelepasan daripada membayar cukai sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan dan disiarkan dalam Warta.

GST dikenakan ke atas bekalan barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat rantaian bekalan daripada **pembekal sehingga peringkat peruncit**. Walaupun GST dikenakan di setiap peringkat rantaian bekalan, elemen cukai **tidak menjadi sebahagian daripada kos produk** kerana cukai input boleh ditolak oleh perniagaan dilangkah seterusnya dalam rantaian bekalan. Asas utama GST adalah ciri-ciri kawalan kendiri (*self-policing*) yang membolehkan perniagaan untuk menuntut Kredit Cukai Input (ITC) secara elektronik dalam sistem perakaunan mereka.

1.3 JKDM membuat pembayaran balik GST di bawah Akta GST 2014 meliputi **11 jenis permohonan tuntutan pembayaran balik** mengikut peruntukan di bawah 10 Seksyen di bawah Akta GST dan Peraturan seperti berikut :

- Seksyen 10 Akta GST 2014 (Perubahan Kadar Cukai)
- Seksyen 17 Akta GST 2014 (Perubahan Dalam Deskripsi Pembekalan Berkadar Sifar)
- Seksyen 18 Akta GST 2014 (Perubahan Dalam Deskripsi Pembekalan Dikecualikan)

- Seksyen 38 Akta GST 2014 (Kredit Cukai Input)
- Seksyen 47 Akta GST 2014 (Pasca Lelong)
- Seksyen 57 Akta GST 2014 (Terlebih atau Terkhilaf Bayar)
- Seksyen 58 Akta GST 2014 (Pelepasan Hutang Lapuk)
- Seksyen 61 Akta GST 2014 (Skim Bayar Balik Pelancong)
- Seksyen 62 Akta GST 2014 (Pasca Peremitan)
- Seksyen 190 Akta GST 2014 (Pembayaran Balik Khas)
- Peraturan 46 Peraturan-Peraturan GST 2014 (Tuntutan Luar Biasa Bagi Cukai Input)

1.4 Seksyen 38(3) Akta GST 2014 membenarkan cukai *input* ditolak dengan cukai *output*. Sekiranya cukai input melebihi cukai output semasa pengisytiharan Borang GST-03, pembayaran balik hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah.

1.5 Di bawah Peraturan 67, Peraturan-Peraturan GST berkaitan masa bagi pembayaran balik menjelaskan tempoh bayaran balik kepada pihak yang menuntut (orang yang berdaftar) yang mengemukakan penyata secara elektronik, pembayaran balik cukai input akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja, manakala bagi penyata yang diterima secara manual, pembayaran akan dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja. Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kastam mempunyai kuasa untuk menahan sesuatu tuntutan dan melanjutkan tempoh proses pembayaran tersebut sehingga 90 hari dalam keadaan tertentu sehingga Orang Kena Cukai mengemukakan maklumat tambahan yang diminta. Contohnya *GST listing*, invois dan lain-lain.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk mengenal pasti sebab-sebab peningkatan pembayaran balik GST dan sama ada pengurusan pembayaran balik GST telah diuruskan dengan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1 Semakan dibuat terhadap fail, rekod, dokumen dan sistem yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembayaran balik GST oleh JKDM bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 (terkini). Pengauditan ini dijalankan di JKDM Ibu Pejabat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

3.2 Lawatan dan pemeriksaan fizikal juga telah dibuat terhadap premis Orang Berdaftar yang dipilih sebagai sampel Audit bagi memastikan pengisytiharan Borang GST-03 telah dibuat selaras dengan undang-undang dan peraturan

yang berkaitan. Selain itu, maklumat dari Borang GST-03 yang diikrar oleh Orang Berdaftar telah dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk perbandingan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2017 hingga Oktober 2017 mendapati pembayaran balik GST (asas tunai) meningkat daripada 22.71 % pada tahun 2015 kepada 33.87% pada tahun 2016 dan 39.29% tahun 2017 (sehingga September). Antara sebabnya adalah hasrat Kerajaan untuk meringankan beban rakyat dengan menetapkan barang-barang keperluan asas berkadar sifar dan menggalakkan industri eksport. Selain itu, pengurusan pembayaran balik GST berdasarkan *Desk Audit* adalah kurang memuaskan kerana semakan sebelum bayaran balik adalah kurang terperinci. Tugas pegawai di Unit Pulang Balik, Ibu Pejabat dan Cawangan Auditan GST (CAG) juga amat membebankan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. Prestasi kutipan dan bayaran balik GST
   a. Prestasi pengisytiharan Borang GST-03
ii. Faktor menyumbang pembayaran balik GST yang meningkat
   a. Pelepasan daripada membayar GST
   b. Pembekalan berkadar sifar
      -Domestik
      -Eksport
   c. Tiada pembekalan
iii. Kelemahan Proses Pembayaran Balik GST
iv. Beban tugas pegawai di Unit Pulang Balik dan CAG
   a. *Refund Officer* dan *Head Of Unit*
   b. *Verification Officer*
   c. Pegawai CAG
v. Kaedah pengisytiharan Borang GST-03
vi. Maklumat dalam Borang GST-03 tidak tepat
   a. Data berkaitan perolehan harta modal
   b. Amaun pembayaran balik kurang daripada RM1
vii. Perbandingan pengisytiharan pendapatan

Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

4.1 Prestasi Kutipan GST

Jumlah kutipan bersih GST secara asas tunai bagi tempoh April 2015 hingga September 2017 adalah **RM98.046 bilion** seperti berikut:

- **RM27.012 bilion** bagi tempoh 9 bulan (April hingga Dis 2015) iaitu 0.04% melebihi sasaran yang ditetapkan sejumlah RM27 bilion;
- **RM41.206 bilion** pada tahun 2016 iaitu 5.66% melebihi sasaran yang ditetapkan sejumlah RM39 bilion;
- **RM29.828 bilion** bagi tempoh 9 bulan (Januari hingga September 2017). Perinciannya adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1
KUTIPAN GST BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2017

TAHUN	SASARAN KUTIPAN GST (RM Bilion)	JUMLAH KUTIPAN BERSIH GST (RM Bilion)	PERATUS KUTIPAN HASIL BERBANDING SASARAN DITETAPKAN (%)
2015	27	27.012	100.04
2016	39	41.206	105.66
2017	42	29.828*	71.02
JUMLAH	108	98.046	90.78

Sumber: Bahagian GST, JKDM
*Nota : * Jumlah kutipan GST bersih sehingga September 2017*

4.2 Prestasi Pembayaran Balik GST

Seksyen 38(3) Akta GST Tahun 2014 menyatakan amaun kredit atau amaun kredit yang melebihi cukai output, mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah dibayar balik kepada Orang Kena Cukai berkenaan oleh Ketua Pengarah. Bagi Pengisytiharan Borang GST-03 yang berada di posisi pembayaran balik GST, Orang Berdaftar boleh memohon penyelesaian sama ada menerima tunai ataupun dibawa ke hadapan (*carry forward*). Bagaimanapun, sebelum permohonan diluluskan sistem JKDM akan menyemak dan pelarasan dibuat sekiranya Orang Berdaftar mempunyai tunggakan hutang. Status permohonan yang diluluskan oleh JKDM di dalam sistem MyGST adalah seperti berikut:

- *Issued to Bank;*
- *Carry Forward;*
- *Debt Offset; dan*
- *Debt Offset & Carry Forward.*

4.2.1 Pembayaran Balik GST

Jumlah keseluruhan pembayaran balik GST secara asas tunai bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan September 2017 berjumlah **RM47.676 bilion**. Kadar pulang balik GST berdasarkan asas tunai adalah 22.7 % pada tahun

2015 dan meningkat kepada 33.87% pada tahun 2016 dan 39.29% bagi tahun 2017 (sehingga September) seperti di **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2

KUTIPAN DAN BAYARAN BALIK GST TAHUN 2015 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2017

PERIHAL	2015 (RM Bilion)	2016 (RM Bilion)	2017 (RM Bilion)	JUMLAH (RM Bilion)
GST Tempatan	23.955	40.637	32.181	96.773
GST Import	13.627	18.633	16.347	48.607
Jumlah GST Kasar	37.582	59.27	48.528	145.38
Pembayaran Balik GST	(8.534)	(20.074)	(19.068)	(47.676)
Peratus Pulang Balik (%)	22.71	33.87	39.29	32.7
Pelarasan*	(2.036)	2.01	0.368	0.342
Jumlah GST Bersih	27.012	41.206	29.828	98.046

Sumber: Bahagian GST, JKDM

Nota: **Merujuk kepada waran peruntukan dan pelarasan di dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.*

Selain itu, sehingga 29 September 2017, sejumlah 617 permohonan bernilai **RM2.74 bilion** bagi tempoh bercukai tahun 2015 hingga 2017 telah diluluskan oleh JKDM namun **pembayaran masih belum dibuat**. Perinciannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3

GST REFUND YANG BELUM DIBAYAR

DARI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

TAHUN BORANG GST-03 TERLIBAT	BILANGAN PERMOHONAN	TARIKH KELULUSAN	NILAI TUNTUTAN GST REFUND YANG BELUM DIBAYAR (RM)
2015	6	TM	192,875,049.19
2016	57	TM	599,877,164.09
2017	554	TM	1,947,316,501.11
JUMLAH	617	TM	2,740,068,714.39

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Nota: TM - Tiada Maklumat

Bagi prestasi pembayaran balik GST asas akruan selain daripada merekodkan permohonan yang telah dibayar (***Issued To Bank***), permohonan yang telah diluluskan untuk pembayaran balik boleh di ***Carry Forward, Debt Offset,*** dan ***Debt Offset & Carry Forward*** manakala, permohonan yang masih dalam tindakan pula berstatus ***Approved*** *dan* ***Review.*** Bagi amaun *Carry Forward, Debt Offset, dan Debt Offset & Carry Forward* juga merupakan bayaran balik GST tetapi kredit cukai input Orang Berdaftar dibawa ke hadapan atau dikontra dengan hutang cukai Kastam mereka. *Approved* juga merujuk kepada permohonan yang telah diluluskan

untuk pembayaran. Perincian data pembayaran balik GST bagi tempoh April 2015 hingga September 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4
KEDUDUKAN PEMBAYARAN BALIK GST SETAKAT 25 SEPTEMBER 2017

STATUS PEMBAYARAN BALIK	TAHUN (RETURN FILING PERIOD)			JUMLAH KESELURUHAN
	2015	2016	2017	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Issued To Bank	15,909.69	21,467.41	10,084.82	47,461.92
Carry Forward	1,503.59	1,551.35	706.37	3,761.31
Debt Offset	420.46	358.94	75.87	855.27
Debt Offset & Carry Forward	135.36	199.13	53.37	387.86
Approved	1.38	3.64	41.06	46.08
Jumlah	17,970.46	23,580.47	10,961.49	52,512.44
Review	439.12	1,291.40	4,342.39	6,072.91

Sumber: Data dari Sistem MyGST/Gentax oleh Bahagian GST, JKDM

Semakan Audit mendapati jumlah keseluruhan pembayaran balik GST setelah mengambil kira *Issued to Bank, Carry Forward, Debt Offset* dan *Approved* adalah RM52.512 bilion.

4.2.2 Prestasi pengisytiharan Borang GST-03

Di bawah Seksyen 40, Akta GST 2014 menetapkan bahawa Orang Kena Cukai (OKC) yang nilai pembekalan bercukainya melebihi RM5 juta dalam tempoh 12 bulan, tempoh bercukai baginya ditetapkan secara bulanan, manakala bagi pembekalan bercukainya kurang daripada RM5 juta dalam tempoh 12 bulan, tempoh bercukainya ditetapkan 3 bulan sekali.

Di bawah Seksyen 41, Akta yang sama juga menetapkan bahawa Borang GST-03 mesti dihantar dan dikemukakan bayaran tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya setiap tempoh bercukai. Bagi tempoh bercukai yang telah diubah pula, Borang GST-03 perlu dikemukakan tidak lewat daripada 30 hari dari hari berakhirnya tempoh bercukai yang berubah itu.

Setakat September 2017, JKDM mempunyai sejumlah 457,915 OKC yang telah berdaftar di bawah sistem MyGST. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2015 hingga September 2017, sebanyak 1.11% hingga 4.38% Orang Berdaftar yang tidak mengisytiharkan GST-03 mengikut Akta adalah seperti di **Jadual 5** berikut:

JADUAL 5
PRESTASI PENYERAHAN BORANG GST-03
BAGI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

TAHUN	BORANG GST-03			PERATUSAN BORANG GST-03 BELUM TERIMA
	JANGKAAN PENERIMAAN	DITERIMA	BELUM DITERIMA	
2015	1,474,277	1,457,972	16,305	1.11 %
2016	2,066,494	2,010,010	56,484	2.73 %
2017	1,151,522	1,101,111	50,411	4.38 %
JUMLAH	4,692,293	4,569,093	123,200	2.63 %

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Antara sebab Orang Berdaftar tidak menghantar Borang GST-03 adalah kerana sebahagian Orang Berdaftar berstatus muflis, dalam proses pembatalan, tidak aktif, silap mendaftar dan lain-lain. Bagi Orang Berdaftar yang aktif, JKDM mengambil tindakan dengan menghantar 2 surat peringatan kepada Orang Berdaftar iaitu 7 hari sebelum dan 7 hari selepas tempoh terakhir pengisytiharan Borang GST-03. Selain itu, selepas 21 hari daripada tarikh akhir tersebut bil tuntutan dikeluarkan secara automatik oleh sistem MyGST kepada semua Orang Berdaftar sekiranya Borang GST-03 masih gagal dikemukakan. Pada tahun 2017, 886 Orang Berdaftar telah dikenakan kompaun oleh JKDM dan 2,416 Orang Berdaftar dikenakan tindakan Mahkamah kerana tidak mengisytihar Borang GST -03.

Pada pendapat Audit, tindakan tegas terhadap Orang Berdaftar selaras dengan Seksyen 41, Akta GST 2014 boleh mengurangkan ketidakpatuhan pengisytiharan Borang GST-03.

4.3 Faktor Penyumbang Kepada Pembayaran Balik GST Yang Tinggi

Peningkatan pembayaran balik GST dari tahun 2015 hingga September 2017 antaranya disebabkan dasar Kerajaan untuk memberi pelepasan daripada membayar GST seperti pelepasan, pembekalan berkadar sifar domestik dan eksport serta tiada pembekalan seperti berikut:

4.3.1 Pelepasan Daripada Membayar GST

Pelepasan daripada membayar GST terbahagi kepada 2 kategori iaitu melalui Seksyen 56(1) dan Seksyen 56(3)(a) & (b) Akta GST 2014.

i. Seksyen 56(1) menyatakan bahawa Menteri boleh, melalui perintah dalam warta dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang boleh dikenakan dan dilevi ke atas apa-apa pembekalan

bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang.

ii. Seksyen 56 (3)(a) Menteri boleh dalam apa-apa hal tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang boleh dikenakan dan dilevi ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang manakala Seksyen 56(3)(b) menyatakan bahawa Menteri boleh melepaskan mana-mana orang kena cukai atau golongan orang kena cukai daripada pengenaan dan pungutan cukai ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai.

Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan telah memberi pelepasan kepada OKC daripada mengenakan/dikenakan GST ke atas pembekalan. Sejumlah RM228.36 bilion pembekalan bercukai telah diberi pelepasan daripada mengenakan GST mulai tahun 2015 hingga 2017 mengikut kategori sektor. Merujuk kepada **Jadual 6** dan **Lampiran 1**, 3 sektor yang diberi pelepasan yang paling tinggi adalah sektor pembuatan (C); sektor perlombongan dan pengkuarian (B); dan sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan motor dan motosikal (G).

Pelepasan tersebut menyebabkan **GST yang dilepaskan bagi 3 tahun tersebut berjumlah RM13.701 bilion.** Berdasarkan rekod di Kementerian Kewangan, sebahagian besar pelepasan daripada dikenakan GST adalah pembekalan Kerajaan. Bagaimanapun, menurut JKDM, sistem MyGST tidak dapat mengasingkan pelepasan yang diberikan kepada Orang Berdaftar yang melaksanakan pembekalan swasta atau pembekalan Kerajaan. Amaun pelepasan yang diberikan mengikut kategori bagi tahun 2015 hingga September 2017 adalah seperti di jadual.

JADUAL 6
PEMBEKALAN YANG DIBERI PELEPASAN GST MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

SEKTOR/ TAHUN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
A	898.54	2,327.38	1,508.39	4,734.32
B	16,066.92	34,536.16	14,297.04	64,900.12
C	12,238.54	37,693.87	25,083.92	75,016.32
D	66.04	181.91	134.36	382.32
E	227.32	473.81	127.48	828.61
F	3,946.76	10,352.83	4,437.45	18,737.04
G	12,766.82	24,719.24	18,375.18	55,861.25

SEKTOR/ TAHUN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
H	146.61	178.95	78.17	403.73
I	104.79	258.98	98.23	461.99
J	243.97	1,101.63	453.28	1,798.87
K	51.34	162.29	22.54	236.17
L	197.88	655.22	216.31	1,069.42
M	82.24	250.12	442.43	774.79
N	104.82	257.31	141.77	503.90
O	529.76	828.33	659.21	2,017.31
P	18.03	41.79	31.28	91.11
Q	138.98	103.93	57.47	300.38
R	1.92	2.55	0.06	4.53
S	64.01	121.64	45.65	231.30
T	0.15	0.27	0.17	0.60
U	0.00	7.80	0.00	7.80
JUMLAH	47,895.44	114,256.02	66,210.38	228,361.85

Sumber: Sistem MyGST sehingga 25 September 2017

Orang Berdaftar yang mendapat pelepasan daripada mengenakan GST dibenarkan untuk menuntut bayaran balik GST daripada Kerajaan. Bagaimanapun, bagi tahun 2015 hingga 2017 amaun bayaran balik GST kepada Orang Berdaftar yang mendapat pelepasan, tidak diasingkan oleh Sistem MyGST.

Pada pendapat Audit, pengasingan maklumat dalam Borang GST-03 mengikut kategori pelepasan adalah penting kerana ini boleh membantu Kerajaan membuat keputusan yang lebih tepat.

4.3.2 Pembekalan Berkadar Sifar

Seksyen 17(1) Akta GST 2014 menyatakan bahawa pembekalan berkadar sifar terbahagi kepada 2 jenis iaitu:

a. Domestik Di Bawah Seksyen 17(1)(a)

Seksyen 17(1)(a) Akta GST 2014 menyatakan bahawa pembekalan berkadar sifar ialah apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai suatu pembekalan berkadar sifar oleh Menteri di bawah subseksyen (4) melalui perintah yang disiarkan melalui warta.

Pembekalan berkadar sifar diwujudkan ke atas barangan atau perkhidmatan yang merupakan barang keperluan asas rakyat Malaysia atau perkhidmatan kritikal. Berdasarkan kepada Seksyen 17(2), OKC

yang membekalkan barang atau perkhidmatan berkadar sifar maka tiada cukai boleh dikenakan ke atas pembekalan itu.Terdapat 30 kategori barangan dan 19 kategori perkhidmatan yang berada di bawah kategori pembekalan berkadar sifar GST berdasarkan kepada Perintah GST (Bekalan Berkadar Sifar).

Semakan Audit mendapati nilai pembekalan berkadar sifar bagi tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM1,162 bilion manakala **GST yang dilepaskan bagi pembekalan berkadar sifar berjumlah RM69.734 bilion.** Pecahan pembekalan berkadar sifar bagi tempoh tahun 2015 hingga September 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7
PEMBEKALAN BARANGAN BERKADAR SIFAR MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2017

SEKTOR	2015		2016		2017		JUMLAH	
	BIL GST-03	NILAI ZR (RM Juta)	BIL SYARIKAT	NILAI ZR (RM Juta)	BIL SYARIKAT	NILAI ZR (RM Juta)	BIL SYARIKAT	NILAI ZR (RM Juta)
A	8,160	16,607.76	13,506	25,485.08	10,992	18,469.10	32,658	60,561.94
B	440	56,328.39	558	9,243.03	418	49,611.69	1,416	115,183.11
C	23,373	210,897.10	30,281	275,857.48	24,413	233,645.66	78,367	720,400.25
D	113	912.30	163	1,993.53	122	1,331.41	398	4,237.24
E	393	1,001.88	499	1,260.47	421	1,160.49	1,313	3,422.83
F	1,820	1,986.13	1,053	2,120.14	689	941.09	3,562	5,047.35
G	21,126	43,282.33	33,668	52,109.91	27,246	46,238.18	82,040	141,630.41
H	1,646	10,928.80	2,629	26,040.03	2,347	26,187.14	6,622	63,155.97
I	148	204.79	259	191.48	167	272.79	574	669.06
J	1,127	4,424.02	1,804	6,343.21	1,594	7,045.74	4,525	17,812.97
K	345	1,132.46	385	3,732.92	426	4,965.49	1,156	9,830.87
L	172	47.46	141	87.97	116	111.10	429	246.53
M	976	1,547.01	1,183	2,202.93	1,268	2,330.87	3,427	6,080.81
N	929	2,235.41	1,518	3,285.11	1,363	3,048.78	3,810	8,569.30
O	123	81.89	194	268.02	175	226.33	492	576.24
P	58	20.89	122	36.50	89	20.70	269	78.09
Q	89	24	114.00	54	69.00	24	272.00	102
R	38	7.45	47	20.83	57	85.81	142	114.10
S	168	948.47	204	2,181.64	214	1,390.68	586	4,520.80
T	3	0.22	6	0.54	10	1.89	19	2.65
U	2	2.64	6	0.99	2	0.47	10	4.10
JUMLAH	61,249	352,620.97	88,340	412,516.04	72,498	397,109.66	222,087	1,162,246.67

Sumber: Sistem MyGST sehingga 25 September 2017

OKC yang membuat pembekalan berkadar sifar juga mendapat bayaran balik GST. Jumlah bayaran balik GST yang diluluskan bagi OKC dalam kategori berkadar sifar domestik juga tidak dapat ditentukan kerana sistem MyGST tidak mengasingkannya.

b. Eksport Di Bawah Seksyen 17(1)(b)

Seksyen 17(1)(b) menyatakan pembekalan berkadar sifar adalah apa-apa pembekalan bagi barangan/perkhidmatan yang dieksport. Ini adalah bagi menggalakkan barangan dieksport ke luar negara dan menjadikan eksport negara lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Semakan Audit mendapati insentif ini telah menyebabkan peningkatan pembayaran balik GST kerana OKC boleh menuntut lebihan cukai input terhadap barang dan perkhidmatan menerusi pembekalan eksport. Pembekalan eksport pada tempoh tahun 2015 hingga September 2017 ialah sejumlah RM987.871 bilion. Butiran pembekalan mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8
PEMBEKALAN DAN BAYARAN BALIK EKSPORT MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN 2015 – SEPTEMBER 2017

TAHUN	2015	2016	2017	JUMLAH
SEKTOR	PEMBEKALAN EKSPORT (RM Juta)	PEMBEKALAN EKSPORT (RM Juta)	PEMBEKALAN EKSPORT (RM Juta)	PEMBEKALAN EKSPORT (RM Juta)
A	5,173.64	8,654.28	4,396.85	18,224.77
B	56,101.95	9,154.84	49,386.73	114,643.52
C	197,747.48	262,860.64	221,003.47	681,611.59
D	654.95	1,596.22	1,138.38	3,389.55
E	458.55	570.43	699.66	1,728.65
F	1,236.52	1,691.69	795.57	3,723.79
G	24,649.46	26,011.94	22,913.16	73,574.56
H	6,394.36	18,280.84	23,221.07	47,896.27
I	71.15	147.93	106.61	325.68
J	3,969.18	5,818.26	6,566.17	16,353.61
K	932.30	3,255.21	4,733.93	8,921.44
L	25.88	4.42	55.63	85.93
M	1,288.47	1,907.61	2,116.94	5,313.01
N	1,759.13	2,820.27	2,506.39	7,085.79
O	49.64	153.70	190.70	394.03
P	9.71	28.64	10.75	49.09
Q	5.99	11.51	7.83	25.32
R	7.20	19.71	84.38	111.29
S	918.51	2,109.95	1,379.59	4,408.05
T	0.22	0.97	0.70	1.89
U	2.64	0.09	0.42	3.14
JUMLAH	301,456.91	345,099.16	341,314.92	987,870.99

Sumber: Sistem MyGST sehingga 25 September 2017

Jumlah bayaran balik GST yang diluluskan bagi OKC dalam kategori berkadar sifar eksport juga tidak dapat ditentukan kerana sistem MyGST tidak mengasingkannya.

4.3.3 Bayaran Balik GST Ke Atas Orang Berdaftar Yang Tiada Pembekalan

Antara faktor penyumbang kepada pembayaran balik GST yang tinggi adalah kerana terdapat industri yang tiada pembekalan pada masa pengisytiharan Borang GST-03 namun mempunyai kredit cukai input. Contohnya aktiviti pembinaan, perlombongan dan pengkuarian.

Analisis Audit terhadap data pembayaran balik GST mendapati sejumlah RM915.662 juta pembayaran balik GST telah dibuat kepada Orang Berdaftar yang tiada pembekalan pada tempoh isytihar dilakukan bagi tempoh tahun 2015 hingga September 2017. Butiran bayaran balik mengikut sektor bagi industri yang tiada pembekalan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9
TIADA PEMBEKALAN DAN BAYARAN BALIK GST
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2015 – SEPTEMBER 2017

SEKTOR	BAYARAN BALIK			
	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	JUMLAH (RM)
A	8,389,008.64	6,251,412.29	5,051,256.38	19,691,677.31
B	74,468,128.59	57,265,629.43	50,927,589.28	182,661,347.30
C	30,484,429.44	31,285,772.63	40,849,783.24	102,619,985.31
D	34,322,455.36	18,806,254.43	10,293,286.37	63,421,996.16
E	1,640,541.68	1,575,640.22	302,569.52	3,518,751.42
F	80,990,164.36	78,546,263.99	38,820,268.86	198,356,697.21
G	27,705,928.16	20,728,242.00	7,998,018.77	56,432,188.93
H	3,971,729.78	2,573,208.27	1,496,786.21	8,041,724.26
I	3,693,473.88	5,885,858.70	2,609,205.58	12,188,538.16
J	7,406,056.08	3,072,279.66	2,564,571.65	13,042,907.39
K	3,026,566.40	19,778,030.40	1,510,368.81	24,314,965.61
L	18,927,285.54	54,346,787.13	85,823,149.69	159,097,222.36
M	11,123,423.61	24,386,442.66	12,755,324.51	48,265,190.78
N	7,736,075.18	4,409,616.62	3,898,266.08	16,043,957.88
O	422,450.75	188,222.12	99,238.40	709,911.27
P	167,338.96	142,717.71	135,420.19	445,476.86
Q	144,909.11	118,011.38	339,090.46	602,010.95
R	228,847.40	832,938.39	2,064,601.10	3,126,386.89
S	498,816.59	1,697,342.09	810,095.79	3,006,254.47
T	60,333.99	1,776.77	613.19	62,723.95
U	1,025.52	4,733.18	6,650.83	12,409.53
JUMLAH	315,408,989.02	331,897,180.07	268,356,154.91	915,662,324.00

4.4 Kelemahan Proses Pembayaran Balik GST

Perintah Tetap GST Bil. 3/2015 berkenaan Pembayaran Balik (Refund) GST telah dikeluarkan pada 29 Mac 2015. Peraturan-peraturan GST 2014 menetapkan pemprosesan permohonan tuntutan pembayaran balik hendaklah dibuat secara manual atau perkhidmatan elektronik (melalui sistem MyGST) semasa Orang Kena Cukai (OKC) mengemukakan Borang GST-03. Pegawai di Unit Pulang Balik di Negeri dan di Ibu Pejabat diberi kuasa untuk mengakses dan seterusnya memproses tuntutan pembayaran balik ini.

Kredit Cukai Input yang bersih iaitu yang tidak berisiko yang dikeluarkan oleh *Risk Management System* (RMS) akan terus disalurkan secara elektronik kepada pegawai di Unit Pulang Balik di Ibu Pejabat sebagai ***Task Refund (Task)*** untuk semakan pembayaran balik. Antara maklumat yang disemak ialah Borang GST-03; maklumat pembekalan adalah selari dengan maklumat pendaftaran; maklumat pelepasan GST; maklumat perolehan, pengeksportan dan pengimportan melalui Sistem Maklumat Kastam; amaun tuntutan adalah sepadan dengan keupayaan syarikat dan maklumat lain yang difikirkan perlu oleh pegawai tersebut.

Cukai Input yang dituntut adalah berisiko sekiranya RMS mengenal pasti risiko pada Borang GST-03 yang berada dalam posisi bayaran balik (refund). Ia juga dikenali sebagai ***Lead Refund Audit (Lead)***. Sekiranya terdapat *lead refund audit*, sistem akan menghantar tugasan pembayaran balik ini kepada Bahagian GST Negeri/Stesen untuk diverifikasi oleh VO. Tatacara verifikasi yang dilaksanakan merangkumi perkara berikut:

- mengenal pasti *lead* data yang dijana oleh RMS;
- menyemak dan mengesahkan maklumat dalam Borang GST-03 dengan cara menelefon OKC;
- mengeluarkan surat CL012; dan
- menghantar e-mel atau meminta maklumat tambahan (ringkasan penyata belian dan jualan).

Bagi *lead* yang telah diselesaikan oleh VO, ia akan dihantar kepada RO sebagai *task* untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya OKC gagal mengemukakan maklumat dalam tempoh yang ditetapkan, RO/VO boleh mencadangkan agar tuntutan tidak disokong. Semakan Audit mendapati semakan atau verifikasi terhadap kredit cukai input bersih atau berisiko dibuat oleh RO/VO mengikut SOP yang telah ditetapkan iaitu secara *desk audit* dengan meminta maklumat tambahan daripada syarikat secara e-mel, telefon atau OKC datang ke pejabat JKDM.

Semakan Audit terhadap proses menyemak dan meluluskan pembayaran balik GST secara *Desk Audit* adalah kurang terperinci menyebabkan terdapat pengisytiharan OKC yang kurang tepat tidak dikenalpasti. Semakan Audit bersama pegawai JKDM mendapati 7 daripada 16 OKC membuat kesilapan pengisytiharan jumlah input dan output yang melibatkan cukai kurang bayar berjumlah RM725,981.99 seperti di jadual berikut:

JADUAL 10

KESILAPAN PENGISYTIHARAN DALAM BORANG GST-03 OLEH OKC

ORANG BERDAFTAR	TAHUN / JENIS PEMBEKALAN	MAKLUMAT PENGADU	PENGISYTIHARAN GST-03 OLEH ORANG BERDAFTAR	KEPUTUSAN SEMAKAN JKDM
Dyna Computer Centre Sdn Bhd (DCCM)	2016 / Kelas Komputer di Sekolah Yuk Choy Taman Megah, Petaling Jaya	RM770,000 nilai jualan	a *Local Supply* RM3,800,755.03 b Pembekalan Berkadar Standard RM37,078,570.19	JKDM telah menyiasat dan mendapati kurang isytihar oleh Syarikat dan sedang mengeluarkan *Bill Of Demand (BOD)* untuk amaun RM41,833
Dynabook Computer Centre (Pantai Timur) Sdn Bhd	2015 / Kelas Komputer	TB	Tiada pengisytiharan bagi 2015 hingga 2017	JKDM mendapati cawangan Pantai Timur yang terletak di Kuantan masih belum berdaftar GST. JKDM akan mengeluarkan BOD untuk amaun RM47,456.80
Kuo Liang Book House Sdn Bhd	2016 / Exercise and Work Book) di Sekolah Yuk Choy Taman Megah, Petaling Jaya	RM1 juta nilai jualan	Jualan RM9,000 setahun	Terdapat keraguan dalam maklumat pembekalan dalam Borang GST-03 kerana syarikat didapati tidak membuat pembekalan berkadar sifar sedangkan maklumat aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat iaitu *Retail sale of books and newspaper* didapati kebanyakan buku adalah berkadar sifar. JKDM akan membuat siasatan terperinci bagi mendapatkan butiran lanjut
	2016 / Exercise and Work Book di Sekolah Puay Chai 2 Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur	Jualan 2,400 pelajar x RM300 = RM720,000	Jualan RM20,000 setahun	
CSS Management Sdn Bhd	2016 / Buku latihan di SJKC Lick Hung, Subang, Petaling Jaya	RM 600,000 setahun nilai jualan	a *Exempt Supply* RM 17,397.39 b *Local Supply* RM198,742.00 c Pembekalan Berkadar Standard RM7,220,655.49	JKDM telah membuat lawatan ke premis dan pemeriksaan dokumen telah dibuat dan didapati tiada keraguan ditemui. Berdasarkan perbincangan dengan pemberi maklumat berkemungkinan terdapat pembekalan disembunyikan. JKDM akan melakukan siasatan lanjut

ORANG BERDAFTAR	TAHUN / JENIS PEMBEKALAN	MAKLUMAT PENGADU	PENGISYTIHARAN GST-03 OLEH ORANG BERDAFTAR	KEPUTUSAN SEMAKAN JKDM
PTS Industries Sdn Bhd	2015 hingga 2017/ Pembuatan Label	TB	a. Pembekalan berkadar standard RM1,748,937.11 b. Eksport RM822,872.41 c. Dikecualikan RM195,466.88 d. Pelepasan RM8,528,280.71	JKDM Pulau Pinang mendapati Orang Berdaftar menuntut ITC ke atas bil utiliti seperti bil air dan elektrik yang bukan atas nama syarikat, serta tuntutan ITC ke atas insurans pekerja. Tuntutan semula berjumlah RM96.37
Suhati Sdn Bhd	2015 hingga 2017/ Pembinaan	TB	a. Pembekalan Berkadar Standard RM304,457,843 b. Pelepasan RM69,361,109.00 c. Dikecualikan RM 751,883.31	Syarikat dalam status refund yang kerap dan terdapat pembekalan relief yang melibatkan EOT bagi projek pembinaan *Barrage* di Sungai Johor. EOT kali ke-4 tidak diluluskan dan pelepasan dikenakan GST adalah tidak layak. Tuntutan semula berjumlah RM629,819.12
Zhuan Huat Trading	2015 hingga 2017/ Penternakan Ayam	TB	a. Pembekalan Berkadar Standard RM47,869.07	Bagi tempoh bercukai September 2015, Orang Berdaftar telah menuntut cukai input disekat sebanyak RM6,776.70 atas pembelian kenderaan bermotor yang bernilai sebanyak RM112,945.01

Nota: TB – Tidak Berkaitan

Perkara ini berlaku antaranya disebabkan oleh Unit Pulang Balik melaksanakan *Desk Audit* seperti ditetapkan dalam SOP. JKDM melaksanakan semakan sebelum pembayaran secara *Desk Audit* antaranya kerana perkara 67 Peraturan-Peraturan GST 2014 yang menetapkan bahawa pembayaran balik ITC akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja bagi tuntutan tidak berisiko tinggi atau tidak memerlukan verifikasi di stesen/negeri bagi penyerahan penyata secara elektronik dan 28 hari bekerja bagi penyerahan penyata secara manual.

Sehubungan itu, JKDM telah meluluskan sejumlah 44,691 daripada 111,713 permohonan dalam masa 14 hari pada tahun 2015 bagi memenuhi peraturan yang ditetapkan tersebut. Pada tahun 2016, kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja telah meningkat kepada 148,776 daripada 243,393 permohonan manakala pada tahun 2017 (setakat Oktober 2017) permohonan yang diluluskan dalam tempoh 14 hari adalah berjumlah 89,364 daripada 170,215 permohonan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11** dan di **Lampiran 2**.

JADUAL 11
TEMPOH MASA KELULUSAN PERMOHONAN BAYARAN BALIK GST DILULUSKAN DARI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN KELULUSAN	DALAM TEMPOH 14 HARI (Bil.)	DI ANTARA 15-30 HARI (Bil.)	DI ANTARA 31-90 HARI (Bil.)	LEBIH 90 HARI (Bil.)	JUMLAH (Bil.)
2015	44,691	35,179	24,972	6,871	111,713
2016	148,776	38,016	42,959	13,642	243,393
2017	89,364	45,061	32,826	2,964	170,215
JUMLAH	282,831	118,256	100,757	23,477	525,321

JKDM telah mengambil tindakan proaktif bagi menangani isu semakan VO, RO dan HOU yang lebih bergantung kepada *Desk Audit* dan masalah Orang Berdaftar menghantar pengistiharan borang GST-03 yang diragui tak betul dan kurang ikrar. Pada bulan Jun 2017, JKDM telah mengambil inisiatif melalui dasar baru *Informed Compliance* dan operasi *Customs Blue Ocean Strategy* (CBOS) dengan menghantar Notis Peringatan Mesra kepada 62,000 Orang Berdaftar. Program dan Operasi tersebut amat berkesan dan sehingga kini JKDM telah berjaya mengutip sejumlah RM2.422 bilion daripada 57,922 Orang Berdaftar.

Pada pendapat Audit, semakan VO dan RO secara *Desk Audit* sebelum bayaran adalah kurang terperinci. Inisiatif JKDM melaksanakan *Informed Compliance* dan CBOS harus dipuji kerana telah berjaya meningkatkan hasil Kerajaan pada tahun 2017.

4.5 Beban Tugas Pegawai Di Unit Pulang Balik Dan CAG

Task refund telah meningkat dengan ketara dari tahun 2015 hingga 2017. Pada tahun 2015 sejumlah 195,073 permohonan telah diterima. Permohonan ini telah meningkat sebanyak 50.35% kepada 387,432 permohonan pada tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya manakala pada tahun 2017 sehingga September, sejumlah 275,573 permohonan telah diterima oleh JKDM melalui sistem MyGST.

4.5.1 Beban Tugas *Refund Officer* dan *Head Of Unit*

Selaras dengan pertambahan bilangan *task refund* setiap tahun, bebanan kerja *Refund Officer* (RO) dan *Head Of Unit* (HOU) di Ibu Pejabat juga sentiasa meningkat. RO bertanggungjawab menyemak hasil verifikasi oleh VO dan menyemak permohonan bayaran balik GST melalui *desk audit*

manakala HOU akan menyemak hasil *desk audit* dan ulasan yang dibuat oleh RO untuk tindakan kelulusan.

Analisis Audit di Unit Pulang Balik Ibu Pejabat JKDM menunjukkan pada tahun 2015, 2016 dan 2017 secara purata seorang pegawai RO telah dipertanggungjawabkan menyemak sebanyak 22 hingga 28 *task refund* sehari manakala bagi HOU pula secara purata bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 seorang pegawai dipertanggungjawabkan menyemak sebanyak 44 hingga 60 task refund sehari. Beban tugas RO dan HOU seperti di jadual berikut:

JADUAL 12
BILANGAN RO DAN HOU BERBANDING *TASK* SECARA BULANAN DAN HARIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN		BILANGAN TASK SETAHUN	PURATA SEMAKAN TASK SEORANG			
				SEBULAN		SEHARI**	
	RO	HOU		RO	HOU	RO	HOU
2015	50	25	195,073	488	975	22	44
2016	55	28	387,432	587	1153	27	52
2017	55	26	275,573	626	1325	28	60

Nota: * Bilangan Refund Task tahun 2017 adalah setakat 05 September 2017
** 22 hari bekerja sebulan

Pada pendapat Audit, purata tugas seorang RO setiap hari menyemak antara 22 hingga 28 permohonan/*task* refund dan HOU antara 44 hingga 60 *task refund* adalah amat membebankan. Setiap permohonan/*task refund* yang disemak, RO dan HOU perlu mendapat dan menyemak dokumen sokongan dalam tempoh masa yang singkat. Selain itu, terdapat permohonan yang rumit dan melibatkan bilangan transaksi yang banyak.

4.5.2 Beban Tugas *Verification Officer*

Bagi setiap permohonan yang dikenalpasti berisiko oleh RMS, permohonan tersebut akan menjadi *lead* untuk diproses di peringkat negeri/cawangan. *Verification Officer* (VO) di peringkat negeri/cawangan akan menjalankan verifikasi terhadap semua *Lead Refund Audit* (LRA) yang diterima daripada sistem MyGST yang telah ditapis oleh RMS. Setelah semua proses verifikasi selesai dijalankan, ia akan dikemukakan semula ke Ibu Pejabat JKDM untuk tindakan proses pembayaran balik GST. Beban tugas pegawai VO di Unit Pulang Balik di Negeri Pulau Pinang dan Johor dari tahun 2015 hingga 2017 telah dianalisis. Berdasarkan purata 22 hari bekerja dalam sebulan, bagi Negeri Pulau Pinang purata semakan bulanan bagi seorang

VO ialah 23 *lead* pada tahun 2015, purata semakan *lead* bagi tahun 2016 telah menurun iaitu sejumlah 16 *lead* sebulan bagi seorang pegawai manakala sehingga September 2017 sejumlah 10 *lead*.

Bagi Negeri Johor bilangan purata semakan sebulan bagi seorang VO pada tahun 2015 ialah 87 *lead* menurun kepada 56 *lead* pada tahun 2016 manakala sehingga September 2017 sebanyak 45 *lead*. Analisis Audit ini menunjukkan tugas VO di negeri berbanding dengan RO di Ibu Pejabat adalah kurang membebankan kerana seorang VO secara purata hanya perlu membuat semakan antara 0.45 hingga 7.25 *lead*/permohonan dalam sehari. Perinciannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13
BILANGAN PEGAWAI VO BERBANDING TUGASAN

JKDM NEGERI	BILANGAN VO	BILANGAN *LEAD* SETAHUN	PURATA SEMAKAN LEAD SETIAP VO	
			SEBULAN	SEHARI
Pulau Pinang				
2015	23	4,223	23	1.05
2016	23	4,410	16	0.73
2017	27	2,420*	10	0.45
Johor Bahru				
2015	8	5,589	87	7.25
2016	10	6,743	56	4.67
2017	11	4,504*	45	2.05

Sumber Data Jumlah Lead Refund Audit dari Unit RMS
Nota: * Bilangan *lead* tahun 2017 adalah setakat 25 September 2017
** 22 hari bekerja sebulan

Bagaimanapun menurut JKDM, VO juga terlibat dengan Operasi CBOS, permohonan dan pembatalan GST, membuat pemeriksaan premis dan menyediakan laporan kepada Cawangan Pulang Balik.

4.5.3 Beban Tugas Pegawai Audit CAG

Semakan terperinci terhadap permohonan bayaran balik GST oleh pegawai JKDM hanya dijalankan menerusi pengauditan Cawangan Auditan GST (CAG) dan Unit Siasatan Fraud GST. Analisis Audit mendapati kadar dan bilangan Orang Berdaftar yang telah diaudit oleh CAG dari tahun 2016 hingga Ogos 2017 adalah rendah. Daripada 454,609 Orang Berdaftar, hanya sebanyak 8,027 (1.77%) sahaja yang telah diaudit.

Bagaimanapun, Pegawai Audit CAG di seluruh negara hanya mempunyai seramai 337 orang pada tahun 2015, seramai 557 orang pada 2016 dan

seramai 523 orang pada 2017. Bagi tahun 2017, nisbah Pegawai CAG berbanding Orang Berdaftar dengan GST adalah 1:869.

Namun, pengauditan yang dijalankan bagi tempoh yang sama berjaya mengesan nilai tuntutan GST berjumlah RM353.37 juta yang terkurang bayar daripada 5,482 (68.29%) Orang Berdaftar berbanding 8027 yang diaudit. Perincian analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14
PRESTASI PENGAUDITAN OLEH CAWANGAN AUDITAN GST
BAGI TAHUN 2015 HINGGA OGOS 2017

TAHUN	BIL. ORANG BERDAFTAR GST	PENGAUDITAN OLEH CAG		HASIL PENGAUDITAN				
		BIL. ORANG BERDAFTAR DIAUDIT	PERATUS DIAUDIT %	FAIL TIDAK BERTUNTUTAN		FAIL BERTUNTUTAN		
				BIL.	PERATUS (%)	BIL.	NILAI (RM)	PERATUS (%)
2015	400,536							
2016	431,753	3,686	0.85	1,869	50.71	1,817	125,177,926.49	49.29
2017	454,609	4,341	0.95	676	15.57	3,665	228,193,966.87	84.43
JUMLAH	454,609	8,027	1.77	2,545	31.71	5,482	353,371,893.36	68.29

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan Orang Berdaftar amat rendah. Selain itu, tugas pegawai RO, HOU dan CAG amat membebankan sehingga menjejaskan bilangan dan kualiti semakan.

4.6 Kaedah Pengisytiharan Borang GST-03

Seksyen 41 Akta GST 2014 menghendaki tiap-tiap orang kena cukai hendaklah, berkenaan dengan tempoh bercukainya, mengakaunkan cukai dalam penyata sebagaimana yang ditetapkan dan penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai itu yang berhubungan dengan penyata itu.

Semakan Audit mendapati pengisytiharan yang dibuat oleh Orang Kena Cukai adalah dalam Borang GST-03 yang dihantar melalui sistem MyGST. Perkara yang terdapat dalam Borang GST-03 antaranya ialah cukai output, cukai input dan maklumat tambahan seperti jumlah nilai pembekalan berkadar sifar, jumlah pembekalan eksport, jumlah nilai pembekalan dikecualikan serta jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan GST. Bagaimana pun JKDM tidak mewajibkan dokumen sokongan (*GST Listing)* dikemukakan bersama-sama Borang GST-03 yang dihantar melalui sistem MyGST. *GST listing* akan diminta oleh VO dan RO semasa semakan. Tanpa *GST listing* ini akan

melambatkan semakan oleh VO dan RO bagi meluluskan pulang balik kepada OKC.

Pada pendapat Audit, dokumen sokongan seperti GST *listing* bagi Orang Berdaftar yang berposisi *refund* hendaklah dimuat naik bersama-sama Borang GST-03 bagi menyokong pengisytiharan yang telah dibuat secara elektronik.

4.7 Maklumat Dalam Borang GST-03 Tidak Tepat

Analisis Audit terhadap data daripada sistem MyGST bagi tahun 2017 mendapati data tersebut adalah meragukan seperti berikut:

4.7.1 Data Berkaitan Perolehan Harta Modal

Analisis terhadap data sistem MyGST bagi ruangan harta modal dalam Borang GST-03 oleh OKC mendapati 298 pengisytiharan bernilai RM100 dan ke bawah. Juga didapati 13 pengisytiharan Borang GST-03 di 10 negeri melibatkan perolehan harta modal antara RM0.03 hingga RM1. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15
BILANGAN DAN NILAI PEROLEHAN HARTA MODAL DALAM BORANG GST-03 BAGI TAHUN 2017

NEGERI	a. ≤ RM1		b. ≤ RM20		c. >RM20 & <RM50		d. ≥ RM50 & ke atas		JUMLAH KESELURUHAN	
	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)
JOHOR	1	0.05	4	58.72	4	137.48	16	1,313.55	25	1,509.80
KEDAH	1	0.03	3	33.08	5	184.03	11	765.60	20	982.74
KELANTAN	1	0.60	6	53.13	4	110.73	2	152.30	13	316.76
KLIA	1	1			4	173.88	11	770.30	16	945.18
MELAKA	TB	TB	1	16.28	7	258.62	6	470.82	14	745.72
NEGERI SEMBILAN	TB	TB	1	10.50	1	46.93	6	460.90	8	518.33
PAHANG	1	0.50	4	58.02	3	114.98	3	215.67	11	389.17
PERAK	TB	TB	3	21.88	8	265.82	12	995.88	23	1,283.58
PERLIS	TB	TB	TB	TB	TB	TB	1	80.19	1	80.19
PULAU PINANG	1	0.94	4	38.65	5	167.15	17	1,219.67	27	1,426.41
SABAH	1	0.70	2	11.13	4	108.44	8	537.48	15	657.75
SARAWAK	1	1	3	28.16	9	300.85	12	869.10	25	1,199.11
SELANGOR	1	0.38	13	103.53	9	273.11	25	1,808.08	48	2,185.10
TERENGGANU	TB	TB	1	14.15	2	75.28	4	286.03	7	375.46
WP KUALA LUMPUR	4	2.10	13	117.49	5	149.58	23	1,695.80	45	1,964.97
JUMLAH	13	7.30	58	564.72	70	2366.88	157	11,641.37	298	14,580.27

*TB – Tidak Berkaitan

4.7.2 Amaun Pembayaran Balik Kurang Daripada RM1

Akta GST membenarkan tuntutan bayaran balik GST oleh OKC yang mempunyai kredit cukai input. Analisis ke atas syarikat yang tiada pembekalan dan telah diluluskan pembayaran balik mendapati 936 buah syarikat mempunyai amaun tuntutan pembayaran balik GST kurang daripada RM0.10 bagi tahun 2017. Butiran tuntutan pembayaran balik GST kurang daripada RM1 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16
BILANGAN DAN AMAUN PEMBAYARAN BALIK DALAM BORANG GST-03
BAGI TAHUN 2017

KATEGORI/ NEGERI	a. <RM0.10		b. >RM0.10 & <RM0.50		c. > 50 Sen dan <RM1.00		JUMLAH KESELURUHAN	
	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)	Bilangan GST-03	Nilai (RM)
JOHOR	95	4.42	80	18.06	58	40.88	233	63.36
KEDAH	24	1.33	15	3.9	17	13.31	56	18.54
KELANTAN	11	0.48	12	2.88	2	1.74	25	5.1
KLIA	46	2.29	27	5.93	24	16.29	97	24.51
MELAKA	16	0.96	11	2.91	8	5.88	35	9.75
NEGERI SEMBILAN	19	0.84	22	5.07	10	6.24	51	12.15
PAHANG	13	0.78	30	7.17	13	8.57	56	16.52
PERAK	53	2.98	45	10.64	27	18.66	125	32.28
PERLIS	1	0.09	1	0.12	4	3.03	6	3.24
PULAU PINANG	78	3.49	48	9.96	34	22.86	160	36.31
SABAH	40	1.69	37	9.86	26	17.14	103	28.69
SARAWAK	112	5.3	125	31.88	65	46.18	302	83.36
SELANGOR	207	10.7	203	47.12	119	83.54	529	141.36
TERENGGANU	10	0.56	6	2.22	2	1.05	18	3.83
WP KL	210	10.62	189	42.29	132	91.12	531	144.03
WP LABUAN	1	0.03	5	1.13	5	3.34	11	4.5
JUMLAH KESELURUHAN	936	46.56	856	201.14	546	379.83	2,338	627.53

Pada pendapat Audit, nilai harta modal yang diisytiharkan dalam Borang GST-03 adalah tidak munasabah kerana kurang daripada RM100. Selain itu, amaun cukai input bernilai RM1 dan ke bawah juga tidak munasabah. Ini boleh menyebabkan pembayaran balik *Auto approved* meragukan dan laporan GST yang dijana tidak tepat.

4.8 Perbandingan Pengisytiharan Nilai Jualan

Perbandingan pengisytiharan nilai jualan OKC kepada JKDM dan LHDNM bagi tahun 2016 yang dipilih sebagai sampel Audit mendapati perkara berikut:

a. Nilai jualan yang diisytihar berbeza melebihi 10.4%.
b. Rekod Syarikat tidak ditemui dalam sistem MyGST walaupun nilai jualan yang direkodkan di LHDNM telah melebihi RM500 ribu setahun.
c. Syarikat yang telah mengenakan GST tetapi belum berdaftar GST.
d. Syarikat berdaftar dengan JKDM dan telah mendapat bayaran balik tetapi tiada rekod di LHDNM atau tiada pengisytiharan pada tahun 2016.

Perinciannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17
PERBANDINGAN PENGISYTIHARAN NILAI JUALAN OLEH OKC
DI JKDM DAN LHDNM BAGI TAHUN 2016

NAMA SYARIKAT	JKDM (RM)	LHDNM (RM)	PERBEZAAN (RM)	% PERBEZAAN
Dyna Computer Centre Sdn. Bhd. (DCCM)	15,499,520.00	10,459,238	5,040,282.00	32.5
Dynabook Computer Centre (Pantai Timur) Sdn. Bhd. (DPT)*	TBG	336,700	336,700.00	100
Creative Educare (M) Sdn. Bhd.	3,558,912.83	3,190,127	368,785.83	10.4
Kuo Liang Book House Sdn Bhd	4,904,823.98	TM	4,904,823.98	100
CSS Management Sdn. Bhd.	2,441,836.76	3,419,413	(977,576.24)	(40.0)
Suhati Sdn. Bhd.	170,576,918.79	104,448,528	66,128,390.79	38.8
Ana Patin House	264,204.00	TM	264,204.00	TM
DSH Specialist Car Centre, Sri Hartamas	805,140.00	TM	TM	100
Boon Beng Stationery and Printing Sdn. Bhd.	TBG	17,137,979	TM	TM
Son Hen Trading	1,994,243.07	TM	TM	TM

Sumber Data MyGST, JKDM dan LHDNM
Nota: TBG – Tidak Berdaftar GST TM- Tiada Maklumat

** Dynabook Computer Centre (Pantai Timur) Sdn Bhd (DPT) berdasarkan penemuan audit JKDM mendapati Bill Of Demand yang akan dikeluarkan untuk amaun RM47,456.80 (perbezaan sebanyak RM289,243.20)*

Pada pendapat Audit, pengisytiharan nilai jualan oleh OKC yang sama kepada JKDM dan LHDNM bagi tempoh yang sama menunjukkan perbezaan yang ketara. Ini menimbulkan keraguan terhadap amaun yang diisytihar oleh OKC.

4.9 Pemantauan

Pemantauan adalah elemen penting bagi pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah bagi membolehkan tindakan penyelesaian segera diambil. Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan sesuatu aktiviti atau projek dapat mencapai matlamatnya serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan yang cekap, berkesan serta berterusan akan menjamin kelancaran dan kejayaan sesebuah aktiviti agar ia menepati segala hasrat yang dirancang.

Bagi menjamin pengauditan yang dijalankan ke atas Orang Berdaftar adalah berkualiti dan mantap, Cawangan Jaminan Kualiti Audit (CJKA) telah dipertanggungjawabkan:

- Menetapkan dasar pengauditan GST;
- Menganalisis, merancang dan memantau prestasi pengauditan;
- Menjalankan kajian prosedur pengauditan;
- Menyemak Laporan Audit GST yang disediakan oleh CAG di dalam Sistem MyGST untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan hasil pengauditan;
- Mengkaji beban tugas pengauditan;
- Menganalisis risiko terhadap sektor/industri kritikal;
- Membangunkan data profil syarikat berdasarkan kepada hasil pengauditan untuk digunakan dalam rancangan pengauditan; dan
- Memantau prestasi pengauditan selaras dengan perancangan/KPI yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati CJKA menjalankan semakan terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Cawangan JKDM di negeri. Bagi tahun 2015 hingga 2017, CJKA telah menyemak sebanyak 1,060 fail semua jenis pengauditan yang dibuat oleh Cawangan Negeri dan telah mengeluarkan sebanyak 195 (18.4%) teguran. Bagaimanapun, CJKA tidak menjalankan semakan ke atas pengauditan yang dijalankan oleh CAG, Ibu Pejabat.

5. SYOR AUDIT

5.1 Dokumen sokongan seperti *GST listing* bagi Orang Berdaftar yang posisi *Refund* hendaklah disertakan bersama-sama Borang GST-03.

5.2 JKDM perlu memperkasakan peranan pegawai VO/RO/HOU supaya semakan terhadap pengisytiharan Orang Berdaftar dibuat dengan lebih terperinci dan menyeluruh. Selain itu, fail-fail pengauditan yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat juga perlu disemak oleh satu Unit seperti CJKA yang kini hanya melaksanakan *Quality Assurance* terhadap fail peringkat Negeri.

5.3 JKDM perlu mengasingkan ruangan pengisytiharan nilai perbekalan yang diberi pelepasan kepada swasta dan Kerajaan di dalam Borang GST-03. Selain itu, sistem MyGST juga perlu boleh mengeluarkan amaun pulang balik GST yang dibayar mengikut kategori.

5.4 JKDM dan LHDNM menjalankan semak silang dan perkongsian data yang lebih berkesan bagi mengenalpasti amaun yang diisytihar kepada kedua-dua agensi adalah tepat.

5.5 Sistem MyGST hendaklah menetapkan amaun minima yang boleh dikunci masuk oleh Orang Berdaftar bagi mengelakkan kemasukan data yang tidak munasabah contohnya nilai perolehan harta modal.

Lampiran 1

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)

Sektor	Keterangan
A	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
B	Perlombongan dan pengkuarian
C	Pembuatan
D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan pendingin udara
E	Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
F	Pembinaan
G	Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
H	Pengangkutan dan penyimpanan
I	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
J	Maklumat dan komunikasi
K	Aktiviti kewangan dan insurans/ takaful
L	Aktiviti Hartanah
M	Aktiviti professional, saintifik dan teknikal
N	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan
O	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib
P	Pendidikan
Q	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial
R	Kesenian, hiburan dan rekreasi
S	Aktiviti perkhidmatan lain
T	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri
U	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

Lampiran 2

Prestasi Tempoh Masa Kelulusan Terhadap Permohonan Bayaran Balik GST Dari Tahun 2015 hingga 2017

Return Filing Period	Usia Permohonan Diproses Sehingga Selesai (Issued To Bank)				Jumlah
	Dalam tempoh 14 hari	Di antara 15-30 hari	Di antara 31-90 hari	Lebih 90 hari	
Tahun 2015					
April	3,138	5,459	1,880	172	10,649
Mei	3,534	4,833	1,876	243	10,486
Jun	10,687	9,116	8,358	1,865	30,026
Julai	2,394	3,338	4,177	1,149	11,058
Ogos	4,777	4,195	1,985	549	11,506
September	18,499	5,403	3,997	1,762	29,661
Oktober	5,243	2,633	2,874	1,079	11,829
November	5,020	3,443	2,535	812	11,810
Disember	19,809	6,009	6,592	2,221	34,631
Jumlah	**73,101**	**44,429**	**34,274**	**9,852**	**161,656**
Tahun 2016					
Januari	6,970	2,861	2,873	653	13,357
Februari	6,871	3,558	2,511	333	13,273
Mac	22,504	6,151	5,821	599	35,075
April	9,472	2,867	1,077	177	13,593
Mei	10,022	1,834	1,178	266	13,300
Jun	25,678	5,052	3,136	1,358	35,224
Julai	9,051	1,688	1,629	854	13,222
Ogos	7,784	2,318	1,978	1,058	13,138
September	20,613	4,072	5,081	3,961	33,727
Oktober	5,410	971	5,634	1,043	13,058
November	3,781	2,101	6,430	822	13,134
Disember	17,649	7,156	7,952	1,077	33,834
Jumlah	**145,805**	**40,629**	**45,300**	**12,201**	**243,935**
Tahun 2017					
Januari	6,135	3,961	2,553	402	13,051
Februari	5,667	3,165	3,604	298	12,734
Mac	17,375	7,622	6,306	602	31,905
April	5,701	4,687	1,925	104	12,417
Mei	5,649	3,155	3,235	17	12,056
Jun	17,610	7,686	3,453	1	28,750
Julai	5,153	2,904	107		8,164
Ogos	613	17			630
September	22	1			23
Jumlah	**63,925**	**33,198**	**21,183**	**1,424**	**119,730**
Jumlah Keseluruhan	**282,831**	**118,256**	**100,757**	**23,477**	**525,321**

UNIT AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
ARAS 4, PERBENDAHARAAN 2
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.7, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA
TEL :0388906468

SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA

UNTUK SIARAN SEGERA

BILANGAN 2-8 / 2018

RM19.4 BILION DITUNTUT OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) UNTUK PEMBAYARAN BALIK (REFUND) GST TETAPI TIDAK DILULUSKAN OLEH MESYUARAT TABUNG AMANAH BULANAN

1. Tabung Amanah adalah satu Kumpulan Wang yang diwujudkan bagi tujuan pembayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di bawah **Seksyen 54, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (2014).** Semua bayaran GST dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan yang kemudiannya akan dipindahkan kepada Tabung Amanah untuk membolehkan pembayaran balik GST dapat dilaksanakan.

2. Dalam tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Mei 2018, pihak JKDM telah melaporkan dalam Mesyuarat Tabung Amanah Bulanan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan bahawa keperluan pulangan balik GST adalah berjumlah RM82.9 bilion. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada Borang GST-03 (untuk menuntut bayaran balik GST) yang telah difailkan ke dalam sistem GST JKDM oleh pembayar cukai.

3. Walau bagaimanapun, daripada keperluan pembayaran balik GST sebanyak RM82.9 bilion yang telah dilaporkan, hanya RM63.5 bilion pembayaran balik GST telah dibayar melalui Tabung Amanah bagi sepanjang tempoh yang sama. JKDM ada menuntut RM82.9 bilion daripada Mesyuarat Tabung Amanah Bulanan ini untuk tujuan pembayaran balik GST dalam tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Mei 2018 tetapi jumlah penuh tidak dipindahkan kepada Tabung Amanah.

4. Oleh itu, pada 31 Mei 2018, Tabung Amanah masih memerlukan dan mengalami kekurangan untuk membayar tunggakan bayaran balik cukai GST sebanyak RM19.4 bilion.

Sekian, terima kasih.

###

DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM
10 OGOS 2018

Telefon: 03-88822100| Faksimili : 03-88895884
Laman Web : www.customs.gov.my | Facebook : Jabatan Kastam Diraja Malaysia
E-mel : cpa@customs.gov.my

PENJELASAN ISU SIARAN MEDIA BERKAITAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK GST YANG BERNILAI RM19.4 BILION

SIARAN MEDIA 4 DISEMBER 2018

- RM19.4 billion telah diluluskan untuk dibuat bayaran

Tafsiran JKDM

- Setiap penyata GST-03 dalam posisi pulang balik yang telah melepasi tapisan Risiko *(Risk Engine)* adalah ditafsirkan telah diluluskan untuk dibuat bayaran.

- Kriteria-kriteria risiko adalah dalam *High Risk Rules* dan *Common Risk Rules*.

- Permohonan tuntutan yang **telah diluluskan oleh sistem** adalah sah

SEJARAH PELAKSANAN SISTEM GST

Semasa regim Sistem Percukaian SST 1.0

- Pengecualian cukai ke atas bahan mentah diberi secara *upfront.*
- Tiada bebanan aliran tunai.

Semasa Era Pelaksanaan Sistem GST

- Bantahan melalui dialog dari pihak NGO (FMM, ACCIM, Dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan Cina, badan professional dan MICCI)
  - Bayar cukai dahulu dan tuntut kemudian.
  - Aliran Tunai Terjejas.
- Negara lain mengamalkan pengenaan faedah ke atas kelewatan bayaran balik.
- Peraturan 67(1)(a) Peraturan-peraturan CBP 2014 : masa bagi pembayaran balik kredit cukai input (ITC) adalah dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas penyata dihantar.
  - Memerlukan tapisan risiko oleh sistem dan verifikasi yang minima sahaja

PENGAUDITAN

- Seksyen 4 Akta CBP (Pemansuhan) 2018 dan Seksyen 43 Akta CBP 2014

"**pengauditan masih boleh dijalankan tidak lebih daripada enam (6) tahun** dari tarikh cukai itu genap masa dan kena dibayar atau dari tarikh pembayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali jika pada pendapat Ketua Pengarah Kastam apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berkaitan dengan atau berhubung dengan cukai, Ketua Pengarah Kastam boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai atau pembayaran balik cukai yang boleh dikaitkan fraud atau keingkaran sengaja itu membuat pada bila-bila masa suatu taksiran."

Kelulusan *refund* melibatkan 7 hingga 9 peringkat pemerosesan membabitkan 3 hingga 4 Cawangan / Negeri berbeza...





50 SYARIKAT YANG TERTINGGI NILAI TUNTUTAN PULANGBALIK

- Amaun berjumlah RM8 billion
- 543 transaksi penyata GST-03
- Syarikat Kumpulan Petronas berjumlah RM3.68 billion
- Syarikat yang *established* adalah mempunyai tahap pematuhan yang tinggi dan kebiasaannya tuntutan tersebut adalah sah.

KESIMPULAN

JKDM berpandangan penyata dalam posisi pulang balik telah diluluskan apabila melepasi tapisan *risk rules* di peringkat sistem

SURAT IKATAN AMANAH BAGI
KUMPULAN WANG YANG DITUBUHKAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 54(1) AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

KUMPULAN WANG BAGI PEMBAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

DENGAN SURAT IKATAN AMANAH ini yang dibuat pada 13 Mac 2015 memperuntukkan pengawalan dan pengurusan Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang ditubuhkan di bawah subseksyen 54(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan digabungkan ke dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957, kemudian daripada ini disebut sebagai 'Kumpulan Wang'.

BAHAWASANYA Menteri Kewangan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 10(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, dan tertakluk kepada seksyen 54 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, membuat peruntukan mengenai pengawalan dan pengurusan Kumpulan Wang ini dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

MAKA SURAT IKATAN AMANAH ini menyaksikan seperti berikut:

Tujuan Kumpulan Wang

1. Kumpulan Wang ini adalah bertujuan untuk memperakaunkan wang bagi tujuan membuat apa-apa pembayaran balik di bawah seksyen 38 dan Bahagian VII Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pentadbiran Kumpulan Wang

2. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Wang. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Wang ialah Akauntan Negara Malaysia yang juga hendaklah mentadbir Kumpulan Wang menurut subseksyen 54(4) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Jawatankuasa Kumpulan Wang yang dikenali secara kolektif sebagai Jawatankuasa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP (kemudian dikenali sebagai 'Jawatankuasa Kumpulan Wang'), yang keanggotaannya adalah terdiri daripada:

2.1	Ketua Setiausaha Perbendaharaan	- Pengerusi
2.2	Akauntan Negara Malaysia	- Timbalan Pengerusi

2.3	Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia	- Ahli
2.4	Pengarah Kastam (Bahagian Cukai Barang dan Perkhidmatan)	- Ahli
2.5	Wakil Bahagian Cukai, Perbendaharaan	- Ahli
2.6	Ketua Akauntan (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)	- Ahli
2.7	Timbalan Pengarah, Pusat Pendaftaran dan Pengurusan Hasil GST (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)	- Setiausaha

3. Pelantikan Jawatankuasa Kumpulan Wang adalah atas nama jawatan pegawai tersebut.

4. Fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Kumpulan Wang adalah sebagaimana yang dipertanggungkan oleh Surat Ikatan ini tertakluk kepada peruntukan undang-undang. Bidang tugas Jawatankuasa Kumpulan Wang adalah seperti berikut:

4.1 memutuskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Kumpulan Wang;

4.2 memutuskan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang di dalam Kumpulan Wang ini selaras dengan tujuan penubuhan Kumpulan Wang;

4.3 menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Kumpulan Wang disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang sepatutnya ditetapkan di dalam Surat Ikatan ini, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berkaitan; dan

4.4 memastikan bahawa Kumpulan Wang berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Kumpulan Wang.

5. Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang dan sekiranya beliau tidak dapat hadir dalam mana-mana mesyuarat, beliau boleh mengarahkan Timbalan Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat. Sekiranya Timbalan Pengerusi tidak dapat hadir, Pengerusi hendaklah melantik mana-mana ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang yang boleh hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu. Pengerusi

mempunyai hak untuk mengundi sebarang isu yang dipertimbangkan dan sekiranya bahagian undi adalah sama, beliau boleh membuat undi penentuan.

6. Jawatankuasa Kumpulan Wang hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun, di tempat dan waktu yang ditetapkan oleh Pengerusi. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang ialah empat (4) orang ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang. Catatan minit mesyuarat hendaklah disediakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Wang dan diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang.

7. Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang yang tidak dapat hadir pada sesuatu mesyuarat boleh melantik mana-mana ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang atau mana-mana anggota di bawah kawalan pentadbirannya sebagai wakilnya untuk menyampaikan apa-apa pandangan di mesyuarat berkenaan, dengan memaklumkan kepada Pengerusi secara bertulis atau lisan terlebih dahulu.

8. Jawatankuasa Kumpulan Wang adalah bersama-sama turut bertanggungjawab bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab Kumpulan Wang.

9. Pengawalan dan pengurusan Kumpulan Wang ini hendaklah tertakluk kepada terma-terma Surat Ikatan ini, Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa. Tertakluk kepada terma dan peraturan berkenaan, Jawatankuasa Kumpulan Wang boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengawal selia pengurusan Kumpulan Wang dan peraturan-peraturan yang telah dipersetujui hendaklah direkodkan dengan teratur.

10. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang boleh mengarahkan secara bertulis seseorang pegawai perakaunan di bawah kawalan pentadbirannya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pengawal Kumpulan Wang bagi pihak dan atas namanya. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang juga hendaklah menetapkan dengan teratur secara bertulis bidang tugas pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan Kumpulan Wang.

11. Semua terimaan dan pengeluaran yang dibuat kepada, dan dari, Kumpulan Wang ini hendaklah diperakaunkan oleh Akauntan Negara Malaysia.

<u>Wang-Wang Yang Boleh Dikreditkan Ke Dalam Kumpulan Wang</u>

12. Kumpulan Wang ini hendaklah dikreditkan dari semasa ke semasa dengan apa-apa amaun berikut :

12.1 Amaun cukai yang dipungut di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri Kewangan; dan

12.2 Apa-apa amaun yang diperuntukkan bagi maksud Kumpulan Wang ini oleh Parlimen.

Penggunaan Wang Kumpulan Wang

13. Wang dalam Kumpulan Wang ini hendaklah digunakan bagi tujuan membuat apa-apa pembayaran balik di bawah seksyen 38 dan Bahagian VII Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pengeluaran Wang Dari Kumpulan Wang

14. Semua pengeluaran dari Kumpulan Wang ini hendaklah dibuat mengikut peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa. Semua pengeluaran dari Kumpulan Wang hendaklah dibuat melalui baucar yang telah disahkan oleh Pegawai Pengawal Kumpulan Wang atau pegawai-pegawai lain yang diarahkan oleh Pegawai Pengawal Kumpulan Wang secara bertulis. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang hendaklah memastikan semua pengeluaran tersebut dicatatkan dalam rekod kewangan Kumpulan Wang.

15. Semua atau sebahagian wang dalam Kumpulan Wang ini boleh dikeluarkan untuk dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan, atas arahan Menteri Kewangan selaras dengan subseksyen 54(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

16. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang atau pegawai yang diarahkan hendaklah memastikan bahawa tidak berlaku terlebih pengeluaran dari Kumpulan Wang ini dan ianya hendaklah sentiasa berbaki kredit.

Akaun dan Audit

17. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang hendaklah menyimpan akaun dan rekod-rekod lain berkenaan dengan perjalanan Kumpulan Wang dengan sempurna dan hendaklah menyediakan penyata-penyata dan laporan-laporan Kumpulan Wang untuk setiap tahun kewangan.

18. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa Sijil Pengesahan Baki bulanan, tahunan dan penutupan akaun Kumpulan Wang dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tarikh yang ditetapkan. Apabila mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tahunan, ianya hendaklah juga disalinkan kepada Ketua Audit Negara.

19. Pegawai pengawal Kumpulan Wang hendaklah secepat yang mungkin, selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat dari 31 Mac pada tahun yang berikutnya, mengemukakan kepada Ketua Audit Negara, Penyata Kumpulan Wang yang lengkap

mengandungi butiran berhubung dengan baki permulaan, terimaan-terimaan dan bayaran-bayaran bagi tahun kewangan berkenaan dan baki Kumpulan Wang setakat 31 Disember.

20. Pegawai Pengawal Kumpulan Wang hendaklah menyerahkan Penyata Kumpulan Wang yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia.

Pemakaian Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Tatacara Kewangan 1957

21. Pengurusan Kumpulan Wang ini hendaklah sentiasa tertakluk kepada peruntukan Bahagian VI Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

22. Tertakluk kepada seksyen 55 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, peruntukan-peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 hendaklah juga terpakai bagi pengurusan Kumpulan Wang ini.

Penutupan Kumpulan Wang

23. Kumpulan Wang ini hendaklah ditutup mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 apabila tujuan Kumpulan Wang ini telah tercapai atau Kumpulan Wang ini telah tidak diperlukan lagi. Apa-apa baki kredit di dalam akaun ini hendaklah dimasukkan ke Akaun Hasil Disatukan.

Permulaan Kuat Kuasa

24. Surat Ikatan Amanah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 13 Mac 2015.

Bagi pihak dan atas nama
Menteri Kewangan

(DATO' NOORRIZAN BINTI SHAFIE)
Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam
Perbendaharaan Malaysia

Perbendaharaan Malaysia
KK/BPA/WAI(S)10/7/1/1-25
Tarikh: 13 Mac 2015

PEGUAM NEGARA MALAYSIA
ATTORNEY GENERAL MALAYSIA
Jabatan Peguam Negara, Malaysia (AGC)
Attorney General's Chambers, Malaysia (AGC)
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 03-8872 2011
Faks (Fax): 03-8890 5609
Laman Web (Web): www.agc.gov.my
[redacted]

PRIVATE AND CONFIDENTIAL
BY HAND

Our Ref. : PN(R)152/6005/56
Date : 9 October 2018

YBHG. DATUK ROOSME HAMZAH
Setiausaha Dewan Rakyat
Setiausaha Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk Roosme,

TAKLIMAT KEPADA AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS OLEH KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI

I) TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

II) LAPORAN PENGAUDITAN 1MDB (1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD)

I refer to your letter dated 24th August 2018

Enclosed is my Memorandum on the GST issue for consideration by the PAC.

Thank you.

Yours sincerely,

DITERIMA
09 OCT 2018
PEJABAT SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

Tommy Thomas
Attorney General

Copy:

YB TUAN LIM GUAN ENG
Minister of Finance
Ministry of Finance Malaysia
Aras 12, Blok Tengah
No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA

MEMORANDUM - TREATMENT OF GST MONIES

1. Introduction & Purpose

The GST regime was underpinned by the fundamental precept that taxpayers would receive a refund representing the amount of GST they paid in the course of producing taxable supplies. Parliament intended for this to happen, and taxpayers expected for this to happen. In other words, it is inherent in and integral to a GST system that refunds will be made to taxpayers.

The practice of the Royal Malaysian Customs Department (**Customs**) was to deposit 100% of GST monies directly into the Consolidated Revenue Account. Only 35% of the GST monies was subsequently transferred into the GST Trust Fund (which was created under the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762] ("the GST" Act) to hold GST refunds). The remaining 65% was retained in the Consolidated Revenue Account.

After GE14, it was revealed that the monies in the GST Trust Fund were insufficient for the purposes of paying the GST refunds; There is an alleged RM19.4 billion shortfall in the GST Trust Fund.

These results are compelling- such practice was clearly unsatisfactory. The purpose of this Memorandum is to consider whether the practice violated the law, having regard to trust law principles, the relevant legislation and Parliament's intention.

It should be noted that the shortfall related to approved refund claims and refund claims which are still under verification. For present purposes, this distinction is not relevant, and the Government's obligations to the tax payers apply equally to approved and pending refund claims.

2. Principles of Trust Law

It is unarguable that in law a portion of GST monies collected by the Government are held on trust for taxpayers to whom a refund is owed.

A trust exists where the owner of a legal or equitable interest in property is bound by an obligation, recognised by and enforced in equity, to hold that interest for the benefit of others, or for some purpose permitted by law. Put simply, a trust is a legal relationship where property is held by one party (the trustee) for the benefit of another party (the beneficiary).

The law recognises different types of trusts, such as express trusts, resulting trusts and constructive trusts. The GST Trust Fund is an example of an express trust. Express trusts are created expressly or impliedly by the actual terms of some instrument or which by some enactment are expressly imposed on persons in relation to property vested in them, whether or not they are already trustees of that property. In this case, the GST Act creates the GST trust fund, and imposes obligations on the trustee Government in relation to its treatment of the trust property (the GST monies). Hence, it is an express statutory trust.

The trustee government is the legal owner of GST monies received but it does not have beneficial ownership of that portion of the GST monies which is owed to the beneficiary taxpayers as refunds.

Trust law imposes duties on the trustee government to act in the best interests of the beneficiary taxpayers. At a minimum, this involves ensuring that the beneficiary taxpayers receive their refund within 14 days or 28 days under Regulation 67 of the GST Regulations 2014, for example, by ensuring a sufficient amount of the GST monies are held in a separate, discrete, designated trust account. By failing to do so, and by allowing the shortfall of RM19.2 billion to occur, the Government has unquestionably breached its duties as a trustee. This means that if any GST taxpayer who has been denied refunds sues the Government, the latter has no defence, and the taxpayer will succeed in the litigation.

The Government is also bound by trust accounting principles, which dictate that trust monies must not be mixed with other monies. By mixing trust monies with other monies in the Consolidated Revenue Account, the Government has failed to comply with trust accounting principles.

3. The Federal Constitution

The relevant Articles are reproduced.

Article 96 - No taxation unless authorized by law

96. No tax or rate shall be levied by or for the purposes of the Federation except by or under the authority of federal law.

Article 97- Consolidated Funds

97. (1) All revenues and moneys howsoever raised or received by the Federation shall, subject to the provisions of this Constitution and of federal law, be paid into and form one fund, to be known as the Federal Consolidated Fund.

4. The Financial Procedure Act 1957 [Act 61] ("the F.P. Act")

The relevant provisions of the F.P. Act follows:

Section 7 -Consolidated Fund Accounts

7. There shall be maintained by the financial authority in respect of the Consolidated Fund three separate accounts -

(a) an account to be called the Consolidated Revenue Account in which account shall be kept of all moneys in the Fund other than such moneys as are mentioned in paragraphs (b) and (c);

(b) an account to be called the Consolidated Loan Account in which account shall be kept of all moneys received by way of loan upon the public credit of the Federation or of the State, as the case may be; and

(c) **an account to be called the Consolidated Trust Account in which account shall be kept of all moneys received subject to a trust and to be applied in accordance with the terms of the trust.**

[my emphasis]

Thus, a sharp distinction is drawn in Section 7 of the Financial Procedure Act between the Revenue Account under paragraph (a) above and the Trust Account under paragraph (c). They are intended to be distinct and separate. Each account serves a different purpose, and monies intended to be credited into the two accounts should not be mixed or paid into one account.

Section 10 - Government Trust Funds

10. (1) (a) There shall be paid from the Federal Consolidated Fund into each of the funds specified in the Second Schedule such sums as may from time to time be appropriated for the purposes of the fund by federal law.

(2) The Minister in the case of a fund specified in the Second Schedule may apply the fund for the general purposes thereof or, subject to any written law, for such particular purposes as may from time to time be specified by resolution of the Legislature.

(3) All moneys not applied in accordance with subsection (2) shall be paid by the Minister or the State financial authority, as the case may be, into the Consolidated Fund and shall be accounted in a separate account in the Consolidated Trust Account to be applied in the manner provided in subsection (2).

(4) (a) The Dewan Rakyat may from time to time by resolution amend, delete from or add to the Second Schedule.

Analysis

- Section 7(a) and 7(c) of the F.P. Act make it clear that trust monies must be paid into the Consolidated Trust Account and not the Consolidated Revenue Account.
- The Consolidated Trust Account comprises Trust Accounts (Section 9) and Government Trust Funds (under Section 10), which are listed in the Second Schedule of the F.P. Act.
- The GST Trust Fund, created under the GST Act, is a Government Trust Fund which is expressly incorporated into the Second Schedule of the F.P. Act.
- The GST Trust Fund hence exists within the Consolidated Trust Account.
- GST monies held on trust for beneficiary taxpayers is trust money. Under Section 7(a) and 7(c), these monies should be paid into GST Trust Fund and not the Consolidated Revenue Account. Hence, the express statutory trust.
- The Government only has beneficial ownership of the total GST monies collected, less the total GST refunds. The Government can pay this difference into the Consolidated Revenue Account. However, the Government cannot realistically do so until it has calculated the GST refunds.
- The practice of first paying the bulk of GST monies into the Consolidated Revenue Account before GST refunds have been calculated has caused the current shortfall of RM 19.2 billion.

5. Position under the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762]

The relevant provisions are as follows:

Section 38- Credit for input tax against output tax

38. (1) Any taxable person is entitled to credit for so much of his input tax as is allowable under section 39 to be deducted from any output tax that is due from him.

(2) For the purposes of any tax on a taxable supply of goods or services to a taxable person, any flat rate addition included in the consideration of any supply acquired by a registered person from the approved person under section 74 shall be treated as a tax on the supply.

(3) subject to subsections (4) and (5), where -

(a) no output tax is due at the end of any taxable period; or

(b) the amount of the credit entitled by virtue of subsection (1) to the taxable person exceeds the output tax,

the amount of the credit or the amount of credit that exceeds the output tax, as the case may be, shall be refunded to the taxable person by the Director General.

(4) The whole or any part of any input tax due as credit to any taxable person in any taxable period may be held over to be credited to any following or subsequent taxable period, either on the taxable person's own application in writing or on any direction given by the Director General.

(5) Where at the end of any taxable period any amount is due under subsection (3), the Director General may withhold payment of the amount if -

(a) the taxable person fails to furnish the return under section 41 or to provide any information as required by the Director General; or

(b) the Director General has reasonable grounds to believe that the amount should not be the amount due to the person.

(6) No deduction shall be made under subsection (1) nor shall any refund be made under subsection (3), except on a claim made in the prescribed manner and within the prescribed time.

(7) Where any taxable person has made no taxable supply during a taxable period or any previous taxable period, any refund to be made under subsection (3) shall be made subject to the conditions imposed by the Director General as he deems fit.

(8) subject to subsections (5) and (7), any refund to be made by the Director General under subsection (3) shall be made within the prescribed time.

(9) Except as the Director General may otherwise allow—

(a) where a taxable person fails to pay his supplier the consideration or any part thereof for the supply of any goods or services made by his supplier to him at the end of the period of six months following the date of supply; and

(b) where the taxable person has credited under subsection (1) or been refunded under subsection (3) the input tax to which the consideration or the part thereof which he failed to pay relates,

the taxable person shall account an amount equal to the input tax which shall be deemed as his output tax.

(10) The taxable person shall account the amount deemed as output tax under subsection (9) in the taxable period after the period of six months has elapsed and in accordance with the method which he was required to use when he first credited the input tax and he shall repay the amount to the Director General at the same time as any tax in respect of the taxable period would be due and payable by him.

(11) Where a taxable person—

(a) has complied with subsection (10); and

(b) pays his supplier the consideration or any part thereof for the supply of goods or services referred to in paragraph (9)(a),

the taxable person shall be entitled to treat an amount equal to the input tax relating to the payment referred to in paragraph (b) as if it were an input tax for the taxable period during which the payment was made.

(12) The whole or any part of tax charged on any supply of goods or services or importation of goods, as may be prescribed, shall be excluded from any credit under this section.

Section 54- Establishment of Fund for Goods and Services Tax Refund

54. (1) A fund to be known as the Fund for Goods and Services Tax Refund (in this section referred to as "the Fund") is established which shall be specified in and incorporated into the Second Schedule to the Financial Procedure Act 1957 [Act 61].

(2) There shall be paid into the Fund the amount of tax collected under this Act as may be authorized by the Minister.

(3) The moneys of the Fund shall be applied for the making of any refund under section 38 and Part VII.

(4) The Fund shall be administered by the Accountant General of Malaysia.

(5) Notwithstanding subsection (2) and the provisions of the Financial Procedure Act 1957, the Minister may authorize the payment into the Consolidated Revenue Account in the Federal Consolidated Fund of all or part of the moneys of the Fund.

[my emphasis]

GST Trust Fund

8. The GST Trust Fund is a Government Trust Fund created in accordance with Section 10(2) of the F.P. Act. An initial sum of RM80 million was provided by the Government and paid into the GST Trust Fund. A Trust Deed was approved by the

Minister of Finance on 13 March 2015 for the GST Trust Fund. Paragraph 4 of the Trust Deed provides for the establishment of a Committee with the role to administer the GST Trust Fund established under Section 54.

Analysis

Entitlement to a Refund

- Section 38(1) creates the refund entitlement.
- The meaning of the terms "input tax" and "output tax" is best illustrated with an example. Assume the taxable person is a car manufacturer. Input tax refers to the GST charged on any goods (e.g. tyres) purchased by the car manufacturer to make the cars. Output tax refers to the GST charged on the car by the car manufacturer.

Creation of the GST Trust Fund

- The GST Trust Fund is created by Section 54(1), thereby making it an express statutory trust.
- Section 54(2), having regard to the purposive method of interpretation, must be construed to mean that all GST monies collected under the Act are to be paid into the GST Trust Fund, as the starting point.
- The Minister is then empowered, under Section 54(5) to authorise the payment of all or part of the GST monies from the GST Trust Fund into the Consolidated Revenue Account.

- Hence the combined effect of Section 54(2) and 54(5) is that all GST monies should be paid directly into the GST Trust Fund. All or part of these GST monies can then be paid into the Consolidated Revenue Account.
- The amount of monies that can be paid into the Consolidated Revenue Account should be the total GST monies collected, less the total GST refunds.
- The opposite occurred during Najib's administration. All GST monies were paid directly into the Consolidated Revenue Account. 35% of the GST monies were then paid into the GST Trust fund. This amount was insufficient to finance the GST refunds. A shortfall of RM19.2 billion occurred. This is contrary to Section 54.

6. Parliament's Intention

Parliament's intention behind the establishment of the GST Trust Fund is best expressed in the Explanatory Statement of the GST Bill as follows:

> "Clause 54 seeks to provide the establishment of the Fund for Goods and Services Tax Refund and empowers the Minister to pay into the Fund such amount of tax collected under the proposed Act. The moneys of the Fund shall be used for the purposes of refund under clause 38 and Part VII. This clause empowers the Accountant General to administer the Fund and authorizes the payment of all or part of the moneys of this Fund into the Consolidated Revenue Account of the Federal Consolidated Fund".

The interpretation of the plain meaning of the relevant sections in the GST Act as discussed above is conclusively supported by Parliament's intention, as stated above.

As stated earlier, the GST regime is based on the fundamental precept that taxpayers will receive a refund for the amount of GST they pay in the course of producing taxable supplies. Parliament's intention is that taxpayers receive this refund. The statutory entitlement to a refund and the creation of the GST Trust Fund evidence that intention.

By failing to ensure that taxpayers receive their refunds, the former government failed to give effect to Parliament's intention.

7. Findings

- The previous Government's practice of paying GST monies directly into the Consolidated Revenue Account breached fundamental trust law principles and trust accounting requirements.
- The Government's practice of paying GST monies directly into the Consolidated Revenue Account contravened Section 7 of the F.P. Act and Section 54 of the GST Act.
- The Government's practice of paying GST monies directly into the Consolidated Revenue Account represented a radical departure from Parliament's intentions.

- The view of Customs and the Ministry of Finance that the Government's practice of paying GST monies directly into the Consolidated Revenue Account is in accordance with Article 97 of the Federal Constitution is wrong in law because:

    - First, Article 97(1) does not specify that monies shall be paid into the Consolidated Revenue Account. Instead, it states that monies shall be paid into the Federal Consolidated Fund, which includes the Consolidated Revenue Account as well as various Government Trust Funds including the GST Trust Fund.
    - Secondly, Article 97 is expressly stated to be "subject to the provisions of this Constitution and of federal law"'. These provisions include trust law principles, as well as the F.P. and GST Act, both of which are federal law.

8. Legal Implications

- A breach of trust is a violation of an equitable obligation; the remedy for this breach must therefore be sought in a court of equitable jurisdiction.
- In this case, the most appropriate remedy would be an Order that the Government pay to the beneficiary taxpayers equitable compensation representing the GST refunds which they are owed.
- Besides being required to account for the principal trust money, the government may also have to compensate the beneficiary taxpayers for interest on the GST monies.
- If the Government has profited from the improper use of the GST moneys, the Government may also be liable to account for this profit. The availability of this

remedy will depend on whether the ultimate use of the missing GST monies can be established.

- Finally, the government would be ordered to pay the costs of any proceedings brought by the beneficiary taxpayers.
- Importantly, where a trustee mixes trust money with his own, the beneficiary has a charge on the whole mass of monies (i.e. the entire Consolidated Revenue Account).
- The question, whether criminal liability attaches to the breach of trust is not addressed here, but must be further considered. Apparently, they are the subject matter of criminal investigations by the police.

9. Next Steps

- The Government must immediately cease the practice of paying all GST monies directly into the Consolidated Revenue Account.
- The Government must immediately start paying all GST monies directly into the GST Trust Fund, that is, new monies received after GE 14.
- The Government should meet its liability for breach of trust proactively by reaching a settlement with beneficiary taxpayers to avoid expensive litigation.

Tommy Thomas

Attorney General

9th October 2018

VERIFIKASI TERHADAP DATA TUNTUTAN BAYARAN BALIK GST BERJUMLAH RM19.472B, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

15 OKTOBER 2018

SULIT

SULIT

SKOP ANALISIS DATA OLEH JAN

- Tempoh data yang dimuat turun adalah dari Jun 2014 hingga September 2018.
- Tarikh data dimuat turun adalah pada 29.09.2018 dan 12.10.2018
- Tempoh data yang dianalisis adalah berdasarkan tarikh penghantaran penyata oleh OKC dari April 2015 hingga Mei 2018.
- Data tuntutan GST pulang balik sehingga 31.05.2018.
- Modul yang terlibat adalah:
  i. Modul Pendaftaran
  ii. Modul Penyata dan Pembayaran
  iii. Modul Pulang Balik
  iv. Modul Siasatan
  v. Modul Audit

2

SULIT

SULIT

METODOLOGI DATA ANALISIS DATA OLEH JAN

1. *DATA REQUIREMENT*
2. *DATA DOWNLOADING*
3. *DATA VERIFICATION*
4. *DATA ANALYSING*
5. *DATA MANIPULATION*
6. *FINDING VERIFICATION*

3

SULIT

SULIT

PUNCA TUNGGAKAN TUNTUTAN *REFUND* SEHINGGA 31.05.2018



Sumber: Cukai Dalam Negeri, JKDM

SULIT

SULIT

HASIL AUDIT JAN

Perbandingan Amaun Status Tuntutan Pulang Balik Gst Sehingga 31 Mei 2018 Diantara Laporan Janaan Sistem MyGST Dan Hasil Analisis Audit Terhadap Data Mentah

NO	STATUS	LAPORAN JKDM (RM BILION)	ANALISIS JAN (RM BILION)	PERBEZAAN (RM BILION)
1	Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	1.62	(0.17)
2	Dalam Semakan	9.64	9.84	(0.20)
3	Tiada Pembekalan Bercukai	3.90	-	-
4	Isu Pelepasan	0.95	0.93	0.02
5	Investigation	3.52	-	-
	JUMLAH	19.47	12.39	(0.35)

Sumber JAN : Analisis Audit Terhadap Data Mentah MyGST

5

SULIT

SULIT

HASIL AUDIT JAN

Punca Perbezaan Hasil Analisis JAN Berbanding Laporan Janaan Sistem MyGST

1. Medan-medan data mentah sistem MyGST hanya dapat merekodkan tarikh dan tidak merekodkan waktu bagi setiap transaksi yang berlaku.

2. Rekod GST dikemaskini secara *batch* pada jam 6 petang dan 8.00 pagi, menyebabkan laporan yang dijana oleh JKDM tidak merekodkan data diantara selang masa pemprosesan batch dan waktu laporan dijana oleh JKDM.

Bagaimanapun, pihak JAN dapat memadankan data mentah sistem MyGST dengan laporan janaan sistem MyGST tetapi tidak dapat menghasilkan jumlah rekod yang sama disebabkan punca perbezaan di atas.

6

SULIT

SULIT

SEKIAN
TERIMA KASIH

SULIT

SULIT

TAKLIMAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PENGURUSAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA)

Disampaikan oleh:
Jabatan Audit Negara
30 Ogos 2018

SULIT

OBJEKTIF TAKLIMAT

Untuk memberi penerangan dan penjelasan berkaitan perkara berikut:

i. Punca kuasa kutipan hasil Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).

ii. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara berkaitan dengan pengurusan GST.

iii. Prosedur pembayaran balik GST oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

iv. Prestasi kutipan GST, kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST dan Akaun Hasil Disatukan serta kedudukan tunggakan pembayaran balik GST.

SULIT

KOMPONEN KUMPULAN WANG DISATUKAN

Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN		AKAUN AMANAH DISATUKAN		AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	
Hasil	Belanja Mengurus	Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan	Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik Pinjaman

5

SULIT

SULIT

KUMPULAN WANG PEMBAYARAN BALIK GST (dikenali sebagai Akaun Amanah GST)

Seksyen 54, Akta 762
Penubuhan Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan

(1) Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan ditubuhkan yang hendaklah dinyatakan dan digabungkan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri

(3) Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan untuk membuat apa-apa pembayaran balik

(4) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan oleh Akauntan Negara Malaysia

(5) Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu

6

SULIT

SULIT

PROSEDUR PUNGUTAN & BAYARAN BALIK GST



Sumber : Jabatan Audit Negara

SULIT

PERINGKAT KELULUSAN BAYARAN BALIK GST

	Peraku 1 (Gred 44/41)	Peraku 2 (Gred 48)	Peraku 3 (Gred 54/52)	Peraku 4 (JUSA B/C)
<RM5juta	✓	✓		
RM5 - RM10juta	✓	✓	✓	
>RM10juta	✓	✓	✓	✓

Sumber : Perintah Tetap GST Bilangan 3 Tahun 2015, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

SULIT

TUNGGAKAN BAYARAN BALIK GST SEHINGGA 31 MEI 2018

PERKARA	AMAUN (RM BILION)	PERATUS (%)
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	7
Semakan Kelulusan Pembayaran Balik GST	9.65	50
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90	20
Isu Pelepasan	0.95	5
Dalam Siasatan	3.52	18
JUMLAH KESELURUHAN	**19.47**	**100**

Sumber : Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

SULIT

AKAUN HASIL DISATUKAN

BUTIRAN	2015 (RM BILION)	2016 (RM BILION)	2017 (RM BILION)
Hasil (termasuk hasil GST)	219.10	212.42	220.41
Perbelanjaan Mengurus	217.00	210.17	217.70
Lebihan/ Kurangan Hasil	**2.10**	**2.25**	**2.71**
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	2.10	2.25	2.71
Baki Hasil Tahun Semasa	0.00	0.00	0.00

Sumber : Jabatan Akauntan Negara

TAKLIMAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

TUNGGAKAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

21 FEBRUARI 2019

KANDUNGAN

1. LATAR BELAKANG
2. TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA PAC
3. KRONOLOGI PERMOHONAN MAKLUMAT UNTUK PENGESAHAN AUDIT
4. METODOLOGI SEMAKAN
5. PENEMUAN AUDIT
6. RUMUSAN AUDIT

1. LATAR BELAKANG

- Cukai input ialah cukai yang dibayar oleh pengilang semasa membeli bahan mentah atau perkhidmatan. Seksyen 38(3) Akta GST 2014 membenarkan cukai input ditolak dengan cukai output. Sekiranya cukai input melebihi cukai output, maka pembayaran balik hendaklah dibuat oleh Kerajaan kepada Orang Kena Cukai (OKC).

- Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST (Kumpulan Wang) ditubuhkan di bawah Seksyen 54 Akta GST 2014 untuk memperakaunkan wang bagi tujuan membuat pembayaran balik GST. Jawatankuasa Kumpulan Wang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah ditubuhkan berkuat kuasa 13 Mac 2015 bertanggungjawab terhadap pengurusan Kumpulan Wang ini.

- Semasa perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga pada 8 Ogos 2018 di Dewan Rakyat, YB Menteri Kewangan telah membuat kenyataan bahawa:

  - tunggakan tuntutan bayaran balik GST yang masih belum dibayar sejak tahun 2015 adalah berjumlah RM19.4 billion;
  - manakala baki yang ada dalam Kumpulan Wang hanya RM1.48 bilion sahaja.

SULIT

1. LATAR BELAKANG

- Siaran media Ketua Pengarah JKDM pada 10 Ogos 2018 menyatakan bahawa:

  - daripada keperluan pembayaran balik GST sebanyak RM82.9 bilion yang telah dilaporkan, hanya RM63.5 bilion pembayaran balik GST telah dibuat melalui Kumpulan Wang bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018;
  - oleh itu, pada 31 Mei 2018, Kumpulan Wang mengalami kekurangan peruntukan untuk membayar tunggakan pulang balik GST sebanyak RM19.4 bilion.

- PAC telah melaksanakan 14 prosiding berkaitan isu tunggakan pulang balik GST berjumlah RM19.4 bilion pada 12 September 2018 hingga 14 November 2018.

- Semasa sesi membincangkan draf rumusan Laporan PAC mengenai isu Tunggakan Bayaran Balik GST setakat 8 Januari 2019, Jabatan Audit Negara (JAN) telah memaklumkan pihak PAC bahawa jumlah tunggakan RM19.4 bilion belum dapat disahkan mengikut kategori kepada rekod dan dokumen yang berkaitan bagi memastikan tunggakan sebenar yang layak dibayar.

2. TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA PAC

Untuk menentusahkan semua proses semakan terhadap permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM19.4 bilion dan tuntutan sebenar yang telah disah dan dilulus untuk pembayaran balik setakat bulan Julai 2018.

SULIT

2. TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA PAC

Pengesahan ini dibuat berdasarkan kenyataan YB Menteri Kewangan dan siaran media JKDM seperti di **Jadual 1.**

JADUAL 1
KENYATAAN RASMI YB MENTERI KEWANGAN DAN JKDM

BIL.	ISU BERBANGKIT	SUMBER
1.	**Kedudukan pada 31 Mei 2018** Tunggakan tuntutan bayaran balik GST yang masih belum dibayar sejak tahun 2015 adalah sebanyak RM19.4 bilion. Jumlah tersebut telah dituntut oleh JKDM untuk pembayaran balik GST tetapi tidak diluluskan oleh Mesyuarat Tabung Amanah Bulanan.	i. Kenyataan YB Menteri Kewangan semasa perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga (8 Ogos 2018). ii. Siaran Media JKDM Bil. 2-8/2018 (10 Ogos 2018).
2.	**Kedudukan pada 31 Julai 2018** Semua permohonan tuntutan pulang balik sebanyak RM19.47 bilion telah diluluskan untuk dibuat bayaran pada akhir bulan Julai 2018.	i. Siaran Media JKDM Bil. 1-12/2018 (04.12.2018) ii. Perbahasan Rang Undang-Undang Kewangan 2018, Bacaan Kali Yang Kedua (10.12.2018)

3. KRONOLOGI PERMOHONAN MAKLUMAT UNTUK PENGESAHAN AUDIT

10 JANUARI 2019	11 JANUARI 2019	14 JANUARI 2019	14 JANUARI 2019	17 JANUARI 2019	23 JANUARI 2019
• Perjumpaan bersama Ketua Pengarah JKDM membincangkan tunggakan GST dan akses serta data MyGST.	• Perbincangan bersama Pegawai Unit Pulang Balik GST JKDM bagi mendapatkan penjelasan mengenai tuntutan pulang balik di bawah status Siasatan.	• YBhg. Tan Sri Dr. KAN mengarahkan pengauditan dijalankan terhadap maklum balas yang diterima daripada JKDM bertarikh 11 Januari 2019.	• Perbincangan bersama BTM JKDM dan Unit Pulang Balik GST. • Pasukan Audit menjelaskan kepada JKDM dan vendor mengenai skop data dan *table* MyGST yang diperlukan oleh [redacted] verifikasi penuh tunggakan GST.	• Perbincangan bersama Bahagian *Risk Management System* bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan berkenaan *High Risk Rules* yang diguna pakai oleh JKDM dalam MyGST. • Tiada dokumen dikemukakan oleh JKDM. • Surat JAN kepada KP JKDM mohon maklumat HRR.	• Pihak BTM JKDM telah mengemukakan kesemua *table* data berkenaan tunggakan GST. (16 *table* dan 97 juta transaksi)

4. METODOLOGI SEMAKAN

1. Muat turun data *server* MyGST menggunakan *notebook client* JKDM dan disalinkan ke *notebook* JAN.
2. Bilangan data untuk disemak adalah sebanyak 97 juta rekod dari tahun 2015 sehingga 23 Januari 2019.
3. Perisian ACL digunakan untuk muat turun dan menganalisis data.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 ANALISIS AUDIT TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST SEHINGGA 10 JANUARI 2019

- Pengesahan Audit dibuat terhadap status tunggakan pulang balik:
  - pada 31 Julai 2018 iaitu tarikh semakan selesai dilaksanakan oleh JKDM terhadap tunggakan RM19.4 bilion (merujuk Siaran Media JKDM Bil. 1-12/2018 bertarikh 4 Disember 2018); dan
  - pada 10 Januari 2019 iaitu *cut-off date* yang ditetapkan setelah keputusan PAC agar JAN membuat pengesahan mengenai proses serta status baki tunggakan sebenar yang telah disahkan untuk bayaran balik.

5. PENEMUAN AUDIT

- Analisis Audit dibuat terhadap tiga (3) status tuntutan pulang balik:
  - 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar';
  - 'Dalam Semakan'; dan
  - 'Siasatan'.
- Dua (2) status lagi iaitu 'Tiada Pembekalan Bercukai' dan 'Pelepasan' tidak dapat disahkan kerana tuntutan pulang balik oleh OKC telah disekat untuk siasatan lanjut oleh JKDM dan amaun tuntutan tersebut tiada di dalam pangkalan data Modul Pulang Balik.
- Oleh itu, jumlah tunggakan bagi kedua-dua status ini adalah berdasarkan maklumat yang diterima dari pihak JKDM iaitu tiada perubahan dari 5 Jun 2018.

5. PENEMUAN AUDIT

- Hasil analisis Audit mendapati:
  - Daripada baki tunggakan pulang balik GST berjumlah RM17.13 bilion pada 31 Julai 2018, hanya RM2.89 bilion (16.9%) tunggakan tuntutan pulang balik GST yang 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' kepada OKC.
  - Manakala, sejumlah RM5.89 bilion (34.4%) tunggakan berada dalam status 'Dalam Semakan' yang masih memerlukan pengesahan dari JKDM.
  - Baki tunggakan pulang balik GST adalah berjumlah RM15.98 bilion sehingga tarikh 10 Januari 2019. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.06 bilion (31.7%) adalah tunggakan tuntutan pulang balik GST yang 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' pada 10 Januari 2019.
- Berdasarkan analisis Audit ini, kenyataan JKDM pada 4 Disember 2018 bahawa semakan terhadap tunggakan tuntutan pulang balik GST berjumlah RM19.4 bilion telah selesai dilaksanakan adalah tidak tepat.
- Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.**

SULIT

5. PENEMUAN AUDIT

JADUAL 2: TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

STATUS	JUMLAH JKDM (RM BILION) 5 JUN 2018	JUMLAH AUDIT (RM BILION) 5 JUN 2018**	31 JULAI 2018	10 JANUARI 2019	CATATAN
1. Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	1.41	2.89	5.06	Tuntutan yang telah disahkan untuk bayaran pulang balik.
2. Dalam Semakan	9.65	9.79	5.89	2.57	Masih dalam pengesahan JKDM.
3. Tiada Pembekalan Bercukai*	3.90	3.90	3.90	3.90	OKC tiada pembekalan bercukai (tiada cukai output).
4. Isu Pelepasan	0.95	0.93	0.93	0.93	OKC yang diberi pelepasan oleh MOF daripada membayar cukai tetapi dibenarkan untuk menuntut pulang balik.
5. Siasatan *	3.52	3.52	3.52	3.52	Tuntutan pulang balik masih dalam siasatan dan pengauditan oleh JKDM.
JUMLAH	**19.47**	**19.55**	**17.13**	**15.98**	

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST
Nota: * – Tidak dapat disahkan
**** – Dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 Siri 2**

5. PENEMUAN AUDIT

- Pihak Audit turut menjalankan ujian substantif terhadap status tunggakan 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' melibatkan sampel sebanyak 10 peratus.
- Hasil ujian substantif yang dilaksanakan mendapati tiga (3) punca tunggakan iaitu:
  - 'Audit JKDM' (pengauditan ke atas penyata atau akaun OKC yang dilaksanakan oleh Bahagian Pematuhan GST JKDM);
  - 'Kelewatan Kelulusan Akauntan' (disebabkan tiada peruntukan yang mencukupi di dalam Akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST untuk membayar tuntutan pulang balik GST OKC yang telah diluluskan); dan
  - *Manual Stop Refund* (tuntutan pulang balik OKC yang telah disekat oleh pegawai Unit Pulang Balik JKDM).
- Purata tempoh pengumuran bagi sampel yang disemak adalah antara 235 hingga 392 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3**.

5. PENEMUAN AUDIT

JADUAL 3: UJIAN SUBSTANTIF (10%) TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST YANG TELAH DILULUSKAN TAPI BELUM DIBAYAR BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

PUNCA TUNGGAKAN PULANG BALIK	BIL. TRANSAKSI	PURATA TEMPOH PENGUMURAN (HARI)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
Audit – JKDM	2	235	28.6	110.09
Kelewatan Kelulusan Akauntan	3	296	42.8	205.19
Manual Stop Refund	2	392	28.6	213.51
JUMLAH	**7**		**100**	**528.79**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

5. PENEMUAN AUDIT

- Analisis lanjut Audit terhadap tempoh pengumuran bagi status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' mendapati sebanyak 16,503 (94.67%) daripada 717,433 transaksi adalah dalam tempoh antara 181 hingga 365 hari, seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI BELUM DIBAYAR BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (HARI)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
181 – 365	16,503	94.67	4,529.38
366 – 730	831	4.77	514.69
>731	99	0.57	19.37
JUMLAH	**717,433**	**100**	**5,063.44**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

5. PENEMUAN AUDIT

- Analisis lanjut Audit terhadap tempoh pengumuran bagi status 'Dalam Semakan' mendapati sebanyak 8,677 (67.9%) daripada 12,779 transaksi adalah dalam tempoh antara 181 hingga 365 hari, seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK DALAM SEMAKAN BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (HARI)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
181 – 365	8,677	67.90	2,064.42
366 – 730	2,319	18.15	249.83
>731	1,783	13.95	252.17
JUMLAH	**12,779**	**100**	**2,566.43**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

5. PENEMUAN AUDIT

5.2 PROSES PEMBAYARAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST

i. Merujuk kepada *Standard Operating Procedures* GST Bil. 02/2015 dari JKDM, permohonan kredit cukai input/tuntutan pulang balik GST dibuat semasa OKC mengemukakan penyata GST 0-3.

ii. Kesemua tuntutan pulang balik daripada OKC akan melalui penilaian risiko *High Risk Rules* (HRR) oleh *Risk Management System* (RMS) sebelum disalurkan secara elektronik kepada pegawai Unit Pulang Balik di Ibu Pejabat JKDM untuk proses semakan dan kelulusan pembayaran balik.

iii. HRR merupakan tapisan pertama yang digunakan untuk membuat verifikasi terhadap tuntutan daripada OKC. Sekiranya terdapat ketidakpastian (*anomaly*) dalam tuntutan tersebut, tuntutan akan dihantar kepada pegawai verifikasi di Bahagian GST Negeri.

iv. Seterusnya, melakukan tapisan kedua di peringkat Unit Pulang Balik yang akan membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan daripada OKC.

v. Carta aliran memproses pembayaran balik kredit cukai input (bersih) di Ibu Pejabat JKDM adalah seperti di **Gambar Rajah 1**.

5. PENEMUAN AUDIT

GAMBAR RAJAH 1: ALIRAN PROSES PEMBAYARAN PULANG BALIK GST



5. PENEMUAN AUDIT

5.3 PROSES PERMOHONAN DAN PINDAHAN TERIMAAN GST BAGI TUJUAN PULANG BALIK GST

i. Pengarah GST membuat permohonan pindahan terimaan GST daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kumpulan Wang) kepada Cawangan Akaun, JKDM bagi tujuan pembayaran pulang balik GST.

ii. Seterusnya, Cawangan Akaun, JKDM memproses permohonan pindahan tersebut berdasarkan 35% daripada terimaan GST terkini atau kedudukan semasa kewangan serta kawalan defisit fiskal negara dan pengurusan aliran tunai yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

iii. Setelah diluluskan, Cawangan Akaun, JKDM memindahkan amaun yang telah diluluskan tersebut daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke dalam Akaun Kumpulan Wang.

iv. Aliran proses permohonan dan pindahan terimaan GST adalah seperti di **Gambar Rajah 2**.

5. PENEMUAN AUDIT

GAMBAR RAJAH 2
ALIRAN PROSES PERMOHONAN DAN PINDAHAN TERIMAAN GST BAGI TUJUAN PULANG BALIK GST



5. PENEMUAN AUDIT

- Semakan Audit terhadap Memo Peruntukan Kumpulan Wang GST daripada Pengarah Kastam, Bahagian GST, Ibu Pejabat kepada Ketua Akauntan, Cawangan Akaun, Ibu Pejabat mendapati:
  - Sejumlah RM63.53 bilion (76.6%) pindahan hasil telah dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada permohonan berjumlah RM82.92 bilion bagi tempoh Mei 2015 hingga Jun 2018.
  - Jumlah permohonan pindahan bernilai RM82.92 bilion ini tidak diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tempoh yang sama.
  - Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6**.

5. PENEMUAN AUDIT

JADUAL 6
PERMOHONAN JKDM UNTUK PEMBAYARAN PULANG BALIK GST DARI 2015 HINGGA 2018

Tahun	Peruntukan (RM Bilion) (a)	Terimaan GST (RM Bilion) (b)	Permohonan Berdasarkan Tuntutan OKC (RM Bilion) (c)	Pindahan Untuk Pembayaran (RM Bilion) (d)	Perbezaan/ Tunggakan (RM Bilion) (e) = (d)-(c)	Peratus Pindahan Berbanding Permohonan (%) (f) = (d)/(c)x100
2015	0.08	29.09	10.57	10.57	0.00	100.0
2016	-	59.19	18.16	18.06	(0.10)	99.4
2017	-	60.88	35.90	23.10	(12.80)	64.3
2018*	-	28.88	18.29	11.80	(6.49)	64.5
JUMLAH	**0.08**	**178.04**	**82.92**	**63.53**	**(19.38)**	**76.6**

Sumber: Analisis Audit Terhadap Maklumat JKDM
Nota: * - Maklumat yang diterima setakat Ogos 2018

5. PENEMUAN AUDIT

- Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun 2015 sehingga Bil. 2/2018 mendapati perkara yang diminitkan adalah:
  - jumlah kemas kini terimaan kasar GST (import dan tempatan);
  - terimaan bersih GST;
  - pindahan hasil GST ke akaun Kumpulan Wang;
  - jumlah pembayaran balik; dan
  - baki peruntukan Kumpulan Wang.
- Jumlah tunggakan tuntutan pulang balik GST (RM19.4 bilion) hanya dilaporkan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST Bil. 3/2019 bertarikh 6 Jun 2018.

5. PENEMUAN AUDIT

- Semakan Audit terhadap Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 yang telah diaudit mendapati jumlah pembayaran balik yang dibuat bagi tahun 2017 adalah sejumlah RM22.18 bilion dan baki Akaun Amanah adalah RM1 bilion.
- Manakala Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Akaun Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 masih belum diaudit oleh JAN untuk pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

6. RUMUSAN AUDIT

1. Berdasarkan semakan Audit terhadap data daripada sistem MyGST pada 10 Januari 2019, jumlah sebenar tuntutan pulang balik yang telah diluluskan adalah RM5.06 bilion. Jumlah pembayaran yang telah dibuat untuk tunggakan tuntutan pulang balik RM19.4 bilion sehingga tarikh 10 Januari 2019 adalah berjumlah RM3.49 bilion, iaitu berdasarkan perbezaan jumlah tunggakan daripada analisis data pada 10 Januari 2019 dengan 5 Jun 2018.

2. **Kesimpulannya, setakat 10 Januari 2019, daripada jumlah tunggakan GST berjumlah RM19.4 bilion yang dilaporkan oleh YB Menteri Kewangan pada 8 Ogos 2018, hanya RM5.06 bilion sahaja yang telah disahkan dan diluluskan untuk pembayaran.**

SEKIAN
TERIMA KASIH

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA
(OFFICE OF THE AUDITOR GENERAL OF MALAYSIA)
NO. 15, ARAS 4, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : *603-8889 9002*
Faks : *603-8888 9701*
Emel : *ag@audit.gov.my*

SULIT

84

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : AUDIT/SAP/ICT/147/430/27(72)
Tarikh : 16 April 2019
10 *Syaaban 1440H*

Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad
Pengerusi
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC),
Parlimen Malaysia,
Jalan Parlimen,
50680 KUALA LUMPUR

PARLIMEN MALAYSIA
Pejabat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
KUALA LUMPUR

16/4/2019

Yang Berhormat Dato' Dr.,

LAPORAN DAN RUMUSAN AUDIT (PINDAAN) TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Dr. mengenai perkara di atas dan surat kami rujukan AUDIT/SAP/ICT/147/430/27(71) bertarikh 12 April 2019 serta Laporan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) terhadap Tunggakan Tuntutan Bayaran Balik Cukai Bayaran Perkhidmatan (GST) berjumlah RM 19.4 bilion yang disertakan.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa setelah diperhalusi semula didapati laporan yang dikemukakan tersebut mengandungi beberapa kekhilafan dalam angka yang menyebabkan rumusan perlu dipinda.

3. Bersama-sama ini disertakan pindaan laporan dan rumusan Audit mengenai Tunggakan Tuntutan Pulang Balik Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Dato' Dr.

4. Saya dengan hormatnya memohon agar laporan yang dihantar pada tarikh 12 April 2019 tersebut diabaikan. Segala kesulitan yang timbul adalah dikesali.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti'

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara Malaysia

LAPORAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

JABATAN AUDIT NEGARA
PUTRAJAYA
16 APRIL 2019

LAPORAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION

1. LATAR BELAKANG

1.1. Cukai input ialah cukai yang dibayar oleh pengilang semasa membeli bahan mentah atau perkhidmatan. Jumlah GST yang ditanggung ke atas input (cukai input) boleh ditolak daripada jumlah GST yang dikenakan (cukai output) oleh Orang Kena Cukai (OKC). Seksyen 38(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 membenarkan cukai input ditolak dengan cukai output. Sekiranya cukai input melebihi cukai output, maka pembayaran balik hendaklah dibuat oleh Kerajaan kepada OKC.

1.2 Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST (Kumpulan Wang) ditubuhkan di bawah Seksyen 54 Akta GST 2014 untuk memperakaunkan wang bagi tujuan membuat pembayaran balik GST. Jawatankuasa Kumpulan Wang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah ditubuhkan berkuat kuasa 13 Mac 2015 bertanggungjawab terhadap pengurusan Kumpulan Wang ini.

1.3 Semasa perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga pada 8 Ogos 2018 di Dewan Rakyat, YB Menteri Kewangan telah membuat kenyataan bahawa tunggakan tuntutan bayaran balik GST yang masih belum dibayar sejak tahun 2015 adalah berjumlah RM19.4* bilion, manakala baki pada 31 Disember 2017 yang ada dalam Kumpulan Wang hanya RM1.0 bilion sahaja.

1.4 Siaran media Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 10 Ogos 2018 menyatakan bahawa daripada keperluan pembayaran balik GST sebanyak RM82.9 bilion yang telah dilaporkan, hanya RM63.5 bilion pembayaran balik GST telah dibuat melalui Kumpulan Wang bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018. Oleh itu, pada 31 Mei 2018, Kumpulan Wang mengalami kekurangan peruntukan untuk membayar tunggakan pulang balik GST sebanyak RM19.47 bilion.

*YB Menteri menyebut angka RM19.4 bilion tetapi angka sebenar daripada JKDM adalah RM19.47 bilion. Bagi tujuan verifikasi Audit, angka RM19.47 bilion digunakan.

1.5 Tunggakan tuntutan pulang balik cukai input telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2017 pada 3 Disember 2018. Hasil analisis Audit daripada jumlah RM19.47 yang dilaporkan oleh JKDM, RM1.41 bilion adalah tuntutan yang telah disahkan tetapi masih belum dibayar. Sejumlah RM9.79 bilion adalah tuntutan yang masih dalam pengesahan JKDM. Sejumlah RM0.93 bilion adalah OKC yang telah diberi pelepasan oleh Kementerian Kewangan daripada membayar cukai dan dibenarkan untuk menuntut pulang balik. Sejumlah RM3.90 bilion adalah tuntutan pulang balik yang tiada pembekalan bercukai dan sejumlah RM3.52 bilion yang masih berada dalam siasatan dan pengauditan oleh pegawai JKDM kerana tuntutan pulang balik oleh OKC tersebut telah disekat oleh JKDM dan amaun tuntutan tersebut tiada dalam Modul Pulang Balik, sistem MyGST.

1.6 Susulan kenyataan YB Menteri Kewangan tersebut, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen (PAC) telah melaksanakan 14 prosiding berkaitan isu tunggakan pulang balik GST berjumlah RM19.4 bilion pada 12 September 2018 hingga 14 November 2018 melibatkan banyak pihak antaranya mantan Perdana Menteri, mantan Menteri Kewangan, mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah JKDM. Semasa sesi membincangkan draf rumusan Laporan PAC mengenai isu Tunggakan Bayaran Balik GST setakat 7 Mac 2019, JKDM telah memaklumkan pihak PAC bahawa jumlah tunggakan yang telah diluluskan untuk pembayaran adalah sebanyak RM12.4 bilion. Oleh yang demikian, PAC telah meminta agar JAN menentusahkan semua proses semakan terhadap permohonan tuntutan pulang balik tersebut dan tuntutan sebenar yang telah disah dan dilulus untuk pembayaran balik setakat 7 Mac 2019.

2. TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA PAC

Untuk menentusahkan semua proses semakan terhadap permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM19.47 bilion dan tuntutan sebenar yang telah disah dan dilulus untuk pembayaran balik sehingga 7 Mac 2019.

3. SKOP DAN ANALISIS DATA DARIPADA SISTEM MyGST JKDM OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

a) Tempoh data mentah yang dimuat turun adalah dari Jun 2014 hingga 7 Mac 2019.
b) Tempoh data yang dianalisis adalah berdasarkan tarikh penghantaran Penyata GST-03 oleh Orang Kena Cukai (OKC) dari April 2015 hingga 31 Disember 2018.

c) Modul dalam sistem MyGST yang terlibat dalam semakan tuntutan pulang balik adalah seperti berikut:
   i) Modul Pendaftaran
   ii) Modul Penyata dan Pembayaran
   iii) Modul Pulang Balik
   iv) Modul Siasatan
   v) Modul Audit
   vi) Modul *Risk Management System* (RMS)

d) Jumlah data disemak adalah sebanyak 97 juta rekod dari tahun 2015 sehingga 23 Januari 2019.

4. METODOLOGI SEMAKAN

a) Pemadanan data telah dibuat untuk status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar', status 'Dalam Semakan', status 'Tiada Pembekalan Bercukai', status 'Siasatan' dan status 'Pelepasan' dengan jumlah RM19.47 bilion.

b) Mesyuarat bersama JKDM telah diadakan pada 13 Mac 2019 dan 4 April 2019 berkenaan isu berbangkit berkaitan komponen sistem MyGST iaitu Modul *Risk Management System* (RMS) yang digunakan untuk membuat penilaian, penyaringan dan penarafan ke atas permohonan pulang balik untuk setiap penyata yang dihantar.

5. KRONOLOGI TAKLIMAT JABATAN AUDIT NEGARA KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

5.1 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

Tarikh: 15 Oktober 2018

Penemuan Audit:

Medan-medan data mentah sistem MyGST hanya dapat merekodkan tarikh dan tidak merekodkan waktu bagi setiap transaksi yang berlaku. Rekod GST dikemas kini secara *batch* pada jam 6 petang dan 8 pagi menyebabkan laporan yang dijana oleh JKDM tidak merekodkan data di antara selang masa pemprosesan *batch* dan waktu laporan oleh JKDM.

Bagaimanapun, pihak Jabatan Audit Negara (JAN) dapat memadankan data mentah sistem MyGST dengan laporan janaan sistem MyGST tetapi tidak dapat menghasilkan jumlah rekod yang sama disebabkan perubahan data berlaku dalam setiap aktiviti MyGST (*data dynamic*).

5.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Tarikh: 8 Januari 2019
Penemuan Audit:

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST dan Memo Peruntukan Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada Pengarah Kastam, Bahagian GST, Ibu Pejabat kepada Ketua Akauntan, Cawangan Akaun, Ibu Pejabat mendapati sejumlah RM63.53 bilion (76.6%) pindahan hasil telah dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada permohonan berjumlah RM82.92 bilion bagi tempoh Mei 2015 hingga Jun 2018.

Secara keseluruhannya, peratus pindahan hasil daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke Akaun Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST bagi tempoh Mei 2015 hingga Jun 2018 adalah sebanyak 35.7% daripada jumlah terimaan GST. Manakala purata peratus pindahan berbanding permohonan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 76.6%.

Mulai tahun 2017, jumlah pindahan yang diluluskan adalah sebanyak 64% sahaja daripada jumlah permohonan menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran pulang balik GST berjumlah RM19.38 bilion setakat Jun 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1**:

JADUAL 1
PRESTASI PINDAHAN TERIMAAN GST
DARI MEI 2015 HINGGA JUN 2018

Tahun	Peruntukan (RM Bilion) (a)	Terimaan GST (RM Bilion) (b)	Permohonan (RM Bilion) (c)	Pindahan (RM Bilion) (d)	Perbezaan (RM Bilion) (e) = (d)-(c)
2015	0.08	29.09	10.57	10.57	0.00
2016	-	59.19	18.16	18.06	(0.10)
2017	-	60.88	35.90	23.10	(12.80)
2018*	-	28.88	18.29	11.80	(6.49)
JUMLAH	**0.08**	**178.04**	**82.92**	**63.53**	**(19.39)**

Sumber: JKDM

5.3 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Tarikh: 21 Februari 2019
Penemuan Audit:

Hasil analisis Audit mendapati daripada tunggakan pulang balik GST berjumlah RM17.13 bilion pada 31 Julai 2018, hanya RM2.89 bilion tunggakan tuntutan pulang balik GST yang 'Telah Diluluskan Tetapi Belum DIbayar' kepada OKC.

Manakala sejumlah RM5.89 bilion, tunggakan berada dalam status 'Dalam Semakan' masih memerlukan pengesahan daripada JKDM.

Baki tunggakan pulang balik GST adalah berjumlah RM15.98 bilion sehingga tarikh 10 Januari 2019. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.06 bilion adalah tunggakan tuntutan pulang balik GST yang 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' pada 10 Januari 2019. Butiran adalah seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2
TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

STATUS	JUMLAH JKDM (RM BILION) 5 JUN 2018	JUMLAH AUDIT (RM BILION)			CATATAN
		5 JUN 2018**	31 JULAI 2018	10 JANUARI 2019	
1. Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	1.41	2.89	5.06	Tuntutan yang telah disahkan untuk bayaran pulang balik.
2. Dalam Semakan	9.65	9.79	5.89	2.57	Masih dalam pengesahan JKDM.
3. Tiada Pembekalan Bercukai*	3.90	3.90	3.90	3.90	OKC tiada pembekalan bercukai (tiada cukai output).
4. Isu Pelepasan	0.95	0.93	0.93	0.93	OKC yang diberi pelepasan oleh MOF daripada membayar cukai tetapi dibenarkan untuk menuntut pulang balik.
5. Siasatan *	3.52	3.52	3.52	3.52	Tuntutan pulang balik masih dalam siasatan dan pengauditan oleh JKDM.
JUMLAH	**19.47**	**19.55**	**17.13**	**15.98**	

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST
Nota: * – Tidak dapat disahkan
**** – Dilaporkan dalam LKAN Tahun 2017 Siri 2**

Pihak Audit turut menjalankan ujian substantif terhadap status tunggakan 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' melibatkan sampel sebanyak 10 peratus. Hasil ujian substantif yang dilaksanakan mendapati tiga (3) punca tunggakan iaitu:

a) 'Audit JKDM' (pengauditan ke atas penyata atau akaun OKC yang dilaksanakan oleh Bahagian Pematuhan GST JKDM).

b) 'Kelewatan Kelulusan Akauntan' (disebabkan tiada peruntukan yang mencukupi di dalam Akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST untuk membayar tuntutan pulang balik GST OKC yang telah diluluskan).

c) *Manual Stop Refund* (tuntutan pulang balik OKC yang telah disekat oleh Pegawai Unit Pulang Balik JKDM).

Purata tempoh pengumuran bagi sampel yang disemak adalah antara 235 hingga 392 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
UJIAN SUBSTANTIF (10%) TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK GST YANG TELAH DILULUSKAN TAPI BELUM DIBAYAR BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

BIL.	PUNCA TUNGGAKAN PULANG BALIK	BIL. TRANSAKSI	PURATA TEMPOH PENGUMURAN (HARI)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
1.	Audit JKDM	2	235	28.6	110.09
2.	Kelewatan Kelulusan Akauntan	3	296	42.8	205.19
3.	*Manual Stop Refund*	2	392	28.6	213.51
JUMLAH		**7**		**100.0**	**528.79**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

Analisis lanjut Audit terhadap tempoh pengumuran bagi status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' mendapati sebanyak 16,503 (94.7%) daripada 17,433 transaksi adalah dalam tempoh antara 181 hingga 365 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI BELUM DIBAYAR BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (HARI)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
1.	181 – 365	16,503	94.7	4,529.38
2.	366 – 730	831	4.8	514.69
3.	>731	99	0.5	19.37
JUMLAH		**17,433**	**100.0**	**5,063.44**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

Analisis lanjut Audit terhadap tempoh pengumuran bagi status 'Dalam Semakan' mendapati sebanyak 8,677 (67.9%) daripada 12,779 transaksi adalah dalam tempoh antara 181 hingga 365 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK DALAM SEMAKAN BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 10 JANUARI 2019

BIL.	TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (HARI)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM JUTA)
1.	181 – 365	8,677	67.90	2,064.42
2.	366 – 730	2,319	18.15	249.83
3.	>731	1,783	13.95	252.17
JUMLAH		**12,779**	**100**	**2,566.42**

Sumber: Analisis JAN Terhadap Data MyGST

Proses Pembayaran Tuntutan Pulang Balik GST

Semakan Audit terhadap Memo Peruntukan Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada Pengarah Kastam, Bahagian GST, Ibu Pejabat kepada Ketua Akauntan, Cawangan Akaun, Ibu Pejabat mendapati sejumlah RM63.53 bilion (76.6%) pindahan hasil telah dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan ke akaun Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST daripada permohonan berjumlah RM82.92 bilion bagi tempoh Mei 2015 hingga Jun 2018.

Semakan selanjutnya mendapati jumlah permohonan pindahan bernilai RM82.92 bilion ini tidak diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut mengenai permohonan JKDM untuk pembayaran pulang balik GST adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERMOHONAN JKDM UNTUK PEMBAYARAN PULANG BALIK GST DARI 2015 HINGGA 2018

Tahun	Peruntukan (RM Bilion) (a)	Terimaan GST (RM Bilion) (b)	Permohonan Berdasarkan Tuntutan OKC (RM Bilion) (c)	Pindahan Untuk Pembayaran (RM Bilion) (d)	Perbezaan/ Tunggakan (RM Bilion) (e) = (d)-(c)	Peratus Pindahan Berbanding Permohonan (%)
2015	0.08	29.09	10.57	10.57	0.00	100.0
2016	-	59.19	18.16	18.06	(0.10)	99.4
2017	-	60.88	35.90	23.10	(12.80)	64.3
2018*	-	28.88	18.29	11.80	(6.49)	64.5
JUMLAH	**0.08**	**178.04**	**82.92**	**63.53**	**(19.39)**	-

Sumber: Analisis Audit Terhadap Maklumat JKDM
Nota: * - Maklumat yang diterima setakat Ogos 2018

Semakan lanjut Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun 2015 sehingga Bil. 2/2018 mendapati perkara yang diminitkan adalah jumlah kemas kini terimaan kasar GST (import dan tempatan), terimaan bersih GST, pindahan hasil GST ke akaun Kumpulan Wang, jumlah pembayaran balik dan baki peruntukan Kumpulan Wang. Jumlah tunggakan tuntutan pulang balik GST (RM19.47 bilion) hanya dilaporkan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST Bil. 3/2018 bertarikh 6 Jun 2018.

Semakan Audit terhadap Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 yang telah diaudit mendapati jumlah pembayaran balik yang dibuat bagi tahun 2017 adalah sejumlah RM22.18 bilion dan baki Kumpulan Wang adalah RM1 bilion. Manakala Penyata Terimaan dan Bayaran bagi Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 masih belum diaudit oleh JAN untuk pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

5.4 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Tarikh: 7 Mac 2019
Sesi Prosiding bersama JKDM.

JKDM membentangkan proses pulang balik melibatkan 9 fasa yang bermula daripada urusan pendaftaran borang GST-03, penilaian risiko, verifikasi oleh *Refund Officer*, *Head of Unit*, *Deputy Director*, *Director*, Akauntan 1, Akauntan 2 dan pembayaran. Aliran proses pulang balik adalah seperti dalam Gambarajah berikut:

Kelulusan *refund* melibatkan 7 hingga 9 peringkat pemerosesan membabitkan 3 hingga 4 Cawangan / Negeri berbeza...





Sumber: JKDM

JKDM memaklumkan bahawa setakat 27 Februari 2019, tunggakan RM19.47 bilion telah melalui proses penilaian risiko yang terdiri daripada *Common Risk Rules* dan *High Risk Rules.* Daripada RM19.47 bilion tersebut, RM12.4 bilion telah disemak dan berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Sejumlah RM5.6 bilion telah dibayar kepada OKC dan baki berjumlah RM6.8 bilion berada di peringkat *Refund Officer* yang memerlukan maklumat tambahan daripada OKC.

5.5 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

Tarikh: 8 April 2019

Penemuan Audit:

Jumlah RM12.4 bilion yang dilaporkan oleh JDKM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada 7 Mac 2019 telah melalui proses *Risk Management System* (RMS) yang disediakan dalam sistem MyGST. RMS menyediakan *risk rules* untuk menapis penyata, tuntutan bayaran balik dan akaun syarikat yang berdaftar GST untuk dibuat audit meja, pembayaran balik dan pematuhan. Proses ini dibuat setiap kali penyata diterima. *Risk rules* terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

i) *Common Risk Rules* (CRR) mempunyai 45 *rules*, skor (1 hingga 5).
ii) *High Risk Rules (*HRR*) mempunyai 63 rules,* skor (10 dan 70).

Peringatan (*alerts*) yang dihasilkan melalui proses RMS dikenali sebagai *'Leads'*. *Leads* dihasilkan apabila *accumulated score* bagi CRR dan HRR adalah 40 bagi penyata bulanan dan 60 bagi penyata suku tahun.

Berdasarkan semakan Audit, daripada RM12.4 bilion tersebut, RM6.03 bilion telah diproses dan berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Terdapat perbezaan data di antara pihak JKDM dan JAN sebanyak 0.83 bilion (RM6.86 bilion – RM6.03 bilion) yang disebabkan oleh *refund task* yang di*create* selepas 5 Jun 2018 oleh JKDM. Jumlah RM6.03 bilion merupakan jumlah tunggakan yang boleh dibayar yang telah disemak oleh JKDM bagi tempoh seperti berikut:

a) Kategori status 1, 2, 3 dan 4 : April 2017 hingga 7 Mac 2019.
b) Kategori status 5: Februari 2016 hingga 7 Mac 2019.

Semakan silang telah dibuat antara sistem GenTax (JKDM) dengan Sistem Perakaunan 1GFMAS (Jabatan Akauntan Negara) dan mendapati sebanyak 91,189 transaksi yang berjumlah RM5.6 bilion telah dibuat pembayaran kepada OKC sehingga 7 Mac 2019.

6. RUMUSAN AUDIT

Semakan Audit yang dijalankan antara bulan Oktober 2018 hingga 7 Mac 2019 merumuskan perkara berikut:

6.1 Verifikasi data terhadap tunggakan tuntutan pulang balik GST berjumlah RM19.47 bilion.

a) Data RM19.47 bilion yang telah dimuat turun menggunakan perisian data analitik (ACL) telah diverifikasi secara 100% untuk keseluruhan transaksi. Verifikasi Audit mendapati data adalah konsisten, lengkap dan medan-medan yang ditetapkan dengan status 'Mandatori' telah diisi dengan teratur.

b) Data dalam sistem MyGST bersifat *real-time* dan sentiasa berubah mengikut aktiviti GST (*data dynamic*). Walaupun *cut off date* terhadap jumlah RM19.47 bilion telah ditetapkan sehingga 5 Jun 2018, jumlah *variance* tetap wujud disebabkan aktiviti yang berlaku dalam sistem MyGST.

6.2 Proses Pengurusan Risiko (*Risk Management System*) untuk tuntutan pulang balik GST.

a) Sistem MyGST menyediakan Modul *Risk Management System* (RMS) bagi mengenal pasti OKC yang berisiko berdasarkan *risk rules* yang telah dibangunkan.

b) Sistem MyGST menyediakan Modul *Risk Management System* (RMS) bagi mengenal pasti OKC yang berisiko berdasarkan *risk rules* yang telah dibangunkan. Setelah melalui RMS, tuntutan ini perlu melalui lapan (8) proses semakan lagi bagi mengesahkan tuntutan adalah benar dan sah. Tiada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang disediakan oleh JKDM dan menyatakan bahawa setiap tuntutan yang melalui RMS telah dianggap tuntutan yang sah dan layak untuk dibayar.

c) Tunggakan RM19.47 bilion telah melalui Modul RMS untuk menapis penyata, tuntutan bayaran balik dan akaun OKC berdasarkan *risk rules* yang ditetapkan, seterusnya melalui sembilan (9) peringkat pemprosesan pulang balik.

d) Kategori yang berdasarkan status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar', status 'Dalam Semakan', status ' Tiada Pembekalan Bercukai', status 'Isu Pelepasan' dan status 'Siasatan' dibuat secara manual oleh JKDM setelah melalui proses RMS.

6.3 Pengesahan Audit terhadap jumlah tunggakan pulang balik RM12.4 bilion yang telah diluluskan untuk dibayar.

Semakan Audit mendapati sehingga 7 Mac 2019, sejumlah RM6.03 bilion tuntutan 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' berada dalam peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Sejumlah RM0.74 bilion berada di peringkat *Refund Officer* dan memerlukan semakan lanjut. Sejumlah RM5.63 telah dibayar pada 7 Mac 2019. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**:

JADUAL 7

STATUS TUNGGAKAN PULANG BALIK SELEPAS VERIFIKASI SEHINGGA 7 MAC 2019

STATUS	VERIFIKASI AUDIT		AMAUN KESELURUHAN (RM)
	PERINGKAT JKDM (TERTUNGGAK) (RM)	SEMAKAN KE AKAUNTAN 1 DAN 2 (BOLEH BAYAR) (RM)	
Telah Dibayar	-	-	5.63
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	-	6.03	6.03
Dalam Semakan	0.55	-	0.55
Tiada Pembekalan Bercukai	0.02	-	0.02
Isu Pelepasan	0.03	-	0.03
Siasatan	0.14	-	0.14
JUMLAH			**12.40**

Sumber: JKDM

6.4 Pengesahan terhadap tunggakan pulang balik berjumlah RM19.47 bilion.

a) Pihak Audit mendapati bahawa tunggakan pulang balik dan jumlah tunggakan sebanyak RM19.47 bilion tidak pernah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST dalam tahun sebelum 5 Jun 2018. Sebaliknya ia hanya dilaporkan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST Bil. 3/2018 bertarikh 6 Jun 2018. Kegagalan melaporkan jumlah ini menyebabkan Kementerian Kewangan tidak dapat menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST.

b) Semakan dan pembayaran berlaku secara berterusan menyebabkan terdapat perubahan dalam peringkat status (*data dynamic*). Sehingga 10 April 2019, status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar' adalah RM6.03 bilion. Status 'Dalam Semakan' adalah RM6.56 bilion masih berada di peringkat *Refund Officer* dan RM0.55 bilion berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Jumlah untuk status 'Tiada Pembekalan Bercukai' dan status 'Isu Pelepasan' telah termasuk di dalam status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar'. Kedua-dua jumlah (RM3.90 bilion dan RM0.95 bilion) telah berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Manakala untuk status 'Siasatan' yang berjumlah RM0.41 bilion masih di peringkat *Refund Officer* yang memerlukan semakan

lanjut. Jumlah tunggakan yang telah dibayar adalah RM5.73 bilion. Butiran mengenai tunggakan pulang balik RM19.47 bilion adalah seperti **Jadual 8**:

JADUAL 8
STATUS TUNGGAKAN PULANG BALIK RM19.47 BILION SEHINGGA 10 APRIL 2019

STATUS	JUMLAH JKDM 5 JUN 2018 (RM BILION)	JUMLAH DI PERINGKAT *REFUND OFFICER* (RM BILION)	JUMLAH DI PERINGKAT AKAUNTAN 1 DAN 2 (RM BILION)	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM BILION)
Telah Dibayar	-	-	-	5.73
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45	-	6.03	-
Dalam Semakan	9.65	6.56	0.55	-
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90	-	0.02	-
Isu Pelepasan	0.95	-	0.03	-
Siasatan	3.52	0.41	0.14	-
JUMLAH	**19.47**	**6.97**	**6.77**	**5.73**

Sumber: JKDM

c) Permohonan pulangan balik yang ditolak

Berdasarkan Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, para 69 (1) menyatakan 'Jika seseorang membuat suatu kesilapan dalam apa-apa penyata atau perisytiharan yang dikemukakan di bawah Akta, dia hendaklah membetulkannya dengan cara dan dalam masa sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan'.

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Seksyen 43 pula menyatakan jika OKC mengemukakan suatu penyata yang ternyata pada Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul, taksiran tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh yang cukai itu telah genap masa dan kena dibayar atau dari tarikh pembayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berkaitan dengan atau berhubung dengan cukai, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai atau pembayaran balik cukai

yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran sengaja itu, membuat pada bila-bila masa suatu taksiran.

Sehingga 7 Mac 2019, terdapat 44,435 permohonan berjumlah RM2.63 bilion daripada RM19.47 bilion telah ditolak atas sebab berikut:

i) OKC tidak dapat mengemukakan dokumen dalam tempoh yang ditetapkan;
ii) OKC diminta membuat pindaan terhadap Penyata GST-03; dan
iii) OKC membuat pertukaran akaun.

Apabila OKC meminda semula penyata yang telah ditolak, penyata tersebut akan diproses semula dan *new refund task* akan dibuat oleh sistem MyGST. Sebanyak 12,535 (28.2%) permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM2.20 bilion telah ditolak dan dibuat pindaan oleh OKC. Sebanyak 31,900 (71.8%) permohonan tuntutan pulang balik berjumlah RM0.43 bilion telah ditolak dan tidak dibuat pindaan oleh OKC. Oleh itu, tiada *refund task* baru kerana OKC berkenaan tidak meminda semula seperti yang dikehendaki oleh JKDM.

6.5 Kenyataan oleh Menteri Kewangan dan kenyataan media JKDM berhubung dengan tunggakan pulang balik Cukai Barang dan Perkhidmatan berjumlah RM19.4 bilion setakat 5 Jun 2018 adalah kurang tepat kerana;

a) Walaupun jumlah tunggakan RM19.47 bilion telah melalui proses RMS tetapi jumlah tersebut belum melalui proses semakan seterusnya, iaitu semakan dari *Refund Officer, Head of Unit, Deputy Director* dan *Director* sebelum disahkan untuk kelulusan pembayaran di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2. Verifikasi Audit setakat 5 Jun 2018 mendapati sejumlah RM1.41 bilion adalah tuntutan yang telah disahkan oleh pegawai JKDM tetapi masih belum dibayar.

b) Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bertarikh 27 Februari 2019, JKDM menyatakan bahawa 93% daripada jumlah tunggakan RM19.4 bilion adalah lulus dan layak dibayar. Kenyataan ini adalah kurang tepat kerana tiada SOP GST yang menyatakan apabila tuntutan telah melalui proses RMS ia dianggap telah lulus untuk dibayar.

c) Tunggakan yang dilaporkan oleh JKDM berjumlah RM19.47 bilion dibahagikan kepada lima (5) status secara manual iaitu status 'Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar', status 'Dalam Semakan', status 'Tiada Pembekalan Bercukai', status 'Siasatan' dan status 'Pelepasan' oleh JKDM tanpa bersandarkan kepada keputusan RMS.

d) Berdasarkan tunggakan tuntutan pulang balik berjumlah RM19.47 bilion bertarikh 5 Jun 2018, terdapat permohonan tuntutan yang ditolak. Ini dibuktikan sejumlah RM2.20 bilion daripada RM2.63 bilion permohonan yang telah ditolak adalah *new refund task* di peringkat *Refund Officer*, Akauntan 1 dan Akauntan 2. Sejumlah RM0.43 bilion permohonan tuntutan pulang balik yang telah ditolak adalah merupakan tuntutan pulang balik yang tidak layak untuk dibayar. Sekiranya OKC membuat pindaan ke atas penyata tersebut dalam tempoh enam (6) tahun, penyata tersebut akan diproses semula dan *new refund task* akan dibuat oleh sistem MyGST.

e) Setakat 10 April 2019, daripada jumlah RM19.47 bilion itu, sejumlah RM5.73 bilion telah dibuat pembayaran kepada OKC dan sejumlah RM13.74 bilion adalah tuntutan pulang balik belum dibayar. Daripada jumlah RM13.74 bilion tersebut, sejumlah RM6.77 bilion berada di peringkat Akauntan 1 dan Akauntan 2 manakala sejumlah RM6.97 bilion berada di peringkat *Refund Officer* yang memerlukan semakan lanjut.

f) Isu ketidakcukupan baki Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST berpunca daripada jumlah tunggakan keseluruhan yang tidak dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST. Berikutan itu, Kementerian Kewangan tidak menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menampung jumlah tunggakan terkumpul.

Jabatan Audit Negara,
Putrajaya,
16 April 2019